# ANWAR SALAH PILIH

Ahmad Lutfi Othman

# ANWAR SALAH PILIH

Ahmad Lutfi Othman

**PENERBITAN PEMUDA**
28, Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama Oktober 1993
© Ahmad Lutfi Othman

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buki ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Pemuda.

Perpustakaan Negara Malaysia Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmad Lutfi Othman
Anwar Salah Pilih/Ahmad Lutfi Othman
ISBN 983-99829-3-1
1. UMNO. 2. Political leadership--Malaysia.
3. Malaysia-Politics and government. I. Judul
324-2595

Aturhuruf INTACT
12B, Jalan Cempaka 15,
Taman Cempaka, Ampang
68000 Kuala Lumpur

Muka Taip Teks: Palatino
Saiz Taip Teks: 10/13 poin

Dicetak oleh:
CETAK KHIDMAT & NIAGA
101, Jalan Segambut Selatan,
Kuala Lumpur

M
324.25954
AHM



Hadiah 733877 10 FEB 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Pendahuluan | 7 |
| Kepimpinan Suatu Bencana | 11 |
| "Kalau Ahli Umno Nak Sembelih Saya, Terserah!" | 19 |
| Mengapa Anwar Pilih Rahim? | 29 |
| Dari Zaman Sardon Ke Zaman Najib | 39 |
| Kebijaksanaan Menerajui Pemuda | 55 |
| Makna Agresif Menurut Syed Hamid | 59 |
| Detik Hidup-Mati Anwar Sudah Berlalu | 65 |
| Bila BPR Mahu Dakwa Rahim? | 73 |
| Tuduhan Rasuah Rahim: Apa Sikap PM? | 81 |
| Awas! Penyakit Rahim Sudah Berjangkit! | 91 |
| Kepemimpinan Umat Abad 21: Moden Dan Terpelajar | 97 |
| Rahim Dan Gadis: Lain Ditanya Lain Yang Dijawabnya! | 103 |
| Anwar Pilih "Buaya Darat"? | 107 |
| Apa Yang Rahim Idamkan? | 115 |
| Tidak Semestinya Penyokong Anwar Terpaksa Undi Rahim | 123 |
| Jangan Pilih Secara Longgok | 137 |
| Nasihat Ghafar: Kalau Nak Kahwin Rundinglah Dulu Dengan Ibu Bapa, Jangan Terus Bawa Lari! | 145 |
| Bila Anwar Ingatkan Rahim | 153 |
| Rahim Orang Anwar, Tapi... Syed Hamid Pun Orang Anwar Juga! | 167 |
| Pengarang *Watan, The Sun* Tersingkir Kerana Rahim? | 171 |
| Selepas Mahathir Disamakan Dengan Marcos, Anwar Dengan Siapa Pula? | 179 |
| Isa Tolak Sistem Minta Restu | 185 |
| Pemuda Bukan Tempat Latihan | 193 |
| Anak Singa Mengaum Semula | 201 |
| Antara Ghafar Dan Anwar, Siapa Pemimpin Dan Siapa Pula Penyesat? | 209 |
| Rafidah: Jadilah Air, Bukannya Api Kepada Minyak | 215 |
| Sebab Nazri Tidak Bertanding | 223 |
| 1996: Nazri Lawan Rahim? | 231 |

# PENDAHULUAN

Buku pertama saya, mengenai Umno, *Anwar Lawan Ghafar?* ditulis pada awal Oktober 1992. Lapan bulan kemudian, Anwar, dengan penuh kehebatan - diiringi semua menteri-menteri Umno kecuali Sanusi dan Pak Lah, dikepit semua menteri-menteri besar dan ketua menteri Umno, dan semua timbalan-timbalan menteri Umno - mengumumkan kesediaannya untuk menerima pencalonan mencabar Ghafar, bagi jawatan Timbalan Presiden Umno.

Buku saya berikutnya, *Memo Buat Bakal PM* diedarkan di pasaran, sebulan sebelum Anwar mendapat pencalonan pertama menentang Ghafar, disusuli bilangan pencalonan yang menakjubkan. Ini membuatkan umum tidak lagi membicarakan pertandingan Anwar-Ghafar, kerana sudah pasti, insya-Allah, peluang Anwar amat sukar untuk dinafikan lagi.

Justeru itu, keazaman dan tekad saya untuk terus merakamkan pergelutan Umno 1993 semakin membara, mudah-mudahan ada manfaat yang boleh dikutip darinya. Tumpuan saya beralih sebentar kepada Pemuda Umno, yang mana tiga orang calon dikemukakan, iaitu Rahim Tamby Chik, Syed Hamid Albar dan Isa Samad, semuanya dari wilayah selatan. Yang lebih

mendorong saya menulis peralihan kepemimpinan Pemuda Umno ini ialah sikap Anwar yang menerima Rahim - yang kontroversi kerana tuduhan rasuah dan pembabitannya secara tidak bermoral dengan seorang gadis Serani - sebagai regunya.

Memang benar seperti telahan teman-teman bahawa saya tidak dapat mengelak diri dari menjadikan Anwar sebagai fokus utama dalam setiap tulisan saya. Saya akui, sekiranya Anwar tidak memihak kepada mana-mana calon, saya tidak mungkin mampu menyudahkan penyusunan buku ini hanya dalam tempoh seminggu. Ramai bertanya, mengapa Anwar memilih Rahim: Apakah kerana Rahim dalam keadaan lemah dan mudah diperalatkan, ataupun untuk memastikan regu naib presidennya berjaya?

Mungkin saya dilihat lebih cenderung dengan Syed Hamid, berbetulan dengan slogannya, Bersih, Cekap dan Amanah, dan sikapnya yang dikatakan tidak bersedia menabur wang yang banyak dalam pemilihan ini. Dan sekiranya Isa tetap bertanding, potensi kemenangannya tidak boleh ditolak begitu sahaja.

Rahim dengan imejnya sekarang, meskipun diramal akan memenangi pertarungan ini - hanya kerana sokongan padu Anwar, dan tentunya diikuti sokongan Nazri Tan Sri Aziz dan Zahid Hamidi - dijangka akan bergelut lebih hebat lagi pada penggal akan datang, 1996. Begitu juga dengan Team Anwar (Najib, Muhammad Taib dan Muhyidin) dalam pemilihan tiga tahun lagi itu. Dan tidak mustahil Pak Lah akan bangkit semula.

Buku ini juga menyentuh sepintas lalu kedudukan Ghafar, yang telahpun "disembelih" ahli-ahli Umno. Apakah undi simpati kepada Ghafar meningkat setelah beliau diperlakukan seperti pembangkang lagaknya? Mungkinkah undi perwakilan lebih cenderung kepada Ghafar?

Saya kini cuba menyiapkan buku terakhir menjelang 4 November 1993, iaitu "Operasi Nyah II", dengan memberi tumpuan kepada usaha menyingkirkan Ghafar, Sanusi dan Pak Lah, seperti yang berjaya dilakukan pada tahun 1987, dengan mengetepikan Tengku Razaleigh, Musa Hitam dan Rais Yatim.

Saya juga cuba meyakini diri saya sendiri untuk cuba menampilkan buku bertajuk "Dilema Kem Anwar", akhir tahun ini. Diharapkan pembaca dapat menyokong usaha tersebut.

Terima kasih kepada semua pihak yang membantu, langsung atau tidak langsung, khususnya emak di kampung, Hajah Aishah Megat Hamzah, yang sentiasa memberi dorongan, juga isteri, Siti Hawa dan Ahmad Luqman Hakim, yang sering mengganggu - tetapi sebenarnya memberi dorongan - ketika buku ini diusahakan. Juga terima kasih kepada *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*, yang mana wawancara dengan calon-calon Ketua Pemuda, Rafidah Aziz dan Nazri Aziz, banyak membantu saya. Tidak lupa penghargaan buat penulis buku *Kepemimpinan Pemuda Umno: Antara Personaliti dan Situasi*, Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd Ali Kamarudin. Dan juga, maaf di atas segala apa yang mengguris luka di hati.

**AHMAD LUTFI OTHMAN**
2B, Jalan 13C,
Selayang Baru.
25 September 1993



Bila lagi Mahathir akan ucap selamat tinggal? Kalau orang Umno tolak Ghafar kerana tua, Mahathir pun apa kurangnya. Juak-juak Anwar, khususnya Rahim Tamby Chik, di belakang itu, menunggu dengan penuh cemas. Yang peliknya, Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu mencalonkan Syed Hamid Albar, bukannya Rahim.

# 1

# KRISIS KEPIMPINAN SUATU BENCANA

Akhir-akhir ini krisis demi krisis telah berlaku dan ia telah menjadi semacam wabak yang melanda dari negeri ke negeri, dari parti ke parti, sehingga mahu tidak mahu perhatian kita terpaksa ditarik untuk turut mengikuti perkembangan-perkembangan tersebut apalagi setelah ia menjadi pengetahuan umum. Bukanlah tujuan kita untuk mencampuri urusan rumahtangga orang lain atau untuk memihak kepada mana-mana golongan. Kita tidak punya kepentingan apa-apa. Singgungan kita terhadap permasalahan ini hanya sekadar menyorot faktor-faktor umum dan membuat jeneralisasi bagaimana sesuatu krisis itu boleh terjadi tanpa membataskan diri atau merujuk secara khusus kepada mana-mana krisis yang sedang berlaku atau baru berlaku.

Sesuatu krisis yang tercetus dalam sesebuah organisasi itu seringkali berpunca dari ketiadaan sistem kawalan yang berkesan,

satu sistem kawalan yang dapat mewujudkan keseragaman berfikir terutama di kalangan pemimpin dari segenap peringkat. Ketiadaan keseragaman berfikir inilah yang menimbulkan berbagai pertentangan sikap dan tindakan yang akhirnya mambawa kepada perpecahan. Dalam hal ini sesebuah organisasi harus mempunyai semacam program atau orientasi pemikiran ahli dengan menanamkan dasar-dasar pemikiran yang seragam.

Sebuah organisisi - apa lagi sebuah organisasi Islam - tidak seharusnya terlalu bersifat *political-oriented, action-oriented* atau *issue-oriented* dengan mengabaikan orientasi lain yang lebih asas seperti pembentukan peribadi, pembinaan mental dan pengisian spritual. Pembentukan peribadi dengan memberi orientasi iman dan amal adalah terlalu penting bagi mewujudkan disiplin diri yang berkesan. Kekuatan iman akan memanifestasikan tindakan lahir yang bersih dan sihat. Tatatertib organisasi atau disiplin parti tidak akan dapat mencegah berlakunya politik kotor atau taktik jahat jika tidak ada disiplin batin anggota-anggotanya. Samalah seperti undang-undang lalu-lintas yang tidak dapat mendisiplinkan pemandu-pemandu yang mabuk.

Di samping itu perlu juga dibina kematangan berfikir ahli-ahli supaya mereka mampu memandang jauh ke hadapan, dapat mengawal emosi di saat-saat tegang, dapat melihat dan meletakkan sesuatu masalah tepat pada tempatnya - bukan menanggapi sesuatu secara dangkal dan serampangan dan kemudiannya mudah terlanjur mengambil tindakan terburu-buru, tidak tepat sasaran, marahkan nyamuk kelambu dibakar.

Dalam rangka ini institusi syura dapat berperanan sebagai ejen kawalan dan penyelaras yang amat penting. Syura yang sihat dapat menjernihkan sebarang kekeruhan dan merongkaikan sebarang kekusutan. Syaratnya semua pihak harus ikhlas, menghadiri syura dengan fikiran terbuka - sanggup menerima kebenaran walau dari siapapun, yang penting ialah apa yang benar bukan siapa yang benar. Tetapi apa yang sering terjadi tidak demikian. Mesyuarat hanya dipanggil ketika keadaan sudah terlalu genting. Anggota-anggotanya datang dengan keputusan yang

sudah siap muktamad, dengan fikiran yang tertutup rapat, sebelum bersidang sudah lobi-melobi dan berpuak-puak. Mereka datang tidak lagi untuk mencari kebenaran tetapi sama ada untuk menyerang atau bertahan. Sementara itu ada pula sebahagiannya yang langsung enggan datang bersyura dan tidak menghormati keputusan-keputusannya.

Sesuatu krisis itu akan lebih mudah meletus jika tidak ada kesetiaan dan kecintaan yang utuh terhadap organisasi. Tanpa kesetiaan yang tulen memungkinkan berlakunya tindakan-tindakan yang merosakkan kepentingan organisasi seperti membuat kenyataan-kenyataan atau tindakan-tindakan yang mendedahkan rahsia kelemahan organisasi sendiri secara terbuka yang nanti akan dieksplotasi oleh musuh, membuat ugutan-ugutan untuk menjejaskan keutuhan organisasi dan sebagainya. Malah seringkali pula dalam suasana ketegangan krisis seseorang itu boleh menjadi suntuk fikiran sehingga sanggup dengan mudah merangkul atau dirangkul musuh yang secara hipokrit memperlihatkan simpati kepadanya. Sepatutnya dalam keadaan bagaimana sekalipun pertentangan di kalangan orang Islam harus dikawal rapi sehingga tidak menguntungkan pihak musuh.

Kesetiaan seharusnya tertumpah sepenuhnya kepada organisasi dan cita-cita perjuangannya, bukan kepada seseorang tokoh atau pemimpin. Ahli-ahli harus dididik mengenai ideologi dan dasar-dasar perjuangan serta setia dan mencintainya. Bukan diasuh agar memuja seseorang tokoh dan sedia berkhidmat kepadanya sebagai tentera upahan di saat-saat krisis.

Seterusnya krisis akan lebih mudah lagi berlaku jika sesebuah organisasi itu telah kehilangan pimpinan yang berwibawa. Pimpinan yang berwibawa ialah pimpinan yang dapat bersifat sebagai bapa dan guru yang nasihat, pandangan dan tunjuk-ajarnya dihormati dan disegani. Seorang pemimpin yang berwibawa bukan sekadar harus pintar berhujah, tetapi lebih jauh dari itu ia harus seorang yang berperibadi mulia, berilmu, wara', bertaqwa, jauh pandangan dan harus bersih dari sebarang sifat yang boleh membawa prasangka seperti hidup mewah dan seumpamanya.

Pimpinan yang telah kehilangan kewibawaannya tidak akan mampu lagi menjalankan kawalan yang berkesan - nasihatnya tidak akan dipatuhi, keputusannya tidak akan dihormati, pandangannya akan ditanggapi dengan pra-sangka, kebijaksanaan dan keikhlasannya diragui. Malah mungkin pula sampai kepada tahap kepimpinannya dicabar secara terbuka.

Kewujudan ciri-ciri pimpinan yang unggul adalah suatu kemestian jika sesebuah organisasi itu mahu stabil dan kukuh. Ia harus dapat meyakinkan anggota-anggotanya bahawa ia tidak punya kepentingan apa-apa. Ia tidak meminta kuasa selama ia dikehendaki kuasa adalah amanah bukan hadiah anugerah, ia adalah beban bukan habuan.

Sebuah organisasi yang sudah melupakan hakikat fungsi kuasa dan pimpinan akan segera ditulari penyakit rebutan kuasa dan krisis pimpinan. Yang belum berkuasa ingin merasa, yang sudah berkuasa mahu terus bertakhta dan kalau boleh mahu dibolot dan diperturunkan kepada suku-sakat dan keturunannya. Dalam suasana gila kuasa begitu tidak siapapun yang teringat kisah betapa takutnya Sayyidina Umar ibnu l-Khattab r.a. terhadap risiko seorang penguasa sehingga beliau tidak membenarkan anaknya dicalonkan menjadi bakal khalifah. Katanya: "Cukuplah seorang sahaja dari keluarga Umar yang akan masuk neraka."

Satu faktor yang memudahkan tercetusnya krisis ialah ketandusan semangat ukhuwwah di kalangan ahli. Tidak ada usaha yang sungguh-sungguh untuk cuba merealisasikan konsep ukhuwwah Islamiah yang murni itu sehingga dapat dirasakan kenikmatannya. Sebaliknya masing-masing lebih ghairah membuat rencana bagaimana mahu naik cepat. Dan untuk naik cepat mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk memijak kepala kawan. Hubungan kasih-sayang hanya wujud di kalangan kelompok-kelompok tertentu yang sama-sama ada kepentingan itupun hanya sementara - selama kepentingan masih ada. Malah seorang pemimpin seringkali hanya dihormati, ditakuti dan diampu selama ia berkuasa. Tetapi sesudah meninggalkan jabatannya ia tidak dipedulikan orang lagi.

Ketika keadaan sudah terlalu genting barulah kedengaran seruan-seruan penyelesaian secara ukhuwwah islamiah. Maka pihak-pihak yang terlibat pun diukhuwwahkan, bersalam-salaman dan bermaaf-maafan. Tetapi seringkali pula hal itu tidak lebih dari sekadar suatu sandiwara murah. Selepas itu mereka kembali bercakaran lagi, kecam-mengecam dan dedah-mendedah lagi. Kadang-kadang apa yang didakwakan sebagai mahu membuktikan kebenaran itu sudah menjadi hanya omong kosong sahaja. Apa yang sebenarnya terjadi ialah pendedahan kesalahan dan keburukan lawan, sehingga kemenangannya tidak bergantung kepada kebenaran dirinya tetapi lebih bergantung kepada keupayaannya menunjukkan keburukan pihak lain.

Dalam menghadapi sesuatu krisis kadang-kadang diusulkan penyelesaian secara Islam. Walhal krisis itu timbul dari suasana dan latabelakang yang tidak Islam. Puncanya, prosesnya dan motifnya, semuanya tidak Islam. Dalam keadaan demikian penterapan kaedah Islam tidak akan membawa penyelesaian yang sebenar. Aplikasi formula Islam tidak harus hanya pada titik dan tahap tertentu sahaja, tetapi harus dilaksanakan dari mula hingga ke akhir.

Dalam konteks ini barangkali ada manfaatnya kita menelaah semula peristiwa pemecatan Khalid ibnu l-Walid r.a. dari jabatannya sebagai panglima tertinggi angkatan tentera Islam yang dilakukan oleh Khalifah Umar ibnu l-Khattab r.a. Pemecatan tersebut adalah satu peristiwa sejarah yang sangat mengkagumkan, peristiwa yang menayangkan keunggulan peribadi pejuang fi sabilillah. Dalam perhitungan rakyat biasa tentu sahaja pemecatan tersebut merupakan suatu tindakan yang tidak dimengertikan kebijaksanaanya. Bagi mereka Khalid dengan sifat kepahlawanannya yang luar biasa itu merupakan orang yang paling tepat untuk jabatan panglima agung dan tidak sebab yang jelas mengapa ia harus dipecat. Tetapi Umar dengan ketajaman pandangannya dapat melihat apa yang orang lain tidak mampu melihatnya. Lalu beliau mengambil tindakan pemecatan tersebut dengan bertawakkal bulat kepada Allah dan mentuluskan niat

untuk mencari keredhaan-Nya semata. Khalid r.a telah menerima pemecataan tersebut dengan hati yang lapang. Dengan penuh rela diserahkan jabatannya kepada pengganti yang baru ditauliahkan oleh Umar iaitu Abu Ubaydah ibnu l-Jarrah r.a. Khalid sendiri barangkali tidak tahu dengan pasti mengapa ia dipecat. Tetapi seperkara yang jelas ialah bahawa beliau tidak meragui keikhlasan Umar, menghormati kewibawaan pimpinannya dan meyakini bahawa pemecatann tersebut adalah untuk kebaikan jua, tidak kerana sebarang motif jahat. Kerana itu Khalid dengan spontan patuh kepada perintah Umar dan tidak terlintas langsung sebarang tindakan penentangan dan kerana itu tidak menghebohkannya kepada orang ramai dengan serta-merta, khuatir ia akan menimbulkan reaksi yang tidak menyenangkan. Dan setelah diserahkan jabatannya kepada Abu Ubaydah r.a., Khalid r.a terus berkhidmat dengan setia di bawah pimpinan baru dan semangat baru dan perjuangannya tetap utuh, sama seperti ketika beliau menjadi panglima. Komen spontan yang diucapkan menampakkan ketulusan hatinya: "Aku berjuang kerana Allah bukan kerana Umar."

Di pihak Abu Ubaydah r.a. tidak pula menampakkan kerakusannya kepada kuasa, beliau akur agar perlantikannya dirahsiakan buat beberapa ketika. Sementara itu pihak tentera dan umat Islam pula telah menerima perubahan tersebut dengan tenang, tidak ada yang membantah, mereka yakin bahawa Umar telah bertindak dengan teliti dan penuh tanggungjawab. Mereka merelakan pemecatan Khalid r.a, sebagaimana Khalid r.a. sendiri merelakannya, dan mereka juga menerima perlantikan Abu Ubaydah r.a. sebagaimana Khalid r.a. sendiri menerimanya dengan ikhlas, sementelahan pula kewibawaan Abu Ubaydah r.a sememangnya tidak pernah dipertikaikan dan merupakan alternatif yang tepat kepada Khalid r.a.

Demikianlah berlalunya satu peristiwa besar yang terus abadi dalam rakaman sejarah, menjadi lambang keunggulan umat yang ikhlas mengabdi dan berbakti hanya kepada Allah, hormat kepada pimpinan dan setia keada pimpinan perjuangan. Sesungguhnya

bertuahlah umat yang sedia belajar dari sejarah ini baik yag berkedudukan sebagai Umar, Khalid, Abu Ubaydah r.a. ataupun umat generasi yang terlibat.

---

Bab ini dipetik dari rencana Pengarang Risalah (lidah rasmi ABIM), di waktu Anwar Ibrahim menjadi Presiden ABIM.



Anwar, anak muda yang tampan dan kacak, begitu hebat berlatih. Natijahnya, teruk Ghafar diperlakukannya. Selepas Ghafar, siapa lagi? Mungkinkah Mahathir?

# 2

# "KALAU AHLI UMNO NAK SEMBELIH SAYA, TERSERAH!"

Kata Ghafar, kalau orang nak sembelih dia, sembelihlah. Ya, "sembelihlah" Ghafar, biarlah dunia saksikan bagaimana gelagat anak-anak muda Umno terhadap pemimpin mereka, yang dikatakan tua, tidak berwawasan, tidak banyak idea, tidak bijak mentadbir. Arus deras lagi menggila ini tidak lagi dapat disekat. Anak-anak muda dalam Umno, yang sebahagian besarnya belum lagi lahir ketika Ghafar menabur dan menyemai bakti kepada Umno, semakin ghairah menunggu peluang merebut jawatan, pangkat, kuasa, pengaruh dan sekali gus membolot segala khazanah kekayaan negara.

"Selepas mereka memalukan Ghafar, dengan memeriahkan pesta pengumuman Anwar menentang Ghafar, dan kemudiannya mencalonkan Anwar menentang orang tua itu, kini mereka mahu memalukannya lagi dengan kenyataan meminta Ghafar menarik diri," kata seorang penyokong Ghafar. Seperti kata Rafidah Aziz:

"Tak payah kita yang muda-muda cuba nak mengajar yang tua-tua apa nak dibuat.... Malangnya orang yang kononnya penyokong kuat Anwar, yang muda-muda, yang lahir selepas Ghafar masuk Umno, berbuat demikian. ... kalau kita sokong kita berikan undi, tak payahlah kita perkecilkan mana-mana pihak."

Mereka ini - seperti kata Mahathir sendiri, kata seorang Perdana Menteri, kata seorang Presiden Umno, kata seorang pemimpin yang berwawasan, yang membawa Anwar ke dalam Umno dan memberi Anwar segala yang diperlukan untuk menjadi seorang PM - bukannya menyokong Anwar tetapi menyokong diri mereka sendiri. Mereka mahu mengetepikan orang-orang lama, orang-orang yang kebetulan lahir dahulu untuk berbakti kepada Umno (seperti kata Sanusi), kerana mereka tahu kedudukan dalam Umno adalah pedang sakti bagi mendapatkan segala-galanya. Namun begitu, tidak dinafikan ada juga, yang tersisa, di kalangan anak-anak muda Umno ini, yang masih mempunyai keikhlasan dalam perjuangan (ya, keikhlasan cara Umno!). Mereka mahu membuat perubahan, bukannya kerana didorong ketamakan kuasa, tetapi mahu mengangkat martabat negara, mahu menjadi kuasa besar, seperti impian Mahathir sendiri. Barulah negara ini dihormati, digeruni, dikagumi, dan dirasakan kehadirannya dalam apa jua isu antarabangsa. Malaysia bukan lagi negara terpencil yang boleh diibaratkan seperti melukut di tepi gantang, ada tidak bertambah, pergi tidak berkurang. Ini bukan angan-angan. Ini bukan impian kosong. Ini bukan ledakan nafsu besar.

Tetapi berapa keratkah bilangan mereka seperti ini dalam Umno? Umno yang kini bergolak hebat, berbaling kerusi dalam mesyuarat, bertumbuk hingga darah mengalir ke pipi, fitnah dan tohmah bersimpang-siur; apakah masih ada jiwa yang segar bugar, nurani yang putih bersih, hati yang kudus tulus, yang mungkin terselinap di tengah-tengah kekalutan dan kegawatan maha hebat ini? Apakah ketamakan kuasa sudah bagai anjing gila meratah daging-daging mongel anak-anak muda ini dalam Umno? Apakah sebegini kotor permainan politik Umno? Sedangkan Anwar yang dikatakan membawa imej dan misi Islam, turut tertimbus di dalam

kacau-bilau agung ini, bukan kerana Anwar menjadi mangsa, tetapi ikut memangsakan orang lain. Politik wang, rasuah politik, ancaman dan ugutan, dikatakan menjadi budaya kempen kem Anwar. Ya, mengapa seorang yang dulunya dikenali sebagai anak muda yang tegas menentang rasuah, ketidakadilan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, kini dihimpit dan diasak dengan tuduhan yang cukup hebat? Mengapa pemimpin muda ini, yang dahulunya menentang faham "matlamat menghalalkan cara" kini dikatakan cukup seronok mengamalkannya? Kata seteru politik Anwar: "Apa yang Anwar tidak lakukan demi mencapai takhta seorang PM?" Apakah semua prinsip dikorbankan kerana ingin mengejar kedudukan no. 1 itu, dengan alasan, hanya bila berada di atas kerusi no. 1 barulah segala yang diimpikan selama ini tercapai?

Inikah makna politik Umno zaman penerapan nilai-nilai Islam? Ataupun memang itu makna politik yang sebenarnya, penuh dendam, penuh fitnah, penuh kezaliman, penuh diskriminasi, penuh eksploitasi, "yang naik disokong, yang jatuh dihentam tambah". Benarkah kata orang: "Kalau tak sanggup menjadi oportunis, kalau tak sanggup bermain kotor dan menggunakan tipu helah, jangan cuba-cuba terjun ke dunia politik Umno. Kuasa kini lebih ditentukan oleh wang dan tipu helah politik." Mengutip tulisan Noor Azam, 20 tahun dahulu, yang mengisahkan perihal politik wang di mana ketoloi-ketoloi politik lokal menjadi orang mewah: "Satu contoh pendidikan sivik yang amat berkesan untuk membawa keruntuhan moral rakyat!" Tambahnya, dan makin hari, pemimpin atau bakal pemimpin yang baik tetapi miskin, tidak akan berani masuk politik, kecuali setengah orang yang masih *excited* nak jadi *politician*, atau yang boleh menjadikan politik sebagai jambatan kekayaan. "Pemimpin yang *membeli* dengan mudah pula akan *dibeli*. Akhirnya yang kaya, meskipun tak punya kekuasaan politik, akan menguasai yang punya kekuasaan," tulisan Noor Azam sempena menyambut perhimpunan agung Umno ke-25.

Noor Azam - yang kini seorang pedagang (tokoh korporat

sebenarnya) yang berjaya kerana naungan politik yang hebat - menulis pada tahun 1977: "Politik kita (Umno) menjadi semakin agresif, semakin kasar dan berunsur ganas. Gelanggang politik kita (Umno) sudah mulai mirip gelanggang laga ayam, di mana salah seekor dari ayam sabungan - Si Jalak atau Si Jantan - mesti rebah berlumuran darah. Nilai-nilai tradisi Melayu, segan-silu, kenang-mengenang budi dan jasa, sudah kian hancur. Kesetiaan kepada pimpinan yang dilambangkan oleh ungkapan "Anak Melayu pantang derhaka" tidak ada lagi."

Seterusnya beliau mencatat (1978): "Pemimpin (Umno) yang menggantungkan dirinya kepada wang, yang suka bermain dengan wang, pasti terpaksa mencari banyak wang. Dari mana ia mencari wang yang sedemikian banyak dan yang dibelanjakan dengan sedemikian mudah, adalah menjadi tanda tanya besar pula. Selanjutnya jika ia sudah membelanjakan wangnya sendirilah, pastilah pula ia akan berusaha mendapatkan kembali wang yang dibelanjakan itu. Ertinya jika modal politiknya ialah wang, maka ia pastilah akan berusaha mencari keuntungan dalam bentuk wang pula. Lantas politik sudah merupakan usaha dagang atau politik dagang."

Dalam konteks pertentangan antara Anwar dan Ghafar, faktor pelabur, terutamanya dari taukeh-taukeh Cina, yang menghamburkan wang untuk dana "peperangan terbuka" ini amat penting. Anwar mempunyai banyak kelebihan, selain kedudukannya yang rapat dengan PM dan jawatannya sebagai Menteri Kewangan, usianya yang muda begitu membantunya. Subky Latif (September 1991) mengungkapkan hal dengan baik sekali: "Para peniaga Cina kini dikatakan sangat berminat untuk menentukan keadaan kerana mereka mahu memastikan bahawa politik masa depan dapat mereka corakkan dan supaya peluang perniagaan bagi mereka terjamin. Setakat ini di kalangan peniaga Cina diyakini menyokong Menteri Kewangan dan akan mengusahakan kemenangannya. Para peniaga Cina mungkin lebih senang dengan Timbalan Perdana Menteri yang satu masa dulu pernanh memangku jawatan pimpinan MCA secara teknikal. Dan

rakan niaganya yang ramai di kalangan saudagar Cina menyebabkan Cina terasa bahwa seleranya hampir menyenangkan mereka.

"Bagaimanapun yang mempengaruhi psikologi peniaga Cina ialah praktikal, realiti dan pragmatik. Sekalipun selera tadi lebih dekat kepada En. Ghafar Baba tetapi usia dan kesihatan beliau ikut mereka perhitungkan. Bagi mereka jika mereka mahu berperanan bagi menentukan siapa yang akan menang nanti, maka mereka mesti melabur. Pelaburan yang akan dicurahkan pastinya besar. Justeru itu perkiraan yang berbangkit bahawa pelaburan hanya boleh dicurahkan bila peluang mendapatkan semula wang yang dicurahkan tadi terjamin. Timbalan Perdana Menteri tidak cerewet untuk memenuhi kehendak itu tetapi ia banyak bergantung kepada kesihatannya. Memandangkan usianya dan kesihatannya, maka yang mempengaruhi imiginasi mereka ialah bimbang takut tidak sempat memungut pulangan, maka mereka terpaksa membuat pelaburan baru pula. Memandangkan usia antara TPM dan Menteri Kewangan, maka pihak pelabur sentiasa menaruh harapan kepada pihak yang lebih muda kerana ghalibnya peluang berurusan dengan yang muda memberi harapan yang lebih panjang dan lama.

"Menteri Kewangan lebih beruntung kerana dia muda. Tempoh bulan madunya dengan pihak yang melabur dirasakan lebih panjang dari yang mereka boleh perolehi dari TPM. Jangkaan ini menyebabkan peniaga-peniaga Cina mulai memberi perhatian untuk membantu Menteri Kewangan. Mereka tahu bahawa menteri itu ada wawasan. Mereka tidak pasti apakah wawasan beliau itu cocok dengan kemahuan mereka atau tidak. Tetapi memandangkan tenaga yang masih segar dan masanya banyak, maka saudagar-saudagar Cina tidak mahu membuang peluang untuk berdekat-dekat dengannya. Jika mereka (saudagar Cina) menyokong TPM, kemenangannya hanya boleh memberikan keuntungan sementara. Mereka terasa waktu menikmati keuntungan itu terhad. Dan risikonya tetap ada kerana selepas itu terpaksa melabur lagi dalam waktu yang segera sedang antaranya belum lagi mendapat

pulangan modal dan jauh dari mendapat untung yang banyak. Tak dapat tidak mereka akan berhadapan pula dengan Menteri Kewangan yang masih segar dan punya banyak masa. Jika mereka tidak dapat memenangi hati Menteri Kewangan selepas itu, maka hubungan yang tidak baik itu boleh memakan masa yang panjang."

"Sebaliknya," kata Subky, "jika mereka (saudagar Cina) menyokong Menteri Kewangan, kemenangannya akan memudahkan mereka memenangi wawasannya. Sekalipun wawasan itu tidak dapat dilihat padan dengan kemahuan saudagar Cina, tetapi pelaburan mereka boleh mempengaruhi sasaran wawasan itu. Dan risiko menghadapi risiko politik dari pihak yang kalah (Ghafar) juga tidak besar. Jika pun risiko itu ada, ia terhad dan bersifat sementara. Jika mereka menyokong Menteri Kewangan, kemungkinan mereka akan mengulangi kempen yang sama akan kurang. Bagaimanapun sebagai ahli perniagaan saudagar Cina tidak akan berdiam diri dalam pemilihan itu kerana mereka mahu jaminan peluang kemajuan untuk mereka. Sekalipun kedua-duanya (Anwar dan Ghafar) boleh menjamin peluang kemajuan untuk mereka, tetapi mereka mempunyai cara sendiri untuk memastikan jaminan itu lebih menguntungkan."

Semasa tercari-cari makna sebenar yang berlaku dalam percaturan Umno kini, saya terjumpa buku Shahnon Ahmad, *Kesasterawanan, Kepolitikan, Kealaman, Kedirian, Kemanusiaan*. Shahnon, tanpa silu, meluahkan rasa jeliknya terhadap ragam ahli-ahli politik, terutama dalam hubungannya dengan kemanusiaan: "Asasnya adalah mentah dan majal kerana kemanusiaan dalam kepolitikusan adalah benda dan diperuntukkan khusus untuk diperalatkan dan diperkudakan. Peranan sebagai alat dan kuda ini memang tidak pernah diketarakan kerana sengaja disiratkan melalui sogokan-sogokan benda, janji-janji yangh tidak pernah terpenuhi dan tuntutan-tuntutan yang hanya bermain pada paras fizikal. Kemanusiaan dalam kepolitikusan hanya berkisar pada ciri fizikal semata yang kurang jelas aspek emosinya, pemikirannya, wawasannya dan juga komunikasinya."

Kata Shahnon lagi: "Jarak antara seorang tokoh politik dengan

watak-wataknya atau rakyatnya adalah jarak yang nampak dekat dan mesra tetapi sebenarnya jauh dan kering kerana yang seorang hanya tegak sebagai pemberi sedangkan golongan rakyat hanya tegak sebagai penerima. Emosinya tidak diizinkan hidup dalam kepolitikusan kerana akan tiba masanya, emosi akan menjahanamkan status kepolitikusan itu sendiri. Emosi dibenamkan terus, malah dibunuh dalam keadaan yang tertentu bilamana sesuatu kesimpulan hendak diambil."

Tambahnya: "Rakyat jarang-jarang dibenarkan berfikir dalam kepolitikusan kerana pemikiran yang tersusun mencabar politikus itu sendiri. Pemikiran membawa kepada tindakan. Dan tindakan biasanya diselesaikan dengan penegakan kebenaran dan pembunuhan kebatilan. Dan proses ini dengan sendiri amat ditakuti oleh kepolitikusan kerana itu adalah jalan kehakisan dan penamatan kerjayanya. Secara teorinya memanglah rakyat diberi kebebasan ... kerana teori itulah sistem kepolitikusan itu diberinya nama jolokan yang terkenal iaitu demokrasi, tetapi realitinya, para rakyat ditutup mulut mereka rapat-rapat, bukan dengan kancing besi waja atau dengan sendalan pasak yang kukuh tetapi dengan janji yang jarang-jarang ditepati dan dengan subsidi biasa yang kecil-kecilan dan murah-murahan sehingga tidak membawa makna apa-apa pun. Rakyat tidak boleh berdialog, bermonolog, tidak boleh berkembang daya fikiran mereka, tidak boleh berbiak daya kreativiti dan persepsi mereka."

Tidak cukup dengan itu, Shahnon terus bermadah: "Kematangan dalam kelolaan emosi dan pemikiran pasti akan melahirkan gagasan-gagasan baru, daya-daya baru yang mungkin mencabar si politikus itu sendiri. Lebih-lebih lagi kalau rakyat bangun dan mengepal tinju untuk memastikan kebenaran dan memusnahkan kebatilannya yang sudah ditentukan oleh emosi dan pemikiran yang matang itu. Perwatakan atau rakyat dalam kepolitikan tidak boleh dibiarkan berkembang sehingga sampai ke tahap mengepal tinju. Biar perwatakan atau rakyat itu tinggal seperti kerbau dan lembu kerana itu lebih memudahkan cara dan lebih menyenangkan tokoh. Inilah kekasaran dan kehodohan alam kepolitikusan di

mana-mana pun. Mereka melaungkan pembangunan tetapi serentak dengan itu mereka sebenarnya melaungkan keruntuhan. Mereka menggawangkan kehalusan dan keindahan tetapi yang sebenarnya mereka menggawangkan kekasaran dan kehodohan. Mereka memanifestokan kemanusiaan dan kemajuan tetapi yang nyata mereka hanya mengharapkan kebadutan dan kekerbaulembuan saja. Dan seperti di mana-mana pun dalam sejarah besar dunia dan sejarah pinggir paya-paya, kesejahteraan para badut dan para kerbau lembu hanya kekenyangan perut yang berbungkus belulang kasar itulah. Segala kehalusan terhakis. Segala keindahan dibunuhnya."

Shahnon juga menyinggung masalah wawasan: "Wawasan adalah cita-cita, harapan-harapan dan matlamat yang bakal tercapai melalui renungan yang mendalam, penerokaan yang tuntas dan penganalisisan yang benar-benar terperinci. Dunia kepolitikusan adalah dunia berwawasankan kesementaraan dan kependekan. Paling jauh hanya beberapa detik saja kerana dia tidak boleh menjangkau jauh dari itu. Akan hilang paduannya, akan luput kegigihannya dan mungkin terpadamkan semangatnya yang nampak berkobar dan berdebar itu tetapi sebenarnya cuma kesementaraan. Wawasan juga bukan boleh dilihat secara serpihan melalui pecahan-pecahan kata dan pecahan cara seperti yang dipraktikkandalam alam kepolitikusan. Ia terkesan melalui landasan dan cara yang global, yang syumul. Diperhitungkan keberkesanannya menerusi integrasi yang pelbagai; termasuk landasan yang dipegang, kaedah yang jelas lagi tidak bersalahan dengan kebenaran hakiki dan juga matlamat yang berpusatkan aspek spritual kemanusiaan, juga fizikalnya. Wawasan itu perlu berpusatkan manusia itu sendiri yang meliputi peranan dan tugasnya diadakan dan dihidupkan."



Ghafar kelihatan begitu selamba menghadapi pengundi Johor Bahru dalam pilihan raya kecil, yang mana Shahrir Samad menang dengan cemerlang sekali. Turut serta wira Melayu Baru, Muhammad Muhd Taib. Waktu itu siapa berani hadapi kebangkitan rakyat di Johor Bahru? Ghafarlah yang ke hulu dan ke hilir, Mahyudin diberitakan menangis melihat kegigihan Ghafar. Sekarang, siapa lagi ingat jasa-jasa Ghafar ketika itu.



"Bila lagi Mahathir nak letak jawatan ni." Anwar nampaknya tidak sabar-sabar lagi menunggu saat menduduki takhta di Sri Perdana yang masih kebal itu. Rahim hanya menunggu tuah. Wan Mokhtar sekadar tersenyum, nasibnya belum tahu. Ramli Ngah Talib (kiri sekali) sudah mula risau, maklumlah saat-saat akhir baru memihak kepada Anwar.

# 3

# MENGAPA ANWAR PILIH RAHIM?

Apabila mendengar risik-risik berita bahawa mesyuarat pemimpin-pemimpin utama Pemuda Umno (termasuk Najib) bersetuju menerima Abdul Rahim Tamby Chik sebagai pengganti Najib, saya tertanya-tanya, apakah Anwar bersetuju dengan pilihan itu. Dan saya pasti, tentunya lebih ramai lagi yang tertanya-tanya persolan yang serupa.

Lantas saya menghubungi seorang teman lama, kini aktivis Pemuda Umno. Diberitakan beliau rapat dengan Najib dan Zahid Hamidi, Ketua Penerangan Pemuda Umno, yang juga Setiausaha Politik Najib. Malangnya beliau tidak ada di pejabat.

Saya cuba mengandaikan, kiranya Pemuda Umno yang diterajui oleh Najib, Nazri dan Zahid bersedia menerima Rahim, tentunya Anwar telah dirujuk dalam hal ini. Hubungan Anwar dengan Pemuda Umno cukup intim dan rapat. Pengaruhnya cukup

besar dalam pergerakan itu.

Soalnya, mengapa Anwar boleh memilih Rahim? Rahim dengan imejnya yang kontroversi, terutama hubungannya dengan skandal seks dan tuduhan rasuah oleh pembangkang, tentulah tidak begitu sesuai digandingkan dengan Anwar. Bukankah Anwar mahu dikenali sebagai tokoh yang tidak pernah bertolak ansur dengan rasuah dan penyelewengan?

Tentunya kita masih ingat ucapan lemak merdu tetapi penuh ketegasan Anwar pada 26 September 1986: "Kita (Pemuda Umno) menuntut agar Biro Pencegah Rasuah diperkukuhkan, dengan tambahan kuasa dan jentera yang cukup terlatih dan berkesan. Tidak ada sesiapapun yang harus dikecualikan, tidak kira kedudukan, pangkat dan kekayaan, sama ada pemimpin politik, pegawai atau pengusaha. Kita sudah jemu dan benci mendengar kisah-kisah sogokan yang dilakukan oleh "ikan besar" dan "ikan kecil" dan kita harus mengejar, menangkap dan menghukum mereka."

Apakah Umno sudah begitu tandus dengan bakat-bakat muda bagi menyediakan barisan kepemimpinan yang mantap, tahan uji, berwawasan, banyak idea, dan berakhlak mulia? Benar, Rahim tidak pernah didapati bersalah oleh mahkamah mengenai tuduhan memiliki harta yang begitu banyak, tetapi siapa yang tidak tahu setakat mana kuasa Biro Pencegah Rasuah? Meskipun skandal seksnya terdedah tetapi kemudiannya ditutup, tetapi yang lebih penting imej Rahim telah tercemar. Dan Rahim pula tidak pernah melenyapkan imejnya yang buruk itu, terutama berkaitan dengan seks.

Anwar (1986) juga menekankan: "Kita juga menuntut agar tokoh-tokoh politik yang terjebak dengan rasuah politik dan rasuah moral, kemaksiatan dan rendah akhlak disingkirkan daripada kedudukan mereka. Apakah mampu kita memenuhi aspirasi perjuangan parti, membina bangsa yang bermaruah dan masa depan yang gemilang, sekiranya pimpinan di semua peringkat tidak padu dan tidak sepakat untuk membina negara ke arah yang lebih cemerlang."

Sementara menunggu panggilan teman lama saya itu, seorang

bekas wartawan akhbar politik, juga teman lama, berkunjung ke pejabat.

"Tulis buku baru?" tanyanya mesra. Memang, selepas saya menulis *Anwar Lawan Ghafar?*, ramai teman-teman bertanyakan hal yang sama.

"Adalah sikit-sikit, mahu bersama memeriahkan perhimpunan Umno."

"Kau nak bantai siapa pula kali ini ... Anwar lagi?"

"Siapa lagi? Bukankah Anwar bakal Perdana Menteri negara kita? Anwar mesti ditegur, dan kalau perlu dikritik, disindir, dilanyak. Semuanya untuk kebaikan Anwar juga. Aku yakin, sehebat mana pun aku hentam Anwar, ia tidak akan mengubah undi perwakilan."

"Kenapa tak kritik Ghafar sama, barulah adil."

"Mana ada keadilan dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno?"

"Nanti orang tuduh kau sokong Ghafar, Pak Lah dan Sanusi."

"Katalah apa orang nak kata. Sebenarnya aku sengaja tak mau usik Ghafar kerana... seperti kata orang, buat apa pukul kuda yang sudah mati. Kuda mati tidak akan dapat bingkas bangun untuk berlari lagi, walau sehebat mana dipukul. Lebih baik pukul kuda muda yang tangkas dan cukup bertenaga ini."

"Apa tajuknya?"

"Aku belum pasti, tapi antara tajuk *Rahim Gugat Anwar?* ataupun *Anwar Salah Pilih?*

"Rahim..."

"Rahim Tamby Chik... Ketua Menteri Melaka yang popular dengan skandal seks tu?"

"Macam mana pula Rahim yang begitu lemah, yang akan hanya jadi *yesman* kepada Anwar, boleh menggugatnya?"

"Aaa... inilah yang menariknya. Mengapa Anwar pilih Rahim, sedangkan Anwar sendiri tahu Rahim banyak problem, banyak masalah, dan masalah Rahim itu boleh tempias kepada Anwar?"

"Lutfi, aku tanya kau, kenapa kau pilih tajuk *Rahim Gugat Anwar?*, tiba-tiba kau pula bidas balik."

Saya cuba menjawab dengan senyuman. Saya tahu teman saya ini bukannya suka sangat dengan Anwar. Tetapi tidak pula bererti yang dia sukakan Ghafar. Katanya, jika digandingkan Anwar dan Ghafar, tentulah dia tidak berfikir panjang untuk memilih Anwar. Bagaimanapun, Anwar juga banyak cacatnya, banyak kelemahannya.

"Aku pilih tajuk ini kerana aku sendiri hairan bagaimana bekas Presiden ABIM boleh berkawan dengan seorang yang kaki betina, seorang yang dipersoalkan secara terbuka akhlaknya. Mengapa tidak dipilih tokoh lain?"

"Cakap baik-baik sikit Lutfi. Kalau pun Rahim pernah terlibat dengan skandal seks, tidak semestinya dia tidak bertaubat. Allah Maha Pengasih lagi Maha Pengampun."

"Kau yakin Rahim dah taubat?"

Teman saya itu nampaknya mengaku kalah. Katanya, Rahim tidak menunjukkan ciri-ciri bahawa dia sudah bertaubat dan meninggalkan amalan buruknya dahulu.

"Apa kau tanya tadi?" Beliau kembali kepada persoalan asal, sambil membelek-belek buku *Anwar Lawan Ghafar?* yang bersepah di atas meja kerja saya. Beliau berminat dengan bab bertajuk "Apa Lebihnya Anwar? Apa Kurangnya Ghafar?" Buku itu saya tulis pada Oktober 1993, sepuluh bulan sebelum Anwar umumkan dia akan cabar Ghafar.

"Mengapa Anwar pilih Rahim?"

"Senang saja ... kau sendiri dah sebut tadi."

"Jangan main-main. Aku yang tanya kau."

"Bukankah kau sendiri yang kata tadi. Rahim pemimpin yang lemah. Rahim lemah kerana imej dan rekod peribadinya yang buruk. Rahim hanya akan mengikut apa saja kata Anwar. Rahim tidak akan membawa banyak masalah kepada Anwar. Rahim tidak akan berani dedahkan penyelewengan Anwar - kalau Anwar menyeleweng - kerana Rahim sedar dia sendiri cukup banyak masalah."

"Itu saja?"

"Anwar tidak mahu pemimpin yang kuat di bawahnya.

Anwar mahu mereka sentiasa berasa terikat dengannya seperti lembu yang dicucuk hidung. Lagipun, cuba kau sebut siapakah tokoh yang boleh Anwar pilih untuk lawan Syed Hamid. Muhammad Muhd Taib sudah berangan-angan nak jadi Naib Presiden, macam itu juga Muhyidin. Annuar Musa tersilap pilih kem dan terlewat menyokong Anwar."

"Maknanya ... Anwar mahukan Pemuda yang lemah dan lumpuh pergerakannya supaya dia boleh buat apa saja tanpa takut dikritik. Itu maksud kau?"

"Tidaklah macam itu," jawab teman saya itu, sambil menambah, "Anwar mahu pastikan Ketua Pemuda Umno terus setia padanya. Syed Hamid mempunyai rekod buruk. Syed Hamid pernah menentang Anwar. Syed Hamid juga ada hubungan dengan Musa. Musa, walaupun sudah bersara dari politik, tetap dianggap musuh oleh Anwar. Musa adalah satu-satunya musuh politik yang digeruni Anwar. Yang lain, macam Sanusi dan Pak Lah ... dalam poketnya saja."

"Ramai juga juak-juak dan tukang kipas Anwar sekarang ini pernah menjadi musuh ketatnya satu waktu dulu," saya cuba menduga hujahnya. Benar, teman saya ini tidak akan mengaku kalah. Memang itu sifatnya.

"Dalam hal itu Anwar perlu sokongan semua pihak dan Anwar tidak punya banyak pilihan. Sekarang Anwar boleh pilih antara Syed Hamid ataupun Rahim. Syed Hamid bukanlah bersih sangat, walaupun dia pilih slogan Bersih, Cekap dan Amanah. Slogan itu cuma satu sindiran pedas kepada Rahim yang dikaitkan dengan rasuah dan kaki perempuan. Tapi kalau dibandingkan dengan Rahim, Syed Hamid lebih baik, sekurang-kurangnya untuk waktu ini. Jadi buat apa Anwar perjudikan masa depannya dengan biarkan Syed Hamid menang."

"Jadi, Anwar nampaknya memanfaatkan kesalahan orang lain untuk kepentingan dirinya. Seperti apa yang Anwar buat kepada Muhammad Rahmat, bekas penyokong kuat Ghafar, yang kini terpaksa beralih kem kerana kes... kata orang berunsur rasuah?"

"Alah ... bukan kau tak tahu siapa guru Anwar, Lutfi?"

"Mahathir?"

"Siapa lagi. Cuba kau teliti bagaimana Mahathir perangkap musuh-musuh politiknya. Cuba kau sebut sudah berapa ramai tokoh-tokoh negara yang dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah. Segala kesalahan mereka dijadikan umpan untuk menutup mulut mereka. Ketua Menteri Sabah, Pairin Kittigan hanya didakwa setelah keluar Barisan Nasional sedangkan apa yang didakwa kesalahannya itu dilakukan semasa PBS bersama BN. Percayalah, Mahathir tak akan bawa tokoh-tokoh utama yang rasuah ke depan mahkamah. Tengoklah apa jadi dengan Samy Vellu. Anwar, sebagai anak didik Mahathir, tentu tidak akan melepaskan ilmu pedang sakti ini."

"Apa yang Anwar jeritkan tujuh tahun lalu kini terkena batang hidungnya sendiri."

"Itu semua nostalgia Lutfi .... Itu zaman sebelum dapat kuasa ... Sekarang Sri Perdana dalam genggaman. Tapi, apa madah Anwar yang kau maksudkan?"

Saya menunjukkan ucapan dasar Anwar di perhimpunan agung Pergerakan Pemuda Umno, 1985: "Kita harus insaf bahawa di kalangan tokoh-tokoh politik yang kini masih berjaya sekalipun, terdapat gejala memberi undi, menipu, mengugut, hidup dengan sikap berpura-pura; menggunakan jentera kerajaan untuk memelihara kepentingan sukuan, dan menjadikan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja sebagai hulubalang dan askar upahan."

Tidak puas hati dengan penjelasannya, saya bertanya: "Nanti, di bawah Rahim, Pemuda Umno tidak lagi dapat dihormati."

"Apa kau ingat Pemuda di bawah Najib... atau Anwar sekalipun dihormati? Sudahlah, semua jadi *yesman* dan peranan itu tentunya tidak sukar untuk dimainkan oleh Rahim. Anwar jelas menjadi *yesman* kepada Mahathir. Pernah kau dengar Anwar kritik Mahathir dalam isu-isu yang membabitkan penyelewengannya, seperti kes Tun Salleh Abas, tahanan tanpa bicara, pembabitan Umno dalam bisnes dan banyak lagi. Lagipun, Rahim nanti akan dikelilingi oleh juak-juak Anwar dan Najib, iaitu Zahid dan Nazri.

Dua orang inilah yang sebenarnya akan memimpin Pemuda. Rahim tidak bebas berbuat sesuatu tanpa restu Zahid dan Nazri. Anwar pun bersetuju memilih Rahim kerana yakin dengan Zahid dan Nazri."

Teman yang saya katakan rapat dengan Najib dan Zahid pun memberi jawapan yang lebih kurang sama. Katanya, Rahim dipilih kerana beliau antara yang awal memberi sokongan kepada Anwar bagi mencabar Ghafar. Sokongan Rahim terhadap Anwar tidak boleh dipertikai lagi.

"Maknanya Anwar juga mahukan pak turut, bukannya tokoh yang kritis dan berakhlak," saya ingin mendengar hujahnya lagi. Tapi dia tidak menjawab. Dulu teman saya ini aktivis PAS. Pernah beliau berkata: "Kalau nak perjuangkan soal akhlak jangan masuk Umnolah." Saya yakin, jika diberi peluang, beliau juga tidak akan menyokong Rahim. Tapi... apa nak buat, Rahim yang Anwar suka, sokong sajalah.

"Pemuda Umno sendiri tahu siapa Rahim. Mereka tahu, dari segi ketokohan, Syed Hamid lebih tertonjol. Tapi, salah Syed Hamid sendiri kerana silap pilih kem. Syed Hamid begitu terlewat isytihar sokongannya terhadap hasrat Anwar untuk cabar Ghafar," teman saya itu memberi pandangan.

"Syed Hamid sepatutnya masuk kem Anwar? Itu maksud kau?"

"Bukan saja Syed Hamid. Pak Lah pun patut buat macam itu. Aku hairanlah mengapa Pak Lah selalu silap pilih kem. Masa Tengku Razaleigh lawan Mahathir, Pak Lah pilih Ku Li. Akhirnya merempat. Sekarang bila Anwar lawan Ghafar, Pak Lah sebelahi Ghafar. Ini lagi silap besar."

"Jadi, kau sayang Pak Lah rupanya?"

"Ramai ahli-ahli Umno masih mahukan Pak Lah. Tapi sekarang era Anwar. Pak Lah mesti terima hakikat ini. Pak Lah boleh bersama Anwar dalam satu kumpulan. Lupakan saja Ghafar dan Sanusi. Kalau dulu Pak Lah boleh bersama kumpulan yang menentang penyandang jawatan, iaitu Ku Li, mengapa sekarang tidak boleh bersama Anwar?"

"Anwar tidak akan percaya pada Pak Lah. Pak Lah mesti diketepikan. Pak Lah mesti dijatuhkan. Anwar tidak akan membiarkan sebarang tokoh yang mampu menggugatnya satu hari nanti. Aku tak percaya Anwar akan bertindak adil terhadap Pak Lah. Dan apa faedahnya Pak Lah pada Anwar?"

Bagaimanapun saya tersenyum panjang, rupa-rupanya teman saya ini walaupun taksub dengan Anwar tetapi tidak menerima semua tokoh-tokoh pilihan Anwar. Asalkan dia mahu menggunakan akal fikirannya memilih pemimpin pun sudah cukup baik. Jangan jadi pak turut.

"Bukankah Umno itu sendiri satu *team*? Pertandingan dalam Umno, seperti kata Mahathir adalah pertandingan keluarga. Jadi perlu apa *team*? Siapa yang menang, itulah *team*nya. Bukankah Mahathir sendiri yang larang bertanding atas kem-kem tertentu?"

"Itu masa pemilihan 1990. Sekarang Mahathir sendiri restui kem Anwar, iaitu Najib, Muhammad Muhd Taib, Muhyidin dan Rahim. Lagipun, sekarang zaman Anwar, bukan lagi Mahathir. Mahathir sendiri tak dapat halang kebangkitan Anwar. Mahathir akan jadi pak turut Anwar seperti Anwar pernah jadi pak turut Mahathir dahulu. Silap-silap Mahathir sendiri tersisih nanti."

Perihal Anwar memilih Rahim sebagai regunya ini saya lanjutkan perbincangan mengenainya dengan teman-teman dalam PAS. "Apa yang nak dihairankan. Apakah selama ini Anwar bersih dari politik wang? Apakah selama ini Anwar mentadbir kekayaan negara dengan bersih dan amanah, tanpa sebarang pilih kasih? Apakah Anwar tidak menabur projek bagi mengaut undi? Apakah yang Anwar buat dengan saham-saham penswastaan? Apakah Anwar tidak melindungi menteri-menteri yang rasuah ataupun mengugut mereka supaya menyokongnya dengan syarat kes itu dipendamkan?"

Mereka menambah, Anwar tidak lagi membawa Islam yang syumul, sebaliknya mempergunakan imej Islam demi ketamakan kuasa. "Apa ertinya Islam kalau rasuah dan politik wang dibenarkan, dibiakkan dan disuburkan? Lupakah Anwar bahawa Islam dalam pengertian murninya sebagai tatahidup yang menye-

luruh begitu digeruni oleh golongan sekularis yang menunjangi Umno kini kerana pemahaman dan penerimaan Islam dalam pengertian tersebut bererti penolakan total terhadap seluruh sistem sekular, sistem yang menjadi periuk nasi mereka sekarang," getus bekas seorang penyokong ABIM, yang mengungkapkan kembali apa yang selalu dilaungkan oleh pemimpin ABIM zaman Anwar.

"PAS akan terpukul di zaman Anwar menjadi PM nanti. PAS hanya mampu bercakap dan berkata-kata, tetapi Anwar akan memukau perhatian masyarakat Islam dengan projek-projek Islamisasinya. Ramai tenaga fikir, perancang dan pelaksana yang bersama-sama Anwar bagi membuktikan laungan retorik Anwar selama ini. Sedangkan PAS terus di takuk lama, asyik mengkritik dan bersyarah. Masyarakat kini mahu melihat bukti, bukan deretan slogan yang indah tetapi tidak berisi. Rahim dalam hal ini juga akan bersama-sama Anwar. Rahim sendiri tahu, kalau dia tidak mengikut arus, dia sendiri akan tenggelam. Bukannya susah sangat kerana projek-projek Islam bawaan Anwar tidak menggugat kepentingannya selama ini," tambah seorang pensyarah muda yang simpati dengan PAS.



Abdul Rahim Tamby Chik, calon Ketua Pemuda Umno 1993 yang disokong kuat oleh Anwar, Najib, Nazri dan Zahid. Peluangnya dikatakan cerah. Tapi, mampukah segala skandal seks dan penyelewengannya mengubah kecenderungan pengundi?

# 4

# DARI ZAMAN SARDON KE ZAMAN NAJIB

Imej Pemuda di zaman lampau penting untuk disorot, sebelum menjengah persoalan rebutan kuasa antara Syed Hamid, Isa Samad dan Rahim Tamby Chik. Dibanding dengan bapanya, mungkin Syed Hamid tidak terlawan imej Pak Albar itu. Tan Sri Syed Jaafar Albar, yang digelar Singa Umno, hanya mengetuai Pemuda Umno selama tidak sampai setahun, ketika berusia 62 tahun. Ketika pencalonan dibuat beliau tidak bersedia untuk bertanding jika tokoh-tokoh yang boleh diharapnya seperti Musa Hitam bersedia mengambil tanggungjawab memimpin Pemuda Umno dan seterusnya menjadi jambatan penghubung kepada pemimpin Umno yang sedang berkonflik.

Kemunculannya pada ketika "anak ayam kehilangan ibu". Janji kemenangan Pak Albar untuk menjadi "Kumpulan Halia" iaitu mengkritik parti dan kerajaan apabila perlu dan dengan cara

yang lembut, dan berusaha memperbaiki keretakan parti ketika itu. Dalam satu wawancara dengan *Asean Review*, (1976), Pak Albar berkata: "Banyak perkara yang hendak saya buat tetapi apa yang penting ialah untuk memantapkan kejelekitan dalam Umno, untuk mengukuhkan perpaduan dari dalam parti dan untuk mendamaikan segala perbalahan dan salah faham. Adalah penting diperjelaskan supaya tidak ada lagi perasaan syak wasangka dan tidak percaya mempercayai antara pemimpin. Ini adalah tugas utama saya pada masa ini, dan hanya bila ini dicapai barulah boleh dihadapi masalah-masalah lain."

Mahathir (Jun 1977) pernah merakamkan penghargaannya terhadap perjuangan Pak Albar: "Saya tidak dapat menjadi hipokrit dengan mendakwa bahawa saya selalu memandang tinggi perjuangan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar tetapi saya tidak dapat nafikan peranannya dalam membangunkan Umno, mengembangkan ke seluruh negara dan menolong menjayakan segala usaha dan cita-citanya. Ketokohannya tidak terhad kepada Umno sahaja, tetapi meliputi negara. Sebagai ahli pidato yang berkesan, tidak ada sesiapa di dalam atau di luar Umno yang setanding dengan Albar. Sebagai pemimpin, Albar sama-sama memikul beban parti kita dari masa yang ia dipandang rendah dan hina sehingga Umno menjadi parti pemerintah yang boleh memberi kebahagian dan kemuliaan secara langsung kepada anggotanya. Kehidupan Albar tidak boleh disangsi, begitu juga kesanggupannya menghadapi aneka cabaran."

Sebelumnya, Datuk Harun Idris, menurut Aminuddin Mohd Yusuf dan Mohd Ali Kamarudin, dalam *Kepemimpinan Pemuda Umno, Antara Personaliti dan Situasi*, "sudah bertekad untuk menjadikan kerja mengawal kerajaan sebagai haluan dan tugas utama organisasi yang dipimpinnya." Tun Dr Ismail dan Tun Hussein Onn pernah menegur kepimpinan Pemuda di bawah Datuk Harun supaya tidak menjadikan pergerakan itu seperti "parti dalam parti". Orang mulai mengenali Pemuda sebagai kumpulan pendesak, yang antara tugasnya ialah mengawasi perlaksanaan rancangan-rancangan DEB.

Sewaktu merasmikan perhimpunan agung Pemuda dan Wanita Umno pada 20 Jun 1975, Timbalan Presiden Umno, Tun Hussein Onn mengungkapkan kembali amanat Tun Dr Ismail: "Bahawa Pergerakan Pemuda, sebagai badan yang bertanggungjawab dalam parti, patutlah menyuarakan setiap pandangan dan fikiran mereka kepada pimpinan parti, menurut saluran tertentu ...." Seterusnya beliau menegaskan: "... Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi *pressure group* dalam parti kerana lazimnya, di bawah demokrasi, *pressure group* hanya datang dari pihak pembangkang."

Mahathir (1980) pernah mengingatkan Pemuda Umno: "Ada pendapat yang berkata bahawa Pemuda harus jadi *pressure group* yang menyedarkan parti tentang tanggungjawabnya. Sebenarnya seluruh negara, bahkan tiap-tiap seorang dari rakyat Malaysia tidak buat lain melainkan menyedar parti dan pemimpin tentang tanggungjawab mereka. ... Yang jelas ialah peranan *pressure group* untuk memperingat kerajaan adalah satu peranan yang universal di Malaysia yang demokratik. Semua orang tahu bagaimana kerajaan patut diuruskan. Dalam keadaan seperti ini sungguhpun Pemuda patut memainkan peranan sebagai *pressure group* yang menyedarkan parti dan kerajaan, peranan ini tidaklah menjadi peranan yang terutama atau terpenting sekali."

Mungkin untuk mententeramkan gelodak rasa Pemuda zaman Datuk Harun (dan nasihat ini juga sesuai dibaca oleh anak-anak muda Umno yang begitu ghairah menyokong Anwar sekarang, yang lahir selepas Ghafar menyertai Umno), Tun Hussein Onn berkata: "Saya ingin menegaskan bahawa angkatan muda Umno, *the young generation*, tidak harus merasakan diri mereka terkongkong. Tidak harus memikirkan mereka tersekat. Mereka tidak perlu melayan pendapat bahawa pimpinan Umno seluruhnya tidak ingin mereka bangun mempelopori masalah masyarakat dan negara. Sebenarnya, Umno sebagai parti yang luhur, yang *flexible*, mampu menerima dan menampung tenaga perjuangan muda dan lama. Sanggup menempatkan tenaga perjuangan, sesuai dengan bakat dan mutu kecekapan mereka. Perasaan seperti ini

tidak patut ada pada Pemuda dan Wanita. Sebaliknya, Pemuda dan Wanita, angkatan penerus atau warisan pimpinan parti dan zaman, tidak patut menghapuskan nilai-nilai abadi, yang telah dibina dan diperjuangkan oleh angkatan lama. Cahaya lilin yang lembut, patut juga dihargai kerana sekian lama ia telah berjasa menerangi sudut-sudut yang gelap, dalam perjuangan di negara kita."

Pada 23 Jun 1972, Tun Dr Ismail, juga sewaktu merasmikan perhimpunan agung Pemuda dan Wanita Umno mengingatkan: "Mustahak bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita supaya sentiasa bersikap *action oriented*, bukan *publicity oriented* dan tidak bergerak seperti anggota oposisi dalam kerajaan. Saudara-saudara terdiri dari golongan muda, mempunyai semangat dan idea yang dihargai oleh parti. Tetapi, patutlah diingat bahawa semangat dan tindakan saudara itu terbatas dalam *framework* dasar dan strategi parti."

Setahun selepas itu, 29 Jun 1973, di perhimpunan yang sama, Tun Dr Ismail menyentuh masalah berpuak-puak dalam parti, dan mungkin Tun merujukkannya kepada puak Datuk Harun yang dikatakan menjadi ancaman kepada Tun Razak: "Kita mesti hindarkan penyakit berpuak-puak atau *factionism*, ertinya satu golongan kononnya berhaluan ke utara, satu golongan lagi kononnya berhaluan ke selatan, satu ke timur dan satu ke barat. *Factionism* sepertimana juga penyakit *warlordism* dalam negara China dulu sebelum komunis berkuasa dulu, manakala negara itu terbahagi kepada kawasan-kawasan tertentu yang dikuasai oleh *warlord* masing-masing; jeneral ini berkuasa di utara, jeneral itu berkuasa di selatan, ada jeneral berkuasa di timur, demikian pula ada jeneral berkuasa di barat. Dalam sebuah parti yang besar serta berpengaruh seperti Umno, kalau sekiranya penyakit berpuak-puak atau *factionism* ini mulai menghinggapi kita, nescaya akan berpecah-belahlah kita sesama sendiri."

Sebelum itu, dalam pertandingan antara Harun Idris dengan Datuk Ali Haji Ahmad, pada 1971 - selepas Senu mengundur diri sebagai Ketua Pemuda selepas dilantik menjadi Setiausaha Agung Umno - Tun Razak dikatakan memberi sokongan kepada Harun.

(Dalam Pilihan Raya Umum 1969, Senu tewas, dan bila dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno, naibnya Ali Haji Ahmad memangku jawatan Ketua Pemuda). Golongan lama dalam Umno seperti Senu dan Pak Albar menyokong Ali. Mereka sedikit sebanyak berusaha keras untuk memenangkan Datuk Ali. Tetapi Tun Razak memberitahu mereka bahawa Harun lebih berketokohan dari Ali. Tun Razak lebih suka Harun menang. Harun menang dengan majoriti 138. Regunya, Musa Hitam mengalahkan pencabarnya Sharif Ahmad. Kemenangan Harun tidaklah boleh dikatakan mengejutkan kerana beliau sememangnya telah memiliki imej wira Melayu akibat peristiwa 13 Mei 1969.

Menurut Aminudin dan Ali, Harun telah mengemukakan pandangan kepada Tun Razak supaya mengubah cara bekerja seperti yang diamalkan oleh Senu. Menurut Harun, ini telah dijadikannya sebagai syarat kepada Tun Razak sewaktu beliau diminta bertanding merebut jawatan itu. Tun Razak telah menerima pandangan Harun bahawa Pemuda Umno perlu diberi peranan untuk melibatkan diri dalam membincangkan sebarang isu yang berkaitan dengan pentadbiran negara. Harun telah bertindak menukarkan slogan perjuangan Pemuda dari "Pemuda Harapan Bangsa" kepada "Pemuda Pelopor Pembangunan" dengan bersemboyankan konsep jujur, tegas dan bersih. Harun tidak mahu Pemuda Umno menjadi terlalu pro *establishment* kerana ini boleh menjauh dan merenggangkan pemuda Melayu dari Umno. Bagi Harun, sebagai pertubuhan pemuda, Pemuda Umno hendaklah menyuarakan hasrat pemuda yang sentiasa inginkan perubahan.

Bagaimanapun menurut Subky Latif dalam bukunya *Suka Duka Politik Tun Razak*, 1976, hubungan baik Tun Razak - Harun berubah ketika perhimpunan agung Umno 1972, yang membabitkan pemilihan MKT untuk tempoh tiga tahun dan yang pertama dilaksanakan di bawah perlembagaan baru parti. Dalam pemilihan itu enam calon bertanding untuk jawatan Naib Presiden iaitu Sardon Zubir, Ghafar Baba, Mahathir Mohamad, Syed Nasir Ismail, Hussein Onn dan Ghazali Shafie.

Menurut Subky: "Dalam pemilihan itu didapati perwakilan negeri Selangor secara bersatu tidak mengundi Ghazali Shafie. Hasilnya beliau tewas. Bunyinya kejadian itu adalah sudah diputuskan terlebih dahulu. Undi blok Selangor itu telah diketahui orang. Walaupun lain-lain perwakilan seperti Melaka dan Johor sendiri pernah melakukan hal itu, tetapi ternyata Selangor tidak pandai dalam percubaannya buat kali pertama itu. Datuk Harun telah ditohmah melakukan sesuatu yang menyekat peluang Ghazali Shafie yang sebelum itu adalah seorang yang sangat diperhatikan sebagai tokoh yang punya masa depan politik yang baik. Ketika itu orang tidak terfikir bahawa Hussein Onn dan Ghafar Baba mungkin menjadi orang yang paling hampir untuk menggantikan Tun Razak. Orang yang diagakkan oleh banyak pihak ialah Ghazali Shafie. Dan Tun Razak sendiri mempunyai keyakinan yang penuh kepada beliau. Berikut dengan kejadian itu Umno membuat keputusan bahawa pengundian tidak lagi dijalankan secara beramai-remai, tetapi dibuat seperti pilihan raya biasa iaitu seorang satu undi. Tun Razaknya bunyinya sangat kecewa dengan perbuatan itu dan mulai memandang serong kepada Datuk Harun."

Pemuda zaman Tun Sardon Zubir dan Dato' Senu Abdul Rahman berfungsi sebagai sayap kanan untuk mengukuhkan Umno melalui penggemblengan tenaga mudanya. Apa yang diperjuangkan oleh badan induknya, itulah juga yang harus menjadi fungsi utamanya. Kemuncak perjuangan Pemuda di zaman Sardon ialah kejayaan mengusulkan supaya badan induknya, membuat tuntutan supaya kemerdekaan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Menurut Samad Idris, sungguhpun pucuk pimpinan Umno berpegang kepada prinsip berjuang mengikut perlembagaan dan bukan secara revolusi, tetapi Pemuda Umno di bawah Sardon tidaklah terlalu optimis dengan cara itu. Malahan ada tanda-tanda yang menunjukkan Pemuda bersedia menumpahkan darah. Sardon menugaskan Naib Ketua Pemuda Umno, Haji Ahmad Badawi untuk merancang dan menyusun satu pasukan bertindak yang dikenali sebagai "Barisan 33" dengan

bermatlamatkan perjuangan bersenjata.

Sebelum kita membincangkan lebih lanjut peranan Pemuda yang didefinisikan oleh ketua masing-masing, elok juga diteliti ucapan Tunku Abdul Rahman, ketika merasmikan persidangan agung Pemuda, di Alor Setar, pada 11 September 1953: "Pada mulanya dijadikan Perikatan Pemuda ini hanyalah bertujuan kepada perkara-perkara permainan, bunyi-bunyian dan pergaulan serta mengadakan barisan kehormatan untuk menyambut ketua-ketua Umno di mana-mana mereka pergi. Kemudian itu pemuda-pemuda dengan sendirinya telah mencampuri bahagian politik iaitu pada tahun 1951, wakil-wakil pemuda telah membawa cadangan supaya diubahkan cogan "Hidup Melayu" kepada Merdeka". ...Kalau perjuangan kita tidak mendapat sokongan Pemuda, saya percaya lambatlah kita sampai ke pintu kemerdekaan."

Seterusnya Tunku menegaskan: "Di dalam undang-undang Pemuda ada disebutkan supaya dibukakan peluang kepada Pemuda dalam hal permainan. Ini harus maknanya *sport* termasuk bola sepak dan sebagainya, tetapi yàng saya nampak dalam lapangan *sport* ini pun pemuda-pemuda kita tidak mengambil bahagian yang besar walhal Duke of Wellington setelah ia mengalahkan Napolean telah berkata: "Kemenangan di dalam medan perang Waterloo, yang sebenarnya telah dimenangi dalam medan *sport* sekolah Eaton. ...Dan hendaklah ada pada pemuda-pemuda semangat *sport* iaitu semangat hendak menang dan kalaupun kalah, janganlah kalah dengan kerana tidak melawan."

Alias Mohamad menyifatkan peranan Pemuda Umno pada akhir tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an tidaklah lebih daripada menggerakkan tenaga Pemuda untuk memecahkan barisan parti-parti pembangkang Melayu dan bukan Melayu ketika itu. Namun dikatakan Senu agak lebih agresif dalam usahanya mencapai matlamat Pemuda, khususnya dengan menubuhkan Angkatan Pemuda Tahan Lasak. Senu naik selepas menewaskan Sardon pada tahun 1964. Beliau melancarkan gerakan "Revolusi Mental" yang bertujuan untuk "memberi kesedaran kepada pemuda-pemuda khasnya, dan anggota-anggota Umno amnya akan peri

mustahaknya perubahan fikiran yang cepat sesuai dengan perubahan-perubahan pembangunan yang dilancarkan oleh kerajaan Perikatan supaya segala perubahan itu dapat dikejar dan dinikmati oleh bangsa Melayu khasnya." Bagaimanapun ramai pihak berpendapat usaha Senu ini gagal. Seperti Pemuda Umno di bawah Sardon, Pemuda zaman Senu memperlihatkan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi kepada badan induknya. Senu sedia menyatakan pandangannya yang mungkin bertentangan dengan pucuk pimpinan tetapi beliau bersedia pula berundur ke belakang apabila diberi penjelasan mengenai sesuatu dasar. Fenomena ini mungkin disebabkan hubungan baik Senu dengan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Aminudin dan Ali (1988) menyimpulkan struktur tugas Pemuda Umno: "Sejauh mana berstrukturnya tugas-tugas Pemuda Umno adalah bergantung penuh kepada kemampuan sesiapa yang memimpinnya untuk mengkonsepsikan matlamat kolektif dan merumuskan polisi-polisi yang jelas untuk dilaksanakan oleh anggota-anggotanya. Jika ketuanya mempunyai program bertindak yang jelas, akan jelaslah matlamat dan tugas pergerakan itu. Subky Latif dan Chamil Wariya (1976) merumuskan bahawa Pemuda Umno lahir dengan mesej yang amat kabur iaitu untuk memperkukuhkan Umno melalui pengambilan orang-orang muda sebagai anggotanya.

Sementara itu Datuk Haji Suhaimi dikatakan gagal menyediakan program bertindak buat Pemuda. Masalah Datuk Harun masih menghantui Umno. Suhaimi lebih menumpukan masanya untuk mengukuhkan kedudukannya dalam parti. Menurut Aminudin dan Ali: "Keadaan tenang dalam negara (pada zaman Suhaimi), walaupun ketika parti sedang bergelora, tidak memudahkan seseorang pemimpin mencari isu yang tepat untuk menjadi sasaran matlamat organisasi yang dipimpinnya." Berbeza dengan Pak Albar yang dihormati oleh pengikut-pengikutnya kerana sifatnya sebagai pemimpin veteran, Suhaimi yang masih muda sukar memainkan peranan "pemimpin sosial-emosi". Suhaimi memulakan kepemimpinan Pemudanya dengan mengemuka-

kan slogan "Era Bertindak" bagi menggantikan "Kumpulan Halia" yang dipopularkan oleh Pak Albar tetapi malangnya, mungkin kerana tahap yang amat tinggi telah diletakkan oleh pemimpin-pemimpin sebelum beliau dalam mengukur kejayaan Pemuda Umno, maka era bertindak yang diketengahkan oleh Suhaimi tidak memperlihatkan tindakan-tindakan yang mengkagumkan. Tahun 1980, Suhaimi dicabar oleh Datuk Harun yang masih merengkok dalam penjara. Suhaimi menang dengan majoriti 62 undi sahaja, di mana Datuk Harun memungut 42.7 peratus undi. Suhaimi kelihatan seperti terperangkap dalam dilema di antara keinginan untuk menjadi popular di kalangan anggota-anggota Pemuda Umno, dengan cara bersikap lebih radikal, dengan keinginannya untuk memenangi hati Presiden parti, Tun Hussein Onn. Dilema ini sepatutnya berakhir bila Tun Hussein bersara (1981), tetapi dalam tahun itu juga Suhaimi terpaksa menerima kehadiran Mahathir dan Musa, regu 2M, yang membawa imej radikal sehingga kepimpinan Suhaimi mulai dikaji semula oleh para anggotanya.

Majalah *Asiaweek* keluaran 27 April 1984 melaporkan: *"Observes say the PM doesn't like Suhaimi's style and had asked Abdullah Badawi to run against him in 1982. When Abdullah declined, Mahathir turned to Anwar."* Dan apabila Anwar dicalonkan menentang Suhaimi, kedudukan Suhaimi ketika itu sudah tidak disenangi Pemuda. Hanya separuh dari bahagian-bahagian yang menghantar pencalonan mengemukakan namanya. Anwar menang dengan majoriti 10 undi. Kelebihan undi yang kecil itu seolah-olah mengandungi amaran halus bahawa beliau sedia diterima untuk memimpin Pemuda Umno dengan syarat Anwar juga mestilah bersedia untuk mematuhi dan memelihara nilai, norma dan budaya tradisi Umno. Anwar juga boleh membawa perubahan kepada tugas dan fungsi Pemuda Umno, tetapi beliau janganlah sekali-kali cuba merombak institusi, amalan dan haluan Umno.

Sementara itu, seperti dalam buku Aminudin dan Ali, Anwar Ibrahim tidak begitu bersetuju dengan konsep kumpulan pendesak dalam maknanya yang konvensional kerana, menurutnya, Pemuda

Umno di bawah pimpinan beliau mempunyai hubungan yang rapat dan *acces* yang langsung kepada pucuk pimpinan parti sehingga semua perkara boleh dirujuk terus kepada pucuk pimpinan. Ucapan dasar Anwar pada 18 Ogos 1983 mengungkapkan: "Ukuran buat kita tidak lagi pada kelantangan suara akan tetapi kebijaksanaan akal, bertindak untuk menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan dan mempastikan agar jaminan dan dasar yang dijanjikan dilaksanakan secara berkesan."

Pada 26 September 1985, Anwar menyelar golongan tertentu yang menohmahkan Pemuda di zamannya sebagai pak turut: "Kita menerima tempelakan ini sebagai dugaan daripada kalangan bebal yang ingin melemahkan semangat dan memesongkan pengarahan kita. Kita berperanan untuk mengukuhkan kedudukan pimpinan, agar mereka lebih berani dan tegas bertindak dan mewujudkan pembaharuan-pembaharuan yang diperlukan. Seandainya pucuk pimpinan menyeleweng daripada dasar perjuangan yang telah diwariskan itu, Pemudalah yang akan pertama sekali bangun menentang dengan sekeras-kerasnya." Menjelang pertandingan yang menyaksikan cabaran dari Syed Hamid, Anwar berkata: "Jangan minta saya 'serang' Presiden parti kerana saya merasakan perjuangan Pemuda Umno mesti seiring dengan pucuk pimpinan dan jika ada sebarang teguran, ia hendaklah dibuat mengikut saluran tertentu sama ada dalam mesyuarat Jamaah Menteri atau Majlis Tertinggi Umno."

Tetapi Anwar tetap terus mengobarkan semangat Pemuda supaya lebih serius mempersiapkan diri bagi memikul tanggungjawab yang kian bertambah: "Kita amat sedar dan insaf bahawa soal semangat bukannya soal sambil lewa dan remeh-temeh. Soal semangat ialah soal jiwa, soal gerak nadi, soal kekuatan yang mampu digilap untuk mengukuhkan prinsip daya tahan dan daya saing kita. Kita sangat percaya dan yakin berdasarkan pengalaman rentetan sejarah manusia, bahawa jika semangat rakyat sudah tergembleng dan menyala, tidak ada suatu kekuasaan duniawi yang boleh membinasakannya. Siapakah yang boleh merantai dan membinasakan sesuatu bangsa kalau semangatnya

tidak mahu dirantai dan dibinasakan?"

Namun begitu, dalam amalannya Anwar tetap membawa Pemuda Umno menjadi kumpulan pendesak, bukannya terhadap kerajaan pusat yang beliau menjadi salah seorang anggotanya, dan hubungannya yang amat akrab (dan rasa terhutang budi tentunya) dengan Mahathir, tetapi sebaliknya kepada kerajaan-kerajaan negeri dan lain-lain kumpulan di luar kerajaan. Antara lain Anwar menekankan: "Usaha begini (langkah berjimat cermat dan memperkemaskan sistem belanjawan negara) tidak harus dilakukan hanya di peringkat pusat. Barisan Pemuda harus menegaskan bahawa kerajaan-kerajaan negeri juga mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras pemborosan dan pembaziran wang dengan cara menyekat atau menghapuskan langsung nafsu untuk berpesta-pesta atau mengadakan upacara yang ritualistik yang tidak membantu meninggikan akal budi rakyat. Sebaliknya, segala amalan-amalan dan pemborosan itu hanya akan melemah-longlaikan segala semangat berdikari, daya tahan dan daya saing yang telah ditanam di dada rakyat."

Merujuk kepada Najib, yang menduduki kerusi Ketua Pemuda melalui jalan mudah, (tetapi Najib telah menang tanpa bertanding untuk jawatan naib ketua sebanyak tiga kali berturut-turut) iaitu mulanya dengan memangku jawatan itu apabila Anwar bertanding Naib Presiden, dan kemudiannya dilantik oleh Mahathir sendiri, selepas Umno (Baru) ditubuhkan. Najib yang mulanya dari kem Tengku Razaleigh - Musa Hitam, beralih kepada kem Mahathir - Ghafar - Anwar. Beliau selalunya dianggap sebagai broker kuasa kepada tokoh-tokoh yang ingin bertanding jawatan tertentu. Aminudin dan Ali mencatatkan: "Dalam ucapannya (Najib) di majlis timbang terima jawatan selepas Anwar Ibrahim dengan rasmi mengisytiharkan perletakan jawatan sebagai Ketua Pemuda Umno, sehari sebelum pemilihan Majlis Tertinggi pada bulan April 1987, Najib memperlihatkan dengan bersungguh-sungguh isyarat-isyarat sokongannya kepada Anwar. Beliau berikrar untuk meneruskan apa yang telah diasaskan oleh Anwar dalam Pemuda dan berjanji akan 'meneruskan kesinambungan,

berdiri atas semangat nasionalisme bersendikan Islam dan membawa pimpinan jauh ke depan'. Beliau menyatakan kekagumannya dengan tindakan yang telah dilakukan oleh Anwar semasa memimpin Pemuda Umno sama ada dalam usaha beliau melakukan perubahan, menentang rasuah serta penyelewengan, keadilan sosial, perjuangan memperkembangkan semangat Islam dan menghapuskan kemiskinan."

Najib, menurut Aminudin dan Ali, dalam sejarah kepemimpinannya tidak pernah menimbulkan kontroversi: "Wataknya yang tenang dan lembut, ideologinya yang konservatif dan kebangsawanan dan tabiinya yang tidak begitu mendominasi tidak memungkinkan beliau membawa lari Pemuda Umno daripada cengkaman pengaruh Anwar. Perwatakan Najib menunjukkan jika beliau berjanji untuk meneruskan perjuangan terdahulu, itulah juga yang akan dilakukannya. Anwar boleh menikmati kuasa yang diberi oleh jawatan yang lebih tinggi yang hendak ditandinginya dalam Umno sambil pada masa yang sama terus mengekalkan pengaruh di kalangan angkatan muda dalam Umno yang sangat penting untuk politik masa depannya. ...Najib dianggap tergolong ke dalam golongan bangsawan dan konservatif seperti Tengku Razaleigh Hamzah. Sebagai seorang yang tidak suka menimbulkan kontroversi, Najib sentiasa berada di belakang layar. ... Najib lebih senang memilih jalan selamat. ... Gaya dan ciri kepemimpinan beliau adalah gaya dan ciri tradisi Umno. Berbanding dengan lain-lain tokoh muda dalam Umno, beliau mungkin lebih disenangi oleh kebanyakan pemimpin veteran Umno."

Menjawab tuduhan bahawa Pemuda Umno hilang sengat, Najib (Julai 1989) berkata kelantangan suara, ketegasan bertindak dan kekuatan kuasa mendesak, pada zaman ini, tidak boleh dinilai dengan mengamalkan budaya tunjuk perasaan. "Ia tidak sesuai dengan keadaan sekarang," kata Najib. Tambahnya, suasana dan perubahan yang berlaku membuatkan gelanggang percaturan politik semakin kompleks dan lebih canggih. Banyak masalah telah diselesaikan oleh Pemuda Umno secara dalaman. "Kita tidak

menyalak dari luar sahaja, tetapi kita sudah dimasukkan dalam proses dalaman membuat keputusan dalam kerajaan," ujarnya. Najib seterusnya berkata, konsep parti dalam parti tidak sesuai lagi sekarang. "Zaman dulu mungkin," katanya.

Najib nampaknya berbangga dengan peranannya sebagai Ketua Pemuda di zaman Umno menghadapi krisis besar iaitu pengharaman Umno, 1987. Di zamannya Pemuda Umno dikatakan tidak berpecah mengikut kem. (Mungkin kerana semuanya menjurus kepada kem Anwar!) Katanya, "hari ini Pemuda boleh dikatakan satu kumpulan dan jitu." Tambahnya lagi: "Saya lihat Pemuda sebagai satu angkatan, sudah menjadi lebih matang, menunjukkan ciri-ciri kepemimpinan yang lebih semasa, kebijaksanaan, tenang dan lebih mampu serta sanggup untuk membantu apa yang dibuat oleh Umno induk itu sendiri, terutama dalam keadaan yang genting."

Bila ditanya tentang tidak ada bezanya antara Pemuda zaman Anwar dengan zaman Najib, dan program bertindaknya pun tidak berubah, Najib berkata itu bukan suatu kebetulan, "ini adalah lanjutan." Katanya, kita tidak menukar sesuatu semata-mata kerana kita hendak menukar. *To change for the sake of change*: "Kita mesti kekalkan yang mana baik dan cuba mempertingkatkan lagi pencapaian dan prestasi."

Walaupun Annuar Musa, antara tokoh muda yang paling awal mengumumkan kesediaan untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda dan pernah dikatakan akan mencabar Najib, telah tercicir dari pertandingan sengit Pemuda tahun ini, tetapi komentarnya terhadap Pemuda sekarang harus diperhatikan: "Umumnya Pemuda menjadi gerakan yang *dormant* (tidak aktif). Saya tidak pula menyokong ungkapan sindrom bisu. Pemuda harus lebih cergas. Sistem perkaderan perlu diperkuat untuk meletakkan Pemuda di tengah perbincangan politik, ekonomi dan masyarakat. Pemuda tak boleh jadi penonton. Pemuda perlu memimpin. Ini tak bermakna kita harus campur tangan dalam pentadbiran kerajaan. Di mana letaknya Pemuda dalam menyediakan tenaga kerja, dalam menangani masalah kemiskinan? Mesti ada satu

program yang konkrit dan berterusan. Harus ada tenaga pemikir Pemuda yang meluahkan pemikiran kepada kerajaan. Pemuda perlu proaktif, bukan sekadar melompat apabila ada isu sensasi. Ada masanya Pemuda boleh dahului kerajaan, tapi dengan cara teratur. Ada masanya Pemuda menyokong dari belakang. Pendekatan Pemuda perlu idealis dan bijaksana, tidak menyinggung, jauh sekali menjadi kumpulan pendesak. Pemuda tidak perlukan pendesak, tapi kumpulan pemimpin. Sebagai pemimpin kita harus menjadi jurubicara yang menyelesaikan masalah."



Ghafar dan Anwar, termasuk Mohamad Rahmat dan Sakaran Dandai (yang asalnya dari kem Ghafar tetapi kini melutut kepada Anwar) bersama pemimpin Umno Sabah. Ghafar begitu kecewa dengan silap mata Anwar. Tapi apa boleh buat, yang penting kuasa; moral, etika dan nilai-nilai murni simpan dulu!



Apa lagi yang nak dibincangkan. Ghafar sudah dimalukan, teruskan sajalah. Biar segalanya jadi padang jarak padang tekukur. Jangan jadi macam Langkawi sudahlah: "padang arak padang pelacur."

# 5

# KEBIJAKSANAAN MENERAJUI PEMUDA

Pada hari ini, 12 Julai 1993, saya sukacita mengumumkan secara rasmi bahawa saya menawarkan diri sebagai calon Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia yang akan dipertandingkan dalam pemilihan Umno pada bulan November 1993 ini.

Keputusan ini saya ambil memandangkan YB Datuk Seri Najib Tun Razak telahpun membuat keputusannya yang muktamad bahawa beliau tidak akan bertanding semula bagi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dan sebaliknya telah menawarkan dirinya sebagai salah satu calon Naib Presiden Umno dalam pemilihan akan datang.

Keputusan ini juga dibuat setelah tinjauan-tinjauan dan perbincangan-perbincangan diadakan dalam siri lawatan

---

Bab ini adalah petikan ucapan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik ketika mengumumkan kesediaannya untuk dicalonkan sebagai Ketua Pemuda Umno Malaysia.

rombongan Umno Melaka ke beberapa buah negeri
Semenanjung dan Sabah di mana sebilangan besar pemimpin
pemimpin dan ahli-ahli Umno telah menyatakan sokongan pad
mereka kepada saya bagi memimpin Pergerakan Pemuda Umno
Malaysia sekiranya Ketua Pergerakan tersebut, YB Datuk Se
Najib Tun Razak melepaskan jawatan yang dipegangnya sek an

Sebagai ahli politik yang dilahirkan oleh Pergerakan Pemu
Umno sendiri di mana saya pernah berkhidmat dan memegang
jawatan-jawatan parti seperti berikut:

i) Ketua Pemuda Umno Bahagian
ii) Ketua Pemuda Umno Negeri
iii) Ahli Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia.

Adalah menjadi tanggungjawab dan amanah bagi sa
meneruskan kesinambungan wadah perjuangan Pergerak
Pemuda Umno Malaysia sekiranya terdapat sokongan dari ah
ahli Pergerakan Pemuda Umno di seluruh tanahair.

Dengan pengalaman, pendedahan dan kepercayaan ya
telah diberikan oleh pucuk pimpinan parti melalui perkhidma
yang telah saya curah untuk rakyat dan negara semenjak kira-k
15 tahun lalu, sebagai Ahli Parlimen, Setiausaha Parlim
Timbalan Menteri dan Ketua Menteri.

Saya percaya dan yakin cabaran-cabaran yang dihadap
Pergerakan Pemuda Umno serta hasrat dan matlamat
pergerakan ini dalam konteks perjuangan Umno dan ne
boleh diatasi dan dicapai sekiranya sebuah kepimpinan
kukuh, teruji, bersatu dan bersepadu, dinamik serta progr
dijadikan landasan dan tunggal perjuangan masa kini dan
masa-masa akan datang.

Memandangkan landasan dan tahap yang ketara telah
diasaskan oleh kepimpinan Umno yang sedia ada, yang d
oleh Presiden Umno, YAB Datuk Seri Utama Dr Maha
Mohamad, maka perjuangan dan kepimpinan Pergerakan Pem
Umno hendaklah mampu dan berupaya mencapai m
matlamat berikut:

1. Meneruskan kecemerlangan kepimpinan yang t

diasaskan oleh YB Datuk Sri Najib Tun Razak dan barisan kepimpinannya.

2. Meneruskan peningkatan kecemerlangan yang ditaja oleh YAB Presiden Umno untuk bangsa, agama dan negara.
3. Berusaha meningkatkan lagi pencapaian dan keberkesanan perjuangan Pergerakan Pemuda Umno melalui perpaduan ahli-ahli yang lebih jitu, penyatuan hasrat dan tekad ke arah matlamat-matlamat yang direstui dan ditentukan oleh Umno dan negara, serta pengemblengan seluruh tenaga ahli-ahli pergerakan ini dalam merealisasikan cita-cita Wawasan 2020.
4. Mempastikan "penjajahan" parti pembangkang di negeri-negeri Kelantan dan Sabah akan ditamatkan sejajar dengan perjuangan Umno dan Kerajaan.
5. Menentukan dengan berani dan bijaksana bahawa akan sentiasa wujud di negara ini kondisi dan paksi kestabilan berasaskan "Umno teras Politik, Melayu teras Negara."
6. Menjadi pendorong, perangsang dan pelaksanaan, ke arah peningkatan penyertaan rumpun Melayu dalam jihad terhadap kemiskinan dan penyusunan semula pengagihan kemakmuran negara dengan memastikan secara tegas dan kukuh bahawa semua dasar-dasar negara akan dilaksanakan sepertimana yang dimaksudkan baginya.
7. Mempertahankan kewibawaan dan keyakinan terhadap pergerakan ini sebagai "sayap kanan Umno" dan "bakal-bakal pewaris" kepimpinan negeri dan negara yang boleh dipercayai dan dibanggakan oleh Umno sendiri, orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia berlandaskan cita-cita perjuangan berteraskan kepentingan bangsa, agama dan tanah air.

Dalam konteks menghadapi cabaran-cabaran di atas, saya dengan perasaan rendah diri menawarkan diri saya sebagai calon Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, dan jika diizinkan oleh Allah SWT memenangi pemilihan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia yang baru ini, saya berazam dan berikrar untuk menyahut cabaran-cabaran tersebut dan akan mempastikan

dengan sokongan dan dokongan setiap ahli Pergerakan Pemuda Umno, bahawa sebuah Pergerakan Pemuda Umno yang cemerlang, dan bersamanya sebuah Umno yang gemilang akan terus menjadi realiti dan paksi di bumi Malaysia yang bertuah sehingga ke akhir zaman.

Untuk meneruskan perjuangan Pergerakan Pemuda Umno yang mencabar dan berat ini, tetapi amat perlu, malah wajib dilaksanakan demi mencapai matlamat-matlamat murni yang diingini, adalah menjadi hasrat saya untuk melihat Pergerakan Pemuda Umno akan sentiasa berjuang berlandaskan prinsip unggul "Kebijaksanaan menerajui Pemuda."

# 6

# MAKNA AGRESIF MENURUT SYED HAMID

Saya membuat keputusan untuk bertanding adalah berdasarkan kepada tiga faktor. Pertama, saya ingin menghayati peruntukan perlembagaan parti yang membenarkan pertandingan untuk memilih teraju pimpinan. Pertandingan ini lebih-lebih lagi dirasakan pentingnya apabila dikaji dari situasi politik negara semasa yang berada dalam keadaan yang sungguh mencabar. Kedua, saya telah menerima pencalonan daripada bahagian-bahagian yang mahu saya menggembleng tenaga dengan memegang jawatan yang penting ini di dalam parti. Ketiga, selepas membuat pertimbangan dengan halus dan rapi maka timbullah kerelaan yang tulis ikhlas di hati sunabari saya untuk memberikan khidmat

---

Bab ini adalah ucapan Syed Hamid kepada sebahagian perwakilan Pemuda Umno ketika berkempen menentang Anwar Ibrahim, merebut jawatan Ketua Pemuda Umno, 1986.

bakti demi kepentingan bangsa, agama dan tanah air dengan penuh keinsafan.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga alasan yang saya huraikan itu, saya menemui saudara-saudara dengan azam bahawa selagi diri saya ini mempunyai kemampuan dari segi fizikal dan mental saya akan menghambakan diri untuk berjuang bagi membela nasib bangsa, agama dan negara kita. Insya-Allah, dengan kerjasama dan sokongan padu para perwakilan sekalian kita akan berjaya mencapai hasil yang berkesan dalam perjuangan parti kita.

Sejarah perjuangan Pemuda Umno di masa yang silam telah membuktikan bahawa Pergerakan Pemuda Umno telah menjadi tulang belakang dan benteng pertahanan kepada parti dan kepentingan bangsa Melayu. Dengan semangat yang berkobar-kobar, Pemuda Umno di bawah pimpinan beberapa pejuang bangsa di masa yang lampau telah dapat menghadapi berbagai cabaran dan tentangan daripada semua pihak dalam arus perjuangan politik bangsa Melayu. Dalam pergolakan politik yang bergelombang dan masa kini, sepatutnya peranan Pemuda akan lebih hebat dari masa-masa yang lalu. Malangnya, apa yang dirasakan ialah pimpinan Pemuda kurang bertenaga seolah-olah ketandusan semangat. Dengan yang demikian saudara-saudara sekelian, saya berpendapat demi survival bangsa Melayu, semangat perjuangan ini hendaklah dipulihkan semula, ditiup dan dinyalakan dengan semarak-maraknya. Ini memerlukan pemilihan pimpinan yang baru yang sedia menyerahkan jiwa raga mereka untuk meneruskan perjuangan wira-wira bangsa.

Sekarang, saya ingin mengajak saudara-saudara untuk meninjau dan menganalisis secara terperinci pergolakan politik negara. Golongan-golongan tertentu dengan lantang telah mengungkit-ungkit dasar-dasar negara yang telah diputus dan dipersetujui oleh pemimpin berbagai kaum di negara ini, baik sebelum mahupun sesudah negara mencapai kemerdekaan. Sekarang, mengapakah pula dasar-dasar penting itu, seperti dasar pelajaran, dasar kebudayaan kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru

dan sebagainya yang menjadi asas, tiang dan sendi tegaknya negara hendak diganggu-gugat dengan sewenang-wenangnya. Apakah sambutan atau *response* Pemuda menghadapi cabaran ini?

Adakah patut kita sekadar bersikap TIDAK APA sahaja terhadapnya? Ke manakah menghilangnya suara lantang Pemuda yang menjadi kebanggaan parti dan bangsa Melayu dahulu itu? Kalaulah cabaran-cabaran ini disambut secara negatif, apakah akan terjadi kepada bangsa Melayu ini? Kalau kita mahu terus hidup sebagai bangsa yang dihormati oleh dunia, maka Pemuda hendaklah menukar sikapnya kepada sikap asal iaitu agresif dan penuh bertanggungjawab.

Bersikap agresif bukan bererti menentang secara melulu. Ia dimaksudkan sebagai sedia menghadapi cabaran dengan tujuan untuk membina. Kita arif, kita akur dan kita insaf tentang masyarakat majmuk yang wujud di negara kita. Kita akui pentingnya keharmonian hidup di kalangan berbilang bangsa di negara ini. Kita bertindak bukan untuk meruntuhkan keharmonian ini. Apa yang kita ingin sedarkan kepada kaum-kaum bukan Melayu yang menjadi pengongsi atau penghuni bersama negara yang tercinta ini ialah kewujudan negara dan keharmonian hidup rakyat berbilang bangsa adalah hasil kompromi demi kompromi oleh bangsa Melayu yang menjadi penduduk asal negara ini. Sekiranya keharmonian ini hendak dikekalkan, tidak dapat tidak pengorbanan dan kompromi itu hendaklah sama-sama mereka berikan. Tidak mungkin orang Melayu sahaja yang berkompromi, berkorban dan bertolak ansur sepanjang masa. Menghidupkan kesedaran inilah sepatutnya yang menjadi peranan Pemuda sekarang ini.

Sesungguhnya, kalau hendak diperhitungkan tolak ansur dan pengorbanan orang-orang Melayu sudah terlalu banyak. Kita telah berkorban dalam bidang ekonomi, kita telah berkorban dari segi dasar pelajaran, kita telah berkorban dari aspek dasar kebudayaan kebangsaan. Kerana terlalu banyaknya aliran pengorbanan orang-orang Melayu itu, maka yang tinggal hanyalah

kuasa di dalam bidang politik. Bidang politik ini pun telah banyak dikorbankan. Kalaulah Pemuda terus menerus tidak mahu berpatah balik kepada perjuangan dan semangat asalnya, tidak mustahil cita-cita dan hasrat bangsa Melayu tidak akan tercapai. Dari itu, inilah seruan saya. Bangkitlah kamu wahai Pemuda. Marilah kita sama-sama membina kepimpinan teguh yang boleh menghadapi ombak dan badai percaturan politik negara masa kini.

Kita semua insaf dan faham bahawa lahirnya Barisan Nasional adalah untuk mewujudkan kerjasama kaum bagi membina satu bangsa Malaysia yang kuat yang berkebudayaan berteraskan kebudayaan Melayu, yang berpendidikan berteraskan nilai-nilai murni dan yang berpolitik berteraskan kepada politik nasionalisme. Nilai-nilai murni ini telah menjadi teras kekuatan Barisan Nasional. Malangnya, apa yang dapat kita dengar sekarang ini ialah suara-suara sumbang yang mula mempersoalkan perkara-perkara pokok yang telah dipersetujui dahulu. Kita tidak terperanjat jika ungkitan-ungkitan yang begitu lantang datangnya dari pihak pembangkang. Tetapi dalam masa akhir-akhir ini lagu-lagu sumbang itu telah dinyanyikan pula oleh rakan-rakan kita yang terdiri dari parti-parti komponen Barisan Nasional sendiri. Pada pendapat saya, keberanian mereka itu tidak lain adalah disebabkan cara Pemuda Umno bertindak. Mereka menganggap Pemuda Umno bukan lagi bersikap dan bersemangat seperti pada zaman kegemilangan pimpinannya dahulu.

Banyak contoh yang boleh kita lihat pada hari ini. Tindakan yang keterlaluan oleh mereka yang dianggap kawan atau rakan seperjuangan. Tidak perlu saya huraikan satu persatu mengenai perkara ini, saudara-saudara sekalian lebih maklum. Satu daripada contoh itu ialah suara-suara yang menentang penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan, walhal penyerahan itu telah sempurna dilaksanakan menerusi proses undang-undang oleh kerajaan yang mendapat mandat penuh daripada rakyat Sabah ketika penyerahan itu dilakukan. Ini dilakukan oleh parti yang menjadi ahli kongsi Barisanm Nasional sendiri. Perasaan kita

terhadap *response* Pemuda Umno mengenai tentangan ini samalah juga dengan perasaan yang kita rasai terhadap cara bertindaknya berhubung dengan ungkitan-ungkitan terhadap Dasar Ekonomi Baru.

Kita semua tentu maklum bahawa ungkapan Pemuda Harapan Bangsa itu telah menjadi menjadi motto perjuangan Umno. Kita amat khuatir bahawa tanpa kesedaran baru yang timbul di kalangan Pemuda Umno maka harapan itu akan tinggal sebagai harapan semata-mata. Andainya ini terjadi adakah bangsa Melayu akan berpaling kepada pertubuhan-pertubuhan luar yang dipimpin oleh orang-orang seperti Dr Chandra Muzaffar atau Gurmit Singh bagi membela nasib mereka?

Satu perkara yang ingin saya sentuh ialah hakikat mengenai perlunya parti menguasai kerajaan. Ini jangan pula disalahfahamkan yang kita hendak mengongkong kerajaan. Untuk tujuan ini kita tidak mahu adanya ruang pemisah antara parti dengan kerajaan. Pada hemat saya perimbangan kuasa antara parti dan kerajaan amat penting demi menjamin keteguhan parti. Kita tidak mahu parti runtuh yang mana akibatnya akan meruntuhkan bangsa dan kerajaan sendiri. Kalau kerajaan menjadi lebih kuat daripada parti, apakah ertinya lunas-lunas yang diperjuangkan oleh parti.

Dari faktor-faktor yang saya terangkan di atas tadi, maka jelaslah bahwa tujuan saya bertanding untuk merebut teraju pimpinan Pemuda Umno ini bukanlah untuk melawan atau menjatuhkan Ketua Pemuda yang ada sekarang tetapi untuk memberi pilihan kepada Pemuda memilih pemimpin. Saya suka menyatakan bahawa dalam hal ini saya tidak langsung memikirkan kepentingan diri. Perkara yang berlaku kepada diri saya membuktikan saya ingin menawarkan diri semata-mata kepada parti walaupun saya menghadapi pelbagai rintangan.

Kita semua bersetuju bahawa Ketua Pemuda yang ada sekarang telahpun mendapat tempat yang baik di kalangan pucuk pimpinan parti dan kerajaan. Biarlah beliau menumpukan pula segenap masa dan tenaganya ke arah perlaksanaan tugas beratnya

dalam mengendalikan hal-hal kerajaa. Berikanlah peluang memimpin Pemuda ini kepada orang lain yang sedia memberikan jiwa raga dan pengorbanan dirinya sepenuh masa demi kepentingan bangsa, agama dan negara. Adalah wajar bagi beliau untuk membenarkan adanya perkongsian kuasa dengan orang lain.

Saya merayu dan meminta saudara-saudara membuat pertimbangan memilih Ketua Pemuda berasaskan kepada *conscience* dengan penuh berani dan tidak dipengaruhi oleh emosi atau tekanan tertentu. Sekiranya terpilih saya berjanji bahawa setiap pendapat dan fikiran bernas saudara-saudara sebagai pejuang bangsa saya ambil kira dan diketengahkan.

Saya akan mengambil sikap terbuka di dalam pimpinan. Kita harus mengembali dan menegakkan perjuangan parti menurut landasan yang tertera dalam Perlembagaan. Dengan ini sekali lagi saya dengan penuh kesedaran dan keinsafan menawarkan diri untuk berkhidmat menerajui pimpinan Pergerakan Pemuda Umno demui kepentingan bangsa, agama dan tanah air. Selamat berjuang.

# 7

# DETIK HIDUP-MATI ANWAR SUDAH BERLALU

Apabila ada ura-ura Anwar akan mencabar Ghafar, selepas pemilihan Umno 1990, banyak pihak menyifatkan ia sebagai khabar angin sahaja. Bukannya mudah menundukkan Ghafar, orang lama dalam Umno, dan apa salah Ghafar hingga Anwar perlu mencabarnya, kecuali ketidakyakinan Anwar bahawa dia akan dilantik menjadi TPM di waktu Ghafar menerajui negara. Ghafar dilihat lebih menyenangi Sanusi ataupun Pak Lah.

"Apa yang Anwar takutkan? Anwar sudah melepasi saat genting, yang menentukan hidup matinya dalam Umno, iaitu ketika menentang Datuk Suhaimi, pada 9 September 1982, merebut kerusi Ketua Pemuda Umno, hanya selepas lima bulan Anwar menyertai Umno," kata saya pada rakan-rakan yang meragui kemampuan Anwar mencabar Ghafar. (Sepatutnya perhimpunan Pemuda Umno itu dilangsungkan dalam bulan Jun 1982 tetapi

ditanggungkan kerana pilihan raya umum baru diadakan pada bulan April 1982).

Detik-detik yang menggetarkan itu, diungkapkan dengan baik sekali oleh Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd Ali Kamarudin dalam buku *Kepemimpinan Pemuda Umno; Antara Personaliti dan Situasi*. Penulis berkesempatan mengikuti setiap perkembangan kempen yang dilakukan di bilik-bilik hotel di kalangan perwakilan yang siap sedia berhimpun sebelum menjalankan pengundian. Bagi pembaca yang meminati Anwar dan mahu berkongsi pengalaman bersama Anwar menempuh saat paling mendebarkan itu, saya sarankan agar mengikuti tulisan ini seterusnya, yang dikutip dari buku tersebut, dengan sedikit ubahsuai:

Hanya beberapa jam sebelum pertandingan, seorang pembantu yang berkempen untuk Anwar Ibrahim memberitahu sekumpulan kecil wakil-wakil ke perhimpunan agung, bahawa usaha membantu memenangkan Anwar dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda Umno adalah jauh lebih sukar daripada usaha membantu memenangkan Datuk Musa dalam pertandingan Timbalan Presiden pada bulan Mei 1981. Ketika itu, kira-kira hampir subuh, penyokong kuat Anwar itu sudah hampir berputus asa. Sementara itu, kaki-kaki judi yang selalunya amat ghairah menangguk kesempatan daripada pertandingan besar seperti ini, dilaporkan tidak berani bertaruh untuk mana-mana pihak. Sehingga ke saat-saat akhir sebelum pengundian, ramalan paling pasti yang berani dibuat ialah, walau siapapun yang menang, ia akan hanya mampu memungut majoriti undi yang amat marginal.

Akhirnya ramalan itu benar-benar menjadi kenyataan. Anwar hanya mendapat kelebihan sepuluh undi. Beliau memperolehi 183 undi, Haji Suhaimi 173 undi dam Hang Tuah Arshad tujuh undi. Kelebihan undi Anwar amatlah kecil dan boleh menakutkan sesiapa juga kerana dalam tempoh dua tahun kelebihan sepuluh undi ini dengan mudah boleh berpindah tangan jika pemegangnya tidak cukup berhati-hati mengendalikan suasana.

Bagi Anwar, setiap kelebihan undi itu amat mahal harganya kerana, berdasarkan isu-isu kempen, nyatalah pertandingan itu

bukanlah di antara dua tokoh tetapi sebaliknya di antara Anwar sebagai satu personaliti dengan konservatisme sebagai satu ideologi peribadi. Sebagai tokoh berkaliber, Anwar mungkin, dengan mudah mengalahkan Suhaimi, jika pertandingan itu berlaku di luar gelanggang Umno. Tetapi yang dihadapi Anwar bukanlah seorang Suhaimi tetapi satu kumpulan sikap konservatisme, yang melihat dalam diri Anwar satu simbol radikalisme yang mengimbau-imbau perubahan radikal yang segera kepada institusi yang sedia ada. Suhaimi hanyalah simbol konservatisme yang hendak dipertahankan itu.

(Bagaimanapun patut diingat suasana ketika itu, masih dihangati dengan suasana peralihan pucuk pimpinan Umno, di mana Mahathir dan Musa menerajui negara. Di tengah-tengah harapan yang kembali membumbung di kalangan orang-orang Melayu terhadap 2M inilah Pemuda Umno terpaksa memilih ketua baru. Orang ramai dan anggota-anggota pergerakan itu mulai memperkatakan peri pentingnya dipilih seorang Ketua Pemuda yang dapat mengikut tempo yang digayakan oleh pucuk pimpina baru negara. Gaya kepemimpinan Haji Suhaimi mulai dipertikaikan, bukan kerana anggapan bahawa beliau seorang pemimpin yang lemah tetapi adalah kerana beliau dianggap tidak sesuai dengan keadaan yang ada. Ramai berpendapat kalau pucuk pimpinan Umno induk mampu berjalan, maka Pemuda mestilah boleh berlari).

Hujah penentangan terhadap Anwar berkisar sekitar persoalan bahawa beliau adalah tokoh yang baru saja aktif dalam kegiatan Umno dan kerana itu harus patuh kepada amalan tradisi; menyusur dari akar ke puncak. Ada perasaan lain yang tersembunyi di sebalik hujah itu yang tidak disedari atau tidak mampu disampaikan; pertama, kecurigaan terhadap kehadiran Anwar di dalam Umno dan kedua, kecemburuan terhadap Anwar yang dikatakan terlalu cepat ingin duduk sebelum sempat berlunjur. Perasaan cemburu dan curiga ini juga mungkin lebih dirasai di kalangan anggota-anggota dewasa Umno. Ketokohan Anwar memang diakui hatta oleh penentangnya tetapi yang dipertikai ialah Anwar sebagai ahli Umno; jiwanya, hasratnya, cita-citanya,

oreintasinya dan seluruh personaliti Umnonya.

Jumlah undi Anwar mencerminkan betapa besarnya sikap serba salah terhadap penerimaan beliau sebagai Ketua Pemuda Umno. Ini adalah manifestasi dari perasaan berat hati untuk menerima Anwar sebagai pemimpin. Yang tergambar di sini ialah mentaliti kelompok yang berdepan dengan konflik mendekati-menghindari yang berbelah-bagi di antara hendak menerima Anwar yang diakui ketokohannya tetapi belum tersosialisasi ke dalam subbudaya Umno, dengan perasaan hendak mengekalkan tradisi dan menolak Anwar dengan risiko kehilangan seorang tokoh yang sudah teruji kalibernya ketika di luar Umno. Ini bukanlah konflik di antara hendak menerima Anwar atau Suhaimi. Isu-isu yang diketengahkan dalam kempen tidaklah mengarah ke situ. Tetapi secara terpendam, nyatalah yang diketengahkan sebagai pilihan ialah di antara Anwar dengan norma dan nilai tradisi Umno. Maka untuk mempertahankan Umno dengan segala *peculiarity*nya, Haji Suhaimi haruslah dikekalkan. Ini jelas dapat dilihat daripada hujah-hujah sokongan terhadap Suhaimi yang tidak sangat menampakkan kesayangan kepada beliau sebagai ketua lama. Ura-ura untuk menggantikan pemimpin sudah lama kedengaran dalam Pemuda Umno tetapi apabila orang yang menawarkan diri untuk memberi pimpinan itu ialah Anwar, maka sebahagian daripada anggota-anggota yang dahulunya ghairah untuk melihat perubahan itu mulai surut ke belakang.

Anwar telah berjanji akan membawa perubahan jika beliau menang. Perubahan yang akan dibawanya itu mungkin disukai mungkin juga tidak. Tetapi, itu bukanlah persoalannya. Apa yang menjadi masalah ialah perubahan itu akan dibawa oleh Anwar dan bukan orang lain. Ada kecurigaan tentang kemungkinan bahawa perubahan itu akan tergelincir daripada landasan yang harmoni dengan persekitaran wujudnya bahaya kepada kestabilan organisasi yang ada sekarang, baik di dalam perubahan akibat daripada menerima Anwar mahupun di dalam perubahan yang mungkin dibawa oleh Anwar. Maka di tengah-tengah konflik perasaan inilah Anwar memperolehi kelebihan undi yang amat

sedikit itu.

Kecurigaan terhadap Anwar seperti yang digambarkan dalam kempen itu bukanlah sangat berpunca dari pengamatan terhadap beliau sebagai orang baru dalam Umno. Pejabat Setiausaha Agung Umno sendiri telah mengeluarkan kenyataan, sehari sebelum pertandingan, untuk menjelaskan bahawa Anwar telah menjadi anggota Umno yang sah sejak lama dulu. Jelan rentas yang dilalui Anwar untuk sampai ke puncak juga bukanlah alasan yang kuat untuk dicemburui kerana sebelum Anwar pun sudah ada tokoh-tokoh yang dilantik memegang jawatan kerajaan dan/atau parti atau diberi bertanding dalam pilihan raya sehari dua selepas mereka mengisytiharkan diri menjadi anggota Umno. Punca sebenar kecurigaan ini ialah pengamatan yang stereotaip terhadap diri dan personaliti Anwar; pola ciri-ciri dalam diri beliau yang dianggap dimiliki kerana keanggotaannya di dalam beberapa kelompok dan pertubuhan selain daripada Umno. Dan sejurus sebelum mengisytiharkan kembali aktif dalam Umno, Anwar mengepalai jawatankuasa bertindak untuk menentang pindaan Akta Pertubuhan. Beliau pernah berada di Iran, dan pernah juga mengunjungi Afghanistan. Semua ini adalah kegiatan-kegiatan *anti establishment*.

Yang terserlah dalam pengamatan ini ialah satu personaliti yang sejak satu dekad yang lalu amat lantang suaranya mengkritik dasar-dasar Umno. Sebahagian anggota Umno merasa kurang yakin bahawa seseorang yang sudah sekian lama mengambil sikap negatif terhadap sesebuah organisasi boleh pula menyertai organisasi itu dengan jujur. Mereka cenderung mempunyai fikiran yang sebaliknya; bahawa kemasukan seseorang seperti Anwar ini mestilah dengan seuatu motif tertentu. Memang ada perubahan dalam pucuk pimpinan Umno yang didakwa Anwar sebagai faktor penting mempengaruhi perubahan sikapnya, tetapi perubahan ini, pada pendapat mereka, hanyalah pada pemimpin dan gaya kepemimpinan dan bukannya pada dasar parti. Umno yang kini dianggotai Anwar adalah Umno yang dikritiknya dahulu itu juga. Oleh itu, Anwar yang menyertai Umno ini haruslah diuji terlebih

dahulu. Anwar tidak perlu diberi peluang memimpin sekarang.

Seseorang yang mengetahui latar belakang keluarga Anwar serta tempat beliau disekolahkan, tentulah tidak begitu terkejut atau menaruh sebarang kecurigaan terhadap penyertaan aktif beliau dalam Umno. Sesungguhnya, sikap, nilai, ideologi seseorang boleh terbentuk melalui penggunaan mekanisme ganjaran dan dendaan atau proses permodelan di rumah. Sehingga akhir zaman remaja, kanak-kanak mengongsi hampir seluruh sikap ibu bapa mereka. Mereka akan bersetuju dengan apa juga isu, mengambil semua bias dan kepercayaan ibu bapa mereka serta turut menyukai apa juga yang disukai dan tidak disukai oleh ibu bapa mereka.

Inilah keadaan yang dialami Anwar. Anwar dibesarkan dalam keluarga Umno. Bapanya bekas Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Ibunya adalah Ketua Ibu Umno di Bukit Mertajam. Oleh kerana tempoh awal kehidupan seseorang adalah tempoh genting dalam pembinaan personalitinya, maka apabila Anwar menyokong Umno, bukanlah bererti Anwar baru mengubah sikap. Anwar hanya kembali kepada sikap asalnya yang terpendam buat sekian lama yang telah diperolehinya daripada keluarganya sendiri. Tambahan pula zaman remajanya telah dihabiskan di Maktab Melayu Kuala Kangsar, sebuah sekolah yang lebih ramai menghasilkan pemimpin yang menggemari Umno daripada yang menentangnya.

Ada tiga golongan pengundi yang terpaksa dihadapi oleh Anwar - dalam pemilihan Ketua Pemuda itu - dua darinya adalah golongan ekstrim. Pertama, mereka yang sedia menerima Anwar tanpa soal jawab. Sebahagian besar dari mereka mungkin terdiri dari rakan-rakan beliau atau mereka yang pernah mengenali beliau ketika beliau memimpin pergerakan pelajar dan belia yang sudah ramai menganggotai Umno. Satu lagi golongan ekstrim ialah mereka yang tidak dapat menerima Anwar sama sekali walau atas dasar apa pun. Mereka adalah golongan yang kuat berpegang kepada nilai dan tradisi Umno; anggota-anggota Umno yang menghayati nilai-nilai Umno dengan sejati. Di antara kedua-dua

ekstrim ini terdapat golongan ketiga yang bersedia menerima Anwar sebagai ketua dengan syarat Anwar sedia menyerapkan dirinya secara harmonis ke dalam budaya Umno yang sudah terbina sejak berpuluh tahun. Namun demikian, jika dilihat dari segi taburan undi, golongan ini mungkin terpecah lagi kepada dua. Golongan pertama sedia memberikan undi kepada Anwar dalam pertandingan kali pertama itu juga tetapi ibarat pengail yang pancingnya baru mengena, mereka hanya bersedia melepaskan tali pancing dengan penuh kewaspadaan dan tidak akan ragu-ragu untuk menyentaknya kembali jika keadaan memerlukan. Golongan kedua sebaliknya berhujah, Anwar harus menunggu sehingga ke tahun 1984 bila kerusi Ketua Pemuda dikosongkan khusus untuk memberi tempat kepadanya selepas keanggotaannya dalam Umno telah teruji. Oleh sebab itu Anwar tidak memperolehi undi dari golongan terakhir ini.

Jadi kelebihan sepuluh undi yang kecil itu seolah-olah mengandungi amaran halus bahawa Anwar sedia diterima untuk memimpin Pemuda dengan syarat Anwar juga mestilah bersedia untuk mematuhi dan memelihara nilai, norma dan budaya tradisi Umno. Anwar boleh memperkenalkan kemajuan kepada Umno. Anwar juga boleh membawa perubahan kepada tugas dan fungsi Pemuda Umno. Tetapi beliau janganlah sekali-kali cuba merombak institusi, amalan dan haluan Umno. Pendek kata, undi ini mungkin boleh ditafsirkan sebagai bermaksud, Anwar boleh menukar isi kandungan perjuangan Umno tetapi Anwar tidak harus menyentuh bentuk Umno itu sendiri. Anwar boleh mengubah tugas-tugas organisasi tetapi bukan prosesnya.

Ada tanda-tanda Anwar menyedari amaran ini. Beliau tidak sedikit pun membuat pembersihan dengan menyingkirkan orang-orang yang lebih banyak dikaitkan dengan Suhaimi. Anwar bersikap merendah diri terhadap anggota-anggota Pemuda Umno dan badan induknya sebagai bukti bahawa beliau menghormati mereka sebagai anggota-anggota lama dalam Umno. Anwar mengekalkan Zainal Abidin Husman, seorang yang sangat rapat hubungannya dengan Suhaimi, sebagai setiausaha kerja Pemuda;

satu isyarat bahawa beliau tidak mempunyai sebarang kecurigaan terhadap orang-orang Suhaimi. Beliau, bahkan melantik Hanafi Ramli yang menjadi Ketua Pemuda Umno Kedah di zaman Suhaimi, sebagai salah seorang anggota exconya. Hanafi yang didesas-desuskan sebagai mengalih sokongan kepada Anwar di saat akhir pemilihan merupakan orang kuat Suhaimi sebelumnya.

Sebahagian anggota exco yang terpilih dalam pertandingan itu adalah orang-orang yang taat setianya amat kukuh pada Suhami. Najib, Naib Ketua Pemuda, juga didesas-desuskan, pada saat-saat akhir sebelum pertandingan akan meletakkan jawatan jika Anwar menang. Apabila Najib mengiringi Suhaimi menemui para perwakilan di lobi-lobi hotel pada malam sebelum pertandingan, beliau dilihat sebagai memberi sokongan kepada Suhaimi. Nazri Tan Sri Aziz, salah seorang anggota exco kanan Pemuda Umno, juga dikaitkan dengan Suhaimi. Para pemerhati, pendeknya, melihat Anwar akan banyak menghadapi masalah dalam mengendalikan exconya yang terdiri daripada orang-orang yang masih setia kepada ketua lama mereka. Tetapi, dalam masa yang singkat, Anwar berjaya memenangi hati mereka ini sehingga beliau tidak perlu mengambil banyak masa untuk memulihkan keadaan yang sedang bergolak itu.

# 8

# BILA BPR MAHU DAKWA RAHIM?

Kepada,
Tuan Haji Ahmad Said bin Hamdan,
Pengarah Bahagian Siasatan,
Badan Pencegah Rasuah (BPR),
Ibu Pejabat BPR,
Persiaran Duta,
50988 Kuala Lumpur.

**Laporan Amalan Rasuah Ketiga Terhadap Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik: Milikan Sebuah Syarikat Penama Dayamik Sdn Bhd dan Hotel Peranginan Ayer Keroh D'Village Resort Bernilai Sebanyak RM20 Juta**

Saya ingin membuat aduan ketiga amalan rasuah terhadap Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik mengenai milikan sebuah hotel peranginan Ayer Keroh d'Village dan sebuah syarikat penama Dayamik Sdn Bhd. Ini adalah berikutan jawapan bertulis yang diberikan kepada saya oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Othman Abdul di Parlimen pada 21 Julai 1993 bahawa BPR tidak menjalankan sebarang siasatan ke

atas milikan hotel ini oleh Tan Sri Rahim kerana tidak ada sebarang laporan dibuat.

Terlebih dahulu, saya ingin merujuk kepada dua aduan saya kepada pihak BPR pada 21 April 1993 dan 22 Mei 1993 mengenai amalan rasuah Tan Sri Rahim. Dalam kedua-dua aduan tersebut saya menyatakan amalan rasuah beliau dibuktikan dengan timbunan kekayaan beliau sebanyak RM4.11 juta yang kebanyakan dibayar dengan wang tunai seperti berikut:

1. MP 1 yang dilekatkan pada sebuah kereta import Porsche 928 S4 yang dijual sekarang dengan harga baru sebanyak RM1 juta;
2. MX 1 yang ditender dengan harga RM12,000 dan dilekatkan pada sebuah kereta import Mercedez Benz 300SL sports model yang dijual sekarang dengan harga baru sebanyak RM900,000;
3. MR 1 yang dilekatkan pada sebuah motosikal Honda C100 yang bernilai lebih dari RM3,900;
4. MV 1 yang ditender dengan harga RM5,001 dan dilekatkan pada sebuah motosikal Honda bernilai lebih dari RM3,900;
5. BCF 5 yang didaftarkan dalam nama isteri Tan Sri Rahim, Puan Sri Zabedah bt Abdullah, dan dilekatkan dalam kereta BMW 525i(A) Saloon yang dijual sekarang dalam harga baru RM210,000. Adalah jelas kereta ini dibayar oleh Tan Sri Rahim kerana isterinya adalah seorang suri rumah dan tidak bekerja;
6. SRI JEBAT, sebuah rumah mewah banglo bertingkat dua yang mempunyai keluasan 7,991 kaki persegi dan dilengkapi dengan sebuah kolam renang moden di 4379-C, Jalan Melor, Bukit Baru, Melaka, dianggarkan bernilai RM500,000;
7. SRI KASTRURI, sebuah rumah mewah banglo yang mempunyai keluasan 8,031 kaki persegi dan dilengkapi dengan sebuah kolam renang moden di 5331-C, Jalan Paya Ikan, Melaka, dianggarkan bernilai RM300,000;
8. Sebidang tanah seluas 68,757 kaki persegi atau 1.6 ekar yang telah ditimbun tanah dan diratakan di Bukit Baru, Melaka yang dicagarkan kepada Mayban Finance dan dianggarkan bernilai RM300,000; dan

9. Lima buah rumah kedai bertingkat tiga di Taman Harta Pertama, Bukit Baru, Melaka dengan geran kekal yang dibeli oleh Tan Sri Rahim secara lelong awam pada 9 Januari 1993 dengan wang tunai RM875,000.

Hari ini saya ingin membuat pendedahan yang kesepuluh dan kesebelas harta benda Tan Sri Rahim.

10. RM40,000 Saham Dayamik Sdn Bhd

Mengikut penyelidikan di Pendaftar Syarikat pada 3 Mei 1993, Dayamik Sdn Bhd telah diperbadankan pada 3 Oktober 1984 dan mempunyai modal berbayar sebanyak RM30,002 yang dimiliki oleh sebuah syarikat Dayapromik Sdn Bhd. Alamat di mana perniagaan dijalankan adalah di No. 4379-C, Jalan Melor, Bukit Baru, 75150 Melaka. Pengaraha Dayamik Sdn Bhd adalah:

a) Abddol Sani bin Abdul Ghani KP No. 1990906
b) Mohd Zin bin Othman KP No. 6276464

Kenyataan bahawa dayamik Sdn Bhd adalah syarikat penama yang dikuasai oleh Tan Sri Rahim berdasarkan tiga sebab berikut:

i) Tan Sri Rahim telah menjual sekeping tanah geran Mukim No. 2, Lot No. 1726 Mukim Bukit Katil, Melaka kepada Dayamik Sdn Bhd pada 9 Julai 1985. Bayaran yang diterima oleh Tan Sri Rahim bukanlah wang tunai tetapi RM40,000 saham Dayamik Sdn Bhd. Ini dibuktikan oleh Borang 14A (Pindahmilik Tanah, Bahagian atau Pajakan) Kanun Tanah Negara di mana satu salinan rasmi bertarik 4 Jun 1993 diperolehi dari Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah. Borang 14A ini disahkan dan disaksikan oleh peguam Tan Sri Rahim, Mohd Ali bin Haji Abdul Majid yang merupakan bekas Ahli Exco Negeri Melaka dan kini ABUN Melaka untuk kawasan Sungai Baru;
ii) Alamat Dayamik Sdn Bhd di mana perniagaan dijalankan yakni No. 4379-C, Jalan Melor, Bukit Baru, 75150 Melaka adalah sama dengan banglo mewah Tan Sri Rahim bernilai RM500,000 yang dinamakan Sri Jebat; dan
iii) Salah satu dari pengarah Dayamik Sdn Bhd, Abddol Sani bin Abd Ghani, KP No. 1990906, adalah bekas pemandu rasmi

Tan Sri Rahim. Ini dibuktikan oleh jawapan bertulis Dewan Undangan Negeri Melaka pada 3 Jun 1993 yang menyatakan Encik Abddol telah dilantik secara kontrak oleh Kerajaan Negeri Melaka sebagai pemandu sepenuh masa kepada Tan Sri Rahim dan isterinya di antara tahun 1982 hingga 1 Mei 1992 dengan elaun sebanyak RM583 sebulan. Memandangkan Dayamik Sdn Bhd diperbadankan hanya dalam tahun 1984, ini bermakna bahawa sepanjang masa Encik Abddol berkhidmat sebagai pemandu rasmi Tan Sri Rahim, dia juga pengarah penama (nominee director) Tan Sri Rahim.

RM40,000 saham Dayamik Sdn Bhd milikan Tan Sri Rahim dirahsiakan olehnya kerana tidak pernah dilaporkan kepada Pendaftar Syarikat. Kalau tidak kerana borang 14A, tidak ada seorang yang akan tahu tantang rahsia Tan Sri Rahim.

Tan Sri Rahim bersedia tidak melaporkan milikan sahamnya sepertimana yang diperlukan di bawah Seksyen 54(6) Akta Syarikat kerana kegagalan membuat laporan benar tentang pemegang saham adalah kesalahan syarikat dan pegawai syarikat tersebut yang akan dihukum dengan denda RM2,000 sahaja di bawah Seksyen 158(7). Jelas sekali Tan Sri Rahim tidak gentar dengan hukuman yang begitu ringan lebih-lebih lagi apabila hanya syarikat dan bukan beliau sendiri yang akan dihukum.

Dengan milikan RM40,000 saham Tan Sri Rahim secara sulit berbanding dengan modal berbayar Dayamik Sdn Bhd yang dilaporkan sebanyak RM30,002 jumlah sebenar modal berbayar adalah RM70,002. Tan Sri Rahim jelas menguasai syarikat tersebut untuk menceburi diri secara haram dalam bidang perniagaan. Inilah adalah penting kerana Dayamik Sdn Bhd mempunyai hartabenda yang amat berharga.

11. RM20 Juta Hotel Peranginan Ayer Keroh d'Village

Dayamik Sdn Bhd dan secara tidak langsung Tan Sri Rahim memiliki Hotel Peranginan Ayer Keroh d'Village yang terletak di Ayer Keroh, Melaka. Ini adalah menerusi milikan tiga keping tanah seluas 6.8051 ekar atau 296,431 kaki persegi oleh Dayamik Sdn Bhyd di mana hotel peranginan didirikan, yakni:

a) H.S.(M) MCL(T) 1 Lot No. P.T. 3248 Mukim Bukit Katil seluas 2.9392 ekar atau 128,032 kaki persegi;

b) H.S. (M) MCL(T) 3. Lot PT No. 3703 Mukim Bukit Katil seluas 3.1582 ekar atau 137,571 kaki persegi; dan

c) MCL H.S. (M) MCL(T) 4. Lot P.T. No. 3704 Mukim Bukit Katil seluas 0.7077 ekar atau 30,828 kaki persegi.

Hotel peranginan Ayer Keroh d'Village dinilaikan berharga RM20 juta dengan:

i) 274 buah bilik berhawa dingin dan suites dengan TV berwarna dan video dalaman;

ii) Kolam renang dan empat buah bilik mesyuarat;

iii) Ballroom Flor d' La Mar yang boleh menampung 1,000 orang; dan

(iv) Restoren, *coffee house* dan *beer pubs*.

Kedua-dua pendedahan ini bermakna harta benda Tan Sri Rahim bertambah kepada RM24.15 juta setakat ini. Memang mustahil bagaimana Tan Sri Rahim mampu memiliki harta benda sebegitu banyak dengan gaji terkumpul sebanyak RM1.8 juta dalam tempoh masa 10 tahun beliau berkhidmat sebagai Ketua Menteri Melaka.

**Penyelewengan Dalam Urusan Tanah dan Pembinaan Ayer Keroh d'Village**

Lagipun penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa jelas wujud dalam urusan tanah di mana Ayer Keroh d'Village didirikan serta pembinaannya seperti yang berikut:

a) Salah satu daripada tiga keping tanah di atas, geran Mukim No. 2 Lot No. 1726 Mukim Bukit Katil sebelum ditukar kepada Tanah Adat Melaka (TAM) H.S.(M) MCL(T) 1 Lot No. P.T. 3248 Mukim Bukit Katil, adalah milikan Tan Sri Rahim sebelum dijual kepada Dayamik Sdn Bhd untuk RM40,000 saham Dayamik Sdn Bhd. Pentadbir Tanah Negeri Melaka telah meluluskan permohonan tanah ini ditukar kepada Tanah Adat Melayu atau TAM dalam masa 14 hari sahaja iaitu permohonan dibuat pada 16 November 1988 dan diluluskan dalam 30 November 1988.

Cepatnya kelulusan diberikan adalah sungguh luar biasa

kerana ia biasa memakan masa beberapa bulan. Lagipun Kerajaan Negeri lazimnya tidak membenarkan permohonan menukar kepada TAM kalau tempoh pajakan tanah akan habis dalam tujuh tahun iaitu 25 Mei 1996. Biasanya Kerajaan Negeri akan membiarkan tempoh pajakan luput dan mengambil balik tanah tersebut. Kelulusan hanya akan diberikan kalau masih ada sekurang-kurangnya tempoh pajakan lebih dari 20 tahun.

b) Keadaan sama wujud bagi tanah di bawah H.S. (M) MCL(T) 3. Lot PT No. 3703 Mukim Bukit Katil yang akan habis tempoh pajakannya pada 25 Mei 1993. Tetapi Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonannya menukar kepada TAM pada 22 Oktober 1992. Tambahan pula Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan Dayamik Sdn Bhd menukarkan kegunaan tanah dari pertanian kepada bangunan perniagaan pada 16 Oktober 1992 iaitu denam hari sebelum permohonan TAM diluluskan.

c) Tanah di bawah MCL H.S. (M) MCL(T) 4. Lot P.T. No. 3704 Mukim Bukit Katil adalah kerajaan yang telah diluluskan kepada Dayamik Sdn Bhd oleh Kerajaan Negeri. Mengikut penyelidikan di Pentadbir Tanah Daerah Melaka suratan hakmilik tanah tersebut hanya dikeluarkan pada 4 November 1992.

Terdapat satu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di sini kerana pelan bangunan hotel peranginan ini diluluskan oleh Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) sebelum geran tanah dipindah didaftar dan dikeluarkan.

Mengikut jawapan bertulis dari Dewan Undangan Negeri Melaka pada September 1992, pelan bangunan hotel peranginan ini diluluskan oleh MPMBB pada 23 Julai 1992, sebelum suratan hakmilik dikeluarkan. Dalam kata lain, pembinaan ayer Keroh d'Village dijalankan secara haram di antara 23 Julai 1992 dan 4 November 1992 di atas tanah kerajaan kerana pindahan dan suratan hakmilik masih belum dikeluarkan kepada Dayamik Sdn Bhd.

Ini adalah salah kerana mengikut peraturan permohonan pelan bangunan yang ditetapkan olem MPMBB, kelulusan hanya boleh diperolehi kalau dokumen-dokumen seperti resit cukai tanah, premium tanah dibayar dan salinan suratan hakmilik disertai

bersama. Semua keperluan ini tidak dipenuhi tetapi kelulusan masih diberikan oleh MPMBB.

Perlulah diingati bahawa Tan Sri Rahim adalah Ketua Exco Negeri Melaka dan MPMBB yang memberikan kelulusan tanah dan bangunan pelan kepada Dayamik Sdn Bhd. Adalah berkemungkinan besar Tan Sri Rahim telah menggunakan jawatannnya untuk memanfaatkan kepentingan peribadi atau syarikatnya. Bagaimanapun jelas bahawa beliau menyalahi Seksyen 2(8) Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang melarang seorang Ketua Menteri menceburi diri dalam perniagaan.

Malah beliau sendiri mencabar di Dewan Undangan Negeri Melaka pada 4 Jun 1993 bahawa beliau hanya boleh dibuktikan terlibat dalam percanggahan kepentingan dan salahguna kuasa kalau boleh dibuktikan bahawa beliau sendiri atau saudara maranya memiliki saham atau ekuiti tertentu dalam syarikat-syarikatnya. Milikan saham Tan Sri Rahim dalam Dayamik Sdn Bhd sebanyak RM40,000 memenuhi syaratnya bahawa beliau menyalahgunakan kuasanya dan mewujudkan percanggahan kepentingan.

Maka kesalahan sedemikian telah ditakrifkan sebagai satu amalan rasuah di bawah Seksyen 2(1) Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 22, 1970 yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya. Tambahan pula di bawah Seksyen 161 Kanun Keseksaan, kesalahan rasuah boleh dihukum dengan penjara sepanjang tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Akhirnya saya ingin menegaskan bahawa usaha membasmi gejala rasuah hanya akan berjaya kalau prinsip Kepimpinan Melalui Teladan diamalkan. Di sini saya ini memuji Jabatan Perkhidmatan Awam yang mengambil tindakan ke atas 10 pegawai yang telah mengumpulkan harta benda di luar kemampuan elaun bulanan mereka dan meminta mereka mengumumkan harta benda mereka.

Tindakan yang sama haruslah diambil ke atas pemimpin politik oleh BPR untuk memastikan bahawa pelaksanaan undang-

undang adalah adil, saksama dan samarata. Sebarang kegagalan pihak BPR mengambil tindakan sama ke atas pemimpin politik yang mengumpulkan harta di luar kemampuan mereka seperti Tan Sri Rahim akan memberikan gambaran bahawa wujudnya "pilih bulu" atau *double-standards* dalam pelaksanaan undang-undang.

Jika BPR meminta Tan Sri Rahim mengumumkan harta bendanya, ini akan memberikan keyakinan kepada orang ramai bahawa BPR boleh menjalankan siasatan ini dengan serius dan bebas tanpa memihak sesiapa. Sekian.

Yang benar,
**LIM GUAN ENG**
Pengerusi Kebangsaan DAPSY
Ahli Parlimen Kota Melaka.

# 9

# TUDUHAN RASUAH RAHIM: APA SIKAP PM?

Kepada,
YAB Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.
12 April 1993

Yang Amat Berhormat,
**Pengisytiharan Kepada Umum Harta YAB Ketua Menteri Melaka Untuk Menjawab Skandal Milikannya, Kereta Mewah Porsche 928 S4 dan Mercedes 300 SL Bernilai RM1.9 Juta**

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kedatangan YAB selama dua hari ke Melaka dan kawasan pilihan raya saya pada 15 dan 16 April 1993.

Saya ingin menarik kesempatan menarik perhatian YAB tentang satu skandal hangat yang kini melanda negeri Melaka, yakni kemampuan YAB Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul

Rahim Tamby Chik membayar secara wang tunai (cash) dua buah kereta mewah yang kini dijual dengan harga sebanyak RM1.9 juta.

Menurut satu carian (search) dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah ditemui bahawa YAB Tan Sri Rahim mempunyai empat buah kenderaan yang memakai plat kereta No. 1 di bawah milikan peribadinya, seperti yang berikut:

1. MP1 sebuah kereta import Porsche928 S4 yang dijual sekarang dengan harga baru sebanyak RM1 juta;
2. MX1 sebuah kereta import Mercedes Benz 300SL sports model yang dijual sekarang dengan harga baru sebanyak RM900,000;
3. MR1 sebuah motosikal Honda C100 yang bernilai lebih dari RM3,000; dan
4. MV1 sebuah motosikal Honda C100 yang bernilai lebih dari RM3,000.

Carian dari JPJ juga menunjukkan bahawa YAB Tan Sri Rahim tidak meminjam wang dari syarikat kewangan tetapi membayarnya dengan wang tunai (cash). Adalah mustahil Tan Sri Rahim berkeupayaan membayar dengan wang sendirinya kerana jumlah elaun bulanan sebelum kenaikan elaun pada tahun lepas adalah RM15,000 sebulan. Kalau dijumlahkan elaun ini sepanjang 10 tahun beliau berkhidmat sebagai Ketua Menteri Melaka, beliau hanya memperolehi RM1.8 juta daripada RM1.9 juta untuk membayar kereta mewah.

Rakyat kini tertanya-tanya adakah YAB Tan Sri Rahim mempunyai sumber kewangannya secara peribadi yang lain? Kalau ia, ini adalah haram di sisi undang-undang kerana Ketua Menteri tidak dibenarkan menceburi diri di dalam bidang perniagaan demi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Dalam satu kenyataan akhbarnya pada 7 April 1993, menerusi Setiausaha Akhbarnya, YAB Tan Sri Rahim berani mengakui bahawa bayaran dibuat secara wang tunai (cash) dengan menjual kesemua tiga buah kereta yang dimilikinya dan meminjam wang dari beberapa sumber yang tidak dinamakan untuk membeli dua

buah kereta mewah itu yang dijual dengan harga baru sekarang sebanyak RM1.9 juta. Jawapan ini sungguh tidak memuaskan dan tidak boleh diterima kerana menimbulkan lebih banyak soalan serius seperti:

1. Berapa banyakkah dan siapakah sumber kewangan tersebut yang meminjam wang sebegitu banyak untuk membolehkan Tan Sri Rahim membeli kereta-kereta mewah sebanyak RM1.9 juta tanpa sebarang cagaran atau tuntutan hakmilik ke atas keretanya?
2. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh peminjam ke atas pinjaman tersebut? dan
3. Adakah beretika dan bermoral untuk seorang Ketua Menteri meminjam wang untuk membeli kereta dan hidup mewah atau *living beyond his means?*

Saya ingin meminta YAB Perdana Menteri menjelaskan sama ada beliau menggalakkan Ketua Menterinya hidup mewah dan pakai kereta mewah sehingga terpaksa meminjam wang dari beberapa sumber yang tidak dinamakan ini. YAB telah mengecam ADUN Usno yang menyertai kerajaan campuran PBS sebagai yang menceburi diri dalam politik hanya untuk cari makan dan hidup mewah. YAB Ketua Menteri juga harus dikecam kerana telah berjaya menjadi jutawan selepas menjadi Ketua Menteri Melaka.

Lagipun adalah tidak patut dan tidak bermoral untuk seorang pemimpin politik diberikan empat nombor plat kereta No. 1 secara peribadi. Sehingga Tan Sri Rahim tidak cukup kereta untuk meletakkan plat nombor kereta No. 1 dan terpaksa menumpang plat nombor MR1 dan MV1 ke atas dua motosikal Honda C100 yang tidak dipakai oleh YAB Tan Sri Rahim!

Justeru itu, YAB Perdana Menteri mestilah mengisytiharkan kepada umum harta Tan Sri Rahim yang enggan dibuat oleh YAB Tan Sri Rahim selama ini untuk menjawab persoalan bagaimana beliau mampu membayar wang tunai untuk membeli kereta mewah Porsche 928 S4 dan Mercedes 300 SL.

Demi kepentingan orang ramai, adalah diharapkan YAB

Perdana Menteri boleh membangkitkan isu ini dengan YAB Tan Sri Rahim semasa lawatan beliau ke Melaka. Sekian.

Yang benar,
**LIM GUAN ENG**
Pengerusi Kebangsaan DAPSY
Ahli Parlimen Kota Melaka.



Syed Hamid (lima dari kanan) menyanyi lagu Umno dengan begitu bersemangat. Turut serta Abdullah Ahmad Badawi. Tidak pasti apakah Syed Hamid akan terus bersemangat selepas 3 November depan, begitu juga Pak Lah. Tidak mustahil kedua-duanya menang. Bagaimana agaknya perasaan Anwar ketika itu.




Mahathir diiringi Rahim ketika merasmikan Air Keroh D'Village Resort. Mahathir kena risik-risik dengan BPR; apakah Rahim tidak ada kepentingan di dalamnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung?



Aii, Mahathir dah lupakan Ghafar nampaknya ...



Senyum meleret Mahathir di sebelah Anwar, Tok Mat lagi sakan! Gambar ini diambil selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 5 Ogos 1993. Wartawan membangkitkan, benarkah Ghafar meletakkan jawatan? Kerusi yang diduduki Anwar itu sebenarnya dikhususkan untuk Timbalan Presiden Umno.




Apa yang Anwar perjelaskan pada Rahim tu. Nak dakwah atau nak tutup penyelewengan. Ramai orang pening kepala; apalah hebatnya Rahim sampai Anwar berkenan sangat tu?

# 10

# AWAS! PENYAKIT RAHIM SUDAH BERJANGKIT!

Kepada,
Tuan Haji Ahmad Said bin Hamdan
Pengarah Bahagian Siasatan,
Badan Pencegah Rasuah (BPR),
Ibu Pejabat BPR,
Persiaran Duta, 50988 Kuala Lumpur.

Tuan,

**Menyiasat Sumber Kewangan dan Perniagaan Ahli Exco Negeri Melaka Datuk Gan Boon Leong Serta Ahli Keluarganya**

Dengan hormatnya saya ingin meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengadakan siasatan penuh ke atas sumber kewangan dan perniagaan Pengerusi MCA Melaka dan Ahli Exco Negeri Melaka Datuk Gan Boon Leong serta ahli keluarganya. Ini adalah berikutan

satu peristiwa di mana penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa telah berlaku yang mengorbankan kepentingan awam demi kepentingan peribadi.

Peristiwa yang berkenaan timbul dari aduan penghuni-penghuni di beberapa taman perumahan di sekitar Jalan Ujong Pasir di Melaka tentang kekotoran, pencemaran udara, bunyi dan bau dari kerja penanaman cerucuk (piling works) oleh sebuah syarikat pemaju perumahan swasta, Medan Anika Sdn Bhd. Medan Anika Sdn Bhd sedang membina sebuah projek kondominium sembilan tingkat berharga RM16 juta yang dinamakan Pangsapuri Pasir Mutiara.

Apabila penghuni-penghuni membuat aduan kepada jabatan kerajaan seperti Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB), Jabatan Alam Sekitar dan juga Datuk Gan sebagai Ahli Exco atas portfolio kesihatan selain dari menjadi ADUN kawasan tersebut, aduan mereka tidak dilayani. Malah mereka difahamkan ini adalah kerana syarikat tersebut mempunyai hubungan dengan pemimpin tertinggi negeri Melaka.

Saya telah membuat carian dengan Pendaftar Syarikat pada Mei 1993 dan mendapati Medan Anika Sdn Bhd dimiliki oleh seorang ahli MPMBB, Soon Tian Szu, yang juga menantu lelaki Datuk Gan. Mengikut carian tersebut, Penyata Tahunan terakhir ada 26 September 1993 menyatakan modal berbayar hanya 2,000 saham dan Encik Soon memilik 1,000 saham. Encik Soon juga adalah satu dari dua orang pengarah syarikat tersebut.

Hubungan Medan Anika Sdn Bhd dengan Datuk Gan boleh ditunjukkan dengan alamat perniagaan dijalankan di No. 43, Jalan Kubu, 75300 yakni kediaman Datuk Gan Boon Leong. Semua fakta ini disahkan oleh jawapan bertulis Dewan Undangan Negeri Melaka kepada ADUN Durian Daun, Yew Kok Kee pada 3 dan 4 Jun 1993. Mengikut jawapan tersebut kerja pembinaan kondominium 100 unit ini telah bermula sejak Jun 1993.

Bagaimana Medan Anika Sdn Bhd boleh memulakan kerja pembinaan pada Jun 1993 dengan modal berbayar RM2,000 seperti yang dinyatakan dalam Penyata Tahunan terakhir pada 26

September 92?

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh tuan, satu daripada syarat pemberian lesen pemaju perumahan adalah modal berbayar mestilah sekurang-kurangnya RM250,000. Di sini timbullah soalan bagaimana Medan Anika Sdn Bhd boleh diberikan lesen pemaju untuk menjalankan sebuah projek kondominium berharga RM16 juta sungguhpun modal berbayar hanya RM2,000 sahaja. Jelas ada sesuatu yang tidak kena di sini yang mungkin menjejaskan kepentingan pembeli-pembeli kalau sesuatu yang tidak diingini berlaku menyebabkan projek perumahan ini terbengkalai.

Perlu ditanya apakah peranan yang dimainkan oleh Datuk Gan dalam urusan perniagaan menantu lelakinya. Saya ingin memetik ucapan Tan Sri Rahim di Dewan Undangan Negeri Melaka pada 4 Jun 1993 di mana beliau berkata percanggahan kepentingan dan penyalahgunaan kuasa akan wujud kalau seseorang pemimpin atau saudara-maranya:

a) mempunyai kedudukan atau memegang jawatan penting di dalam mana-mana syarikat seperti ahli lembaga atau apa-apa jawatan yang setanding dengannya; atau
b) memiliki saham atau ekuiti dalam syarikat dan pemilikan saham tersebut dapat dibuktikan oleh pejabat Pendaftar Syarikat.

Jelas kes Medan Anika Sdn Bhd memenuhi kedua-dua syarat wujudnya percanggahan kepentingan, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa demi memanfaatkan kepentingan peribadi dengan ahli keluarga Datuk Gan memiliki saham dan menjadi pengarah syarikat tersebut. Ini dibuktikan lagi oleh keengganan jabatan kerajaan dan Datuk Gan mengambil tindakan ke atas syarikat tersebut kerana menyebabkan pencemaran alam sekitar. Lagipun bagaimana sebuah syarikat perumahan RM2,000 boleh diluluskan lesen pemaju untuk menjalankan projek kondominium RM16 juta adalah sungguh luar biasa dan menyalahi peraturan yang ditetapkan.

Selain daripada itu saya ingin mengimbas kembali kepada laporan BPR pertama saya pada 21 April 1993 tentang milikan nombor plat

kenderaan No.2 Datuk Gan secara peribadi seperti berikut:

a) MX2 sebuah motosikal Yamaha Y100 dengan harga baru lebih dari RM3,500 di bawah nama isteri Datuk Gan, Datin Chong Kin @ Chong Kin Yock; dan
b) MY2 sebuah motosikal Kawasaki KR 150B dengan harga baru kira-kira RM6,700 di bawah nama Datuk Gan sendiri.

Saya ingin memaklumkan di sini kepada BPR bahawa Datuk Gan telah membayar wang tunai sebanyak RM23,100 untuk MY2 pada 9 Mac 92 dan RM6,200 untuk MX2 bagi isterinya pada 11 Jun 91. Perlulah dibayangi tentang kemampuan Datuk Gan mengeluarkan RM29,300 untuk membeli dua nombor plat kanderaan yang pada masa itu adalah empat kali ganda gaji Ahli Exconya sebanyak RM7,500 sebulan dan lebih mahal dari sebuah rumah kos rendah.

Sudah pasti hanya orang yang kaya mampu membayar RM23,100 untuk dapat satu nombor plat kenderaan. Ini menimbulkan soalan sama ada Datuk Gan mempunyai sumber kewangan lain sama seperti Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang memiliki harta berpuluh-puluh juta ringgit sungguhpun gaji terkumpul beliau semasa berkhidmat 10 tahun sebagai Ketua Menteri adalah hanya RM1.8 juta.

Rakyat Melaka kini khuatir keseluruhan pemimpin dan pentadbiran Negeri Melaka dijangkiti penyakit Ketua Menteri Melaka mengumpul harta yang luar biasa dan menerusi sumber kewangan "luaran". Adalah tanggungjawab BPR menghapuskan gejala ini agar menjaminkan pentadbiran negeri yang bersih, cekap dan amanah.

Yang benar,
**LIM GUAN ENG**
Pengerusi Kebangsaan DAPSY
Ahli Parlimen Kota Melaka.



Kata orang Mahathir tak restui Musa bertanding Naib Presiden Umno. Mahathir bagi amaran, kalau Musa masuk, dia akan turun gelanggang tentang Musa. Jadi, menyanyilah Musa, berduet dengan Salwa mendendangkan lagu Burung Kenari. Mana tahun 1996 peluang lebih cerah.

# 11

# KEPEMIMPINAN UMAT ABAD 21: MODEN DAN TERPELAJAR

Abad 21 adalah abad persaingan sengit yang akan membelah warga dunia kepada kelompok *winner* (menang) dan kelompok *losers* (kalah). Di kelompok mana umat kita akan berada, tergantung keada kualiti dan daya saing mereka sendiri. Ini bererti umat kita memerlukan suatu proses tranformasi jiwa dan minda demi mencapai kualiti yang memungkinkan mereka menyertai kelompok *the winner* abad mendatang itu nanti. Tugas besar mentranformasikan umat itu memerlukan kehadiran sejenis kepimpinan yang diistilahkan sebagai *transforming leader*, iaitu kepimpinan yang mampu merubah umat, menggilap bakatnya, mengembangkan potensinya dan menyegarkan nilai unggul agama dan budayanya.

Dengan ungkapan lain, kita memerlukan kehadiran pemimpin yang mampu membangunkan Melayu Baru. Memang yang namanya pemimpin bukan cuma mengarah dan mengerah,

tetapi harus tahu dan mampu mendidik umat. Pemimpin adalah *human transformer* atau pembina manusia baru. Sayangnya seperti pernah dikatakan oleh Almarhum Bapak Mohamad Natsir (bekas Perdana Menteri Indonesia), "Tidak ada percetakan yang bisa mencetak pemimpin." Menurut Natsir lagi, pemimpin tidak lahir di bilik kuliah tetapi tumbuh sendiri dalam hempas-pulas kancah, muncul di tengah-tengah pengumulan masalah, menonjol dari kalangan rakan seangkatannya, lalu diterima dan didokong oleh umat.

Yang penting harus wujud sistem, budaya dan iklim yang sihat dan kondusif bagi memungkinkan kemunculan pemimpin tulen. Dalam kaitan itu kita perlu memiliki tradisi kepimpinan yang berteraskan nilai unggul seperti keilmuan, ketakwaan, integriti moral, keadilan dan sebagainya. Nilai itu sudah lama cuba diketengahkan oleh para ilmuan zaman tradisi untuk dijadikan nilai baku kepemimpinan Melayu. Karya ketatanegaraan Melayu seperti *Bustanus Salatin*, *Thamarat al-Mahamah*, *Qanun Aceh Darussalam* dan lainnya adalah sarat dengan nilai kepimpinan yang unggul itu.

Nilai berkenaan adalah nilai abadi yang tetap relevan sepanjang zaman. Untuk menghadapi kemungkinan baru abad 21 kita memerlukan pemimpin yang berwawasan, berpandangan futuristik-antisipatif dan bertindak proaktif. Kualiti itu hanya mungkin ada pada pemimpin yang memiliki *intellectual prowerss*, kekuatan dan keberanian keilmuan. Kepimpinan yang tidak memiliki asas keintelektualan yang kuat tidak akan mampu membina wawasan yang jelas dan tidak akan mampu mempersiapkan umat menghadapi cabaran masa depan.

Dalam tradisi kepimpinan Islam dapat dikesan wujudnya kesedaran mengenai perlunya menampilkan pemimpin yang tepat pada waktu atau situasi yang tepat. Sayyidina Abu Bakr as-Siddiq, ketika menjadi Khalifah pertama mengangkat Khalid ibn al-Walid mengepalai tentera Islam menggantikan Abu Ubaydah ibn al-Jarrah. Pertukaran pemimpinan itu dilakukan kerana wujudnya situasi baru, menghadapi ancaman kuasa besar dunia, Roman

Parsi. Dalam peristiwa itu soal *seniority* tidak dianggap sebagai kriteria mutlak. Yang lebih penting ialah kemampuan melaksanakan misi. Dalam hubungan ini Khalid adalah tokoh yang lebih mampu dan lebih tepat untuk memimpin tentera Islam dalam situasi baru itu.

Demikian catatan suatu kebijaksanaan dalam tradisi kepimpinan Islam, suatu keberanian yang membawa penciptaan sejarah gemilang. Mungkin catatan berkenaan bermanfaat untuk direnung pada saat kita bersiap menampilkan pemimpin umat untuk menghadapi situasi baru abad 21, era globalisasi, pembinaan tata baru dunia dan pertumbuhan ekonomi Asia Pasifik. Selain daripada itu abad 21 juga akan menyaksikan fenomena baru keagamaan yang disebut oleh John Naisbitt sebagai *Religious Revival of the Third Milenium*. Dalam konteks umat Islam, abad mendatang adalah kelanjutan era kebangkitan Islam.

Mampukah umat Islam mencapai tahap baru yang lebih bererti kebangkitannya? Ini juga banyak bergantung kepada kualiti kepimpinan umat Islam. Di tengah-tengah semarak kebangkitan Islam tahun 1976 lalu, sebuah majalah Barat *Commentary* menyiarkan artikel yang agak provokatif dengan mengatakan bahawa kebangkitan Islam itu tidak akan sampai ke mana kecuali jika dunia Islam mampu menampilkan *"... an educated modern leadership"* atau pemimpin yang moden dan terpelajar. Andainya provokasi itu harus dilayani sebagai suatu cabaran maka kepimpinan umat Islam pada abad mendatang harus memenuhi kriteria terpelajar dan moden itu. Yang dimaksudkan dengan terpelajar ialah berilmu atau memiliki *intelectual prowess*. Sementara moden pula mungkin dapat diertikan sebagai berjiwa merdeka, berorientasi melihat ke hadapan, kemaskini, rasional, saintifik, berdisiplin, mementingkan kualiti dan seterusnya.

Pemimpin umat abad 21 harus berkemampuan memberikan khidmat bukan sahaja kepada negaranya tetapi juga kepada dunia, khususnya dunia Islam. Sesungguhnya dunia Islam memerlukan pemimpin yang mampu menjadi *catalyst* atau penggerak untuk bangkit sebagai suatu kekuatan di pentas antarabangsa. Perdana

Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir sudah memulakan tugas besar dan penting ini. Soalnya siapakah pemimpin yang dijangka akan mampu meneruskan peranan kepeloporan Dr Mahathir itu? Ia seharusnya seorang yang cukup berwibawa, dikenali dan dihormati di peringkat dunia, mampu meneruskan dialog antarabangsa dan memiliki *credentiale* sebagai pejuang Islam.

Akan lebih beruntung andainya umat ini mempunyai pemimpin yang berkarisma. Yang dikatakan *charismatic leader* atau pemimpin berkarisma itu biasanya memiliki kekuatan wibawa dan daya pikat luar biasa yang dapat mempengaruhi dan meyakinkan orang ramai. Kekuatan ini akan memungkinkannya mengembleng tenaga umat dalam mencapai aspirasi nasional. Memang karisma adalah anugerah yang amat instrumental untuk merealisasikan objektif dan cita-cita murni kepimpinan. Tetapi karisma juga boleh membawa akibat negatif jika ia dibauri dengan sikap angkuh. Karisma yang angkuh seringkali membawa kesewenang-wenangan dan sikap suka dipuja.

Ramai pemimpin berkarisma abad ini seperti Stalin, Mussolini, Hitler dan Mao yang banyak melakukan pelbagai angkara. Memang demikian karisma yang tidak disepadukan dengan iman dan keluhuran moral. Andainya pemimpin berkarisma itu tumbuh dalam iklim tradisi kepemimpinan Islam tentu akan lain jadinya. Tradisi kepemimpinan Islam yang berlandaskan nilai kerohanian yang luhur seharusnya mampu menghindari unsur negatif karisma egois seperti itu. Sebaliknya ia dapat memadukannya dengan nilai iman dan seterusnya menyalurkannya kepada amal soleh dan khidmat yang positif.

Dalam kaitan ini rasanya bermanfaat sekali kita merenung sebuah hadis Rasulullah s.a.w. iaitu bermaksud: "Ada dua perilaku yang paling utama, beriman dengan Allah dan membawa manfaat kepada umat." Andainya hadis itu hendak dikaitkan dengan kepimpinan maka kita dapat merumuskan dua kriteria unggul iaitu *al-imanu billah* (iman yang benar kerana Allah) yang akan memberikan kekuatan rohaniah, kejujuran dan keberanian dalam menangani tanggungjawab dan ujian kepimpinan; dan *annaf uli l-*

*muslimin* (manfaat kepada umat) atau kemampuan memberikan khidmat mencapai cita-cita umat.

Andainya, dua kriteria itu; penghayatan agama dan kemampuan memberi khidmat yang berkesan itu diambil kira dalam penampilan pemimpin menjelang abad 21, rasanya kita akan mampu merealisasikan Wawasan 2020.

---

Tulisan ini dipetik dari ruangan Minda, oleh Dr Siddiq Fadzil, *Berita Harian*, 18 Julai 1993

PANCAINDERA MINGGUAN MALAYSIA AHAD 6 JUN 1993

*Sehari Dalam Hidup*

**Rahim Thamby Chik**

BERTEMU BUAL DENGAN ROSLI ISMAIL



SAYA lebih suka mendengar dari bercakap - Rahim Thamby Chik.

# Rahim Thamby Chik

## *serius tetapi terbuka*



RAHIM Thamby Chik bersama isterinya Zaleedah Abdullah di satu majlis bersama rakyat.

"Pantang saya cuma orang bercakap bohong," kata Rahim. Agaknya apa pandangan Lim Guan Eng dalam hal ini.

# 12

# RAHIM DAN GADIS: LAIN DITANYA LAIN YANG DIJAWABNYA!

**Tan Sri pernah menjadi ahli exco Pergerakan Pemuda Umno pada 1976 dan pada 1978 menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Melaka, tetapi sejak itu Pemuda sudah banyak berubah dari segi kepemimpinan dan halacara. Sekiranya Tan Sri bersetuju untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda, atas dasar apakah Tan Sri hendak bertanding?**

Memang berlaku banyak perubahan dalam bentuk dan nada perjuangan Pemuda. Perubahan seperti ini adalah semulajadi di mana Pergerakan Pemuda itu mendapat kepercayaan yang lebih dalam struktur kepemimpinan yang ada. Kalau dulu agaknya Pemuda terpaksa menjadi *pressure group* kerana mungkin ada suara, pandangan dan saranan mereka, pada pandangan Pemuda,

---

Sebahagian dari temubual wartawan *Berita Harian*, Wan Sabariah Shikh Ali, yang disiarkan pada 30 Jun 1993, bertajuk: "Layakkah Rahim pimpin Pemuda?"

kurang didengari. Tetapi sekarang Pemuda, khususnya pemimpin yang dianggap muda menyertai barisan kepemimpinan, baik dalam parti atau dalam kerajaan, adalah satu fenomena yang amat menonjol. Kita melihat tenaga muda di semua lapisan kepemimpinan Umno dan kerajaan. Oleh itu cabaran utama Pergerakan Pemuda ialah untuk meningkatkan keberkesanan pergerakan ini supaya sama-sama dapat berfungsi sebagai landasan yang kukuh bagi membolehkan keseluruhan perjuangan parti mencapai cita-cita yang diperjuangkan ini secara bermakna. Untuk menjadi landasan yang kukuh dan dapat memberi sumbangan berkesan, Pemuda hendaklah mempunyai mutu kepemimpinan yang boleh diharapkan oleh Umno sendiri. Pemuda harus ada kebijaksanaan dalam perancangan dan pelaksanaan programnya.

**Sepanjang kerjaya politik Tan Sri, pelbagai persoalan mengenai pembabitan Tan Sri dengan beberapa orang gadis ditimbulkan. Bagaimanapun, sehingga kini nampaknya persoalan ini tidak menjejas kerjaya politik Tan Sri. Apakah ini bermakna amalan politik di Malaysia serta persepsi rakyat di negara ini menganggap bahawa tidak ada kaitan di antara apa yang dikhutbahkan oleh seseorang pemimpin dengan amalan moralnya?**

Mengenai pembabitan saya dengan beberapa orang gadis, saya suka menyatakan bahawa satu ketika dulu ketika Perdana Menteri datang ke Melaka, beliau pernah bertanya kepada saya kerana banyak khabar angin bahawa saya berkahwin lagi satu. Saya mengambil peluang menjelaskan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa saya sebenarnya mempunyai hanya seorang isteri dan sekiranya saya membuat keputusan untuk berkahwin dua, tentulah beliau sebagai *political boss* saya yang pertama sekali tahu mengenainya. Barulah beliau faham bahawa khabar angin itu tidak benar. Ada juga pada masa yang lalu usaha untuk melemah dan menggulingkan saya dengan pembabitan seperti ini, bagaimanapun saya menganggap perkara ini sebagai

rancangan politik untuk merosakkan saya dan kerana itu saya menghadapinya juga secara politik.

**... jika berlaku ... Anwar membuat keputusan bertanding (jawatan Timbalan Timbalan Presiden), ada pihak berpendapat ini adalah pertandingan di antara *"the old guards in the party"* yang diketuai oleh Ghafar Baba, Sanusi Junid, Abdullah Badawi, Mohamad Rahmat dengan *line-up* golongan muda iaitu Anwar, Najib, Muhammad Taib, Tan Sri sendiri dan Muhyidin Yassin.**

Saya berpendapat jika berlaku pertandingan pada semua peringkat, tidak wajar ia dicop mewakili golongan tua atau golongan muda, atau *Team A* atau *Team B*, kerana jika kita berbuat demikian, kita seolah-olah memberi gambaran bahawa perwakilan yang mewakili seluruh ahli Umno, sekaligus mewakili seluruh orang Melayu tidak langsung mempunyai kebijaksanaan atau komitmen dalam perjuangan mereka. Ia juga seolah-olah memberi gambaran bahawa dalam melaksanakan tugas pengundian, kita tidak mempunyai pendirian dan kepentingan, kita hanya sekitar untuk memastikan team ini atau team itu atau *old guard* dan *new guard* mendapat tempat. Ini perkembangan yang salah. Saya yakin apabila ahli menggunakan hak mengundi, mereka memikirkan tidak ada lain selain apa yang mereka undi adalah satu manifestasi harapan untuk melihat masa depan bangsa, agama dan tanah air dapat diperjuangkan sebaiknya oleh mereka yang diberi mandat memimpin.



"Apa yang ditembak tu, Datuk?" Tapi ingat, tembak jangan sebarang tembak.

# 13

# ANWAR PILIH "BUAYA DARAT"?

Apabila Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim memberi sokongan kepada Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, bagi merebut jawatan Ketua Pemuda Umno Malaysia, ramai yang menggeleng-gelengkan kepala.

Tetapi apabila Rahim menyatakan sokongan terhadap Anwar untuk merebut kerusi Timbalan Presiden Umno, ia tidak menghairankan mana-mana pihak kerana majoriti pemimpin Umno sekarang mahu membuktikan diri mereka sebagai penyokong kuat Anwar. Langkah ini perlu memandangkan Anwar dikatakan mendapat restu Presiden Umno, Mahathir Mohamad untuk menjadi pengganti beliau.

Pemerhati politik berpendapat, Rahim lebih memerlukan Anwar bagi survival politiknya lebih-lebih lagi untuk berhadapan dengan pengaruh Ghafar Baba di Melaka. Pengaruh politik Ghafar

di negeri Hang Tuah itu tidak dapat dinafikan kerana beliau pernah menerajui Umno negeri dan menjawat jawatan Ketua Menteri Melaka sekitar tahun 60-an. Ghafar juga ialah wakil rakyat Jasin, satu-satunya bahagian Umno di Melaka yang berani mencalonkan beliau sebagai Timbalan Presiden Umno dalam pemilihan parti November 1993.

Bayangan pengaruh Ghafar sebenarnya boleh menggerhanakan masa depan politik Rahim apatah lagi jika tokoh veteran Umno itu ditakdirkan terpilih sebagai Presiden parti. Kegusaran Rahim juga bertambah apabila ada ura-ura yang mengatakan anak Ghafar - Tamrin - besar kemungkinan akan bertanding di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri Melaka (atas pengaruh politik bapanya) pada pilihan raya umum akan datang kerana prestasi Tamrin yang tidak memberangsangkan di peringkat Pusat. Tidak mungkin Tamrin akan berpuas hati sebagai ADUN biasa atau dilantik sebagai ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri (Exco) sedangkan jawatannya sebagai ahli Parlimen sebelum ini menawarkan pulangan yang lebih lumayan. Adalah lebih layak baginya untuk dilantik sebagai Ketua Menteri menggantikan Rahim yang besar kemungkinan akan dipindahkan ke peringkat Pusat.

Inilah yang menggusarkan Rahim kerana beliau tidak mahu nasib malang yang menimpa Adib Adam berulang ke atasnya. Adib dipilih sebagai Ketua Menteri Melaka selepas Pilihan Raya Umum 1978. Setelah sepenggal menerajui kerajaan negeri, Adib dipindahkan ke peringkat Pusat dan menganggotai Kabinet. Hubungan rapatnya dengan Musa Hitam mengakibatkan beliau tidak terpilih sebagai calon dalam Pilihan Raya Umum 1986. Rahim menyedari bahawa beliau hanya mampu bertapak di arena politik apabila terus memegang jawatan Ketua Menteri. Setelah mengambil alih jawatan Ketua Menteri daripada Adib, Rahim terus mengukuhkan kedudukannya di Melaka. Sehingga kini, dalam konteks politik Umno negeri, hanya seorang tokoh veteran sahaja yang mampu menggugat survival politiknya, iaitu Ghafar.

Kesediaan Anwar mencabar Ghafar bagi jawatan Timbalan

Presiden Umno adalah satu peluang keemasan bagi Rahim membunuh pengaruh politik Ghafar di Melaka. Kecundangnya Ghafar nanti akan turut memadamkan spekulasi bahawa Tamrin akan dipilih untuk menerajui kerajaan negeri. Tamrin sendiri telah kecundang di Batu Berendam apabila cubaannya untuk merebut jawatan Ketua Bahagian dicantas dengan mudah oleh seorang penyokong setia Rahim, Mohd Ali Rustam. Wibawa Tamrin sebagai ahli Parlimen terjejas kerana beliau tidak mempunyai apa-apa jawatan dan sokongan di peringkat *grassroot* parti. Satu kesilapan besar yang dilakukan oleh Tamrin adalah mencabar Senator Haji Ahmad Abdullah (salah seorang penyokong kuat Ghafar) bagi jawatan Ketua Bahagian Umno Selandar. Tamrin kalah dalam cubaannya itu setelah tewas sepenggal sebelumnya di Batu Berendam.

Setakat ini, Rahim boleh menarik nafas lega kerana selain Jasin, empat lagi bahagian Umno negeri - Kota Melaka, Alor Gajah, Selandar dan Batu Berendam - memihak kepadanya. Senator Haji Ahmad Abdullah yang sebelum ini mengetuai Umno Selandar tewas di tangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Sahar Arpan dalam pemilihan Umno bahagian baru-baru ini. Sahar adalah ADUN Kemuning. Pengaruh Sahar di Selandar kian meningkat apatah lagi apabila beliau dikatakan mendapat sokongan terbuka Rahim. Persoalannya sekarang, adakah Anwar benar-benar memikirkan Rahim layak untuk memimpin sayap penting Umno itu sedangkan Ketua Menteri Melaka itu cukup diragui sebagai seorang pemimpin yang bersih, amanah dan berakhlak.

Rahim sering dikaitkan dengan beberapa skandal melibatkan wibawanya sebagai seorang pemimpin kerajaan negeri. Pemimpin dan bekas pemimpin Semangat 46 negeri contohnya sering mengaitkan Abdul Rahim dengan perlakuan sumbang yang melibatkan beberapa gadis termasuk penari-penari dari Briged Seni negeri. Rahim juga pernah didakwa menjalinkan hubungan sulit dengan seorang perempuan berbangsa Serani. Satu tuntutan gantirugi telah dibuat oleh perempuan Serani berkenaan dan

perbicaraan mengenainya berlangsung selama beberapa bulan di mahkamah. Tidak ada satu pun akhbar berbahasa Melayu berani menyiarkan perkembangan kes tersebut melainkan sebuah akhbar berbahasa Inggeris, *The Star*. Bagaimanapun perbicaraan tersebut tidak diteruskan tanpa sebab-sebab yang jelas. Tidak diketahui sama ada perempuan Serani tersebut telah mendapat sejumlah wang ganti rugi yang dituntut olehnya. Walaupun perlakuan sumbang melibatkan Rahim belum dibuktikan, tetapi ia tetap menjadi bahan kempen pemimpin-pemimpin Semangat 46 negeri terutama dalam kempen Pilihan Raya Umum 1990. Bagaimanapun, Rahim tidak menafikan tuduhan-tuduhan tersebut malah tidak bersedia membawa orang yang melemparkan tuduhan ke mahkamah.

Bekas Ketua Pemuda Semangat 46, Ibrahim Ali, dalam satu pertemuan dengan ahli-ahli Semangat 46 di rumah bekas Ketua Bahagian Semangat 46 Jasin, Mohd. Aris Konel, mencadangkan supaya papan iklan yang memaparkan gambar buaya di Taman Reptilia Ayer Keroh ditampalkan dengan perkataan "Abdul Rahim Tamby Chik". Ini katanya bersesuai dengan imej "buaya darat" Ketua Menteri Melaka itu! Rahim juga didakwa memiliki kekayaan luar biasa di luar kemampuannya sebagai ketua kerajaan negeri. Setakat ini, enam laporan rasuah melibatkan Rahim telah dibuat oleh Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng.

Guan Eng dalam laporannya mendakwa Rahim mempunyai kepentingan dalam Hotel Peranginan Ayer Keroh d'Village yang dinilai berharga RM20 juta. Hotel tersebut dibina di atas tiga keping tanah seluas 6.8 ekar yang dimiliki oleh Dayamik Sdn Bhd. Rahim didakwa memiliki RM40,000 saham dalam Dayamik Sdn Bhd berbanding RM70,002 jumlah sebenar modal berbayar syarikat tersebut. Air Keroh d'Village adalah salah sebuah hotel terkemuka di Melaka. Memiliki 274 buah bilik berhawa dingin lengkap dengan *suites*, televisyen warna dan video dalaman; kolam renang dan empat buah bilik mesyuarat; Ballroom Flor d' La Mar yang boleh menampung seribu orang di samping restoran, *coffee house* dan pub bir yang menyediakan berbagai jenis minuman keras yang

diimport.

Di samping kepentingannya dalam hotel bertaraf antarabangsa itu, Rahim juga memiliki beberapa kenderaan mewah seperti kereta import jenis Porche 928 S4 berharga RM1 juta; kereta import jenis Mercedes Benz 300SL model sports berharga RM900 ribu; kereta jenis BMW 525i(A) Saloon yang digunakan oleh isterinya, Puan Sri Zabedah Abdullah dengan harga RM210 ribu dan dua buah motorsikal Honda C100 bernilai RM3,900 setiap satu. Rahim juga didakwa memiliki beberapa banglo mewah di sekitar bandar Melaka. Antaranya, sebuah banglo mewah dua tingkat lengkap dengan kolam renang berharga RM500 ribu yang diberi nama Sri Jebat di Bukit Baru dan rumah banglo mewah juga dilengkapi kolam renang di Jalan Paya Ikan bernilai RM300 ribu yang dinamakan Sri Kasturi.

Rahim juga diyakini mempunyai kepentingan dalam beberapa projek pelancongan, contohnya Taman Mini Asean dan Taman Reptilia yang terletak di Ayer Keroh Melaka. Pernah satu kejadian mogok yang melibatkan pekerja-pekerja di Taman Mini Asean memaksa campur tangan beliau sendiri. Pekerja-pekerja yang tidak berpuas hati dengan pengurusan Taman Mini Asean itu dipanggil ke satu perjumpaan khas di pejabatnya. Rahim juga didakwa memberi kepercayaan kepada bekas pemandu rasminya, Abddol Sani Ghani untuk menjaga kepentingannya dalam perniagaan. Abddol Sani ialah salah seorang pengarah Dayamik Sdn Bhd dan menjadi penama Rahim dalam beberapa lagi syarikat.

(Tentunya sebagai pemimpin yang bercita-cita tinggi Rahim tidak mahu imej Marcos dikaitkan dengannya. Marcos sering memberi beberapa kontrak kepada rakan perniagaan dan anggota-anggota keluarganya. Mereka berjaya mendapatkan kontrak bukan kerana kemahiran atau kecekapan dalam bisnes, tetapi hanya kerana mereka kenalan rapat Marcos. Sebuah syarikat Amerika Westinghouse telah membayar komisen bernilai US$80 juta kepada Marcos bagi mendapatkan kontrak untuk membina logi tenaga nuklear. Banyak syarikat Jepun menyogokkan wang suap kepada keluarga Marcos untuk memenangi kontrak-kontrak. Itulah

sebabnya mengapa Imelda Marcos digelar "Mrs. Ten Percent". Sebahagian dari rasuah yang diterima itu dibelanjakan untuk membeli-belah di New York, 3,000 pasang kasut dan hadiah yang bernilai berjuta-juta dolar yang diberikan kepada rakan-rakan beliau termasuk keluarga Reagan).

Mungkin bagi masyarakat di luar Melaka, Rahim dianggap sebagai pemimpin yang mempunyai visi tersendiri terhadap pembangunan Melaka. "Kecemerlangan Berulang Kembali" adalah moto beliau yang sering diprojekkan untuk menggambarkan kejayaan perancangannya membangunkan negeri Hang Tuah itu.

Penumpuan berat beliau terhadap industri pelancongan memang dapat dilihat dengan jelas. Melaka kini mempunyai jumlah muzium yang terbanyak di Malaysia. Antaranya Muzium Budaya, Muzium Negeri, Muzium Belia, Muzium Maritim, Memorial Kemerdekaan dan beberapa buah muzium daerah. Keghairahan beliau untuk mewujudkan Muzium Umno bagaimanapun mendapat bantahan negeri-negeri lain terutamanya Johor tempat tertubuhnya pertubuhan itu.

Bagaimanapun terdapat beberapa projek pelancongan beliau yang terbiar dan berkubur begitu sahaja. Antara contoh yang paling jelas adalah Taman Rekreasi yang terletak di Empangan Air Durian Tunggal. Setelah ratusan ribu ringgit dicurahkan untuk projek tersebut, Taman Rekreasi itu akhirnya terbiar tanpa pengunjung. Krisis air yang melanda Melaka pada awal tahun 1990 ekoran kekeringan Empangan Air Durian Tunggal, menguburkan terus pusat rekreasi tersebut.

Kajian pakar juga menunjukkan bahawa antara punca kekeringan takungan air di Durian Tunggal adalah penghapusan kawasan tadahan hujan di negeri itu. Antara kawasan terlibat adalah Hutan Simpan Bukit Sedanan dan satu kawasan bukit berhampiran Empangan Air Durian Tunggal. Sebahagian besar Hutan Simpan Bukit Sedanan telah diserahkan oleh kerajaan negeri kepada Felcra untuk projek tanaman kelapa sawit. Manakala bukit berhampiran telah digondolkan oleh seorang pengusaha Cina dan dijadikan kawasan pelancongan Auyin Hill Resort.

Apa yang memeranjatkan, kawasan hutan simpan Bukit Sedanan yang telah diusahakan oleh Felcra dengan tanaman kelapa sawit tidak semena-mena ditanam semula dengan pokok-pokok hutan. Mungkin kerajaan negeri menyedari kesilapannya memusnahkan kawasan tadahan hujan tersebut. Apa yang menjadi tanda tanya sekarang, berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Felcra terhadap kegagalan projek tersebut? Dan adakah kerugian ini terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri?

Kerajaan BN negeri pimpinan Rahim bernasib baik kerana tidak ada pihak yang berani mendedahkan perkara ini. Dan sayang sekali, kerana maklumat sebenar tidak sampai ke tangan parti pembangkang.

Kerajaan Pusat pula sanggup membelanjakan ratusan juta ringgit (termasuk mengupah bomoh hujan dari Amerika Syarikat) untuk mengatasi kekeringan empangan Durian Tunggal. Inilah salah satu contoh kelemahan pentadbiran Rahim yang sepatutnya diambil kira oleh Anwar dan sekutu-sekutunya dalam Umno.

Bagaimanapun ada pemerhati politik berpendapat, sokongan Anwar terhadap Rahim tidak berpanjangan. Anwar mungkin lebih cenderung kepada Syed Hamid Albar sebagai calon Ketua Pemuda Umno berbanding Rahim. Tetapi di saat Anwar memerlukan sokongan lebih banyak bahagian Umno untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden, pemilihan Rahim berbanding Syed Hamid dikira bijak.

Walaupun Rahim dipertikaikan dari segi akhlak dan sikap amanahnya, beliau adalah Ketua Perhubungan Umno Melaka yang sememangnya mempunyai pengaruh besar terhadap empat daripada lima bahagian Umno negeri. Manakala Syed Hamid yang dianggap bersih dan amanah hanya mampu menguasai satu bahagian Umno di Johor iaitu Kota Tinggi. Sokongan Umno Melaka terhadap Anwar adalah satu tamparan hebat kepada Ghafar.

Nasib masa depan politik Rahim akan ditentukan kemudian setelah Anwar berjaya merebut kerusi Timbalan Presiden. Anwar mungkin menaja calon lain sebagai Ketua Perhubungan Umno Melaka dan seterusnya Ketua Pemuda Umno Malaysia pada

penggal seterusnya. Ramai juga pemimpin-pemimpin veteran Umno Melaka dan pemimpin-pemimpin Pemuda Umno yang berhajatkan jawatan-jawatan itu.

Politik adalah satu percaturan yang serba mungkin. Dan dicelah-celah kemungkinan inilah Rahim perlu lebih berwaspada.

---

Bab ini ditulis oleh seorang teman, seorang wartawan politik di sebuah akhbar politik.

# 14

# APA YANG RAHIM IDAMKAN?

**Barangkali Tan Sri ingin mengimbas kembali apa sebenarnya telah mendorong Tan Sri untuk mengubah fikiran untuk bertanding Ketua Pemuda sedangkan pada mulanya hendak bertanding Naib Presiden?**

Sebenarnya, pada awalnya, saya disarankan oleh Badan Perhubungan Negeri Melaka untuk dicalonkan bertanding Naib Presiden dan hasil dari itu saya telah membuat lawatan ke negeri-negeri, berjumpa dengan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Umno untuk meninjau pandangan-pandangan mereka. Seterusnya, saya mempunyai pandangan bahawa elok bagi saya untuk menawarkan diri sebagai calon Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia untuk meneruskan perjuangannya.

---

Tulisan ini dipetik dari wawancara *Utusan Malaysia* dengan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, yang disiarkan pada 23 Ogos 1993

**Bagaimana boleh Tan Sri kompromi dengan jawatan yang lebih rendah dari Naib Presiden sedangkan sebelum ini pun Tan Sri pernah bertanding Naib Presiden?**

Saya rasa Pergerakan Pemuda adalah sama penting dengan komponen-komponen parti yang lain, sama penting dengan Pergerakan Wanita dan Umno itu sendiri kerana ia pendokong kepada perjuangan induk Umno. Pergerakan Pemuda adalah landasan, jambatan, penyumbang serta penggerak kepada kejayaan Umno untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan. Sama ada seseorang itu berada di dalam Pergerakan Pemuda, Pergerakan Wanita atau Umno induk itu sendiri, peranan kita adalah sama. Oleh demikian apa sahaja sumbangan yang kita boleh buat terhadap kejayaan dan kecemerlangan Umno adalah satu sumbangan yang berguna dalam wadah perjungan Umno itu sendiri.

**Apa ada kompromi di antara Tan Sri dengan Tan Sri Muhammad Taib dan Tan Sri Muhyiddin?**

Tidak ada kompromi tetapi kita fikir masing-masing menawarkan diri untuk jawatan masing-masing boleh memberi sumbangan paling bermakna dari segi mencapai kejayaan dalam perjuangan Umno.

**Tan Sri pernah berkata bahawa Pemuda harus kembali menjadi pendesak. Boleh Tan Sri huraikan.**

Sebenarnya itu adalah satu kenyataan yang agak silap kerana apa yang saya nyatakan ialah pada asasnya Pergerakan Pemuda menjadi penyumbang dan penggerak atau *motivator* yang menjadi nadi kepada asas atau struktur kepada perjungan Umno itu sendiri. Kita dapati Pergerakan Pemuda Umno dan generasi muda pada hari ini amat bertuah kerana diberi tugas dan tanggungjawab untuk mentadbir negara, badan-badan dan boleh memainkan peranan berkesan dalam pelbagai bidang. Jadi tidak terdapat keperluan untuk menjadi pendesak. Apa yang saya maksudkan

selain menjadi penyumbang dan penggerak kepada Umno, Pergerakan Pemuda pada saat-saat tertentu, apabila diperlukan, di mana strategi Umno induk memerlukan kita menjadi penegur bagi membolehkan Umno membuat keputusan yang sesuai mencapai matlamat-matlamat tertentu, kita boleh menjadi penegur. Kalau kita diperlukan menjadi penggerak dalam situasi tertentu, bagi membolehkan induk Umno itu sendiri mencapai objektif yang telah kita kenal pasti, Pergerakan Pemuda boleh menjadi penggerak. Jika kita diperlukan memainkan peranan mendesak kerana strategi bagi mencapai matlamat yang diingini, bagi kepentingan bangsa dan agama, dalam hubungannya dengan pencapaian strategi bangsa itu, Pergerakan Pemuda boleh menjadi pendesak. Dalam suasana seperti itu, seperti satu pasukan bola, bagi mencapai matlamat itu, walaupun ada *goalkeeper* dan pemain-pemain berlainan tetapi kita menuju satu matlamat yang sama.

**Untuk memainkan peranan sebagai penegur atau pendesak, tidakkah lebih berkesan kalau seseorang itu berada di luar kerajaan?**

Tidak semestinya keadaan demikian kerana menegur atau mendesak itu ialah soal *intensity* iaitu kepadatan dalam usaha kita menekankan sesuatu perkara atau isu atau dasar, penting dalam usaha kita melaksanakan apa sahaja progam atau projek atau strategi yang diperlukan oleh orang-orang Melayu pada ketika itu.

**Jadi tidak kira siapa memegang jawatan itu, sama ada menteri Pusat, Menteri Besar atau Ketua Menteri?**

Keberkesanan dalam soal memperjuangkan strategi Umno ini bergantung kepada keberkesanan kepimpinan Pergerakan Pemuda itu sendiri, sama ada pemimpinnya datang dari luar kerajaan atau dalam kerajaan, itu tidak menjadi perhitungan yang besar sangat.

**Baru-baru ini Tan Sri dilaporkan berkata mempunyai pengaruh**

**dan sokongan dalam pertandingan Ketua Pemuda. Ini trend yang baru dalam Umno itu sendiri, selain kini menawarkan diri untuk dicalonkan, berbeza dulu menunggu untuk dicalonkan, kini dikatakan pula ada pengaruh dan sokongan. Boleh Tan Sri huraikan.**

Perkara ini biasa bagi mana-mana calon yang menawarkan diri untuk apa-apa jawatan dalam Umno. Kesediaan mereka menawarkan diri berasaskan pertimbangan dan pernilaian bahawa merea yang terlibat bersedia memikul tugas, tanggungjawab, cabaran, ujian yang akan mereka tempuhi atau alami akibat dari pertandingan ini dan seterusnya, jika berjaya memegang jawatan tersebut. Kesediaan ini untuk menawarkan diri adalah satu proses yang sihat dan jika mereka mendapat sokongan walaupun belum sampai masa pencalonan, itu adalah hasrat atau pun harapan daripada calon-calon berkaitan dan merupakan sebahagian daripada pemerhatian yang telah dibuat oleh mereka yang berkaitan tersebut.

**Sekiranya diberikan peluang untuk menerajui Pemuda Umno, apa perubahan yang akan Tan Sri bawa kepada pergerakan itu?**

Kita kena melihat tiga perkara, iaitu peranan Pergerakan Pemuda dalam parti, negara dan di peringkat antarabangsa. Misalnya, dalam parti kita ingin melihat sebuah Pergerakan Pemuda yang benar-benar kukuh dan kuat dan dapat memainkan peranan berkesan dalam memperkukuhkan Umno induk. Pemuda boleh dijadikan jambatan dan strategi bagi Umno mencapai keputusan yang terbaik dan paling optimum dari segi pencapaian dan kedudukan orang-orang Melayu di negara ini. Pengerakan Pemuda hendaklah menjadi penyumbang yang unggul kepada perpaduan dan kestabilan orang-orang Melayu yang menjadi asas kestabilan negara kita pada keseluruhannya. Umno teras politik dan orang-orang Melayu teras negara hendaklah menjadi pegangan unggul bagi meneruskan gagasan politik yang menjadi asas kestabilan negara kita. Pergerakan Pemuda ingin menjadi badan yang benar-benar dapat menyumbang kepada kekuatan Umno

keseluruhannya dan berterusan dan kalau boleh selagi ada bulan dan bintang Umno akan mewakili orang-orang Melayu dari segi kepentingan bangsa, agama dan tanah air dan kita akan bergerak dalam ikatan silaturahim dan perpaduan yang yang kukuh buat selama-lamanya. Dari segi nasional, Pergerakan Pemuda hendaklah menjadi satu badan yang dapat menyumbang terhadap kejayaan dan kecemerlangan orang-orang Melayu dalam semua bidang dan jurusan, misalnya perekonomian, pendidikan, sosial, keagamaan dan kejayaan lain yang menjadi tiang seri dan kekuatan orang-orang Melayu. Pergerakan Pemuda hendaklah menjadi *motivator* atau perangsang kepada generasi muda yang ada sekarang, untuk mengisi keperluan bahawa generasi Pemuda sekarang adalah generasi yang boleh diharapkan, boleh dibanggakan dan boleh memikul tugas dan tanggungjawab menjadikan bangsa Melayu ini bangsa yang besar. Berjaya atas apa yang diperjuangkan dan dari kejayaan itu membina kecemerlangan yang lebih tinggi dan membentuk masa depan kita yang lebih gemilang supaya penghidupan kita bertambah selesa dan sejahtera, makin berilmu dan berbudaya serta beragama dan dapat menjadi Malaysia negara contoh. Pada peringkat antarabangsa kita berpendapat peranan Pergerakan Pemuda harus lebih lantang lagi untuk bersama-sama pemimpin Umno induk dan negara bagi menyuarakan perjuangan keadilan dan kesaksamaan. Usaha menentang kezaliman oleh setengah-setengah negara tertentu ke atas negara-negara lemah, miskin, lebih-lebih negara-negara Islam. Oleh itu Pergerakan Pemuda akan mempastikan bahawa kita mampu untuk mengeluarkan pendapat-pendapat melalui pemimpin-pemimpin kita yang boleh memainkan peranan di peringkat antarabangsa. Dalam semua bidang dan forum, Pemuda Umno akan komited untuk mempastikan di mana-mana, kita sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri akan menyuarakan satu suara yang benar-benar dapat mendapatkan pembelaan di kalangan negara-negara yang memerlukan pembelaan dari Malaysia.

**Apakah peranan *motivator* dan kelantangan ini tidak ada sekarang dalam Pemuda?**

Kita telah mempunyai asas yang baik dan yang pentingnya ialah Malaysia telah mula mendapat pengiktirafan yang meluas, cuma kita hendak meningkatkan intensiti penglibatan Malaysia dalam diplomasi antarabangsa.

**Pada 1987 ada *Team A* dan *Team B* dalam Umno. Kini wujud pula golongan lama dan baru. Apa pandangan Tan Sri?**

Sebenarnya pandangan ini tidak betul. Dalam Umno apabila seseorang dipilih melalui proses demokratik di mana para perwakilan mengundi, umur tidak menjadi masalah yang besar. Kita rasa bahawa rujukan golongan muda dan tua tidak langsung relevan dalam pemilihan Umno 1993. Sebagaimana saya katakan tadi, kita dapat melihat setengah-setengah pemimpin itu, walaupun umurnya tinggi, umpamanya Presiden Umno sendiri, dia menggambarkan satu taraf pemikiran yang secocok dan sejajar dengan perkembangan semasa dan presiden kita bukan menggambarkan golongan lama tetapi pemimpin yang *receptive*, peka dan memandang ke depan, futuristik. Walaupun umur presiden sudah lebih 60 tahun dia adalah menggambarkan perjuangan semasa. Kadangkala kita lihat orang yang bawah 40 tahun pun mempunyai pandangan yang tidak futuristik, yang lemah dalam pegangan, yang tidak punya aspirasi untuk maju ke depan, orang di bawah 40 tahun ini boleh dikategorikan sebagai golongan lama. Jadi soal lama dan muda ini sebenarnya bergantung kepada mutu kepimpinan yang ada pada seseorang itu. Bagi Umno sebagaimana kita buktikan pada masa lalu, jika mutu kepimpinan itu ada, sama ada dia muda atau telah dewasa, Umno dapat terima stail dan kepimpinannya.

**Apakah agak idealistik untuk kita menyatakan perpaduan akan kembali seperti sediakala selepas pemilihan?**

Kita telah belajar dari peristiwa lalu dan mengambil iktibar perkara baik dan buruk. Oleh itu kematangan dan kemantapan

ahli-ahli Umno membuat keputusan tidak boleh diragukan bahawa kita telah mengambil penilaian, perkembangan dan perkiraan apa yang baik dan apa yang buruk yang kita lalui dalam sejarah kita yang lalu. Oleh demikian, kerana Umno mengamalkan demokrasi dalam pemilihan kita tidak boleh menyekat orang bertanding. Kita hendak menyekat orang bertanding, lebih baik kita adakan peruntukan dalam Perlembagaan supaya jangan ada pertandingan, lagi senang. Tapi oleh sebab kita percaya dalam proses demokrasi ini kalau dihayati dengan betul dan dipandu dengan semangat kepartian yang sihat, ia dapat menyelesaikan banyak masalah. Malah kita akan dapat melihat sebuah Umno yang lebih kukuh selepas pemilihan jika pemilihan ini berjalan dengan licin dan lancar sebagaimana yang dihasratkan oleh orang-orang Melayu mengikut lunas-lunas Perlembagaan. Yang kita tidak mahu melihat sebagaimana yang dikatakan oleh Presiden ialah kempen-kempen yang tidak bersopan, ertinya membuat taktik-taktik kotor, buruk-memburuk, hina-menghina dan lebih dari itu tidak bersedia menerima keputusan. Yang menang suka dan yang kalah tidak mahu terima sampai bila-bila dan sentiasa membuat langkah-langkah yang merosakkan parti. Tapi jika semangat kepartian dihayati dalam proses pemilihan, perkara ini tidak akan berlaku. Yang menang akan menjalankan tugas memimpin dengan amanah dan yang kalah akan kembali menjadi pengikut yang baik. Kalau kita ada pemimpin yang baik dan pengikut yang baik, maka parti itu akan menjadi lebih kukuh selepas pemilihan nanti. Jadi itulah harapan saya supaya perkara seperti ini akan menjadi garis panduan yang asas supaya kempen 1993 berjalan atas asas kesopanan yang baik dan proses demokrasi dihormati dan apabila keputusan dibuat masing-masing hendaklah kembali ke pangkuan parti dan memperkukuhkan dan menjalankan tugas dengan amanah sebagaimana yang telah kita tetapkan. Kalau ini diikuti, insya-Allah Umno akan menjadi lebih kukuh.

**Tan Sri sudah tentunya bersetuju dalam kempen menjelang pemilihan ini, ada yang cuba menabur budi bagi mengekalkan popularitinya.**

Maksud saudara dari segi kebendaan dan wang? Terdapat cakap-cakap bahawa perkara ini berlaku, sukar untuk kita menyekat. Kita berharap kesedaran dan keinsafan serta kecintaan ahli-ahli Umno kepada parti akan mengurangkan perkara-perkara yang kurang sihat dari berlaku. Saya yakin kematangan ahli-ahli Umno akan dapat menyumbang terhadap usaha mengurangkan perkara-perkara yang tidak sihat ini.

# 15

# TIDAK SEMESTINYA PENYOKONG ANWAR TERPAKSA UNDI RAHIM

Apakah semestinya penyokong-penyokong Anwar mesti juga menyokong Rahim, hanya kerana Anwar merestui Rahim bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno? Apakah semestinya perwakilan Pemuda yang menyokong Anwar, Najib, Muhammad Muhd Taib dan Muhyidin Yassin, juga semestinya menyokong Rahim? Ataupun - sebelum dari itu - satu lagi soalan, apakah semestinya pengkagum Anwar sewajibnya menyokong Najib, Muhammad Muhd Taib dan juga Muhyidin, hanya kerana Anwar mahukan ketiga-tiga tokoh muda ini menjadi regunya? Apakah perwakilan Umno tidak berpeluang menilai prestasi calon-calon lain, seperti Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi Junid di peringkat Naib Presiden, ataupun Syed Hamid Albar dan Isa Samad bagi jawatan Ketua Pemuda Umno?

Kalau Anwar diakui bijak, berwawasan, banyak idea, berakhlak, berkarismatik dan lain-lain lagi ciri terbaik seperti yang didakwa pengikutnya, maka apakah regunya juga mempunyai ciri-ciri seumpama itu? Kita tinggalkan sebentar regunya bagi jawatan Naib Presiden, cuba kita fokuskan kepada Rahim Tamby Chik, calon harapan Anwar, bekas Presiden ABIM yang terkemuka itu. Dan Rahim telahpun mengadakan pertemuan dan makan malam dengan perwakilan dan pemimpin tertinggi ABIM di Melaka, sempena muktamar ABIM di negeri penuh bersejarah itu, akhir Ogos lalu.

Memaksa perwakilan Pemuda menyokong Rahim, hanya kerana Anwar menyukainya adalah kecenderungan yang tidak sihat. Anwar memang berhak menyokong siapa saja yang disukainya, tetapi perwakilan Pemuda lebih berhak menentukan siapakah ketua mereka kelak. Anwar melihat dari kepentingan dirinya sementara perwakilan Pemuda tentunya mempunyai perspektif yang lebih luas. Zaman Anwar mengetuai Pemuda sudah berlalu dan sejarah telah terakam. Anwar tentunya tidak wajar menekankan pilihannya kepada perwakilan Pemuda sekiranya Pemuda merasakan tokoh pilihan Anwar tidak sesuai. Anwar harus bersikap demokratik - seperti Musa Hitam yang mendakwa dirinya demokrat tulen - iaitu menerima siapa saja Ketua Pemuda Umno pilihan perwakilan Pemuda. Dan Pemuda tidak sewajarnya begitu takut dan terikat dengan Anwar.

Pemuda harus berani menentukan siapa pemimpin yang mereka rasakan layak mengemudi bahtera perjuangan Pemuda. Pemuda yang mahu menggerakkan zaman, menggoncang dunia dan menggegarkan neo-kolonialisme tidak wajar menjadi pak turut. Benar seperti kata Abdullah Bahdawi: "Tak 'kan semua orang mahu jadi pak turut." Bak kata Almarhum Pak Hamka yang mengulas mengenai beberapa tokoh terkemuka yang bangun membebaskan bangsa mereka yang terjajah: "Orang yang seperti itulah yang membentuk sejarah yang hebat dan besar, kerana keberaniannya bertanggungjawab dan tangkasnya menetapkan suatu jalan yang akan ditempuh."

Dan nasihat buat Anwar, janganlah terlalu menekankan pilihannya yang diketahui buruk dan jelik itu kepada orang lain. Kalau pun mahu menjadi seperti seorang bapa jadilah seperti bapa kepada anak-anak burung. Bapa burung hanya memapah anaknya supaya pandai terbang. Bilamana bulunya sudah mulai tumbuh, setelah nampak kekuatannya akan terbang sendiri, si bapa atau si ibu berlepas tangan. Sebab itu keluarlah anak-anak burung ini dengan percaya kepada kekuatannya sendiri, pagi-pagi dengan perut kosong dan pulang petang dengan perut kenyang.

Huraian Pak Hamka seterusnya mungkin boleh membantu kita memilih pemimpin, paling kurang dapat kenal siapa yang paling baik di kalangan yang buruk. "Meneropong suatu peribadi tidak boleh terpengaruh oleh rasa sayang dan rasa benci ... tidak pula kurang kita menyayangi seseorang, kerana orang itu mahu kita perkuda untuk kepentingan kita sendiri. Atau kita benci bukan kerana dia bersalah, hanya kerana kita sendiri seorang pendengki."

Perwakilan Pemuda berhak memilih dan menyokong calon yang terbaik buat mereka. Paling kurang mereka berhak menolak calon Ketua Pemuda yang bejat akhlaknya, buruk perangainya, serta dipersoal secara meluas kewibawaannya. Anwar sendiri pernah menasihatkan Pemuda Umno: "Prinsip moral, kebenaran dan kesucian perjuangan mesti mengatasi segala kepentingan lainnya." Tentulah tidak manis memilih seorang Ketua Pemuda yang dituduh terbabit dengan amalan rasuah dan penyelewengan kuasa. Walaupun dakwaan itu masih belum dapat dipastikan kesahihannya, namun namanya telah tercemar dengan teruk. Calon itu pula tidak pernah menafikan dakwaan rasuah tersebut. Begitu juga dengan tokoh yang dikaitkan dengan skandal seks, atau bahasa yang agak kasar, kaki betina. Malanglah Pemuda sekiranya mereka terpaksa memilih tokoh seumpama itu. Lebih malang lagi bila orang yang memaksa mereka ialah Anwar Ibrahim, tokoh yang dilahirkan oleh era kebangkitan Islam dan terkemuka kerana perjuangan Islamnya.

Anwar tentunya belum lupa penegasannya terhadap kaitan antara perjuangan dengan persoalan moral. Antara lain Anwar berceloteh: "Justeru kerana sekiranya moral dan akhlak itu diketepikan maka soal perjuangan, dasar penerapan nilai-nilai Islam, keadilan dan kesejahteraan sosial akan menjadi omong-omongan kosong semata-mata."

"Tidak ada asas moral untuk kita memimpin dan mentadbir sekiranya semangat kita luntur dan akhlak kita rendah," tegas Anwar kepada Editor *Dewan Budaya*, Sutung Umar RS. Katanya, politik wang, rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah petanda jelas kerendahan akal budi. "Sekiranya gejala ini dibiar untuk terus berleluasa, masyarakat akan hancur," kata Anwar.

"Saya tahu sebahagian daripada rakan-rakan kita merasa persoalan seperti ini tidak perlu untuk dibicarakan kerana sukar untuk dikenal pasti, sukar menjatuhkan hukuman ataupun akan merugikan kedudukan peribadi masing-masing. Kalau kita terlalu sibuk dengan isu politik wang nanti beberapa usahawan tertentu yang nak memperkuatkan atau yang sering diistilahkan sebagai *political fund* tidak akan berani mengunjungi kita. Tapi soal asas bagi saya ialah apa asas moral bagi orang ini untuk terus memimpin dan berpura-pura mendukung cita-cita rakyat, membela nasib masyarakat, membawa masyarakat ke arah satu ideal yang lebih baik. Apa gunanya semua ini kalau mereka terus membicarakan soal amanah, soal kebersihan dalam pentadbiran, soal keadilan sosial sekiranya mereka sendiri mengalah dengan perkara-perkara ini," jelas Anwar panjang lebar.

Anwar memberitahu Sutung, usaha yang diperlukan sekarang ialah menimbulkan kesedaran untuk: "Menolak kepura-puraan yang masih berterusan. Menolak rasuah, menolak pembaziran dan menolak keangkuhan kuasa."

Teringat saya luahan rasa seorang teman, aktivis Pemuda Umno: "Selepas ini aku kena cukur janggut ...."

"Pasal apa pula. Bukankah sekarang era Anwar Ibrahim?"

"Benar, era Anwar Ibrahim, dan aku sertai Umno pun kerana Anwar ... tetapi Pemuda selepas ini akan bernaung di bawah imej

Rahim Tamby Chik. Nanti bila kita bercakap pasal Islam, dicemuhkan orang pula ... baliklah berdakwah dengan Ketua Pemuda dahulu."

"Kenapa kau tak tolak Rahim?"

"Rahim regu Anwar. Kami pentingkan semangat bekerja dalam satu pasukan," ujarnya, cuba meyakinkan saya walaupun dirinya sendiri saya yakin tidak yakin dengan pendapatnya itu.

"Lantak kaulah." Saya tahu dan teman saya itu lebih arif bahawa sekarang ini siapa yang menolak kehendak Anwar padah jawabnya. Anwar akan buru seteru politiknya sampai ke lubang cacing. Nak cari makan, beb.

"Arus Anwar terlalu kuat Lutfi," katanya.

"Memang kuat ... dibantu oleh angin projek, pangkat, duit dan saham." Saya tidak pasti apakah dia akan berkecil hati dengan gurauan saya itu.

Saya menambah: "Nampaknya kau pun ikut nasihat Musa."

"Apa kena mengena Musa pula. Musa sudah habis," cepat saja dia menyambar.

"Musa, waktu nak serahkan surat perletakan jawatan dahulu, telah menasihati anak-anak buahnya, antaranya Ruhanie Ahmad dan Radzi Syeikh Ahmad ... kata Musa, jangan lawan arus, nanti karam. Mungkin sebab itu Ron ikut arus Anwar," saya cuba berjenaka dengannya tetapi nampaknya teman saya itu tidak begitu berselera untuk ketawa. Dia hanya senyum sinis.

Rasuah dan skandal seks adalah jenayah berat yang patut dijauhi. Mereka yang terlibat dengan amalan mungkar ini sebenarnya telah luput syarat-syarat sebagai seorang pemimpin. Bagaimana individu yang gagal mengawal nafsu seks boleh memimpin Pemuda yang sememangnya mahu dikenali dengan imej golongan yang bersih dan berakhlak mulia. Tokoh yang sehebat manapun disanjung, sekiranya terjebak dengan skandal seks dan rasuah, sudah pasti tidak akan berjaya membawa perubahan positif dan diredhai Allah.

Seorang wartawan *Berita Harian* pernah menimbulkan masalah pembabitan dengan beberapa orang gadis dalam satu

temubual dengan Rahim. Rahim nampaknya buat-buat tak faham. Alih-alih dia kata Mahathir pun ada tanya dia, benarkah dia kahwin dua? Mengapa ke situ pula Rahim, yang orang persoalkan sekarang ialah "pembabitan hang secara tidak bermoral dengan gadis-gadis, tanpa nikah, bukannya kahwin dua." Apa salahnya kahwin dua, kahwin tiga atau kahwin empat kalau bersedia mencukup syarat-syaratnya. Rahim jangan ingat pembaca bodoh. Cuba rujuk *Berita Harian*, 30 Jun 1993, halaman 8. Wartawan itu sendiri, Wan Sabariah Shikh Ali, seolah-olah telah membuat kesimpulan dengan soalannya: "Apakah ini bermakna amalan politik di Malaysia serta persepsi rakyat di negara ini menganggap bahawa tidak ada kaitan di antara apa yang dikhutbahkan oleh seseorang pemimpin dengan amalan moralnya?"

Anwar mahu membawa perubahan besar. Begitulah gendang yang dipalu. (Siapa yang tidak mahu berubah? Dan sesungguhnya perubahan itu mesti berlaku. Kata Pak Hamka, tiada yang tetap, semuanya akan berubah. Yang tetap, tegasnya, hanyalah perubahan itu sendiri). Justeru itulah Anwar mencabar Ghafar. Ghafar dikatakan akan membawa perubahan juga, tetapi perubahan yang negatif. Ghafar didakwa akan membawa negara ke belakang, ke zaman mundur, seperti di zaman 60-an dahulu. Itu kata orang Anwar, tidak semestinya betul. Dan Ghafar juga dikatakan tidak memahami aspirasi golongan muda, yang berazam dan bertekad menguasai dunia dengan peradaban Islam. Malahan untuk mengikut arus Mahathir - orang yang sebaya dengannya - pun Ghafar tidak terdaya. Angin kebangkitan Islam tidak dapat disekat lagi, dan Ghafar seperti mahu menongkahnya. Itu Ghafar. Bagaimana pula dengan tokoh Melaka seorang lagi, Rahim. Apakah Rahim akan membawa perubahan yang positif, yang akan mengangkat martabat bangsa, yang akan menjulang maruah bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju, progresif, berakhlak luhur, bertaqwa, beriman dan sanggup berjihad menggadai nyawa demi kebenaran? Apakah Rahim dapat mewakili aspirasi golongan muda yang mahu menghayati Islam secara satu cara hidup yang menyeluruh? Cubalah tanya pada Anwar, mampukah Rahim

menyelamatkan generasi muda yang kini dilekakan dengan hiburan murahan dan diasak oleh pelbagai budaya songsang?

Sesungguhnya tidak mesti semua yang Anwar pilih baik-baik belaka. Ramai juga dalam karung Anwar yang busuk, yang mesti dipilih, yang mesti ditapis, yang mesti diperiksa, atau paling kurang dibasuh dan disental dahulu. Dan tidak semestinya yang bersama Ghafar buruk-buruk belaka. Seperti ingatan Isa Samad: "Jangan pilih secara longgok." Katanya lagi, "saya percaya bahawa jika kita mahu memilih pemimpin, kita tidak boleh pilih secara pakej, kelong atau rakit." Tambahnya, kalau kita nak makan durian yang baik, kita kena pilih satu-satu dan bukan cara longgok. Bagaimanapun Isa yakin dengan kematangan perwakilan Pemuda: "Mereka dapat memikirkan siapa yang hendak dipilih dan mereka tidak boleh dipaksa dan diberitahu mesti pilih orang ini."

Kalau perwakilan sensitif dengan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada Ghafar, mengapa keperibadian Rahim tidak diteropong sebegitu rupa. Kalau ada penyokong Rahim daripada kalangan ahli-ahli ABIM, mereka mesti berfikir lebih dari sepuluh kali. Adakah akhlak Rahim menunjukkan ia menghayati kehidupan bermoral? Bagaimana dengan solatnya, zakatnya dan seumpamanya lagi?

Renunglah tulisan Dr Siddiq Fadzil, yang walaupun kecenderungannya supaya pembaca menolak Ghafar dan memilih Anwar, tetapi bagaimana jika ia ditujukan kepada Rahim: "Imam Ghazali dalam karya politik al-Mustazhiriy memberi empat syarat pemimpin negara iaitu *an-Najdah* (kuat dan berwibawa), *al-Kifayah* (bijaksana dan memiliki kekuatan daya fikir sehingga memungkinkannya menyelesaikan pelbagai masalah), *al-Wara* (bersih dan berintegrati moral) dan *l-Ilm* (berilmu). ... Kerana itulah setiap kali Tuhan mahu membangun sesuatu umat yang mula-mula dilakukan ialah mengutus pemimpin unggul yang berupa nabi bersama kita petunjuk Ilahi dan itu yang membawa kepada pembangunan umat dan tamadunnya. ... Kemampuan menghadapi cabaran menjelang abad ke-21 dengan segala perubahan bawaannya yang serba pesat, dahsyat dan penuh kejutan itu

banyak bergantung kepada kemampuan kita menampilkan pimpinan yang benar-benar bermutu - dinamik, berilmu, berwawasan dan berintegrati moral, pimpinan yang mampu melaksanakan tugas besar, melahir dan mencipta tenaga, daya dan wawasan manusia."

Rujuklah al-Quran. Pemuda Umno tentunya tidak akan mengetepikan al-Quran. Anwar sudah merapatkan Pemuda dengan al-Quran. Kajilah maksud al-Mu'minun (ayat 1-11): *"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang beriman (iaitu) orang-orang yang khusyu' dalam solatnya, dan orang-orang yang menjauhi perbuatan dan perkataan yang tidak berguna. Dan orang-orang yang menunaikan zakat. Dan orang-orang yang menjaga kemaluan, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki. Sesungguhnya mereka di dalam hal ini tidak tercela. Barangsiapa yang mencari di sebalik itu, mereka itulah orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanah (yang dipikulnya) dan janjinya. Dan orang-orang yang akan mewarisi (yakni) akan mewarisi syurga firdaus. Mereka kekal di dalamnya."*

Ya, Anwar bukan malaikat; Ghafar bukan pelesit. Ini tidak pula bermakna saya berkempen buat Syed Hamid ataupun Isa Samad. Saya bukan ahli Umno. Buat apa saya memudahkan perjalanan Syed Hamid ataupun Isa, apatah lagi Rahim. Biarlah mereka berkempen sendiri, bersama juak-juak masing-masing. Mereka pun banyak duit, terutama kem Anwar, yang boleh ditabur di mana-mana saja bagi memancing undi. Yang saya rasa amat-amat tidak boleh diterima ialah keperibadian Rahim. Tetapi tidak pula bermakna Syed Hamid dan Isa Samad bersih. Mereka juga banyak cacat celanya, apatah lagi jika dihubungkan dengan konsep kepimpinan dalam Islam. Cuma yang menjadi saya bingung, antara yang buruk itu, mengapa Anwar pilih yang terburuk. Bagaimanapun saya yakin, Pemuda Umno ada mata yang dapat melihat, telinga yang dapat mendengar, dan menilai siapa Rahim. Kenapa diberikan kuasa mengundi dan memilih itu kepada Anwar? Kalaupun takut sangat dengan Anwar, bukannya Anwar tahu siapa yang akan disokong oleh mereka semasa mengundi nanti.

Mengenai rasuah, Anwar sendiri mengingatkan, dengan tegas: "Sikap mengalah dan *permissiveness* sehingga menerima rasuah dan angkara rendah akal budi sebagai suatu kenyataan atau paling tidak musibah dunia perniagaan atau politik yang pasti diterima merupakan detik bermulanya keruntuhan tamadun dan negara. ... Gunnar Myrda dalam *Asian Drama* menukilkan episod tersebut untuk membayangkan penyakit tenat kepada negara keseluruhannya sekiranya wabak rasuah tidak dibendung dan dibanteras. ... Sistem pengawalan, hukuman dan peraturan ketat mengurus perbelanjawan kewangan kerajaan diperkenalkan bagi mengelakkan berlakunya sebarang bentuk penyelewengan."

Tegas Anwar lagi: "... masalah rasuah menjadi barah yang kian merebak di tengah-tengah masyarakat. Sekiranya rasuah tidak dibanteras, harapan kita untuk mewujudkan pentadbiran cekap dan bersih akan menjadi sekadar cita-cita sahaja. Kita tidak dapat menafikan tentang adanya pegawai-pegawai yang dedikasi dan bebas dari rasuah, namun pengawasan haruslah lebih teliti dan peranan Badan Pencegah Rasiah elok lagi dipertingkatkan. Sebarang kompromi dengan rasuah akan mengakibatkan menularnya ke sistem sosial dan politik. Dan, manakala gejala ini berlaku, perjuangan akan kurang bererti dan wang dan kerendahan akal budi, akan menguasai prinsip serta idealisme."

Tidak cukup dengan itu, Anwar terus menyerang golongan yang berkompromi dengan rasuah, melalui ucapan-ucapannya (tak tahu pula bagaimana dengan tindakannya, jangan hanya pandai bercakap saja!): "Kita sewajarnya menjadi lebih bertanggungjawab, lebih berani dan tegas menghadapi kenyataan; bukannya mengalah khususnya kepada hal-hal yang disebut sebagai kenyataan rasuah dan penyelewengan dalam masyarakat. Bahkan kita kini berhadapan dengan alam yang nyata, yang menuntut segala kekuatan untuk membanteras segala bentuk penyelewengan, rasuah, kepura-puraan dan maksiat."

Memang Rahim juga sering bercakap pasal mengangkat martabat bangsa, soalnya martabat yang bagaimana, bangsa yang bagaimana? Anwar sendiri pernah mengungkapkan hal yang sama:

"Cabaran terbesar yang kita hadapi ialah bagaimanakah kita dapat melahirkan peribadi-peribadi yang berupaya meningkatkan martabat umat dalam segala bidang kehidupan degan menguasai sektor ekonomi, ilmu, sains dan teknologi, dan pada waktu yang sama mewakili sahsiah dan akhlak yang terpuji." Anwar pernah menyimpulkan bahawa kemenangan yang hakiki ialah tekad perjuangan menegakkan yang ma'ruf dan menentang kemungkaran. "Kita memohon kepada Allah SWT agar diberikan kekuatan, diperkukuhkan jiwa taqwa yang menjadi benteng terkuat bagi menentang kemaksiatan, rasuah dan kerendahan akal budi, semoga ummah terselamat daripada bencana keruntuhan," tegas Anwar.

Selepas menutup Seminar Kepimpinan Islam dan Kemajuan Kerjaya di Dewan Bandaran Dungun, 24 Julai 1993, Syed Hamid berkata media perlu berperanan mendedahkan sebarang kepincangan dan penyelewengan oleh mana-mana pemimpin sebagai satu sumbangan ke arah membentuk barisan kepimpinan bermoral dan beretika bagi menjayakan Wawasan 2020. Katanya, peranan ini penting dalam usaha melahirkan keseimbangan di antara kejayaan material dan kerohanian semasa negara sedang pesat membangun. "Bagi menangani Wawasan 2020 untuk membentuk kepimpinan berkualiti seperti yang disarankan oleh Dr Mahathir, maka pemimpin haruslah bersih dan tidak terlibat dengan rasuah," ujar Syed Hamid. Beliau juga berpesan kepada Pemuda Umno supaya mengambil kira keperibadian seseorang tokoh sebelum melantiknya sebagai pemimpin.

Bagi Anwar sendiri, berhadapan dengan politik wang dan rasuah, seperti diungkapkan dalam majalah *Sarina* (1986), beliau mengambil satu sikap yang sangat tegas menentangnya. Katanya, apa-apa petanda ke arah kelunturan dan kerendahan moral mesti dibanteras. Tegasnya lagi: "Saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada *basic* atau dasar moralnya untuk sesiapa juga bertindak sebagai pemimpin sekiranya mereka mulai mengalah dan menerima rasuah politik ini sebagai satu kenyataan. Dan saya, insya-Allah, saya bertekad akan berusaha dengan kekuatan yang ada di dalam

Pemuda untuk berusaha menyingkirkan pengaruh golongan tersebut kerana kalau dibiarkan perjuangan kita akan dikhianati."

Anwar kemudiannya memberikan penjelasan lanjut terhadap masalah politik wang (dan ia cukup menarik untuk renungan dirinya sendiri): "Masalah ini bukan saja penggunaan wang tetapi penyalahgunaan kuasa juga. Kadang-kadang ada juga digunakan jentera kerajaan dengan begitu sempit untuk tujuan-tujuan dan muslihat kelompok atau individu parti, kemudian menggunakan wang ... sekiranya kita menegur sesuatu perkara yang menyeleweng itu dilakukan, mereka akan mengugut kedudukan kita seolah-olah kita hanya akan berjaya sekiranya kita dapat bergantung kepada mereka dari segi pengaruh mereka dan wang ringgit mereka. ... Kita telah mengemukakan perkara ini kepada Perdana Menteri selaku Presiden parti dan Timbalan Presiden supaya tindakan tegas tanpa bertolak-ansur diambil untuk mengajar bahawa kita tidak akan mengemis untuk mendapatkan pertolongan daripada orang-orang yang hendak mengkhianati perjuangan kita. ... Dalam parti umpamanya didapati seringkali mereka tidak menampakkan semangat untuk berkorban dan berjuang tetapi menjelang musim pemilihan jawatan maka mereka akan turun dan mencurahkan wang ringgit dan memberi kepada perwakilan wang yang agak banyak dengan harapan mereka ini dipilih."

Dalam proses kembara kita mencari pemimpin, mengapa perlu bersusah payah mencari mutiara kata pujangga Barat mengenainya ataupun masih terlindung dengan bayang-bayang Mahathir. Bukankah pada diri Rasulullah (SAW) itu terkumpul satu set yang lengkap ciri-ciri kepimpinan? Almarhum Mustafa Lutfi al-Manfaluti, seorang pejuanga Mesir menyimpulkan peribadi Rasulullah: "Kita tidak perlu sejarah hidup filasuf Yunani, bijak pandai Rum dan para sarjana Perancis. Kerana di dalam sejarah kita, kita mempunyai satu kehidupan yang mulia, penuh dengan kegigihan dan perjuangan, kebajikan yang hakiki dan kemanusiaan yang sempurna, itulah dia kehidupan nabi kita Muhammad, cukuplah kita dengannya dan memadai sudah."

Ingatlah, amanah menerajui kepimpinan Pemuda adalah terlalu besar dan terlalu berat untuk dipikul memandangkan hebatnya peranan generasi muda. Pak Samad Ismail pernah berkata: "Pihak komunis menganggap generasi muda sebagai sebuah tasik untuk ditimba oleh mereka demi mendapatkan sokongan dan kader-kader yang boleh dijadikan orang suruhan serta boleh pula diperalatkan..." Allahyarham Keris Mas kemudiannya mengulas kenyataan Pak Samad itu: "Patut kita renungkan tasik kita ini. Tasik generasi muda ini adalah tasik terbesar pada persada tanah air kita. Ia hampir meliputi tiga suku dari keseluruhan persada tanah air ini. Hampir segala suatu berpusat pada tasik ini. Kalau tasik ini senantiasa jernih, bersih dan terjaga akan mengalirlah darinya air hidup yang bersih jernih untuk seluruh persada tanah air. Kalau tasik ini kotor, semak dan berkuman, maka seluruh tanah aiar akan dialiri kotor dan kuman, akan menerima jangkitan berbagai penyakit. Tasik ini tidak boleh diganggu pencemaran; pencemaran dalam bentuk apa jua sekalipun. Dengan kata-kata mudah: generasi muda kita yang sekarang ini merupakan golongan majoriti bangsa hendaklah senantiasa terpelihara dari segala unsur yang melemahkan, mengkhayalkan, memalaskan dan merosakkan keutuhan budi bicara atau keutuhan rohani dan jasmani."

Seterusnya Keris Mas menyatakan luahan hatinya: "Jika ada sesuatu yang amat kita rindukan dalam zaman pembangunan ini maka sesuatu itu tidak lain dari keutuhan rohani dan jasmani orang-orang muda kita. Dalam zaman yang lampau orang Melayu mempunyai falsafah *patah tumbuh hilang berganti*. Ayah pergi anak lelaki gantinya. Ibu pergi anak dara gantinya. Tiap keluarga bergantung kepada teruna dan daranya untuk terus menyambung tradisi keutuhan hidup keluarga masing-masing. Teruna dan dara dididik begitu rapi untuk menjadi matang budi bicara dan budi pekertinya, kelak siap sedia menggantikan kematangan yang tua-tua yang akan pergi. Zaman sekarang teruna dan dara inilah juga *kail sebentuk, umpan seekor* bagi kita. Tidak ada yang lain akan gantinya."



Mesra sekali Anwar dan isteri Najib. Mungkinkah Najib akan Anwar pilih sebagai orang no. 2 bila Mahathir berundur nanti? Anwar tentunya beringat, Najib bukan calang-calang orang. Najib sudah bina empayarnya sendiri.



"Banyak ikan, Tan Sri." Tangguk ikan dalam sangkar memang senang, kalau mahu uji kehebatan dan sanggup hadapi gelora, turunlah ke laut. Tapi, nasihat Tan Sri, supaya jangan pilih pemimpin secara longgok, cukup baik sekali. Tahniah!

# 16

# JANGAN PILIH SECARA LONGGOK

**Kenapa Tan Sri mengambil keputusan untuk menawarkan diri bertanding bagi jawatan Ketua Pemuda Umno?**

Pertama kerana jawatan itu kosong. Kalau jawatan itu ada pemegang saya tidak akan bertanding. Yang kedua, saya merasakan oleh kerana jawatan itu kosong, saya antara orang yang biasa berkecimpung dalam Pergerakan Pemuda dan saya pun naik daripada Pergerakan Pemuda, jadi saya memikirkan, sudah menjadi tanggungjawab saya untuk menawarkan perkhidmatan dan kepimpinan saya kepada Pergerakan Pemuda Umno Malaysia pada masa kini. Saya bermula aktif dalam Pergerakan Pemuda dengan perlantikan saya sebagai ahli jawatankuasa bahagian Pemuda pada 1973. Pada 1974, saya

---

Wawancara ini dipetik dari *Utusan Malaysia*, 25 Ogos 1993, hasil temubual Gamal Nasir Mohd. Ali dengan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad

bertanding Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Teluk Kemang dan menang. Pada 1978 pula, saya bertanding dan menang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Teluk Kemang. Dan pada 1980, saya menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Negeri Sembilan.

**Ada yang terkejut dengan pengumuman Tan Sri kerana nama Tan Sri tidak disebut-sebut sebagai calon yang akan bertanding. Apakah keputusan ini suatu yang mengejutkan kepada Tan Sri?**

Saya memang tidak memberitahu ramai orang, kecuali beberapa orang rakan dan dalam Pergerakan Pemuda Negeri Sembilan, kita telah berbincang sebaik saja Datuk Najib Tun Razak menyatakan hasrat dan ura-ura beliau untuk bertanding jawatan Naib Presiden Umno. Tetapi, saya berpendapat, oleh kerana Najib baru berura-ura, sebab itu, saya menunggu sehingga 11 Julai iaitu pengumuman Najib untuk bertanding. Dan saya membuat pengumuman pada 12 Julai. Sama ada ini satu keputusan yang mengejutkan atau tidak, saya tidaklah tahu. Tetapi sepatutnya tidak ada siapa yang perlu terkejut. Saya tidak membuat pengumuman lebih awal kerana kalau saya buat pengumuman lebih awal, maka saya perlu mula bekerja. Dan apabila saya sudah mula bekerja, takdirnyalah Najib tidak jadi bertanding jawatan Naib Presiden, untuk saya menarik diri itu agak rumit. Sebab itu, saya tunggu untuk buat keputusan bila jawatan itu kosong.

**Kalau Tan Sri Rahim Tamby Chik bercakap mengenai Pemuda yang berwawasan manakala Datuk Syed Hamid Albar pula bercakap tentang Bersih, Cekap dan Amanah dalam kepimpinan. Apakah pegangan Tan Sri pula terhadap Pergerakan Pemuda atau kepimpinan?**

Dari segi wawasan, ia sangat jelas. Bagi saya, kita tidak perlu mewujudkan wawasan yang tersendiri kerana menjadi tanggungjawab keada seluruh kepimpinan Umno di mana peringkat sekali pun dan orang Melayu serta rakyat Malaysia untuk kita berusaha mencapai Wawasan 2020 yang telah menjadi dasar negara. Sepatutnya kita tidak perlu lebih banyak wawasan.

Pertama kalau terlampau banyak wawasan, orang Melayu akan hanya dibuai oleh "lagu-lagu" wawasan, sedangkan yang satu ini (Wawasan 2020) baru kita mulakan. Oleh itu, bagi saya jelas. Apa yang perlu saya buat ialah pertama, untuk mengukuhkan Pergerakan Pemuda di semua peringkat; dari peringkat nasional hingga ke cawangan kerana kekuatan Pemuda itu dengan sendiri akan membantu ke arah kekuatan parti pada keseluruhannya. Yang kedua, saya memikirkan supaya kita berusaha untuk memastikan Wawasan 2020 yang menjadi dasar negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri akan tercapai. Pemuda mesti memainkan peranan penting kerana generasi mudalah yang akan warganegara pada tahun 2020 itu. Dan saya juga menyatakan, sekiranya saya menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia bahawa saya akan sentiasa seiring dengan pucuk pimpinan parti dan saya tidak berhasrat mahu mewujudkan masalah kepada pucuk pimpinan parti kerana kita mempunyai platform yang baik untuk menyelesaikan sebarang masalah.

**Apakah ini bermakna Tan Sri melihat peranan Pergerakan Pemuda sebagai "pendokong" wawasan dan tidak lagi sebagai "pendesak" atau sepertinya?**

Saya tidak mahu berpegang kepada slogan-slogan, tetapi mendokong Wawasan 2020 itu sudah menjadi tanggungjawab Pemuda. Tanggungjawab Pemuda bukan sahaja mendokong wawasan, tetapi berusaha untuk mencapai matlamat wawasan itu selain menyediakan generasi muda Melayu sesuai dengan hasrat tahun 2020 berkenaan dari semua aspek. Dan saya tidak percaya kepada perjuangan menerusi slogan-slogan ini. Sebab itu, kalau semua orang buat slogan, akhirnya kita juga akan dipenuhi oleh slogan, tetapi hasilnya tiada. Bagi saya cukuplah dengan slogan yang ada di dalam Perlembagaan Umno iaitu "Bersatu Bersedia Berkhidmat. " Cukup dengan itu. Slogan itu kalau kita dapat amalkan Umno akan menjadi aman, Umno kuat dan tidak ada masalah.

**Apakah pembaharuan atau pun perubahan yang akan Tan Sri buat untuk mengukuhkan Pergerakan Pemuda?**

Saya kira saya tidak perlu membuat pembaharuan atau perubahan yang banyak. Yang penting ialah memastikan bahawa Pergerakan Pemuda itu kuat dengan pelbagai kegiatan. Pemuda Umno, walaupun sebuah organisasi politik, tetapi kita tidak boleh hanya berpolitik semata-mata. Pergerakan Pemuda Umno mestilah mempunyai program-program lain dalam bidang pendidikan, dalam ekonomi dan meningkatkan syiar Islam. Semua ini perlu kita buat. Pemuda Umno tidak mesti berbincang soal politik semata-mata, walaupun itu soal pokok, tetapi jangan kita habiskan masa dengan berpolitik sehingga tanggungjawab kita di dalam aspek-aspek yang lain tertinggal untuk kepentingan bangsa Melayu.

**Apabila ada pencalonan, pihak-pihak akan berkata bahawa calon ini ialah orang itu dan calon itu ialah orang ini. Calon dikatakan proksi orang tertentu. Aa pendapat Tan Sri terhadap tanggapan sedemikian?**

Sebenarnya saya tidak percaya soal proksi-proksi ini. Saya tidak gemar dikaitkan dengan proksi tertentu, walaupun kita tidak dapat elak spekulasi atau tafsiran orang lain. Saya tidak percaya bahawa perlu bertanding dengan menggunakan "payung" orang lain. Saya gunakan "payung" kerana kita tidak perlu "dipayungi" oleh sesiapapun. Saya bertanding atas keyakinan diri saya; saya tidak perlu masuk "pakej" sesiapa, saya tidak perlu masuk "kelong" sesiapa, dan saya tidak perlu masuk "rakit sesiapa". Saya percaya bahawa jika kita mahu memilih pemimpin, kita tidak boleh pilih secara "pakej, kelong atau rakit." Kita mesti memilih siapa yang terbaik dan bukan semuanya boleh terpilih. Kita bukan memilih buah durian. Kalau kita beli pakai "pakej" maknanya kita beli "longgok" belum tentu semua baik. Maknanya kita tidak boleh pilih secara "pakej, kelong atau rakit" atau pun cara "longgok" di Chow Kit. Oleh itu, kalau kita nak makan durian yang baik, kita kena pilih satu-satu dan bukan cara

"longgok." Tengok yang terbaik daripada durian-durian yang baik. Apatah lagi kalau dipilih daripada durian-durian yang tidak baik. Sebab itu, dari segi proksi, "pakej, kelong, dan rakit," saya tidak yakin. Perwakilan Pemuda cukup matang untuk memilih yang terbaik; mereka akan tahu memilih siapa yang mereka fikir sesuai untuk menjadi pemimpin mereka. Saya juga percaya, walaupun ada yang meminta supaya dipilih ikut cara "pakej, kelong atau rakit," dalam pemilihan Umno keseluruhannya, ahli-ahli Umno akan memilih yang terbaik untuk memimpin mereka, bukan secara "longgok." Saya yakin ahli-ahli akan memilih secara cukup sempurna.

**Apakah dengan ini Tan Sri menafikan dakwaan bahawa Tan Sri ialah orang Encik Ghafar Baba?**

Saya baik dengan semua orang. Saya percaya, kita tidak boleh wujudkan kem-kem kerana ini berbahaya sebab kita sudah ada peristiwa 1987. Tetapi memang orang akan menafsir bermacam-macam kerana kalaulah bukan saya yang bertanding, orang yang lain itu juga akan disebut sebagai proksi orang ini atau orang itu. Ini sudah menjadi amalan, tetapi kita harus elakkan untuk kekalkan suasana yang harmoni dalam Umno. Itu sebab saya bertanding kerana keyakinan diri saya dan saya hendak memberi perkhidmatan kepada Pemuda, jadi saya tidak perlu dipayungi oleh sesiapa. Terserahlah kepada Pemuda kerana saya percaya orang yang memerlukan "payung" daripada sesiapa, sebenarnya dia sendiri tidak yakin akan kemampuan diri sendiri.

**Kalau peristiwa buruk 1987 mengingatkan kita tentang wujudnya Team A dan Team B. Tetapi pada 1993 ini, telah dikatakan baha-wa apa yang wujud ialah apa yang dipanggil *Old Guards* dan *New Guards*; orang lama dan orang baru dalam Umno. Apakah benar kem-kem sedemikan wujud?**

Dari segi lama atau baru di dalam Umno, ia sepatutnya tidak timbul. Kerana di dalam Umno semua kumpulan masyarakat ada; ada yang berusia 16 tahun ke atas; ada yang berusia 40 tahun ke

bawah; dan ada yang pula nak dikatakan tua, tak tua, nak dikatakan muda, tak muda, seperti saya 43 tahun. Sebenarnya di dalam Umno ini kita mempunyai kombinasi-kombinasi yang baik. Jadi, soal tua, lama atau muda, baru tidak ada masalah. Umno bukan diwakili oleh satu kumpulan sahaja. Umno mewakili semua kumpulan masyarakat, bukan sahaja dari segi usia, tetapi juga dari segi profesional dan pekerjaan. Umno merupakan suatu kombinasi dan tidak perlu kita mainkan isu tua dan muda, atau lama dan baru bagi saya.

**Tetapi mengapa orang mengatakan bahawa dalam Umno hari ini wujud kem lama dan kem baru? Apakah ini kerana orang lama dikatakan mahu terus berkuasa, manakala orang baru terlalu ghairah hendak berkuasa?**

Ini adalah tafsiran masing-masing. Jadi kalau kita nak kira ghairah atau tidak, ini soal kedua. Siapa yang hendak bertanding mesti ghairah. Kalau dia tak ghairah tentu dia tak bertanding. Jadi saya fikir, soal ini tak timbul. Umno tidak perlu mempersoalkan tua atau muda dan sebagainya kerana istilah tua dan muda itu sukar didefinisikan. Siapa yang kita kata lama dan siapa pula yang kita kata baru? Yang penting ialah pilih mereka yang terbaik, yang boleh memimpin Umno tidak kira tua atau muda. Kalau nak kira yang tua semua tidak boleh (jadi pemimpin) semua yang tua kena buang. Kalau nak ambil semua yang muda sahaja sampai orang tua tak ada, pun jadi masalah. Jadi sebenarnya di dalam Umno ini yang paling baik ialah kita mempunyai kombinasi semua; tua dan muda. Tak usah kita terlalu menekankan soal ini. Yang kita pilih ialah siapa yang terbaik, yang boleh memimpin tanpa dipengaruhi perkara-perkara lain.

**Satu usaha mengelakkan pertandingan yang dikhuatiri akan memecahkan perpaduan parti ialah dengan mencapai suatu kompromi di antara calon-calon yang bertanding. Apakah kita perlu mencapai kompromi tersebut?**

Dari segi Pergerakan Pemuda, oleh kerana jawatan itu

kosong, maka tak ada masalah dari segi berkompromi sebab jawatan itu perlu diisikan. Jadi saya tidak nampak ada banyak masalah. Setakat inipun, kita berkempen dalam suasana yang baik.

**Tidak ada kompromi di antara Tan Sri dengan Syed Hamid?**

Tak ada apa dan saya pun tidak pernah berbincang mengenai kompromi.

**Tetapi berdasarkan kepada jumlah pencalonan, ada yang berkata, adalah lebih baik pertandingan satu lawan satu. Apa pendapat Tan Sri?**

Pencalonan tidak menentu kemenangan. Misalnya, pada 1987, ada yang dapat pencalonan banyak tetapi tidak menang. Sebenarnya pencalonan itu hanya satu pandangan, tetapi perwakilan mempunyai mempunyai hak yang tersendiri dan perwakilan tidak terkongkong kepada pandangan itu. Mereka dapat memikirkan siapa yang hendak dipilih dan mereka tidak boleh dipaksa dan diberitahu "mesti pilih orang ini." Kita mesti tentukan perwakilan memilih sendiri pemimpin mereka kerana yang berkehendakkan pemimpin ialah Pemuda dan Pemudalah yang kena menentukan siapa pemimpin yang mereka hendak pilih tanpa ditunjuk-tunjuk. Kalau tunjuk pun, saya percaya perwakilan tidak akan ikut kerana mereka mempunyai hak sendiri untuk menentukan siapa yang mereka mahu.

**Banyak yang berkata di dalam pertandingan tiga penjuru untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno ini, Tan Sri disifatkan sebagai *outsider* yang mempunyai peluang kemenangan yang tipis. Pertandingan ini merupakan di antara Rahim dan Syed Hamid. Apa pendapat Tan Sri?**

Dari segi peluang saya untuk menang, saya serahkan kepada perwakilan. Mereka yang menentukan. Sama ada saya ini *outsider* atau tidak, tidak penting kerana masa ini terlalu awal. Perjalanan masih jauh. Ia macam mini maraton. Kadang-kadang orang yang

lari lambat tu yang akhirnya sampai dulu lebih baik daripada yang lari cepat. Lambat cepat tu tak penting, yang penting saya saya sampai dulu ke depan bila tiba masa dan ketikanya. Dari segi siapa banyak pencalonan, siapa kata dia *outsider*, itu soal kedua. Bagi saya, itu tak penting. Yang penting masanya ada, cukup panjang dan Pemuda mempunyai ciri-ciri yang mereka boleh pilih dalam pemimpin mereka. Dan mungkin mereka berlari, dan mungkin yang mula terlalu laju dan akan timbul masalah. Mungkin *pace* saya agak baik, *pace* yang sederhana. Mungkin bila sampai pada penghujungnya saya akan berlari laju.

# 17

# NASIHAT GHAFAR: KALAU NAK KAHWIN RUNDINGLAH DULU DENGAN IBU BAPA, JANGAN TERUS BAWA LARI!

Walaupun pertandingan sengit dalam Umno - pertandingan sebenar pada 4 November 1993, bukannya pertandingan merebut undi bonus di bahagian-bahagian - antara Anwar dan Ghafar, tetapi seteru ketat Anwar rasanya bukannya Ghafar, sebaliknya Sanusi Junid. Begitu juga sebaliknya, musuh politik Anwar, selain Musa Hitam, ialah Sanusi. Abdullah Badawi, juga dari kem Ghafar, tidak sehebat Sanusi dalam melahirkan penentangan terhadap Anwar. Di waktu tidak ada tokoh negara yang mengiringi Ghafar berkempen, berdepan dengan serangan akhbar milik Umno sendiri (sebenarnya milik Anwar), Sanusilah orang yang paling setia mendampingi Ghafar. Ada pihak mendakwa, kalau perlu Anwar akan cuba "membeli" Pak Lah, tetapi dengan Sanusi, pertelingkahan mereka tidak ada akhirnya. Pak Lah tidak begitu agresif, tidak mudah melatah, tidak suka mendedahkan

diri dalam kancah kontroversi, bicaranya agak terkawal, sedangkan Sanusi, begitu juga Anwar, mempunyai sifat di sebaliknya.

Sebelum Anwar menyertai Umno, dua orang tokoh kesayangan Mahathir ialah Sanusi dan Pak Lah. Kedua-dua mereka juga, dikatakan, yang berusaha gigih menonjolkan Mahathir - hingga menenggelamkan Tun Hussein Onn - dalam usaha Mahathir "menyingkir secara terhormat" Tun Hussein. Segala-galanya berubah bila Anwar dilonjakkan dengan begitu hebat sekali oleh Mahathir, meninggalkan Sanusi dan Pak Lah. Dan apabila Pak Lah tercicir kerana memilih kem Tengku Razaleigh - Musa Hitam, hubungan Sanusi dan Anwar semakin tegang, begitu juga Anwar - Ghafar.

(Baik juga disorot pandangan *Asiaweek*, 2 Oktober 1987, mengenai hubungan Sanusi - Anwar - Ghafar, ketika itu: *Mahathir's men seem to have unity problem as well. It is no secret that the PM's two top aides, Anwar, 40, and Umno Secretary-General Sanusi Junid, 42, don't see eye to eye. Observes say Sanusi was Mahathir's favourite until Anwar joined te PM's inner circle. Associates of Sanusi deny there is any jealousy involved, saying that their man's loyalty to Mahathir cannot be questioned. Another rift is romoured between supporters of Anwar and Deputy Prime Minister Ghafar Baba. Observes say Ghafar, 62, is beginning to emerge from the shadows, following his surprise win over Musa in April. Now he and his associates are trying to consolidate their positions in the party, much to the chagrin of Anwar loyalist, who see their mentor as the PM's logical successor.*)

Berdasarkan senario di atas, apabila disebarkan surat Setiausaha Politik Sanusi, Bahador Shah, akhir Ogos lalu, kepada Anwar, ia bukannya satu perkembangan yang menarik sangat. "Biasalah ... orang Sanusi memang sakit hati dengan Anwar," dakwa mereka yang mengaku rapat dengan kem Anwar. Bahador, melalui surat itu, menafikan bahawa dia telah menuduh Anwar menyimpan mistress Cina dan mempunyai seorang anak. Kata Bahador, Anwar sendiri yang memaklumkan kepada mesyuarat Perhubungan Umno Pulau Pinang bahawa dia menuduh Anwar sebegitu rupa. Apa yang menarik dalam suratnya itu ialah 18

sebab beliau menyokong Ghafar. Baik juga diteliti hujah Bahador itu:

1. En. Ghafar tidak pernah memaksa atau menyogok saya, atau sesiapa jua berbuat demikian. Tidak ada sindrom takut bagi orang-orang Umno yang menyokong En. Ghafar.
2. En. Ghafar seorang yang setia kepada pucuk pimpinan parti. Umno menjadi padu dan kuat kembali selepas peristiwa 1987 adalah kerana sokongan, kerjasama dan kesetiaan En. Ghafar. En. Ghafar tidak pernah meminta budinya dibalas dan tidak pula takut apabila dicabar oleh orang-orang yang tidak berbudi.
3. En. Ghafar telah banyak berjasa kepada bangsa dan negara melalui kepimpinannya dalam parti mahupun kerajaan.
4. En. Ghafar tidak rakus dan tamak kepada kuasa. Beliau tidak gelojoh. Beliau hanya ingin mempertahankan jawatan Timbalan Presiden parti yang disandangnya. Manakala jawatan Timbalan Perdana Menteri adalah budi bicara dan bidang kuasa YAB Perdana Menteri jua. Beliau sedar dan insaf tentang perkara ini.
5. Menyokong En. Ghafar bermakna memantapkan lagi kestabilan yang sedia ada dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan ini. Kestabilan ini perlu demi meningkatkan lagi pencapaian prestasi ekonomi negara. Ini diakui sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam seluruh nasihat-nasihatnya kepada Umno dan rakyat negara ini.
6. En. Ghafar mampu menghembus angin perubahan sesuai dengan keperluan rakyat negara ini keseluruhannya. Bukan sekadar untuk kepentingan segelintir golongan korporat yang tidak sampai 10 peratus yang menganggotai Umno di bawah naungan kumpulan Melayu baru. Ini telahpun dibuktikan oleh En. Ghafar sejak 43 tahun lebih beliau memimpin Umno dan Kerajaan di semua peringkat.
7. Sepanjang perjuangan hidupnya, En. Ghafar adalah seorang yang dinamik dan pragmatik di sebalik gerak-geri dan tingkah lakunya yang sederhana dan rendah diri. (Sama sekali tidak

angkuh dan sombong). Ini terbukti kerana dari seorang anak kampung yang miskin beliau meningkat secara gigih dan berani tanpa mengaku kalah. Dari seorang guru pelatih menjadi tokoh politik yang disegani. Ketokohannya dalam politik menjadikan beliau seorang negarawan yang dihormati. Di samping itu juga kita tidak harus lupa bahawa En. Ghafar juga adalah seorang tokoh korporat yang mempunyai wawasan yang jauh. Beliau melepaskan jawatan Ketua Menteri Melaka yang *prestigeous* dan memilih untuk menjadi Pengerusi MARA yang pertama. Bukankah MARA yang bertanggungjawab melahirkan tokoh-tokoh korporat Melayu hari ini sama ada melalui latihan secara langsung mahupun bantuan dan biasiswa yang dikeluarkan. Malah En. Ghafarlah yang memberi nafas baru kepada Melayu Baru hari ini. En. Ghafar juga pernah menerajui beberapa badan korporat lain dalam negara ini di masa yang lampau. Contohnya En. Ghafar adalah anak Melayu yang pertama dipilih oleh syarikat antarabangsa Dunlop untuk mengetuai pentadbiran korporatnya. Cuba kita renung sejenak dan tinjau latar belakang tokoh-tokoh korporat di Jepun, Korea dan Taiwan. Apakah tidak ada persamaan cara hidup dan ranjau-ranjau hidup yang dilalui mereka antara kelulusan dan pengetahuan - siapa dia Lim Goh Tong? Seperkara yang harus kita sedar, En. Ghafar sebagai seorang ahli korporat, telah menempuh jalan yang sukar, penuh dengan pengalaman pahit maungnya. Bukan seperti golongan korporat hari ini, yang menjadi kaya dan terkenal secara *mysterious*, yang juga termasuk dalam golongan Melayu Baru hari ini. Andainya En. Ghafar senang dan kaya, tidak susah anak cucunya memahami mengapa beliau jadi kaya, senang dan berjaya. Tetapi bagi golongan Melayu Baru pasti bukan sahaja anak cucu, malah isteri dan keluarga terdekat akan hairan mengapa dan bagaimana mereka jadi kaya dan berjaya. Oleh kerana pangkat dan kekayaan yang diterima secara *mysterious* ini, hidup mereka penuh dengan keraguan dan kesangsian. Mereka menjadi

mangsa kepada sindrom takut - budaya baru dalam Umno.

8. Kalau perkara 7 di atas adalah satu kenyataan keupayaan serta kemampuan En. Ghafar, apa pula wawasan yang tidak boleh dibawa oleh En. Ghafar. Bagi orang muda dari golongan Melayu Baru (baru sepuluh tahun menjadi ahli Umno), apakah menjadi Timbalan Presiden atau Presiden parti baru boleh membawa dan menjayakan suatu wawasan? Kenapa tidak mahu meneladani jejak langkah dan kaedah-kaedah yang ditunjuk oleh En. Ghafar. Nikmatilah lagu yang merdu walaupun kita benci kepada penyanyinya ataupun penggubahnya. Janganlah kita menghina orang tua kerana secara langsung kita menghina masa depan kita.
9. Antara lain saya menyokong En. Ghafar ialah kerana En. Ghafar tidak pernah menghina Umno. Kalau dahulu ada orang muda memijak bendera Umno - hari ini tokoh tua yang menegakkan bendera itu hendak dipijak oleh pemuda yang sama juga.
10. En. Ghafar tidak pernah mencaci-cerca bangsa dan negara di seluruh dunia semasa mudanya.
11. En. Ghafar tidak pernah membohongi negara dan dunia, kononnya ada orang mati kelaparan di kampung saya, Baling, Kedah.
12. En. Ghafar tidak pernah mengajar saya menunjuk perasaan semasa saya di universiti dahulu.
13. En. Ghafar tidak pernah mengajar saya berlari di jalan raya untuk dikejar FRU dan memaki FRU "anjing Kerajaan". Lantaran itu En. Ghafar gagal menunjuk saya jalan ke Kemunting.
14. En. Ghafar juga pernah mengajar saya - kalau hendak kahwin, rundinglah dahulu dengan ibu bapa - jangan sekali-kali bawa lari anak dara orang ke England mahupun ke Siam. Ini bukan sekadar bertentangan budaya Umno malah terpesong dari budaya bangsa yang berlandaskan hukum Islam.
15. En. Ghafar tidak terlibat dengan penubuhan ABIM tetapi semua pertubuhan yang pernah En. Ghafar tubuhkan tidak pernah mendera Kerajaan dan keempat-empat pemimpin

besar negara ini termasuk Dr Mahathir Mohamad. Malah pertubuhan yang En. Ghafar terlibat pernah menentang Malayan Union yang membawa kemerdekaan kepada negara ini yang kini menjadi warisan kepada Melayu Baru.

16. En. Ghafar tidak menubuhkan Yayasan Anda yang masih tinggal terbengkalai. Tetapi En. Ghafar membantu Allahyarham Tun Razak menubuhkan MARA yang telah berjaya melahirkan Melayu Baru hari ini. En. Ghafar telah mendidik anak bangsa menjadi cendekiawan, berijazah serta berwibawa, walaupun En. Ghafar sendiri tidak berijazah. Apakah ini bukan suatu wawasan yang sudah tercapai. Ijazah yang sepatutnya dibolot oleh En. Ghafar kini ditabur untuk seluruh anak bangsa miskin ataupun kaya. Wawasan apa lagi yang tak mampu En. Ghafar usahakan.
17. En. Ghafar tidak pernah melaung-laungkan orang lain "munafik" kerana terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan judi dan riba, manakala hari ini semua itu seolah-olah tidak berlaku dalam negara ini. Apakah pinjaman bank tanpa faedah dan pendidikan ilmu permainan saham sudah membersihkan kita dari dosa. Perubahan nama dan istilah tidak menghilangkan dosa itu.
18. Akhir sekali saya bersyukur kepada Allah (SWT) kerana En. Ghafar yang saya sokong telah tidak dipilih sebagai Presiden Kelab Kuda. Sebagai pemimpin ulung negara yang dihormati tidak pula En. Ghafar dimasukkan dalam bidang hiburan sebagai "The Best Dressed Man Of The Year" yang mana terpaksa diperlumbakan bersama-sama bintang filem dan penyanyi berbakat di negara ini.

Demikianlah 16 sebab Ghafar disokong, dan tentunya bagi penyokong Anwar, khususnya Setiausaha Politik Anwar, mempunyai lebih banyak sebab untuk menyokong Anwar!

"Kami tidak menolak Ghafar, tetapi bagaimana cara untuk kami meletakkan Anwar sebagai pengganti Mahathir, kalau Ghafar tidak mahu memberi jalan. Ghafar tetap kami hormati, tetapi cabaran zaman terlalu sengit untuk Ghafar hadapi. Sebenarnya

kami sayangkan Ghafar, jawatan PM tidak sesuai untuknya ... jawatan itu hanya akan membebankan Ghafar. Yang eloknya, biar perwakilan memilih Sanusi atau Anwar, bukannya antara Ghafar dan Anwar. Itu baru adil, sama-sama muda, sama-sama berkebolehan," demikian celoteh panjang juak-juak Anwar.

# The 'Cool One' with a sound philosophy

By WONG SAI WAN

NEGRI Sembilan Mentri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad's announcement that he was offering himself as a candidate for the Umno Youth chief post surprised many but not those in the state.

Over the past three months, he had confided in a number of people that he was considering the Youth chief post but he swore them to secrecy. And judging from the reaction of those outside the state, the secret was well kept.

Isa has a simple philosophy in life which he applies to politics and the administration of the state. He believes the means must justify the ends.

"What we do must be worthy of the results. If we just want to do something for the sake of doing then it is of no use," he said.

He said there was no point in shouting out slogans for the sake of making noise but instead look for the best possible way of solving a problem.

This philosophy has however drawn criticism on Isa. His critics claimed that Isa was too "soft" to be a Youth chief, and that he was also not enough of a political animal to be an effective leader.

Isa dismisses these criticisms and described such critics as being out of date.

"The Umno Youth does not need to shout and scream to get themselves heard anymore." "The wing has adequate access to party leaders and government to get things done without having to shout all the time," he said, adding that the Youths must not be afraid to speak out when necessary.

"It is not the question of the youths being dumb or suffering from *Sindrom Membisu* (Dumb Syndrome). The movement has graduated into more than just being a mere pressure group.

"Umno Youth is an integral part of the party and it has come to a stage where it must exert its views directly to the party and not to ram it down the throats of party leaders. We must not embarrass the government," said Isa.

He said he has never liked the idea of making noise to get attention.

"Cheap political mileage is not my style. I have never tolerated any politician, whether Barisan or opposition, who carried out stunts just to gain political mileage."

Isa was born on Nov 14, 1949 to Datuk Haji Abdul Samad Said who was the Umno Teluk Kemang Division chief.

A graduate of University Malaya with a Bachelor of Arts, Isa's route to becoming the mentri besar was of a mixed blessing. He went from being a teacher in Sekolah Dato Abdul Razak to a State Assemblyman.

He was made the mentri besar in 1982 succeeding Datuk Rais Yatim. Isa was the state's fourth elected MB and also the longest serving one. He is also the youngest one at 33 when he was appointed.

On his relationship with Encik Abdul Ghafar Baba, Isa does not deny he has very close ties with the Deputy Prime Minister.

"But I have never asked him or any other leader for blessings to contest the youth chief post.

"There are many people who say that I am Ghafar's nephew. This has gone on for so long that I do not even bother to deny it anymore," he said.

Many say that Isa owed his mentri besarship to Ghafar because the latter had personally intervened to get the Ruler to re-appoint him twice.

Isa said the Rulers must realise that the appointment of state officials laid with the government and must be according to the spirit of the constitution where the person with the confidence of the House be appointed as the mentri besar

"This was the crux of the Rulers issue which has now been resolved," said Isa.

On why he was contesting the Youth post, Isa said he was offering himself as an alternative.

"It seems that there will be three other candidates. One mentri besar and two Ministers. My entry will give the youth delegates a choice," he added.

He said the contest would not spilt the party because it was contest for a vacant post.

He also said being a mentri besar was not a handicap (in the contest for the youth post) because as a state leader, he had a home base and infrastructure to help the Youth wing.

What if he loses?

Isa said there will be no losers in the contest.

"We are making a commitment to serve the Youth wing. Win or lose, all the candidates must still serve and work with the wing."

Keratan akhbar The Star mengenai ketokohan Isa. Apakah Isa masih menyokong Ghafar atau mengambil jalan mudah, mendukung Anwar? Tidak dipastikan apakah Anwar akan terus mengekalkan Isa lagi nanti.

# 18

# BILA ANWAR INGATKAN RAHIM

Membaca pemikiran dan idea Anwar semasa beliau menjadi "pembangkang" yang digeruni pemimpin-pemimpin Umno satu ketika dahulu memang menjadi minat saya. Jika ada sebarang wawancara dengan Anwar di kala itu, saya pasti mencarinya, menyimpan dan kalau ada kesempatan merakamkannya kembali. Bagi saya, ia amat bermanfaat untuk terus menelusuri pemikirannya di masa depan. Mungkin Anwar sendiri lupa dengan pandangan dan kritikannya itu kerana sibuk menghadam isi kandungan Wawasan 2020, namun jika Anwar benar-benar ikhlas dalam perjuangannya, jaluran pemikirannya tidak akan jauh menyimpang. Seperti Mahathir, meskipun bukunya *Dilema Melayu* ditulis ketika marah-marah dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman, hampir 25 tahun lalu, tetapi, itulah bentuk pemikirannya yang dibawa hingga hari ini.

Wawancara di bawah ini dipetik dari *Dewan Masyarakat (DM)* terbitan 15 Julai 1980 (nampaknya *DM* ketika itu lebih bebas dari sekarang; kini menjelang perhimpunan agung Umno 4 November 1993, *DM* hanya mewawancarai regu Anwar iaitu Muhammad Muhd Taib, Muhyidin Yassin, Rahim Tamby Chik dan Najib Tun Razak ...mana perginya Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi Junid, serta Syed Hamid Albar dan Isa Samad). Wakil *DM* Abdul Ahmad mewawancarai Anwar, dengan tajuk Kebangkitan Islam Mesti Menyeluruh:

**Saudara ini selalu berpakaian biasa saja. Kalau orang tak kenal dengan saudara mungkin tak yakin saudara ini pemimpin satu gerakan dakwah Islam yang popular dan ramai pula pengikutnya.**

Saya kurang bersetujulah dengan anggapan bahawa pakaian itu dihubungkan dengan gerakan dakwah. Bagaimanapun, dari segi pakaian ini, memanglah ada peraturan yang terdapat di dalam syariat Islam.

**Bagaimana dengan orang-orang yang berpakaian sampai tertutup semuanya, kecuali biji mata saja? Tidak keterlaluan?**

Umumnya ada dua pendapat tentang ini. Pertama, menutup aurat, maksudnya seluruh anggota badan kecuali muka dan pergelangan tangan. Kedua, pakaian purdah. Saya menghormati kedua-dua pandangan ini, walaupun pada fahaman saya, memadailah dengan mengamalkan pendapat yang pertama itu saja. Ini sudah cukup bersopan dan memenuhi peraturan dan syariat Islam.

**Di mana-mana kita pergi hari ini, baik di kota atau di desa, kita tersua ramai orang terutamanya anak-anak muda berpakaian dakwah. Tentulah ini suatu lambang kebangkitan semula Islam....**

Ya. Tetapi yang perlu lebih ditekankan adalah bukan sekadar lambang kebangkitan pada pakaian itu saja, tetapi adalah kefahaman dan praktik Islam itu sendiri. Sekadar lambang saja tidak

mungkin dapat memberi kesan yang kukuh dalam membawa perubahan Islam yang mutlak. Yang lebih pokok ialah perubahan dari segi akhlak, keperibadian, peraturan sosial, pemulihan ekonomi.

**Sampai selama mana gerakan Islam sekarang boleh bertahan?**

Sebenarnya kebangkitan Islam ini menonjol daripada kesedaran generasi muda terhadap maksud dasar Islam itu sendiri. Ia berpunca daripada keyakinan individu. Dan keyakinan ini tidak mungkin tawar bila berhadapan dengan kata-kata propaganda yang bertentangan ataupun ugutan daripada apa-apa kepentingan lain.

**Saya rasa gerakan Islam kini berbeza daripada zaman kegemilangan Islam dulu. Zaman kecemerlangan dulu menonjolkan tokoh-tokoh Islam dalam bidang ekonomi, perubatan dan macam-macam lagi.**

Gerakan Islam sekarang lebih dalam peringkat menimbulkan suasana Islam itu kembali. Inilah yang banyak diusahakan sekarang. Sedangkan dulu, suasana itu sudah pun wujud, dan suasana itulah kemudiannya mau ditonjolkan pakar dan tokoh dalam berbagai bidang itu dari kacamata Islam. Lagipun sekarang, kalau hendak dikemukakan sesuatu pandangan, umpamanya tentang kemasyarakatan dari sudut Islam, akan terpaksa mencabar dan dicabar oleh seluruh ilmu kemasyarakatan yang sedia ada, terutamanya dan tokoh-tokoh Barat. Kalaulah umpamanya mahu dibuat suatu tafsiran sejarah dari kacamata al-Quran, ini akan menimbulkan satu kejutan yang seolah-olah panik atau kejutan kepada seluruh ahli sejarah. Sebabnya kerana umumnya ilmu sejarah ini dikuasai oleh golongan cerdik pandai yang berpendidikan Barat. Bukan salah mereka terdidik di Barat, tetapi kadangkala mereka membawa pengaruh Barat yang tebal sehingga tidak memungkinkan mereka untuk menerima suatu pandangan dari kacamata Islam.

**Akhir-akhir ini nampaknya saudara banyak juga bercakap tentang soal-soal ekonomi. Sejauh manakah Islam telah dan boleh mempengaruhi sistem ekonomi negara ini?**

Islam menekankan dua aspek yang harus difikirkan baik dalam dasar ataupun perancangan iaitu aspek akhlak dan keadilan. Akhlak dalam ertikata program pembangunan apa pun jangan sampai mengetepikan peraturan moral. Jangan sampai yang haram itu dihalalkan. Jangan sampai yang riba itu dihalalkan. Keutamaannya mestilah menekankan soal memperbaiki golongan yang selama ini tertindas, yang susah, yang teraniaya, golongan setinggan dan yang tinggal dalam kawasan sesak, petani yang miskin, nelayan yang susah.

**Adakah unsur-unsur sistem ekonomi ini berjalan?**

Dari satu segi yang sangat terbatas adalah usaha-usaha secara kecil-kecilan. Selain itu, saya fikir, jauhlah lagi daripada berhasilnya suatu program pembangunan menurut kacamata Islam.

**Bolehkah saudara cadangkan bagaimana kerajaan boleh membentuk suatu sistem ekonomi berdasarkan prinsip Islam di dalam sebuah negara berbilang kaum ini?**

Sebenarnya dasar ekonomi Islam itu sendiri tidak terbatas kepada orang-orang Islam, sahaja, seperti jugalah dengan soal akhlak dan keadilan, mencakupi keperluan dan kepentingan semua bangsa dan agama. Oleh itu bila bercakap soal membebaskan golongan yang susah, bukannya terbatas kepada orang-orang Islam sahaja. Kalaulah ada usaha untuk mengadakan pembaharuan pembangunan mengikut Islam, maka ia mestilah menolak segala bentuk pemerasan ke atas golongan bawahan, sama ada dalam bidang industri, penyewaan tanah ataupun riba. Segala kegiatan ekonomi yang dianggap haram, termasuk kilang arak, pusat perjudian, pusat pelacuran, mestilah dihapuskan. Selain itu mestilah diberi keutamaan kepada pembelaan nasib orang-orang miskin, yang hidup sentiasa terdesak. Ini bolehlah dimulakan dengan mewujudkan kembali institusi zakat secara besar dan

teratur, sebagai suatu institusi penting di dalam negara.

**Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran mengemukakan cadangan untuk mengadakan suatu matapelajaran agama, moral dan etika. Apa komen saudara?**

Kita sambut baik perubahan dalam pendidikan negara ini. Tetapi cukupkah sekadar mengadakan satu matapelajaran dalam keseluruhan proses membentuk manusia yang beragama, bermoral dan berakhlak? Penekanan moral dan akhlak ini mesti dalam seluruh sistem pendidikan itu sendiri, iaitu dalam suasana persekolahannya, adab dan akhlak guru dan pelajarnya, dan menerapkan keislaman itu dalam keseluruhan matapelajaran.

**Selain sekolah kerajaan yang mengajarkan agama Islam sebagai satu matapelajaran sahaja, terdapat pula sekolah agama rakyat dan sekolah agama yang dibantu oleh kerajaan. Bagaimana saudara melihatnya?**

Itu suatu kegiatan pendidikan yang baik. Tetapi sekolah agama rakyat yang dibangunkan daripada derma orang ramai, mempunyai sistem pendidikan agama secara tradisional ini. Dan di samping itu terdapat pula sekolah agama bantuan kerajaan ini memasukkan pelajaran sekular - sejarah, ilmu alam dan sebagainya.

**Bagaimana kalau PPK mengadakan satu landasan supaya sistem pendidikan yang ada unsur agama dan akhlak ini diselaraskan?**

Kita merasakan sistem pendidikan negara ini mempunyai beberapa kekurangan. Banyak kegiatan antisosial yang berlaku di dalam masyarakat sekarang. Ini membuktikan bahawa sistem pendidikan itu tidak dapat menghasilkan satu generasi yang berakhlak, yang dapat mempertahankan nilai-nilai yang baik dalam masyarakat, hinggakan mereka ini mudah terpengaruh dengan kebudayaan Barat yang meruntuhkan. PPK patut mengkaji perkembangan ini secara terbuka, menilai semula sistem yang sedia ada berlandaskan kesan, bukan saja dari peratus kelulusan dan keperluan tenaga manusia - tetapi dari segi ke arah mana kita

hendak bawa anak-anak muda kita. Sekarang sudah ada kesedaran Islam yang kuat, tetapi adakah ini sudah praktik di peringkat persekolahan. Soalnya, faktor yang membangkitkan kesedaran Islam sekarang datangnya dari luar bangku sekolah. Jadi ini membuktikan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan sistem persekolahan itu.

**ABIM memang berjuang bersungguh-sungguh membangkit dan menggerakkan Islam. Tetapi parti-parti politik, umpamanya Umno dan PAS juga nampaknya ikut terlibat. Bagaimana saudara melihatnya?**

ABIM bukanlah memonopoli gerakan Islam ini, dan parti-parti politik juga memperjuangkan Islam. Tetapi pertubuhan-pertubuhan politik ini bukan suatu pergerakan Islam. Kalau dasarnya Islam, pimpinannya melambangkan keperibadian Islam, pelaksanaannya mementingkan nilai-nilai Islam, maka bolehlah ia digolongkan sebagai suatu pergerakan Islam. Saya tidaklah mahu mengatakan yang parti-parti politik tidak memperjuangkan Islam, tetapi biarlah masyarakat umum yang mengukurnya. Bagaimanapun ciri-ciri yang saya sebutkan tadi mestilah ada pada sesuatu pertubuhan politik, barulah boleh dikatakan parti politik itu memperjuangkan Islam.

**Bagaimana kalau berlaku agama digunakan untuk kepentingan politik dan bukannya menggunakan politik untuk perjuangan agama?**

Amat merbahaya.

**Bagaimana kalau ABIM mengambil suatu usaha, membawa pemimpin-pemimpin politik dari Umno, PAS dan lain-lain duduk dalam sebuah forum dan membincangkan beberapa aspek supaya Islam dalam digerakkan lebih hebat lagi dan dapat menjadi jambatan penghubung parti.**

Kalaulah Islam menjadi suatu jambatan penghubung parti-parti politik ini, maka ini suatu yang amat menyenangkan. Ya,

saya amat bersetuju, malah amat perlu. Setidak-tidak ini dapat mengendurkan persaingan dan pertelingkahan politik. Tetapi untuk membawa pemimpin-pemimpin politik ini duduk semeja dan berbincang seperti yang saudara cadangkan itu, saya rasa, ada masalahnya memandangkan masing-masing pertubuhan politik ini mempunyai dasar dan haluan politik yang berlainan, malah bersaingan untuk mengekal dan meluaskan pengaruh. Bagaimanapun, saya tidak tahu adakah pertubuhan-pertubuhan politik itu sanggup. ABIM sentiasa memnpunyai sikap yang terbuka bila-bila masa saja.

Semasa membentangkan ucapan dasar di muktamar ABIM 1980, Anwar menegaskan: "Islam menentang segala bentuk pemerasan ekonomi dan turut membela golongan yang menderita tanpa mengira kaum dan agama. Prinsip inilah, antara lain, yang menyebabkan Islam tegas mengharamkan riba, kegiatan monopoli, penguasaan tanah secara berlebihan dan pemerasan ke atas golongan pekerja, yakni, hal-hal yang yang kini menjadi tunjang dan nadi dalam sistem ekonomi kapitalis. Oleh itu sebarang bentuk perjudian, kilang arak dan pelacuran adalah tetap haram dan alasan-alasan pembangunan dan pemodenan untuk mengesahkan aktiviti-aktiviti tersebut haruslah ditolak. Oleh kerana *raison detre* dari sistem ekonomi Islam ini adalah keadilan dan keutamaannya adalah untuk membanteras kemiskinan maka pemusatan kegiatan haruslah ke arah membela golongan miskin, di kalangan petani dan nelayan, di kawasan sesak dan setinggan atau di estet-estet. Di bidang sosial tindakan segera perlulah diambil ke arah membanteras dadah dan arak, perjudian dan pelacuran, serta mempesatkan usaha-usaha menghapuskan rasuah dan segala bentuk penyalahgunaan kuasa di semua peringkat. Sekatan-sekatan yang mengongkong kebebasan berfikir dan bersuara mestilah dilonggarkan bagi membolehkan masyarakat turut menyumbangkan tenaga dan pemikiran dalam nilai-nilai murni dan tradisi ilmu yang sihat."

Di Muktamar Sanawi ABIM ke-10, Anwar menekankan: "Di dalam keadaan penguasa yang kurang wibawa, jalan yang dipilih

adalah tambah memperketatkan kuasa agar menimbulkan ketaatan yang dipaksa atau supaya rakyat menurut sahaja, bukannya atas dasar keinginan atau kepercayaan, tetapi oleh kerana takut atau semata-mata untuk survival jaminan keselamatan diri. Krisis kepercayaan ini lebih dirasakan manakala golongan pemerintah yang sebegitu mendera pengkritik dan menekan golongan lain yang tidak sependapat - pemerintah dapat pula merelakan pemerasan, rasuah dengan alasan ia sukar dibasmi atau bersikap toleransi terhadap kemaksiatan dan *permissiveness* dari segi moral."

Anwar kemudiannya mengulangi sikapnya terhadap isu kebebasan dan keadilan (satu isu yang kini dihadapkan pula kepadanya!): "Sejak diasaskan ABIM telah menyuarakan sikapnya dengan jelas mengenai kebebasan sebagai satu prinsip yang perlu diperjuangkan kerana menurut faham kita, seluruh dasar dakwah dan kegiatan Islam tercemar dengan adanya undang-undang atau peraturan dengan sewenang-wenangnya menafikan hak individu dan kebebasan golongan. Kritik kita terhadap undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan terhadap pindaan Akta Pertubuhan adalah didorong oleh perasaan kita yang bertanggungjawab dalam mempertahankan kemuliaan dasar Islam itu sendiri. Tiada sesiapapun yang dapat menafikan bahawa betapa jua alasan untuk diadakan ISA dahulunya, kenyataan tetap menunjukkan bahawa ia pernah disalahgunakan untuk maksud-maksud politik sempit. Islam melihat soal kebebasan itu sebagai hak atau undang-undang tabi'i kerana tanpa kebebasan, kesempurnaan martabat insan dan prinsip kemuliaan insan (karamah insaniyah) dicemar."

Seterusnya Anwar menyimpulkan: "Prinsip Islam dalam hak ini begitu ketara hinggakan dalam soal yang paling asasi, yakni soal aqidah, Islam melarang paksaan. Maksud firman Allah: *Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang salah. Kerana itu barangsiapa yang engkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha*

*Mengetahui*. Sesungguhnya dasar ini tidak boleh dianggap semata-mata sebagai toleransi atau kompromi politik, akan tetapi sebagai satu dasar yang utuh. Malahan dilanjutkan prinsip tersebut untuk menekankan dasar akhlak dan keadilan yang semestinya mengatasi semua pertimbangan lainnya, termasuk perbezaan kepercayaan, sepertimana yang dijelaskan menerusi maksud al-Quran: *Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula mengusir kamu dari negerimu). Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.* Kebebasan juga dianggap dasar utama yang terkuat demi mempertahankan kebenaran dan keadilan. Penafian hak tersebut tentunya merupakan tindakan zalim."

Ketika membahaskan ucapan dasar bertajuk *Wahdatul Fikr*, Anwar yang ketika itu "dipaksa berehat di Istana Hinggap Pagar Berduri, Kemunting" mengingatkan para muktamarin: "Kita harus akui bahawa masyarakat terus derita akibat kezaliman sistem ekonomi yang mengizinkan penindasan dan gejala keruntuhan akhlak - arak, dadah, perjudian dan rasuah - ke tingkat yang membimbangkan. Pertikaian politik untuk merebut kedudukan dan rebutan kekayaan ekonomi begitu diutamakan hingga sanggup menafikan kebebasan serta merendahkan martabat manusia itu sendiri."

Dalam satu wawancara dengan majalah *Impact International*, Julai 1981. Anwar bercakap mengenai pindaan Akta Pertubuhan yang turut ditentang oleh lebih seratus pertubuhan: "Sebenarnya kami telah menentang segala bentuk undang-undang yang menekan, panahanan tanpa bicara, ISA serta undang-undang lainnya yang menindas kesatuan sekerja, pelajar-pelajar dan kakitangan akademik. Kami juga menyatakan penentangan kami terhadap pindaan Perlembagaan yang dibuat baru-baru ini yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengisytiharkan darurat meskipun keadaan aman. Bagaimanapun pindaan Akta Pertubuhan itu bagaikan suatu *blanket* buat meletakkan pertubuhan-pertubuhan sukarela di bawah kongkongan kerajaan." Ditanya mengenai kesan pelaksanaan akta tersebut terhadap ABIM,

Anwar berkata: "Undang-undang ini sudah pasti memberi kuasa yang sangat luas kepada pemerintah. Sebenarnya pihak pendaftar boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana pertubuhan yang menerima surat dari luar jika surat itu diterima atas nama pertubuhan itu tanpa terlebih dahulu meminta kebenaran daripada pihak pendaftar. Ini adalah keterlaluan, kerana penguasa-penguasa yang lebih otokratik bahkan negeri-negeri diktator pun tidak mempunyai undang-undang seperti itu."

Mengenai sikapnya terhadap PAS atau Umno, dalam wawancara yang sama, Anwar menegaskan ABIM mengambil polisi tidak campur tangan dalam soal-soal politik kepatian. Bagaimanapun, katanya, simpati rakyat dan umat akan lebih cenderung kepada parti yang menentang segala bentuk pembaziran, menghormati dan memegang hak asasi rakyat, memenuhi atau menegakkan keadilan ekonomi, aktif dalam menentang rasuah dan mempunyai sikap yang positif terhadap Islam dan undang-undang Islam.

*Impact International* seterusnya bertanya: "Apakah yang harus saudara nyatakan kepada Umno supaya ia lebih diterima oleh masyarakat Islam." Anwar menjawab: "Saya rasa Umno mesti menunjukkan bahawa ia menghormati hak-hak asasi rakyat. Mereka sering membicarakan soal demokrasi, jadi sekurang-kurangnya mereka mesti menegakkan hak-hak demokrasi. Mereka mesti menghormati pandangan-pandangan orang lain dan menyedari keperluan untuk menyalurkan idea-idea ini ke arah penyatuan pandangan dan pembinaan polisi yang lebih konstruktif. Dan ia memerlukan satu program yang konkrit dan adil dalam polisi ekonomi - bukan semata-mata untuk menambahkan kekayaan segelintir rakyat - sama ada Bumiputera Melayu atau segelintir elit atau kapitalis di kalangan bukan Melayu. Tetapi program-program itu harus diarahkan untuk memerangi kemiskinan terutama sekali kemiskinan luar bandar. Mengapakah selepas 20 tahun merdeka kita masih belum mengkaji masalah tanah dan rakyat yang tidak mempunyai tanah? Tanah-tanah yang dipunyai oleh rakyat yang miskin telah secara beransur-

ansur dibeli oleh tuan-tuan punya tanah yang kaya. Kita juga telah mengabaikan nelayan-nelayan yang miskin. Dan masalah-masalah yang menjejaskan kebajikan pekerja-pekerja semakin bertambah. Tapi kita seolah-olah tidak ambil tahu terhadap masalah-masalah mereka yang miskin dan tertindas ini. Kita juga mengetepikan soal rasuah. Meskipun mengikut Perlembagaan, Islam adalah agama negara, tapi tidak ada usaha langsung untuk menyelesaikan masalah yang sentiasa timbul dengan cara Islam baik di sudut sosial, ekonomi atau kebajikan."

Anwar di akhir wawancara tidak lupa menegaskan komitmennya terhadap amalan rasuah (hati-hati sikit Rahim Tamby Chik!): "Selain daripada menekankan aspek-aspek moral, kita juga harus mempunyai komitmen yang kuat untuk menentang segala bentuk rasuah di dalam masyarakat, sama ada di bidang ekonomi, kebudayaan atau politik." Katanya, mestilah ada usaha untuk mendedahkan masalah-masalah ini.

Soal perubahan (seperti yang hebat dikemundangkan sekarang oleh Anwar, dalam bentuk yang berbeza, iaitu demi untuk menumpaskan Ghafar Baba dan regunya) pernah ditimbulkan oleh Anwar dalam Debat Agung Ekonomi ke-11, anjuran Persatuan Ekonomi Universiti Malaya pada 16 September 1981. "Proses pembentukan generasi yang dinamik itu tidak akan mungkin berjalan dengan pesat tanpa kebebasan yang secukupnya," kata Anwar. Beliau seterusnya menambah, perlu ada *rapport* dan dialog yang sihat dan berterusan di kalangan berbagai peringkat dan golongan. "Segala usaha untuk menakutkan-nakutkan masyarakat dari menyuarakan pandangan," kata Anwar, "mestilah dihentikan."

ABIM di bawah pimpinan Anwar pernah menganjurkan Seminar Peradaban Islam pada 4-6 April 1980. Seminar ini mengkritik dasar kebudayaan negara yang sempit, yang menonjolkan kepada kesenian melulu, yang menambah-gawatkan hawa nafsu, dengan bantuan seluruh media bagi mempengaruhi jalan fikiran generasi muda, yang bukan sahaja bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang abadi, malahan juga tidak dapat

diterima oleh nilai-nilai ketimuran. Media yang mengeksploitasi wanita dan seks serta menabur fitnah semata-mata untuk memenuhi tujuan keuntungan dan mendukung faham yang batil turut ditegur. Selain itu, dasar pembangunan yang rapuh kerana berdasarkan kebendaan semata-mata dan disendikan amalan penindasan, yang tidak memperhitungkan akhlak dan keadilan, disentuh. Begitu juga dengan penggubalan undang-undang yang mengetepikan keadilan dilakukan secara sewenang-wenang, serta amalan rasuah, nepotisme dan penyalahgunaan kuasa yang semakin berleluasa di semua peringkat.

Perhimpunan itu menolak sebarang bentuk penyelesaian masalah sosio-budaya berdasarkan mana-mana ideologi ciptaan manusia. Ia merumuskan bahawa segala masalah haruslah bersifat penyelesaian moral dan keadilan, yang semestinya bermula dari penyelesaian masalah kepimpinan dalam sesuatu pemerintahan. Seminar mencadangkan - tentunya dengan persetujuan Anwar - kepada pihak berkuasa supaya melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya di negara ini. Undang-undang Islam hendaklah diletakkan sebagai undang-undang asas di negara ini. Pihak kerajaan hendaklah mewujudkan satu fasal dalam perlembagaan negara yang memperuntukkan jika terdapat mana-mana undang-undang di Malaysia yang bertentangan dengan undang-undang Islam, maka hendaklah undang-undang itu terbatal setakat mana ia bertentangan itu. Seminar juga menyeru agar diwujudkan sistem pendidikan Islam yang berlandaskan asas-asas Tauhid. Kerajaan diseru menggubal dasar pembangunan negara berlandaskan akhlak dan keadilan serta menghapuskan segala amalan ekonomi yang memeras dan menindas golongan miskin, baik dalam bentuk riba, perjudian dan sebagainya, serta mengawal pembolotan harta oleh segelintir manusia. Alat-alat sebaran am seharusnya dikawal kandungannya menurut batas-batas akhlak, kebenaran serta memberi kebebasan bersuara kepada perkara yang hak.



■ WARTA PERDANA ■ 1 OGOS 1993 ■

*Soal sama ada tidak berkaliber, Tan Sri Isa berkata kalau sudah menjadi Ketua Pemuda barulah tahu sama ada dirinya setanding dengan pemimpin Pemuda terdahulu*

*Teknik restu merestui itu akhirnya akan menyebabkan perpecahan dalaman. Kesetiaan mestilah diberikan kepada Presiden parti yang juga Perdana Menteri*

# TAN SRI ISA RAPAT DENGAN ULAMAK

SYED HAMID ... ANWAR ... NAJIB ...

Keratan akhbar Warta Perdana; "semua calon ada peluang yang sama," kata Isa.



# Syed Hamid: Menteri yang suka dikritik

Sehari Dalam Hidup

**SYED HAMID**

BERTEMU BUAL DENGAN ROSLI ISMAIL

Kata Syed Hamid, dia suka dikritik. Oleh itu, cadangan saya, longgarkan ISA, Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Universiti dan Akta Rahsia Rasmi.

# 19

# RAHIM ORANG ANWAR, TAPI... SYED HAMID PUN ORANG ANWAR JUGA!

Dalam kegawatan kempen merebut jawatan no. 1 Pemuda, yang menyaksikan pertandingan sengit Syed Hamid dan Rahim, antara faktor terpenting yang diperhatikan ialah siapakah yang mendapat sokongan ataupun restu Anwar. Walaupun Anwar beberapa kali memberi penghormatan kepada Rahim dan menyarankan agar Rahim diberi peluang untuk mendaki tangga kerjaya politik yang lebih tinggi, namun tidak ada tanda-tanda yang jelas bahawa Syed Hamid adalah proksi Ghafar.

Justeru itu, pertandingan Syed Hamid lawan Rahim tidaklah menggambarkan pertarungan Anwar lawan Ghafar. Syed Hamid turut hadir sewaktu Anwar mengumumkan kesediaannya menerima pencalonan mencabar Ghafar. Malah bahagian Kota Tinggi, di mana Syed Hamid menjadi ketuanya, bukan sahaja mencalonkan Anwar, tetapi turut mencalonkan regu Anwar, iaitu

Najib, Muhyidin dan Muhammad Taib. Bahagian Bukit Bintang, yang dirasmikan oleh Syed Hamid sebagai bekas ketua bahagian, juga mencalonkan tokoh-tokoh tersebut. Umum mengetahui Syed Hamid rapat dengan Sanusi dan Pak Lah, dan tentunya Musa Hitam. Apakah motif di sebalik pencalonan itu?

"Syed Hamid orang kuat Musa. Seperti politik Musa yang sukar dibaca gerak dan rentaknya, begitulah juga dengan Syed Hamid. Sukar mencari kenyataan Syed Hamid yang menyinggung Anwar. Kerap juga Syed Hamid menyokong saranan Anwar. Inilah yang memeningkan kepala kumpulan Rahim. Jentera Syed Hamid juga bergerak licin," ujar seorang penyokong Rahim.

Menyebut nama Syed Hamid dalam pertarungan Ketua Pemuda pasti mengingatkan kita akan cabaran yang pernah dilakukannya terhadap Anwar, pada September 1986. Di waktu itu isu perletakan jawatan Musa masih hangat dibicarakan. Disebut orang, antara sebab Musa meletakkan jawatan, selain tidak mendapat kepercayaan penuh Mahathir, ialah perasaan tidak sabar golongan muda dalam Umno untuk meloncat cepat ke atas, dan sekaligus mengetepikan Musa. Antara pemimpin yang didakwa terbabit ialah Anwar Ibrahim, Daim dan Sanusi, yang membentuk nama AIDS. Sememangnya Anwar sejak awal menyertai Umno tidak rapat dengan Musa. Difahamkan, jika diberi pilihan, sama ada untuk menyokong Musa atau pun Tengku Razaleigh, bagi pertandingan jawatan Timbalan Presiden Umno, 1984, tentulah Anwar akan memilih Ku Li.

Dalam pertandingan itu, Anwar menang mudah, dengan majoriti 109. Dalam ucapan sebaik-baik saja menewaskan Syed Hamid, Anwar mengecam orang atau golongan yang dianggapnya berada di belakang Syed Hamid, dan tentunya ia ditujukan kepada Musa dan kumpulannya. "Kemenangan ini menolak pandangan negatif yang sengaja mahu mengheret Pemuda ke dalam kancah politik sempit dan melibatkan diri dengan pertelingkahan peribadi serta anggapan-anggapan negatif yang boleh melemahkan kekuatan serta perpaduan sama ada dalam parti atau kerajaan," tegas Anwar. Syed Hamid, sebelum itu, dalam kempennya

menyindir Anwar: "Pemimpin Pemuda sekarang seolah-olah ketandusan semangat, kurang menegakkan perkara pokok yang melibatkan survival, maruah dan penghormatan bangsa Melayu. Ia perlu dihidupkan semula untuk menentukan semangat yang sekarang semakin lemah, pulih kembali. Peralihan ini hanya berlaku jika kita mengambil ketetapan mencari pemimpin baru yang sedia menyerahkan jiwa raga untuk meneruskan perjuangan wira-wira bangsa."

Arus yang mahukan Anwar semakin hebat gelombangnya. Syed Hamid tentu arif tentang hakikat ini. Dan pasti Musa juga berfikiran begitu. Tidak mustahil Syed Hamid sengaja menyokong regu Anwar bagi jawatan naib presiden supaya tidak boleh ditohmahkan bahawa Syed Hamid cenderung dengan Sanusi ataupun Pak Lah. Ini kerana menentang regu Anwar, iaitu Najib, Muhd. Taib dan Muhyidin, samalah dengan menentang Anwar. Jadi, buat apa Syed Hamid menceburkan dirinya ke dalam kancah yang lebih menguntungkan Rahim. Dan sememangnya kumpulan Rahim mencari bahan-bahan bukti bahawa Syed Hamid tidak dapat menerima arus perubahan yang dibawa oleh Anwar. Dalam keadaan Syed Hamid juga dilihat menyokong kuat Anwar, bersama regu-regunya, di samping terus mengekalkan penghormatannya yang tinggi terhadap Ghafar, peluang Syed Hamid untuk bertanding secara adil merebut jawatan no. 1 Pemuda itu lebih cerah. Orang Rahim tidak boleh berkempen bahawa Syed Hamid orang Sanusi ataupun orang Ghafar. Dengan itu pertarungan yang bakal berlaku nanti tidak dilindungi oleh imej Anwar ataupun imej Ghafar.



Erat nampaknya pelukan Sanusi dengan Mahathir. Ini tahun 1987, sekarang zaman sudah berubah. Mahathir lebih gemarkan Anwar. Media utama sepenuhnya di bawah Anwar, tentunya dengan restu Mahathir. Berita Sanusi diketepikan, dan wartawan yang rapat dengan Sanusi disisih, malahan ada yang disingkir. Malangnya nasib Sanusi, sudahlah kena jaga kementerian orang-orang miskin di kala Umno ditawan korporat.

# 20

# PENGARANG *WATAN*, *THE SUN* TERSINGKIR KERANA RAHIM?

Penguasaan mutlak Anwar terhadap media khususnya akhbar-akhbar utama dan TV3, tidak terkecuali RTM, bukan rahsia lagi. Anwar tentunya amat arif kepentingan media bagi menjayakan angan-angannya menerajui takhta kekuasaan negara. Anwar sudah menguasai jentera kerajaan, wang (dengan jawatan Menteri Kewangan) dan ia tidak akan bererti sekiranya media utama bukan di bawah kawalannya.

Namun apa yang membuatkan kita tidak boleh memahami perangai Anwar ialah, beliau tidak merasa puas dengan penguasaan mutlaknya itu. Tidak cukup dengan akhbar-akhbar gergasi, seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, Anwar mahu semua akhbar-akhbar nyamuk di bawah wilayah takluknya. Ya, apalah besarnya akhbar *Watan* yang sudah beberapa kali bertukar taukeh. Edaran akhbar lima kali seminggu itu (*Watan* hanya tidak

diterbitkan pada hari Ahad dan Isnin) dikatakan hanya sepuluh ribu sahaja. Wibawanya juga sering dipertikai, pengaruhnya tidak sehebat mana, tetapi Anwar nampaknya tidak boleh tidur selesa kerana *Watan* sesekali (hanya sesekali!) menyindirnya dan mengusik regunya, terutama sekali Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik. *Watan* juga terpaksa menyiarkan gambar gadis-gadis seksi di muka depannya kerana sebelumnya bila *Watan* menyiarkan gambar warna-warni tokoh-tokoh Umno, orang-orang Anwar akan membantah jika ditonjolkan kem Ghafar, begitu juga sebaliknya.

Hasilnya Pengarang *Watan* terpaksa dikorbankan, dan kemudiannya disisihkan dari jabatan editorial dengan "menaikkan pangkat" sebagai Pengurus Besar. Begitu juga akhbar *The Sun;* akibat tidak mendokong sepenuhnya impian Anwar, pengarangnya juga disingkirkan. Prestasi *The Sun* tidak jauh bezanya dengan*Watan*. Sepupu Mahathir yang menjadi penasihat akhbar berkenaan juga tidak dikehendaki lagi di *The Sun* selepas beliau disingkirkan dari kumpulan *Utusan Melayu*. Taukeh *The Sun* ialah Vincent Tan, rakan karib Anwar.

Penyingkiran pengarang kedua-dua akhbar itu dikatakan didalangi oleh Anwar, bakal Perdana Menteri yang sentiasa bercakap tentang kebebasan dan keterbukaan. Bayang-bayang kediktatorannya semakin ketara. Ada pihak menyifatkan, fenomena ini melambangkan sikap Anwar yang sukar menerima kritikan dan pandangan yang berbeza dengannya. Jadi apa maknanya ucapan-ucapan Anwar yang menyerang kejumudan dan sikap takut berhadapan dengan realiti. Semasa merasmikan Seminar Antarabangsa Malek Bennabi pada 1 September 1991, Anwar menegaskan: "Tiada apa yang hendak ditakutkan daripada idea, walau apa pun sumbernya." Dalam ucapannya di Universiti Islam Antarabangsa pada 29 Ogos 1992, Anwar berkata: "Usaha kita untuk menghidupkan semula semangat berfikir dan perbincangan sihat adalah satu tugas besar." Apa maknanya ucapan-ucapan seumpama itu kalau hanya berhadapan dengan kritikan sebuah akhbar nyamuk, yang edarannya lebih kurang 10,000 naskhah pun, tidak dapat diterimanya.

Apa maksudnya ucapan-ucapan Anwar yang menekankan tentang pentingnya budaya ilmu kalau Anwar gentar berhadapan dengan kritikan yang dirasakan boleh menjejaskan regunya yang diketahui umum mengamalkan rasuah? Cuba teliti ucapan Anwar semasa merasmikan Mesyuarat Tahunan Majlis Persatuan Sejarah Malaysia, pada 10 Jun 1989: "Kita mahu lahirkan *critical masses*, maksudnya, masyarakat yang mempunyai pendidikan berupaya membuat penilaian berdasarkan fakta dan keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan rasional. Tidak disogokkan dengan idea, tidak dipaksa pendapat ke atas mereka dan tidak ditipu oleh golongan kecil yang mempunyai atau menguasai ilmu atau mempunyai kuasa." Anwar ketika menerajui Kementerian Pendidikan melahirkan harapannya menerapkan nilai dan meningkatkan mutu pendidikan serta membudayakan ilmu di kalangan masyarakat untuk melahirkan generasi yang dapat menilai secara objektif dan rasional.

Berhadapan dengan kritikan terhadap keburukan-keburukan yang ada dalam diri sendiri, Anwar menasihatkan perwakilan Pemuda Umno 1985: "Janganlah kita terperangkap oleh kemungkinan keburukan itu sehingga ia diketahui orang, lantas menjadi cemas, lari dan memilih jalan tertentu untuk menutup segala kelemahan supaya ia tidak diketahui orang." Apakah Anwar tidak cemas, tidak menunjukkan takutnya pada bayang-bayang sendiri, tidak gentar, tidak lari dari kenyataan, apabila beliau bertanggungjawab menyingkirkan pengarang-pengarang *Watan* dan *The Sun*, dan ikut bersama-sama mengetepikan Pengarang Kumpulan *Utusan Melayu*?

Semasa menjadi Menteri Pendidikan, begitu banyak janji ditabur, juga tentang kebebasan. Akta Universiti akan dipinda demi memulihkan kebebasan, begitulah jerit Anwar. Hasilnya, tidak ada satu titik atau satu koma pun yang beralih tempat dalam akta keramat itu. Mahasiswa terus terkurung, terpasung, terpenjara dan tersudut. Tetapi Anwar tidak malu-malu bercakap tentang kebebasan, tentang keterbukaan, tentang kesediaan menerima kritikan dan pandangan orang lain. Anehnya, Anwar juga

mengakui: "Universiti kita sekarang tidak membawa masyarakat berfikir." Sebelumnya beliau menyarankan: "Universiti sekarang mesti mengambil langkah tegas memastikan kewujudan aliran yang bebas."

Saya tidak pasti secara khusus, apakah analisis, komentar, berita atau pojok, atau kartun yang disiarkan, yang menyebabkan Pengarang *Watan* ditukar jawatan. Bagaimanapun saya tertarik dengan satu komentar yang ditujukan khusus kepada Rahim Tamby Chik. Di bawah ini saya sertakan tulisan tersebut buat tatapan bersama. Mungkin ini antara tulisan yang menyebabkan Anwar menyinga:

"Ahli-ahli Umno sekarang mewarisi prinsip perjuangan yang ditinggalkan oleh pemimpin-pemimpin parti itu dahulu. Cumanya, kalau dahulu pejuang-pejuang Umno berjuang untuk menjaga kepentingan orang Melayu dalam pelbagai aspek, hari ini perjuangan Umno semakin luas serta banyak cabangnya. Umno bukan sahaja menjaga kepentingan Bumiputera beragama Islam, tetapi juga menjaga kepentingan Bumiputera bukan Islam yang menjadi ahlinya. Sebab itulah perjuangan ahli Umno dahulu agak berbeza dengan perjuangan sekarang.

"Pada zaman Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak, kebanyakan yang tampil ke hadapan membela nasib orang Melayu bersedia menghadapi pelbagai masalah yang telah mereka jangkakan. Mereka sanggup bergadai-bergolok, semata-mata mahu membina Umno dengan sekukuhnya. Bukan setakat itu, mereka juga sanggup meninggalkan anak isteri berbulan-bulan lamanya semata-mata berkempen mengajak orang Melayu mengukuhkan Umno dengan menjadi ahlinya.

"Pejuang-pejuang Umno sekarang tidak kurang hebatnya. Malah ada di antara mereka sanggup mengorbankan apa sahaja untuk kepentingan orang Melayu. Syabas kita ucapkan kepada mereka yang berniat ikhlas berbuat demikian.

"Bagaimanapun antara sedar dengan tidak, ada antara pemimpin kita yang tidak bebas dari dunia korupsi. Antara sedar dengan tidak, kita sebagai ahli Umno telah merelakan diri untuk

dipimpin oleh pemimpin Umno yang banyak melakukan penyelewengan sama ada wang rakyat ataupun luar dari bidang tugas mereka.

"Ahli Umno kini telah mula rabun dengan pemimpin begini. Dengan perasaan senang hati, mereka melupakan segala skandal yang telah dilakukan. Kalau dahulu mereka begitu beriya-iya sangat membanteras penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin mereka. Tetapi, hari ini mereka lupa dengan apa yang telah mereka cuba bangkitkan dahulu. Seolah-olah ada sesuatu benda yang menyumbat mulut mereka dari meneruskan hasrat membangkang pemimpin-pemimpin berkenaan.

"Baru-baru ini satu pendedahan telah dibuat oleh pihak pembangkang melalui ketua Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng di Parlimen. Kedua-dua pemimpin parti pembangkang ini telah mendedahkan penyelewengan yang dilakukan oleh Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

"Pendedahan yang disertakan dengan pelbagai bukti dan boleh menyeret Rahim ke muka pengadilan itu didiamkan begitu sahaja. Ahli-ahli Parlimen yang sepatutnya berada di dalam dewan yang mulia ketika itu mengambil tindakan keluar dewan dengan alasan mereka tidak kena mengena dengan isu berkenaan.

"Inikah bentuknya pemimpin-pemimpin Umno sekarang? Apakah tidak ada tindakan susulan yang boleh dilakukan oleh pihak berwajib menyelesaikan penyelewengan yang dilakukan? Apakah kerana orang yang membincangkan isu itu terdiri dari mereka yang duduk di barisan pembangkang menyebabkan isu berkenaan dipandang ringan.

"Inilah malangnya nasib ahli-ahli Umno sekarang. Ahli-ahli Umno sebenarnya bukan semuanya terdiri dari golongan jutawan, hartawan dan yang boleh menjanjikan kemewahan. Sebilangan besar ahli-ahli Umno yang tinggal di kampung dan hidup mereka dihimpit dengan kemiskinan. Pendapatan mereka hanya boleh diibarat kais pagi makan pagi.

"Apakah mereka tidak sedar dengan keadaan ini? Apakah mereka tergamak melihat rakyat yang menyokong mereka berada

dalam kesusahan sedangkan mereka enak makan dari satu hotel ke satu hotel, disertakan dengan layanan dari bidadari yang bermata duitan.

"Ahli-ahli Umno harus berfikiran matang memilih ketua mereka. Inilah masanya mereka boleh menolak pemimpin yang telah banyak melakukan penyelewengan. Pemimpin yang memperjuangkan rakyat sebenarnya memikul tanggungjawab besar di akhirat nanti. Dalam hal ini teringat kisah yang berlaku di zaman Saidina Umar r.a. Walaupun Saidina Umar telah dilantik menjadi khalifah, beliau lebih rela tidur di pangkal kurma kerana tidak sanggup tinggal di rumah yang serba mewah di saat rakyat yang dipimpin berada dalam kesusahan.

"Ahli-ahli Umno harus menolak pemimpin yang melakukan penyelewengan."

Majalah *Asiaweek*, 1 September 1993, dalam ruangan "*Rumor & Gossip* mengisahkan apa yang berlaku di *The Sun*. Ikuti dalam bahasa asalnya: *Starting a paper in Kuala Lumpur requires political connections. When* The Sun *tabloid hit the streets in June everyone knew it got the nod from officials in the ruling New United Malays National Organization. But ties to the top have their price. Already editors at the spunky independent owned by tycoon Vincent Tan have been told it needs a "course correction." One staffer say "it was intimated we should 'take a position' - in other words drop the independent line and position ourselves more in support of the Anwar faction in Umno." Such a correction had already claimed its first victim: the column written by gadfly Samad Mahadi, nephew of PM Mahathir Mohamad. "There's no love lost between Samad and his uncle," one Samad colleague tells us. The column, penned under the pseudonym Pakcik Carlie, had given KL's political junkies an early-morning fix on who was on top and who was not. Following the column's killing, says a* Sun *insider, "it was clear there would be selective sacking." Last month editor-in-chief Philemon Soon told editor Cheam Toon Lee to tone things down. Cheam offered to quit. When outraged colleagues threatened a walkout, management backed off. But the damage was done. Cheam wants ot, as does Samad. "When they go, so goes our independent line," says one staffer. Independence*

*was fun while it lasted. "Since all the politicians were bitching about us," said one, "we must have been doing something right."*



Berlaga cermin mata, Mahathir dan rakan karibnya Daim: "Tun, berapa persen dapat ...." Daim dikatakan pernah bergaduh dengan Anwar, tapi kini sokong 101 peratus. Bagaimanapun Mahathir begitu percayakannya.

# 21

# SELEPAS MAHATHIR DISAMAKAN DENGAN MARCOS, ANWAR DENGAN SIAPA PULA?

Eksploitasi media dan memasungkannya di bawah kawalan kuasa, dan digiatkan menjelang pemilihan Umno, bukan dimulakan oleh Anwar. Mahathir sendiri telah menyuburkannya dan kini membenarkan Anwar bermaharajalela. Dahulu semasa pertarungan Musa - Tengku Razaleigh, suasana perang media agak seimbang; Musa menguasai *Utusan*, Tengku Razaleigh memanfaatkan sepenuhnya kumpulan akhbar *NST*. Tetapi kini, begitu menyedihkan. Kumpulan Ghafar Baba tentunya memahami bagaimana perasaan pembangkang selama ini terhadap akhbar, RTM dan TV3. Ghafar sudah dilayan seperti pembangkang.

"Sampai ketikanya, kalau Ghafar dilihat masih bertenaga menentang Anwar, media di bawah kawalan Anwar akan melondeh segala keaiban Ghafar. Apa yang Ghafar ada ... kalau dulu bolehlah harapkan *Utusan*. Sekarang ... habis, punah, harap surat layang sajalah," ujar seorang teman, kini wartawan politik.

"Tanpa sokongan media, Ghafar, Sanusi dan Pak Lah akan tersingkir. Mereka hanya mengharapkan undi simpati," tambahnya.

Tiada siapa menduga akhbar-akhbar utama, milik Umno, kini semuanya menyokong Anwar secara terang-terangan. Dan Anwar pula dikatakan begitu sensitif dengan akhbar. Seperti kata seorang editor, "di zamannya, Anwar bukan sahaja tidak membenarkan media mengkritiknya, malah jika media memberikan ruang kepada seteru politiknya untuk bersuara, tunggulah nasib editor tersebut."

Anwar mahu memastikan segala media tunduk kepadanya. Anwar tidak mahu peluangnya menguasai Sri Perdana terlepas hanya kerana beberapa sebab yang kecil. Lupakan dulu keadilan, lupakan dulu kebebasan, ya, apa ertinya semua itu kalau kuasa jatuh ke tangan orang lain. Bagi Anwar, menurut pandangan pemerhati, matlamat menghalalkan cara. Tapi, yang menggerunkan, tindakan bukannya hanya diambil ke atas editor yang tidak bersedia berhempas-pulas menjayakan impian Anwar, tetapi juga kepada editor yang mengkritik - sesekali - regu Anwar, bukannya batang tubuh Anwar sendiri.

Tidak setakat akhbar-akhbar harian yang berpengaruh, termasuk sama TV3 dan RTM, serta Bernama, majalah-majalah Dewan Bahasa dan Pustaka juga tidak terlepas dari memuja-muji Anwar dan kemnya. Dan bila bercakap pasal majalah Dewan, kita tentunya belum lupa tentang nasib yang dialami oleh seorang editor *Dewan Masyarakat*, yang pernah mengkritik Mahathir, awal tahun 1984. Editor berkenaan, Sulaiman Masri, telah ditukar ke bahagian lain kerana menulis *Halaman Editor* yang nampaknya seperti mempersoalkan konsep Kepimpinan Melalui Teladan. Apa salahnya, kita (termasuk Anwar dan regu-regunya) meneliti sepenuh tulisan beliau itu:

"Berlainan ejaan tetapi maksud sucinya sama. "Kepimpinan melalui Tauladan," "Kepemimpinan melalui Teladan," "*Leading by Example*," "*Leadership by Example*," tercetak dan terpampang pada poster, sepanduk, suratkhabar dan majalah dan media elektronik.

"Pada 18 Mac (1984) depan "Kepemimpinan melalui Teladan" (ejaan betul) genap setahun dari pelancarannya oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad 18 Mac tahun lalu. Kempen ini bertujuan "menanam dan memupuk" ciri-ciri kepemimpinan yang berkesan di samping mempertingkat daya pengeluaran dan perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah. Bagus dan murninya cita-cita pucuk kepemimpinan kerajaan kita. Sejauh manakah kempen berjaya atau berkesan, pihak kerajaan, Intan dan kita semua; tepuk dada tanyalah selera. Tulisan pendek dan umum ini berdasarkan pemerhatian, pendengaran, perbualan dan pengalaman.

"Bagi banyak orang, seruan murni ini di samping bermanfaat tetapi banyak terpesong amalannya. Sebagai contoh persoalan rasuah, tidak amanah yang menyebabkan penyalahgunaan wang yang besar jumlahnya, hingga sekarang masih belum terjawab. Orang banyak semakin meragui tindakan kerajaan. Menurut apa yang dilaporkan orang yang terlibat rasuah memang diambil tindakan tetapi ada pilihan; jikalau "bukan orangnya", kena, jikalau "orangnya", tutup mata - tunggu dahulu. Sebab itu banyak orang yang terlibat masih bebas; masih menjadi wakil rakyat, masih menjadi anggota exco, masih berjawatan tinggi. Tetapi bangkai gajah tidak dapat ditutup dengan nyiru. Rakyat tahu. Lantas bagi mereka kempen bersih, cekap dan amanah adalah bohong, "cakap tak serupa bikin". Mengarut.

"Dari segi ekonomi, pemimpin menggesa rakyat tekun bekerja, berjimat dan mengumpul harta secara halal. Tetapi dalam menyuruh rakyat berjimat, pemimpin pula yang membelanjakan duit kerajaan berlipat ganda malah beratus-ratus kali ganda untuk sesuatu projek yang belum dipastikan manfaatnya. Projek-projek besar yang menjadi kelemahan para pemimpin di negara-negara membangun juga turut dijalankan di negara ini. Seolah-olah kepemimpinan negara kita tidak banyak jauh bezanya daripada pentadbiran Presiden F. Marcos (Filipina) dan kepemimpinan negara-negara membangun lain, yakni ingin menunjukkan keegoan kita sebagai pemimpin.

"Alangkah bahagianya jikalau kerajaan terus mempastikan rakyat terbanyak - jauh dari kota - cukup makan, cukup pakai, cukup tempat tinggal dan cukup kemudahan belajar. Ini yang dipentingkan terlebih dahulu. Janganlah kita selamatkan duit rakyat yang dua-tiga ringgit sebaliknya berbelanja berjuta-juta ringgit bagi projek-projek besar dan raksasa sedangkan faedahnya mungkin dikecap oleh segelintir atau yang berkepentingan politik. Tindakan begini tidaklah adil sebab kerajaan ini dipilih oleh rakyat terbanyak bukan segelintir usahawan yang berkepentingan sendiri.

"Apabila subsidi kepada rakyat terbanyak - petani, nelayan, peladang, buruh - ditarik, ini boleh dianggap perbuatan yang zalim. Kesannya apabila harga barangan naik, golongan inilah yang menerima padahnya.

"Projek-projek besar yang membazir seperti keretapi laju, Pulau Langkawi dan kereta Malaysia pada keseluruhannya belum perlu. Mungkin perlu dilaksanakan 30 tahun lagi apabila rakyat terbanyak mampu. Dalam keadaan sekarang, banyak manalah faedahnya keretapi laju bagi penduduk kita yang berjumlah tidak sebanyak penduduk kotaraya Tokyo. Malah nanti projek kereta Malaysia hanya menambah bilangan kereta model Jepun yang sudah berselerak di pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Banyak agensi kerajaan yang bankrap, kucar-kacir hingga ada yang dibubar. Sebagai contoh, kita hendak menolong nelayan. Sebenarnya kita memberi harga yang paling murah kepada nelayan sebab pegawai-pegawai yang diamanahkan mempunyai hubungan dengan kalangan orang-tengah untuk kepentingan sendiri. Contoh lain, rancangan-rancangan pemulihan tanah. Pegawai-pegawai atasan tidak tahu atau sengaja pejamkan mata pekakkan telinga. Apabila ditanya pegawai biasa mengamalkan rasuah, mereka menjawab, "orang di atas makan lagi banyak, kami ambil sedikit-sedikit apa salahnya?" Demikianlah sikap segolongan kakitangan kerajaan. Semasa di universiti mereka hanya belajar ilmu dan kemahiran pentadbiran moden tetapi tidak belajar ilmu rasuah dan tidak disedarkan tentang buruknya perbuatan rasuah. Justeru lagi besar pangkat lagi besarlah rasuah;

sama ada rasuah dari segi menyalahguna wang (termasuk menderima komisen dan faedah), ataupun dari menyalahguna masa dan tenaga.

"Kemudian kita ciptakan etika perkhidmatan cemerlang, konon mahu orang kita tekun bekerja sebab dahulu orang kata Melayu malas. Tetapi tekun bekerja tanpa kebajikan yang cukup tidak memperlihatkan banyak kemajuan. Orang Jepun tekun bekerja dengan ada kebajikan dan penghargaan. Keharmonian di tempat keraja pun ada. Orang kita walau bekerja tekun dan lama berkhidmat tetapi jikalau tidak "sepuak" dengan orang atasan dan berkuasa, sukar mendapat pengiktirafan.

"Banyak soal kepemimpinan melalui teladan yang sukar diamalkan. Semua kita tahu. Kita tidak hairan apabila pergi ke sekolah melihat murid-murid berdiri tegak menyanyi lagu *Negaraku* tetapi guru-guru bungkem. Di jalan, kereta-kereta rakyat bercermin gelap dilarang, tetapi kereta-kerata orang tertentu dibolehkan. Di jabatan-jabatan kerajaan, pegawai-pegawai biasa dan kerani-kerani dikerah menunjukkan daya pengeluaran dan mutu kerja yang tinggi tetapi prestasi ketua-ketua jabatan, wallahualam.

"Sudahnya nanti pelbagai dasar, peraturan, etika, undang-undang, nasihat, ucapan dan kempen seperti "Kepemimpinan melalui Teladan" hanya tinggal seruan yang muluk-muluk tetapi hasilnya diragukan. Pada masa yang sama banyak jawatan dan urusan dipegang oleh salah orang. Amalan kita selama ini malah cocok sekali dengan Hadis Nabi riwayat al-Bukhari: "Apabila diserahkan suatu urusan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran."

Di perenggan akhir Sulaiman Masri menyudahkan: "Soalnya, siapa meneladani siapa?"



Melangkah turun tidak bermakna kalah dalam pertarungan. Tapi pasangan ini, Rahim dan Anwar, jelas tidak serasi. Tunggulah, belum sampai 1996, mereka akan berpecah.

# 22

# ISA TOLAK SISTEM MINTA RESTU

**Pengumuman Tan Sri untuk bertanding jawatan Ketua Pergerakan Pemuda baru-baru ini disambut dengan keraguan beberapa pihak yang mempersoalkan sama ada Tan Sri mampu menepati citarasa Pemuda sekarang?**

Memang saya berhasrat menawarkan diri sebagai Ketua Pemuda iaitu selepas Datuk Najib mengosongkan jawatannya secara rasmi. Sama ada Pemuda menerima saya atau tidak, itu adalah soal kedua. Saya menawarkan perkhidmatan saya kerana sebagai orang yang biasa berkecimpung dalam Pergerakan Pemuda, saya kira saya mampu menjalankan tanggungjawab itu dengan baik. Saya rasa boleh memimpin mereka. Sama ada saya setanding dengan pemimpin Pemuda sebelum ini, itu akan dinilai kemudian kerana saya belum diberi peluang memimpin mereka.

**Ada pandangan mengatakan Tan Sri kurang ketokohan untuk memimpin Pergerakan Pemuda sekarang yang sudah banyak berubah berbanding ketika Tan Sri memimpin Pergerakan Pemuda Negeri Sembilan lebih 10 tahun dulu?**

Ini perlu dinilai oleh Pemuda. Saya hanya menawarkan perkhidmatan kalau mereka yakin saya boleh memimpin. Seperti yang saya kata ketika mengumumkan bertanding tempoh hari, kita ada empat calon, dua sudah *confirm*, sementara Syed Hamid Albar dan Annuar Musa, pun nampaknya setuju bertanding. Kalau Pemuda fkirkan menteri lebih sesuai sebagai ketua mereka, mereka boleh pilih menteri dan kalau mahu menteri mereka boleh pilih saya atau rakan saya, Tan Sri Rahim Thamby Chik. Pada pandangan saya, tidak ada beza keempat-empat calon dan ini terserah kepada Pemuda.

**Pengumuman Tan Sri mungkin agak lambat berbanding tiga calon lain yang dari awal sudah membuat kenyataan terbuka dan dengar khabarnya, mereka juga sudah lama berkempen mencari sokongan. Tidak mungkinkah strategi ini menjejaskan peluang Tan Sri mendapat sokongan padu daripada Pemuda.**

Saya rasa tidak begitu lewat. Saya tidak dapat mengumumkan kesediaan menawarkan diri lebih awal, kerana Najib belum mengumumkan bertanding sebagai Naib Presiden secara rasmi. Kalau saya sebut dan isytihar lebih awal dan berusaha sedikit sebanyak, tetapi berlaku keadaan sebaliknya, tentu sukar bagi saya menarik diri. Sebab itu saya tunggu Najib buat pengumuman rasmi pada 11 haribulan lalu. Dan saya kira ia tidak lewat kerana Pergerakan Pemuda bahagian hanya mula bermesyuarat bulan depan.

**Apabila Tan Sri menyatakan hasrat bertanding, banyak kalangan mengaitkan keputusan Tan Sri itu mendapat restu Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba. Apa komen Tan Sri apabila orang mengaitkan Tan Sri sebagai orang Ghafar?**

Saya tidak meminta daripada sesiapa. Tetapi saya hanya

maklumkan saja. Saya tidak percaya kepada "sistem meminta restu", kerana tidak ada pemimpin yang akan memberi restu kepada pemimpin lain dan ia bukan mudah. Di peringkat negeri pun, sebagai Menteri Besar saya juga kerap diminta merestu orang itu, merestu orang ini dan sebagainya. Dan kerana saya tahu betapa sukar untuk saya menerima permintaan demikian, saya harap pemimpin kebangsaan pun demikian. Cuma saya ingin menegaskan jika kita mahu bertanding, tidak perlulah kita menggunakan restu orang lain. Cuma saya ingin jelaskan, Ghafar memang pernah tanya kepada saya mengenai ura-ura saya bertanding, yang sudah didengar ramai dan saya mengatakan YA. Saya beritahu juga beberapa pemimpin lain bahawa saya mahu bertanding. Tetapi saya tidak ada kata "tolong restui saya". Dan saya tidak akan menggunakan sebagai kempen bahawa saya direstui oleh orang ini atau orang itu, kerana sistem itu tidak begitu baik. Saya yakin tidak ada pemimpin yang restu seseorang calon, kerana kalau ada pemimpin yang restu calon lain dan tidak restu calon yang lain, bermakna mereka juga tidak memerlukan sokongan calon yang tidak direstui. Semua nak bertanding, jadi saya fikir tak usah gunakan cara ini. Sebenarnya saya tidak masuk mana-mana kumpulan. Memang orang selalu kaitkan saya dengan Ghafar malah ada yang mengatakan saya anak saudara beliau. Perkara ini memang telah lama dikatakan tapi saya tidak kuasa dan malas menafikannya. Terserahlah kepada orang tapi pada saya siapa yang menjadi ketua, saya taat. Maknanya, ketua saya yang pertama mestilah Presiden Parti yang juga Perdana Menteri. Dan setiap apa yang kehendaki oleh Perdana Menteri itulah yang menjadi pegangan kerana kita mesti melatih diri menghormati ketua, khususnya Presiden. Kalau dari mula kita tidak menghormati Presiden, bermakna berlaku kelemahan dalam Umno dan ini akan menjadi Presiden yang tidak baik dan akan merosakkan sesiapa saja yang menjadi Presiden parti pada masa akan datang dan orang tidak akan menghormatinya dan keadaan ini kita perlu pelihara.

**Jika semua empat calon, iaitu Tan Sri Abdul Rahim, Datuk Syed Hamid Albar, Datuk Annuar Musa dan Tan Sri sendiri tetap mahu bertanding, tidakkah pertandingan ini agak *overcrowded*? Dan tidak mungkinkah akan menimbulkan perpecahan dalam parti, khususnya di kalangan Pemuda.**

Soal *overcrowded* tidak timbul. Sebenarnya ia bukan masalah dan tidak mungkin berlaku perpecahan kerana jawatan ini kosong. Perpecahan boleh timbul kalau kita cuba mengambil jawatan yang orang pegang. Saya fikir jawatan ini kosong, jadi saya menawarkan diri. Tapi kalau seperti peristiwa 1987, apabila Presiden parti dilawan tentulah parti berpecah. Apabila ada ramai calon, Pemuda ada pilihan yang baik untuk mereka buat pilihan. Kalau seorang menteri dan tiga Menteri Besar, itu agak kurang baik, tapi sekarang ni seimbang.

**Ketika era Datuk Harun Idris dan Datuk Seri Anwar Ibrahim memimpin Pemuda, Pemuda amat vokal dan bertindak sebagai *pressure group* dalam erti kata sebenar. Apakah pada pandangan Tan Sri, Pemuda perlu kembali kepada trend itu?**

Sebenarnya kita perlu fleksibel. Kita tidak boleh menjadi kumpulan pendesak sepanjang masa tanpa mengikut keadaan. Mungkin keadaan di zaman terdahulu agak berbeza dengan Umno di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir. Ini tidak bererti Pemuda mesti berdiam diri dalam menangani masalah dan takut menyuarakan pendapat. Cuma pendekatan kita agak berbeza. Kita boleh menyatakan sesuatu dengan meraung dan menangis dan kita juga boleh menyampaikan sesuatu tanpa memekik dan meraung, kerana yang pentingnya ialah hasilnya. Kalau kita meraung tetapi tidak ada hasil yang baik, apa salahnya kita tidak memekik. Kerana kita juga mesti memikirkan buruk baiknya pendekatan itu kepada parti dan negara. Ini semuanya perlu diambil kira. Kerana bagi saya, apa juga tindakan yang dibuat oleh Pemuda, kita mesti sedar bahawa kita adalah sebahagian daripada kerajaan. Dan sebagai parti yang mengepalai kerajaan yang memerintah, tentunya kita punya cara agak berlainan dan

lebih bertanggungjawab daripada kumpulan lain di luar parti. Pada saya, hasil adalah lebih penting daripada soal pendekatan.

**Ada yang menganggap Tan Sri kurang 'ummpph' untuk memimpin Pemuda. Tan Sri selalu mengalah dan memilih untuk bermusyuarah dan sifat ini dikatakan bukan suatu kriteria untuk memimpin Pemuda?**

Saya tetap berpegang kepada fleksibiliti. Ada masa saya amat vokal dan ada masa, saya memilih untuk berbincang. Bergantung kepada isu. Kalau kita boleh menyelesaikan isu itu dengan mudah apa gunanya kita melantangkan suara, semata-mata kerana mahu menjadikan satu isu yang boleh memberi *political mileage*. Kerana itu, saya berpegang yang penting ialah hasilnya dan bukan pendekatan.

**Ada orang kata Tan Sri bukan *political animal* iaitu kualiti yang dikatakan perlu ada pada Ketua Pemuda.**

Ada pihak mengatakan saya sesuai. Saya bukan tidak pernah bersuara lantang misalnya dalam isu Perlembagaan dan juga ketika Tengku Razaleigh melawan Presiden parti, saya begitu vokal. Cuma saya ingin tekankan, bahawa saya lantang mengikut isu. Kalau isu itu tidak memerlukan kita lantang, buat apa kita lantang. *The means must justify the ends.* Kalau perkara kecil, kita bersuara lantang hanya kerana *political mileage* dan mahu tunjuk bahawa kita Pemuda, itu tidak ada guna. Untuk itu, apa juga tindakan untuk menangani sesuatu masalah, Pemuda mesti memikirkan yang ia adalah sebahagian daripada parti dan kerajaan. ika ditakdirkan saya sebagai Ketua Pemuda yang hanya memikirkan *political mileage* dengan bersuara lantang sepanjang masa, akhirnya tentu tidak baik kepada parti. Yang pentingnya, kita boleh lantang menegur kerajaan dan pemimpin dengan baik tetapi jangan sekali kita memalukan kerajaan dan pemimpin kerana kita mesti jelas bahawa kita adalah sebahagian daripada kerajaan. Kalau parti pembangkang boleh bercakap apa saja kerana mereka tidak ada platform. Tetapi, kita ada *access* kepada PM, TPM dan menteri lain

kerana itu tidak ada sebab kecuali kalau perlu untuk kita menjadi lantang. Tindakan terlalu lantang sehingga memalukan kerajaan dan akhirnya melemahkan parti, walaupun mungkin sebagai pergerakan Pemuda dan saya sebagai pemimpinnya mendapat *political mileage*, tetapi kita tidak mahu hanya Pemuda yang untung sedangkan parti seluruhnya dihadapkan masalah.

**Ketika mengumumkan mahu berganding, Tan Sri ada mengatakan menang atau kalah bukan soal utama, kerana sama ada calon itu kalah atau menang, mereka tetap akan kembali dan berbakti kepada parti.**

Sememangnya kalah menang bukan soal utama, walaupun semua orang yang bertanding hendak menang. Tetapi apa yang lebih penting ialah kita menawarkan diri untuk berkhidmat dengan parti. Pada saya, sama ada yang kalah atau yang menang, akhirnya semuanya mesti berkhidmat kepada parti kerana kita adalah dari kaluarga iaitu parti yang sama. Pada saya yang kalah pun menang kerana kita punya komitmen. Siapa yang menang, dia mesti menjalankan tanggungjawab sebagai Ketua Pemuda dan calon yang kalah juga bertanggungjawab kepada Pemuda, sekurang-kurangnya macam saya di peringkat negeri, saya harus menggerakkan Pemuda negeri. Sebaliknya, calon yang kalah tetapi tidak mahu bekerjasama dengan Pemuda, itu adalah sikap yang tidak betul dan hanya melemahkan parti.

**Sepanjang kerjaya politik Tan Sri, apakah Tan Sri menghadapi masalah mengekalkan *clean image* dan jika terpilih, mungkinkah agama menjadi wadah perjuangan Tan Sri dalam memimpin pergerakan Pemuda.**

Saya bersyukur kepada Tuhan, di segi imej, saya tidak ada banyak masalah dan saya fikir sebagai pemimpin kita perlu menjadi teladan yang baik dan saya masih berusaha ke arah itu. Saya juga bersyukur sejak 1986 saya menjadi Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains), dan mungkin kerana hampir dengan orang jabatan agama, agaknya boleh mengawal saya sedikit.

Agaknya apabila mahu berbuat sesuatu buruk, saya berfikir sebagai pengerusi Mains. Saya tak mahu komen banyak, ini semua terpulang kepada masyarakat menilai saya.

**Akhirnya, jika terpilih apakah visi dan arah yang akan Tan Sri bawa dalam Pergerakan Pemuda?**

Ditakdirkan saya dipilih, tentunya usaha memantapkan Pemuda sebagai sayap Umno yang cukup kuat yang dapat mewakili generasi muda serta dapat latih Pemuda sebagai pemimpin pelapis menjadi matlamat utama. Di samping itu, saya berharap dapat mengadakan program tertentu bagi membantu masyarakat, di segi pendidikan dan kemiskinan serta pelbagai perkara lain yang yang akan difikirkan kemudaian dan mesti kita buat. Pemuda juga mesti menjadi tenaga yang cukup mantap bagi mengukuhkan parti di samping membantu pemimpin parti di semua peringkat, sama ada nasional, negeri, bahagian dan cawangan.




"Bukan empat saja kot ... bagilah semua." Entah apa yang diminta Anwar dengan Wan Mokhtar. Kata orang Anwar mahu bolot semua, jangan ada orang menentangnya walaupun sorang.

# 23

# PEMUDA BUKAN TEMPAT LATIHAN

**Mengapa Datuk menawarkan diri untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda ini?**

Pada mulanya saya tidak bercadang membuat kenyataan kerana mungkin masih terlalu awal kerana mesyuarat belum bermula. Tetapi kerana ramai yang bertanyakan hal itu serta minta saya membuat pendirian, maka terpaksalah saya memberi pengumuman tanda-tanda untuk bertanding. Itu pun jika ada pencalonan dan kedua, ada pencalonan yang boleh menunjukkan sokongan Pemuda sendiri bagi saya untuk memimpin pergerakan itu. Ketiga, saya memikirkan bahawa yang penting ialah untuk mencapai perpaduan dalam Umno dan saya tidak mahu membuat

---

Bab ini adalah sebahagian dari wawancara wartawan *Berita Harian*, Mohd Shah Abdullah, dengan Datuk Syed Hamid Albar, yang disiarkan pada 19 dan 20 Mei 1993.

apa-apa kenyataan yang boleh mencerminkan ada pergolakan dan perebutan walaupun pertandingan adalah sesuatu yang diamalkan dalam demokrasi. Ia perlu dibuat dengan teliti dan berhati-hati kerana apa yang hendak kita kawal ialah memastikan parti itu selamat. Kita bukan parti untuk kepentingan individu atau mana-mana pihak tetapi sebagai satu kumpulan yang kukuh untuk memperjuangkan kepentingan rakyat dan masa depan negara. Itu yang saya pada mula-mulanya *very unwilling to make any announcement* (tidak begitu bersedia untuk membuat kenyataan) sehingga ada desakan dan permintaan daripada ahli.

**Pada peringkat permulaan ini, bagaimana Datuk berpendapat mengenai sokongan itu. Adakah menyeluruh atau ...?**

Saya tidak tahu menyeluruh atau tidak. Ramai orang bercakap dan datang jumpa saya. Buat masa ini saya tidak mengukur sejauh mana sokongan itu. Hanya, seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita tengok selepas pencalonan berapa kuat sokongan itu dan kemudian baru buat keputusan. Ia mesti berasaskan kepada kehendak parti dan pergerakan.

**Datuk pernah bertanding jawatan Ketua Pemuda pada 1986 tetapi tewas. Kemudian Datuk menduduki kerusi Majlis Tertinggi dan tidak lagi berada dalam wadah Pemuda Umno. Apakah Datuk tidak berasa sebagai seorang orang luar daripada Pemuda Umno itu sendiri?**

Saya menganggap semua orang Umno bila jadi ahli, akan bermula sebagai ahli Pemuda Umno. Itu kita tidak dapat elak. Oleh itu siapa juga yang hendak bertanding tidak akan boleh dianggap, sama ada umur sudah melewati 40, sebagai orang luar. Pemuda adalah sebahagian daripada perjuangan Umno sebagai satu sayap yang penting. Jadi dengan keadaan itu dan dengan pendekatan saya dengan Pemuda, saya tidak terpisah dengan perjuangannya. Bahkan badan induk Umno sendiri tidak boleh terpisah dengan perjuangan Pemuda atau Wanita Umno. Kita

bukanlah perjuangan yang berasingan kerana kita adalah dalam satu kelompok. Dengan itu saya tidak anggap perkara itu asing, tetapi terpulang kepada Pemuda Umno sendiri untuk menentukannya. Jika Pemuda berasakan dia tidak mahu orang yang berumur lebih daripada 40 tahun, bukan kerana orang itu asing, tetapi dia memikirkan dia hendak daripada golongan yang terkandung dalam Pemuda Umno. Jadi itu kita mesti jelas. Kata muktamad bergantung kepada Pemuda Umno sendiri mengenai kepemimpinan yang diingini. Kepemimpinan dalam Pemuda Umno sendiri adalah sebahagian daripada perjuangan Umno induk.

**Tetapi Datuk tidak berada dalam *mainstream* Pemuda Umno?**

Saya fikir soal *mainstream* atau bukan tidak berbangkit. Pemuda juga sebenarnya memberi sumbangan dalam *mainstream* politik. Saya tidak menganggap ada *mainstream* Pemuda. Saya anggap Pemuda menyumbang dalam *mainstream* politik negara. Itu yang membuatkan saya menawarkan diri untuk bertanding jika ada sokongan. Saya menganggap bukan kerana kita tidak berada dalam *mainstream* Pemuda, kerana perjuangan Pemuda adalah lebih luas. Jika kita lihat dari segi sejarah Pemuda sejak asal penubuhannya, ia adalah memperjuangkan soal kenegaraan dan kebangsaan. Ia bukan orang yang sampai umur 40 tahun, walaupun keahliannya terhadap sampai umur 40. Tetapi dari segi perjuangan ia adalah meluas dan membabitkan arus perdana dalam perjuangan negara bukan semata-mata untuk sudut Pemuda sahaja. Itu kita menyempitkan perjuangan. Dan saya tidak fikir dari segi hakikatnya itu sebenarnya perjuangan Pemuda.

**Adakah Datuk mempunyai sentimen perjuangan Allahyarham ayahanda Tan Sri Jaafar Albar yang pernah dianggap Singa Umno. Mungkin Datuk ada perasaan nostalgia terhadap perjuangannya?**

Saya fikir kita sentiasa memandang ke belakang untuk melihat sejarah masa lalu sebagai iktibar. Tetapi dalam perjuangan

walaupun kita pandang ke belakang, perjuangan kita mestilah ke arah hadapan untuk menerokai bidang yang dihadapi oleh kita dalam perjuangan yang mempunyai cabaran serta berbeza-beza dari semasa ke semasa. Oleh itu, kita mesti menyesuaikannya dengan perjuangan terkini bagi menentukan pencapaian Wawasan 2020 dapat memberi makna. Perjuangan itu kita ambil alih dan ubah. Perjuangan Umno sendiri adalah detik-detik yang berbeza-beza mengikut keadaan dan masa. Jadi kita tidak boleh *feed in* semua perjuangan masa lalu dalam keadaan sekarang, mesti ada pengubahsuaian kerana perjuangan ini rekaan manusia dan bukan hukum Allah. Saya anggap kita tidak boleh elak pengaruh darah kita atau pengaruh warisan kita. Umno sendiri adalah hasil peninggalan sejarah pimpinan Umno yang lampau. Hanya kita teruskan, kita besarkan dan kita ubahsuai. Pokoknya perjuangan itu ada. Saya kena bekerja dalam konteks hari ini. Tetapi tidak boleh elak kejadian sebelum itu.

**Sekarang ini terlalu ramai yang menawarkan diri untuk jawatan ini. Diandaikan semuanya bertanding apakah Datuk sedia menghadapi cabaran, khususnya untuk kalah dalam perjuangan?**

Saya pandang, akhirnya yang penting, pemilihan dalam Umno, dia bukan tewas dalam perjuangan. Dia tewas dalam pemilihan. Jadi perjuangan diteruskan dan bila kita menawarkan diri untuk bertanding dalam apa-apa juga jawatan, satu hakikatnya ialah menang atau kalah. Kalau kita tidak dapat terima hakikat itu, maka kita tidak boleh masuk dalam arena pemilihan. Bila masuk arena pemilihan, kita kena terima penghakiman yang dibuat oleh ahli atau pilihan raya, kita akan dihakimi oleh rakyat. Jadi kita tidak boleh elak. *We have to be prepared for all eventualities* bila kita masuk apa bidang pun, ahli buat pemilihan.

**Apa penilaian Datuk mengenai perjuangan Pemuda Umno.**

Saya masih menganggap Pergerakan Pemuda mempunyai relevannya dalam perjuangan. Dia bukan tempat latihan bagi golongan muda mencapai kemajuan dalam badan induk. Tetapi

ia adalah sebahagian daripada perjuangannya Umno. Jadi perjungannya berubah-ubah mengikut keadaan dan masa. Ada masa ia seolah-olah seperti kumpulan menekan. Tetapi ia menekan bukan untuk melahirkan parti dalam parti. Ada masanya ia nampak seperti penawar dan pengimbang di dalam segala kemelut. Tetapi pada fikiran saya dalam perjungan Umno, ia tidak pernah menjadi penentang kepada perjuangan. Kalau sebagai penentang, kita akan menghancurkan Umno dan mewujudkan parti dalam parti. Saya fikir mengikut keadaan kepemimpinan dari semasa ke semasa, masing-masing telah memberi sudut perjuangan berbeza-beza mengikut penilaian dan analisis masing-masing. Masing-masing tetap ada sumbangan kepada Umno. Itu yang amat ketara sekali, walaupun ada perbezaan pendapat Pemuda sekarang tidak sehebat masa lalu. Ini semua berasas kepada pendekatan masing-masing. Masing-masing tetap ada sumbangan kepada Umno. Kita kena terima hakikat bahawa setiap pemimpin ada perbezaan. Kita tidak boleh membeza-bezakan pemimpin. Hanya yang boleh ialah mengikut contoh perjuangan mereka.

**Jawatan Ketua Pemuda satu waktu dahulu dipegang oleh seorang yang berkecuali, bukan seorang Menteri atau Menteri Besar. Bagaimana pandangan Datuk.**

Sama ada kita di dalam atau di luar, kita perlu tentukan payung yang hendak menentukan perjuangan kita dan rakyat ialah Umno. Oleh itu kita tidak mahu payung itu bocor. Sebenarnya jika kita kaji sejak daripada awal, tidak ada seorang pun pemimpin Pemuda mempunyai pemikiran luar dari pemikiran kerajaan. Sama ada Tun Razak, Tun Saadon Jubir atau Datuk Senu semuanya mempunyai pendekatan kepemimpinan berasaskan matlamat pemerintah. Soal seseorang itu di luar adalah tidak penting. Yang penting ialah apabila dalam satu-satu isu dan kita mempunyai pandangan berbeza, kita menyuarakan. Ia bukan untuk merosakkan tetapi untuk mengukuhkan. Dalam Kabinet pun begitu, kita bincang semua, tidak semestinya semua keputusan dalam Kabinet kita setuju. Semuanya kita bincang dahulu. Yang

tidak bersetuju kita kata tidak bersetuju. Dan saya rasa peranan ini boleh dimainkan oleh Pemuda dan Wanita Umno serta ahli-ahli Majlis tertinggi. Soal berbincang atau berdebat bukan hanya terhad kepada Pemuda dan Wanita. Tetapi ia mesti menyumbang kepada perbincangan. Tetapi apabila keputusan telah dibuat, ia mesti diterima walaupun pada mulanya kita mungkin tidak bersetuju. Setiap keputusan bersama mesti didokongi bersama. Itu yang akan mengukuhkan demokrasi. Kita tidak usah keliru keperluan sama ada seseorang itu berada di luar atau di dalam. Sebab itu kita perlu sentiasa menimbang. Saya sendiri khuatir apabila diberi kepercayaan memegang sesuatu jawatan atau tanggungjawab sama ada dalam kerajaan atau parti, khususnya untuk menunaikan amanah.

**Adakah Datuk akan menjadi proksi atau regu kepada mana-mana pihak dalam pertandingan itu nanti?**

Buat masa ini saya belum tahu. Setakat ini saya fikir ia adalah jawatan Umno. Orang bercakap supaya saya menawarkan diri dan meminta saya membuat kenyataan. Tidak terlintas di hati saya untuk mewakili mana-mana pihak. Saya mewakili kehendak dan hasrat *grassroot* atau akar umbi dalam Umno. Akhirnya, kita mesti melihat bagi jawatan yang penting sama ada kita dapat persefahaman daripada pucuk pimpinan parti. Saya anggap dalam mana-mana parti politik akan timbul sokongan dan orang yang tidak bersetuju. Mana-mana pertandingan dalam parti politik akan wujud kumpulan bagi menentukan calon yang diutarakan boleh mencapai kejayaan. Tetapi ini tidak boleh dilihat sebagai *faction* yang akan memecahkan Umno kepada kumpulan khusus. Tetapi sokongan daripada kumpulan kita memang ada. Itu tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi dalam sistem demokrasi. Tetapi apabila habis pertandingan, kumpulan itu akan hilang.

**Bagaimana pula dengan keadaan politik wang yang didakwa berlaku dalam Umno.**

Biar saya jelaskan mengenai kedudukan wang ini. Kegunaan

wang memang tidak dapat dielakkan. Tetapi apabila kita maksudnya politik wang, konotasinya berbeza. Bermakna apabila kita hendak mendapat sokongan kita menggunakan sogokan wang untuk mendapat pengaruh. Itu politik wang. Kedua, kita menggunakan wang dengan banyak untuk mencapai kemenangan. Jadi kita tidak dapat menganalisis ahli sama ada memilih seseorang itu kerana kewibawaan, kemampuan dan kebolehan atau datang daripada unsur pembelian sama ada ketara atau tidak ketara. Kalau ini menjadi sumber utama perjuangan Umno, maka Umno akan menjadi parti untuk orang kaya dan kumpulan tertentu saja. Ini akan menjauhkan Umno daripada orang ramai dan rakyat jelata kerana Umno adalah parti dari kampung ke bandar. Umno adalah parti akar umbi. Kalau ini kita rosakkan, akan lahir rasuah dalam politik akan meruntuhkan akhlak, akan meruntuhkan kejujuran dan kemurnian perjuangan. Saya fikir masa depan Umno, sebagai asas bagi kita memilih pemimpin bukan kerana sogokan atau dorongan kewangan tetapi hasil kita melihat pemimpin itu kena pada tempatnya, mempunyai kewibawaan, mempunyai kemampuan kepemimpinan dan boleh menyumbang ke arah kecemerlangan parti untuk mencapai wawasan yang ditetapkan. Saya khuatir perkembangan politik wang dalam Umno ini. Tetapi saya yakin dan berharap ahli Umno akan terus bijak dalam membuat penilaian. Biar kita melihat orang pada kewibawaan, personaliti dan kandungan perjuangannya. Jika seseorang mempunyai wang tetapi dia mempunyai kebolehan dan tidak menyalahgunakan wang untuk mendapat sokongan ... apa salahnya, jika perjuangannya itu jujur dan ikhlas. Tetapi jangan wang itu menjadi alat pembelian.

**Adakah Datuk yakin ahli Umno akan faham perkara ini.**

Saya nampak ahli Umno mempunyai kematangan dalam perkara ini. Selalunya dia pandai memilih walaupun nampak di permukaan dia terpengaruh, pada pemilihan dia membuat keputusan yang tepat.

**Apakah gagasan dan tema tertentu dalam perjuangan Datuk?**

Tidak boleh ditentukan kerana perjuangan kita ialah Wawasan 2020. Kita mahu melahirkan pemimpin politik yang berwibawa, berakhlak dan bermaruah tinggi supaya kita dapat menjuruskan perjuangan orang Melayu. Kita hendak orang yang bermoral dan beretika, orang yang terdidik supaya matlamat kita untuk melahirkan insan yang sempurna dan manusia yang jujur akan tercapai.

# 24

# ANAK SINGA MENGAUM SEMULA

**Sebagai permulaan, boleh Datuk memberi tanggapan tentang apa yang Datuk lihat sedang berlaku dalam Umno sekarang menjelang pemilihan parti November ini.**

Pada masa ini oleh kerana mesyuarat agung dan pemilihan berlaku serentak di peringkat cawangan, bahagian dan kebangsaan meliputi Umno induk serta Pemuda dan Wanita, kita nampak seolah-olah berlaku pergolakan hebat. Tiap-tiap ahli sibuk sama ada untuk terus memimpin, untuk naik atau untuk mencari pengaruh kali pertama. Dari persepsi *superficial*, kita lihat satu pergolakan amat hebat sekali, seolah-olah tidak terkawal. Ini diheret pula dengan cerita-cerita di peringkat nasional yang turun ke peringkat cawangan dan bahagian. Jadi polemiknya

---

Bab ini dipetik dari *Utusan Malaysia*, 24 Ogos 1993; wawancara dengan Datuk Syed Hamid Albar.

menampakkan ahli Umno kini lebih menyedari persekitaran mereka dan apa yang berlaku. Pada kali ini pula berlakunya mesyuarat-mesyuarat ini pada suatu masa di mana banyak bercakap tentang pemilihan dan bahawa kita sudah sampai zaman peralihan, bahawa kita sudah memasuki peringkat awalan Dasar Pembangunan Negara sebagai penerusan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kita melihat buat pertama kalinya kita berwawasan, mempunyai agenda lebih besar tahun 2020. Memang ada orang sokong orang tertentu, tapi itu bukan puak. Puak wujud bila kita nyatakan dan jelas kumpulan-kumpulan tertentu, kalau tidak setuju dengan aku, tidak memihak dengan aku, maka dia musuh. Kalau hasil dari bibit-bibit ini timbul mungkin ia akan menyusahkan Umno pada perancangan masa depan.

**Tapi tidakkah bibit-bibit puak itu sudah wujud sekarang?**

Pada masa ini keretakan tidak ada tapi penonjolan puak-puak sudah timbul. Walaupun kadangkala dibabitkan pemimpin-pemimpin sama ada di peringkat cawangan dan bahagian, kerana keghairahan kita berkempen dan menjual pemimpin-pemimpin tertentu yang menjadi orang yang kita hendak tentukan dia berjaya dalam jawatan-jawatan yang kita fikirkan dia layak menduduki. Ini menjadi konflik dan kadangkala di peringkat cawangan dan bahagian kekeliruan dan kekaburan tentang apa sebenarnya yang dikehendaki dan apa yang sebenarnya berlaku. Dalam keghairahan berkempen itu, kalau kita boleh mengamalkan cara menawarkan khidmat bagi penerusan perjuangan, cara itu tidak apa kerana ia tida menimbulkan masalah. Kita tidak boleh ekstrim dalam sesuatu tindakan memandangkan yang bertanding itu adalah ahli-ahli Umno di mana mereka yang bertanding itu harus ada semangat perbincangan dan semangat interaksi antara satu sama lain.

**Naib Ketua Pemuda, Nazri Tan Sri Aziz ada menyebut tentang gejala samseng dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula mengingatkan ahli-ahli jangan menggunakan taktik kotor. Ada sampai sanggup memberi hadiah dan faedah-faedah lain kerana ingin mendapat sokongan.**

Pada pandangan saya, kalau kita sudah melihat adanya sistem samseng atau taktik-taktik kotor, ini sudah menyimpang dari tujuan asal untuk menegakkan parti, untuk menjaga dan mengawal kehormonian serta peradaban parti. Sebab itu, adalah penting bagi kita yang ingin menawarkan diri untuk semua jawatan, kita kena mencantumkan amalan kita dengan kata-kata kita. Jadi kita boleh jadi contoh dan teladan terbaik. Kalau kita tekankan keikhlasan dalam kepimpinan dan mahukan ahli-ahli Umno mengamalkan kejujuran dan tidak menggunakan cara kasar untuk baik, kita mesti memberi cerminan itu. Kita tidak mahu *moral corruption creeps in*, menular dalam cara kita. Kalau *moral corruption* mula menular, apakah akan memberhentikan sistem samseng dan cara-cara kotor.

**Masuk kepada pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda. Datuk nampaknya lambat membuat pengumuman. Kenapa?**

Mula-mula memang tidak timbul dalam pemikiran saya untuk bertanding Ketua Pemuda. Saya hendak mempertahankan jawatan dalam Majlis Tertinggi tapi setelah berbincang dengan Muhyiddin dan Pemuda Umno Johor, mereka kata Datuk Sri Najib mungkin tidak akan pergi dan Nazri punya kedudukan kurang pasti. Saya fikir saya hendak masuk kalau ada ruang. Saya tunggu semua orang, Najib kata dengan kepastian dia tidak bertanding dan Nazri berkata dia hendak mempertahankan jawatan Naib Ketua, baru saya buat pengumuman yang pada masa ini ingin menawarkan kalau ada ruang. Mungkin lambat sebab saya bukannya hendak berkempen sangat, lagi pun saya tidak ada jentera, jadi *slow*lah mengikut kemampuan yang saya fikir. Tapi bila orang minta saya masuk, okaylah saya masuk. Lagipun pertandingan ini tidak membangkitkan satu polemik besar, hanya kita menawarkan untuk mengambil tanggungjawab, satu amanah untuk difikirkan oleh Pergerakan Pemuda sama ada saya ini boleh memimpin Pemuda atau pun tidak. Saya pulangkan kepada Pemuda menentukan. Saya tengok ada perubahan. Kalau dulu kita tidak tawarkan diri sampai ada pencalonan dari peringkat bawah, dari bahagian-bahagian yang mencari kita. Sekarang sudah berubah oleh kerana kita lebih global,

lebih *market-oriented* seolah-olah cara menjual produk, buat pengumuman untuk memberitahu, baru ada pencalonan. Ini perkembangan baru dari segi berpolitik dalam Umno.

**Tapi kenapa sekarang setelah tujuh tahun menentang Datuk Sri Anwar buat pertama kali?**

Saya tidak menentang Anwar, saya bertanding, ada perbezaan di situ. Saya fikir dari segi bila di*inintiate*kan oleh kawan-kawan, kenapa tidak saya menimbangkan untuk bertanding. Mereka kata saya masih mempunyai semangat Pemuda dalam diri saya dan masih melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti Pemuda di peringkat bahagian. Mereka tanya kenapa tidak saya cuba menawarkan diri, tengok reaksi sama ada Pemuda memerlukan pimpinan orang seperti saya. Jadi perkara yang tidak timbul sebelum ini, terfikir pula. Dulu tujuh tahun lalu saya tawarkan diri dan ahli-ahli Pemuda dengan bijaksana membuat keputusan. Peringkat itu sudah habis. Peringkat sekarang mungkin sekali lagi saya boleh tawarkan diri dalam pergerakan kalau mereka hendak terima tawaran saya dicalonkan. Saya masih memikirkan walaupun umur saya sudah lebih matang, saya fikirkan dari semangat dan perjuangan saya masih lagi ingin sumbang khidmat dalam Pemuda supaya dapat terlibat bersama-sama berjuang untuk suatu agenda Melayu yang mempunyai jalan dan jangka masa panjang.

**Barangkali ahli-ahli Umno khususnya Pemuda hendak tahu apa aspirasi dan visi Datuk. Ke arah mana hendak dibawa Pemuda?**

Bila saya masuk (untuk memimpin) Pemuda, saya bukannya masuk dalam keadaan perjuangan yang kosong atau *vacuum* kerana sudah ada perjuangan dari pimpinan dulu dengan pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan peredaran masa. Politik sekarang lebih canggih dan dunia kini menghendaki orang yang hendak mencapai kejayaan mesti mempunyai maklumat terkini. Jadi kita mesti melahirkan golongan-golongan Pemuda yang dipanggil golongan pelapis atau golongan pelengkap yang akan akhirnya mewarisi pimpinan. Kalau kita mempunyai kekuatan dari segi keilmuan, itu yang akan menang. Kalau Pemuda hendak dilahirkan

sebagai golongan korporat mesti terdiri daripada golongan yang mempunyai maklumat terkini, yang berkemampuan untuk bertindak kepada sesuatu keadaan yang pro-aktif, terancang dan berwibawa. Satu perkara yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir ialah kita hendak lahirkan kualiti. Bila kita bercakap berkenaan kualiti dari segi pengurusan, kita yang hendak menjadi pemimpin kena juga membentuk kepimpinan berkualiti dan bila ada kualiti kita boleh menghadapi cabaran dan masalah mendesak.

**Jadi Datuk ingin mewujudkan generasi berkualiti tapi Rahim dipetik sebagai berkata, beliau mahu Pemuda kembali sebagai golongan pendesak.**

Bila saya maksudkan kita berkualiti, ia bermakna kita mengetahui masalah. Dalam dunia sekarang, kita tidak boleh merempuh tapi perlu lebih strategik. Kita mesti berfikir. Sebelum kita mengorak langkah, ia mestilah langkah yang berfikir. Bila kita berfikir, kita akan dapati rasionaliti akan mengatasi emosi. Tindakan dalam keadaan emosi tidak pernah mendatangkan manfaat jangka panjang. Mungkin ia boleh memberi kesan jangka pendek tapi dari segi jangka panjang merugikan. Pada saya soal mendesak tidak timbul. Pemuda sudah menjadi golongan lebih matang. Kita tidak perlu menjerit jika hendakkan sesuatu. Kita berhujah. Kita perlu Pemuda yang yakin dengan diri sendiri.

**Sekarang kira-kira empat bulan lagi menjelang pemilihan. Ada yang menyatakan Datuk dan Tan Sri Isa orang Ghafar Baba dan Rahim orang Anwar. Sejauh mana betulnya ini?**

Jadi Ghafar ada dua orang? Kalau kita hendak sokongan golongan-golongan tertentu dan kita hendak mengetepikan saingan kita, mungkin kita akan cuba labelkan saingan kita. Saya tidak menjadi proksi atau orang yang dibawa dan disuruh. Kalau saya dibawa dan disuruh, saya fikir lebih baik Pemuda tidak memilih saya untuk diberikan kesempatan oleh kerana yang hendak dibawa ialah Pemuda yang bebas, yang berfikiran sendiri dan yang membuat keputusan sendiri dalam konteks global dan

negara. Pada saya, saya adalah ahli Umno dan sebagai ahlilah saya menawarkan diri. Saya ditawarkan menjadi wakil rakyat oleh Perdana Menteri. Saya tidak ada peluang menjadi wakil rakyat jika tidak ditawarkan oleh Perdana Menteri dan kemudiannya, menteri. Saya konsisten, saya tidak anggap saya ini orang sesiapa. Kita semua dalam satu parti, sama ada Rahim, Isa atau saya.

**Tidak akan berlaku kompromi dengan Isa?**

Saya tidak pernah bincang kompromi dengan Mohd. Isa. Ini cara dalam politik untuk bangkitkan kekeliruan supaya orang lain tidak beri sokongan. Kita semua mempunyai tanggungjawab bersama sama ada dalam Kabinet mahupun Majlis Tertinggi. Kalau ada orang mewakili mana-mana pihak, manakah kebebasan yang hendak diwujudkan dalam Pemuda? Biar Pemuda putuskan sendiri, siapa yang layak dan mampu memimpin dengan bersih, cekap dan amanah. Tidak harus ada label orang ini orang Ghafar Baba, orang itu orang Anwar. Anwar Ibrahim, Ghafar Baba, semuanya dalam satu Kabinet, semuanya dalam satu Majlis Tertinggi, cuma kita mempunyai kedudukan yang berbeza-beza dan memberi sumbangan mengikut kedudukan masing-masing.

**Dalam pertandingan Ketua Pemuda, orang masih belum lupa imej Singa Umno, Tan Sri Jaafar Albar. Mereka lihat mungkinkah Singa Umno akan mengaum semula?**

Banyak orang salah faham perjuangan orang tua saya. Walaupun digelar Singa Umno, ia bukan melambangkan penentangan terhadap pemimpin. Ia melambangkan ketegasan untuk menyuarakan pendapat dan sebagai *team player*. Dia bukan sebagai pemimpin yang bermain di luar pasukan, dia bermain di dalam gelanggang, sebagai satu pasukan. Dia tidak bersetuju dengan pemisahan Malaysia dengan Singapura. Dia menentang dan untuk mengelakkan pergolakan, dia mengundurkan diri tapi terus menyumbang kepada parti. Konsep "Singa" di sini hendaklah difahami. Bila dia bertanding Pemuda, pada masa itu Pemuda

dan Umno induk terpisah jauh oleh kerana krisis Datuk Harun. Slogannya ialah *ginger group*, bukannya *pressure group*. Apakah ucapannya semasa dipilih menjadi Ketua Pemuda, "gunalah saya sebagai jambatan yang menghubungkan Pemuda dengan badan induk Umno". Dia seorang pemain pasukan yang menegakkan kebenaran, bukan untuk diri dia tapi parti diberikan keutamaan. Ini saya fikir semestinya saya sebagai ahli Umno memikirkan macam mana Dr Mahathir sentiasa sarankan pentingkan parti, kepentingan individu adalah kedua, parti adalah pertama. Itu tidak berbeza, saya sebagai pengikut yang bekerja di bawah naungan Presiden membawa mesej yang sama. Bukan bermakna kita tidak mempunyai idea sendiri, kita bincang dan bila kita putuskan, kita ikut. Perbincangan adalah proses membuat keputusan, habis buat keputusan jangan pula kita bercerita-cerita di tempat lain dan mengheret perkara-perkara yang boleh mengelirukan dan mengkaburkan keadaan.



Orang yang suka buat bising di Parlimen, Shahidan Kassim bersama Lim Kit Siang. Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang pernah mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Ghafar Baba, berikutan kenyataan Shahidan bahawa hampir semua ahli-ahli Parlimen Umno menyokong Anwar ... maknanya mengetepikan Ghafar. Kem Anwar berkempen, yang sebenarnya minta Kit Siang mengemukakan usul itu ialah Tamrin Ghafar. Walaupun Shahidan sudah sokong Anwar, tapi ramai pihak yakin, Anwar tidak akan tidak terpukau dengan sokongan itu.

# 25

# ANTARA GHAFAR DAN ANWAR, SIAPA PEMIMPIN DAN SIAPA PULA PENYESAT?

Dunia dewasa ini sedang mengalami pelbagai perubahan yang pesat dan dahsyat. Terlalu banyak *new realities*, realiti-realiti baru yang harus ditangani. Malah apa yang dinamakan masa depan itu sebenarnya sudah kita masuki. Hakikat inilah yang diungkapkan oleh Peter F Drucker, *"The future already around us."*

Memang era sekarang adalah era perubahan yang memerlukan penampilan pemimpin yang mampu menanganinya. Tidak semua orang yang disebut pemimpin mampu menangani perubahan. Richard Nixon pernah menilai Soekarno sebagai *"...the best example I know of a revolutionary leader who could tear down a system expertly but could not focus his attention on focus his attention on rebulding it."* (... contoh terbaik pemimpin revolusi yang mampu menghancurkan suatu sistem, tetapi gagal membangunkannya semula). Penilaian Nixon itu mungkin agak keterlaluan.

Bagaimanapun pada prinsipnya dapat dipersetujui bahawa Soekarno cukup berjaya dalam era revolusi. Tetapi kurang berhasil menangani era perubahan pasca-revolusi.

Dalam era perubahan seperti sekarang ini, pemimpin umat harus menyedari apa yang disebut sebagai *"the changed demands on political leadership"* (perubahan di sekitar tugas dan peranan pemimpin politik). Untuk itu, mereka harus cukup *well-informed* dalam erti mampu memperolehi maklumat secukupnya mengenai perubahan yang berlaku.

Sesungguhnya dalam suasana persaingan yang kian sengit sekarang, keunggulan akan hanya dicapai oleh pihak yang *"the first to know and the first to act"* (paling awal tahu dan paling cepat bertindak).

Dengan kata lain, mereka harus mempunyai kekuatan intelektual dan ketajaman daya analisis. Dengan demikian, mereka akan mampu membina wawasan dan mampu juga menggariskan *clear goals* atau matlamat yang jelas.

Pemimpin yang tidak mempunyai *thinking capacity* atau kemampuan berfikir, yang tidak mempunyai budaya membaca dan tidak mampu mengikuti dunia perbukuan, tidak akan mampu mengangkat martabat umat di zaman ilmu, zaman yang segala-galanya harus *knowledge based* atau berasaskan ilmu.

Yang lebih asas daripada itu semua ialah kesedaran mengenai erti kepemimpinan sebagai taklif (amanah dan tanggungjawab), bukannya tasyrif (kemegahan dan kebesaran). Silap besar kalau ada orang menanggapi kepemimpinan sebagai satu kedudukan yang sedap. Demikian juga jika menganggap kepemimpinan sebagai sesuatu yang mudah sehingga "sesiapa saja boleh menjadi pemimpin".

Ilmuwan besar Agus Salim pernah mengatakan bahawa "memimpin itu menderita". Dalam kaitan ini juga ada serangkap syair Arab yang kira-kira bermaksud: "Orang yang berakal menderita di tengah-tengah nikmat, tetapi orang jahil berasa nikmat di tengah-tengah kecelakaan."

Dengan maksud yang hampir sama, Peter F Drucker menga-

takan: "... *the leader sees leadershipps as responsibility rather than as rank an privilege."* Beliau membezakan di antara *leader* (pemimpin) dan *misleader* (penyesat). Yang namanya pemimpin, menurut Drucker ialah mereka yang mempunyai matlamat perjuangan unggul, tahu erti dan fungsi kepemimpinan serta tidak takut atau cemburu dengan kekuatan rakan dan orang bawahannya. Kejayaan mereka tidak dirasakan sebagai gugatan, sebaliknya dianggap sebagai kejayaannya juga. *Misleader* atau penyesat pula adalah sebaliknya iaitu mereka berasa tergugat dengan kecemerlangan rakan dan orang bawahannya, lalu berusaha untuk menyingkirkan mereka.

Menyedari hakikat kepemimpinan sebagai satu amanah, rakyat harus bijak memilih pemimpin. Memilih pemimpin tidak sama dengan memilih buah. Analogi kepemimpinan dengan buah-buahan tidak tepat. Sebagai satu amanah, ia hanya boleh diserahkan kepada ahlinya, iaitu orang yang layak memikulnya (surah An-Nisa', ayat 58).

Kepemimpinan tidak boleh dijadikan hadiah kerana mengenang budi. Dalam Islam, pemimpin yang berbudi tidak meminta balasan daripada rakyat. Apa yang dilakukannya harus tulus kerana Allah (surah al-Insan, ayat 9).

Kepemimpinan juga tidak boleh diberikan kerana kasihan. Membebani seseorang dengan tanggungjawab yang di luar kemampuan bukanlah cara betul untuk mengasihaninya. Rasulullah s.a.w. mengasihani Abu Dharr al-Ghifariy (yang tidak mampu memikul tanggungjawab pentadbiran) dengan melepaskannya daripada sebarang jawatan.

Dalam tradisi Islam, pemilihan pemimpin, termasuk dalam bidang siyasah shar'iyyah, bidang yang menekankan aspek masalah ummah dalam menangani keadaan yang berubah mengikut ruang dan waktu. Cara memilih pemimpin dalam sejarah Islam berubah. Golongan Al-Khulafa'u 'r-Rashidun dipilih dengan cara berlainan antara satu sama lain. Cara pemilihan Abu Bakar tidak sama dengan Umar. Demikian juga cara pemilihan Uthman atau Ali.

Jelas kiranya dalam soal cara memilih pemimpin, generasi sahabah bersikap amat terbuka. Mereka tidak mempertahankan sesuatu amalan yang bersifat siyasah shar'iyyah itu sebagai satu tradisi keramat yang harus dipatuhi terus menerus. Dalam amalan siyasah syar'iyyah, yang dipentingkan bukan kesinambungan tradisi, tetapi maslahah atau kepentingan umat yang jelas berubah dari waktu ke waktu.

Dalam hubungan ini, soal umur dan *seniority* juga bukan satu kriteria yang mutlak.

Disebabkan itulah Rasulullah s.a.w. melantik Usamah ibn Zayd yang masih sangat muda untuk mengepalai satu ekspedisi ketenteraan. Pada zaman Abu Bakar al-Siddiq r.a., timbul desakan agar Usamah digantikan oleh panglima lebih tua. Tetapi Abu Bakar tetap mempertahankan perlantikan Usamah. Memang umur bukan penentu kehebatan seseorang.

Yang tua belum tentu pejal, yang muda belum tentu rapuh. Malah mungkin sebaliknya. Dalam kaitan ini, pernah terjadi dialog menarik di antara seorang Khalifah Umayyah dan seorang pemuda yang menjadi juru bicara kaumnya. Khalifah itu pada mulanya semacam enggan menerima jurubicara muda berkenaan.

Katanya, "... tampillah yang tertua daripada kalangan kamu." Anak muda *brilliant* yang berasa dirinya diremehkan itu lalu menjawab: "Andainya keutamaan itu berdasarkan umur, anda sendiri tidak layak menjadi Amiru 'l-Mu'minin kerana masih ramai orang yang lebih tua daripada anda."

Selaras dengan perubahan pesat yang sedang berlaku, kita terpaksa melakukan penyesuaian dan perubahan dalam pelbagai dasar serta sistem negara kita. Lebih penting lagi ialah perubahan minda dan sikap rakyat kita. Untuk melaksanakan agenda perubahan ini, kita memerlukan kehadiran pemimpin perubah atau *transformational leader*.

Cabaran baru yang kita hadapi tidak lagi dapat kita sahut dengan *traditional politics* atau politik gaya lama.

---

Bab ini dipetik dari tulisan Dr Siddiq Fadzil, *Berita Minggu*, 22 Ogos 1993. Tajuk asalnya ialah "Pemimpin era perubahan".

# A great survivor who loves challenges

By M. VEERA PANDIYAN

HIS friends in the party say Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik thrives on challenges, both professional and personal.

The trials and tribulations the 43-year old Chief Minister of Malacca has undergone during his 20-year political career would make most politicians shudder, they say.

Given the mantle of the state leadership in 1982, at the "tender" age of 32, Rahim has confounded the pundits again and again with his political survival skills in the face of obvious odds.

Among the major issues he has grappled with and overcome were the potentially explosive Bukit China development controversy, allegations of a sex scandal and an extortion bid in which he had to testify in court as a key witness to clear allegations he had misused funds.

In between, he had to quell divisive infighting among local Umno politicians and overcome bids to topple his leadership through smear campaigns.

And the worst time was perhaps in 1991 when the state faced its prolonged water crisis.

"I am grateful to God for having helped me overcome such obstacles. These have in a way, made me stronger and more resilient," he said when interviewed recently, after havipg announced that he was offering himself for the Youth Leader's post.

Rahim's ability to remain cool under pressure, has irked both rivals within the party as well as Opposition politicians.

Long before he announced his intention to offer himself as a candidate for Youth leader, Rahim had become the target of malicious rumours and poison pen letters.

A close aide said Rahim was not perturbed by the tactics.

Rahim had originally wanted to vie for one of the vice-presidencies. His debut effort in 1990 won 452 votes. But after holding discussions with other party leaders at Federal and state levels and his supporters, Rahim decided to go for the Umno Youth Leader's post vacated by incumbent Datuk Seri Najib Tun Razak.

Rahim said one of the reasons for his intention to lead the youth wing was that he had always been a Pemuda Umno at heart.

The son of a former Malacca State Exco member joined the party in 1973, after graduating from Universiti Malaya with an honours degree in Applied Economics.

After stints with two government agencies, he became active in Umno Youth politics, securing the post of Kota Melaka Umno Youth leader, when he beat a much experienced candidate, Ramli Johan.

The "giant killing" feat earned him a place in the Youth Exco.

In 1978, Rahim rose up the Umno Youth ranks by becoming the state Umno Youth chief and in 1979 he beat another local "giant," senior State Exco member and former acting Chief Minister Haji Abdul Ghani Ishak for the Alor Gajah Umno division chairmanship. From then on there was no stopping the man, who after moving up further in the political ladder, was eventually picked as Chief Minister in 1982.

Rahim said he would be guided by his slogan of "Kebijaksanaan Menerajui Pemuda" (Wisdom Leads the Youth) and has listed seven objectives for the movement to meet, if he was to succeed in his bid.

"In politics, the people are the judge. It is up to party members to evaluate my track record, services and leadership potential," he added.

His supporters have labelled him as "penggerak" (mover) who has guided Malacca into being one of the most developed states in the country.

His detractors however claim that he can also be dogmatic and assertive in doing his job.

They also never fail to criticise his passion for fancy sports cars.

Rahim admitted he has made mistakes by investing in such purchases, which critics say do not reflect "kesederhanaan" (moderation).

However, he was quick to add that such a passive trait may not necessarily be an asset to those who wish to lead the country towards Vision 2020.

What does he think of his chances?

"It's up to the delegates to decide. I believe that when they vote, they would bear in mind the need to have continued stability."

"They would also want to see some changes which would contribute to the betterment of the Malays," he added.

He said there would be no threat of disunity in the party after the polls if those who won were magnanimous and those who lost accepted the verdict.

Keratan akhbar The Star mengenai prestasi Rahim.



"Tengok kaki saya dululah," mungkin itu kata Rafidah. Apakah benar Anwar tidak akan melantik Rafidah sebagai anggota Kabinet bila Anwar jadi PM nanti. Anwar lebih suka Zaleha Ismail.

# 26

# RAFIDAH: JADILAH AIR, BUKANNYA API KEPADA MINYAK

**Meneliti perkembangan Pergerakan Pemuda Umno, beberapa nama sudah dicalonkan bagi jawatan Ketua Pemuda. Bagaimana dengan Ketua Wanita dan barisan exco yang lain?**

Setakat ini tidak ada pencalonan. Kalau ada wanita yang dicalonkan dan menganggap dirinya layak untuk bertanding, saya alu-alukan. Tetapi orang yang bertanding itu jangan kaitkan kalau jadi ketua bermakna jadi menteri kerana menteri dan Ketua Wanita adalah dua jawatan berbeza. Terpulanglah kepada Wanita untuk menilai sendiri sama ada memerlukan perubahan dalam pucuk pimpinan pergerakan atau tidak. Bukan saya yang menentukan. Saya jadi ketua dulu pun bukan dengan cara menjatuhkan orang tetapi tempat itu (Ketua Wanita) kosong

---

Wawancara wartawan *Berita Harian* , Zaini Zainuddin dan Sariha Mohd Ali ini disiarkan pada 23 Ogos 1993

dahulu. Kalau saya menjatuhkan orang mungkinlah saya akan pegang jawatan ini sampai mati. Bagi jawatan ahli Majlis Tertinggi (MT), exco sudah membuat keputusan akan mengekalkan tiga orang yang dicalonkan. Kita mesti praktikal dan logikal. Kita ada 25 ahli MT saja dan mustahil orang lelaki akan memberi undi (kepada Wanita) lebih daripada tiga orang bertanding, ia akan pecahkan undi. Saya lebih suka menang tiga daripada mengalami pecah undi dan langsung tidak menang. Kita sudah kaji keadaan ini secara mendalam. Sejarah masa lalu membuktikannya. Lelaki bertanding cukup ramai dan dengan itu, mereka mempunyai banyak pilihan. Tetapi, jika ada pencalonan lain untuk Wanita Umno yang di luar exco, itu hak mereka. Tiga calon kita dianggap wajar kerana yang seorang menteri manakala dua lagi timbalan menteri, jadi ada kaitan parti dan kerajaan. Kalau mereka menang, syukur Alhamdulillah.

**Pertandingan dalam Pemuda bererti akan berlaku perubahan dalam pucuk pimpinan. Bagaimana kerjasama yang akan diberikan Wanita dalam hal ini?**

Kita akan kekalkan hubungan yang ada sekarang. Yang mustahak ialah bekerjasama di peringkat bahagian dan cawangan Wanita tidak perlu mengikut perubahan dalam pucuk pimpinan parti, sebaliknya kita berubah mengikut keadaan.

**Apa komen Datuk Seri berhubung apa yang dipanggil Malam Perpaduan anjuran beberapa pemimpin Umno yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, baru-baru ini.**

Saya tidak bersetuju dengan sebarang perjumpaan besar kerana dalam hal ini, Wanita turut terbabit sama. Di Perak contohnya, dalam dua minggu ini, setiap minggu ada perjumpaan yang diadakan di hotel besar. Ini merugikan kerana ia membabitkan belanja besar dan pembaziran masa. Mereka yang hendak bertanding tidak perlu menganjurkan majlis untuk memperkenalkan diri, memuji diri atau mengecam orang lain. Yang perlu cuma nyatakan sama ada hendak bertanding atau

tidak. Perhimpunan wajar diadakan jika ia bertujuan menerangkan dasar kerajaan atau untuk meningkatkan ekonomi Bumiputera, tetapi jika untuk berkempen dan mengecam orang, saya tidak setuju. Mereka seolah-olah dipaksa datang kerana yang menjemput itu adalah pemegang jawatan tinggi parti. Wanita cawangan dan bahagian berasa serba salah dan ada pula yang mengatakan sudah jelak menerima undangan seperti itu. Malah jemputan itu bukan ditujukan kepada sembarangan wanita, tetapi yang berjawatan tinggi dan mereka datang kerana menghormati menteri. Saya hairan kenapa perlu menganjurkan majlis yang memakan banyak belanja, termasuk menanggung penginapan dan makan minum perwakilan yang datang. Ini bukan politik wang secara langsung tetapi politik membazir wang. Politik wang untuk beli undi sokongan. Sebaliknya yang berlaku sekarang ialah politik membazir wang. Politik wang pun ada. Saya dapat maklum balas daripada cawangan, penyokong dan pencadang dibayar RM50 seorang dan menaja kehadiran mereka di mana-mana majlis. Kegiatan politik wang berlaku sejak tahun 1980-an. Pada 1960-an dan 1970-an, hanya ada politik pidato. Sekarang ia dirancang dan diatur untuk mendapat undi.

**Adakah pertumbuhan ekonomi membantu perkembangan amalan politik wang ini?**

Mungkin ... kerana (mereka) berkemampuan. Itu silapnya sesetengah orang Melayu ... dapat nikmat daripada kemajuan yang dihasilkan oleh kerajaan dan Umno, kemudian disalahgunakan nikmat itu. Saya sangsi mana datangnya duit yang banyak itu (untuk menganjurkan majlis besar). Saya tahu jumlah *budget* yang digunakan. Saya percaya keadaan itu akan terus berkembang kerana bila sudah dimulakan, ia akan berterusan. Kalau kita mula membeli undi, nilai undi akan menjadi semakin mahal. Sama seperti inflasi. Kalau dulu kita boleh membeli RM50 seorang di cawangan, tahun depan akan naik menjadi RM100 dan begitulah seterusnya. Begitu juga di peringkat bahagian dan pusat. Sampai bila harus membeli undi? Orang Melayu dan pemimpin

Melayu akan rugi kalau menggunakan undi yang dibeli untuk naik. Itu bukan sokongan mutlak dan sejati. Jika senang membeli undi, senang jugalah menjatuhkan seseorang pemimpin (dengan wang) kerana membeli undi bererti membeli taat setia. Maka orang yang dibeli taat setia ini akan mudah berpaling tadah berdasarkan siapa membuat tawaran lebih tinggi. Ini hakikat manusia. Pemimpin yang naik menggunakan cara itu tidak membawa sebarang faedah. Mereka diundi bukan kerana kebolehan dan keupayaan tetapi kerana mampu memberi sesuatu seperti wang dan janji.

**Apa fungsi Wanita Umno dalam hal ini?**

Saya menasihatkan wanita Umno supaya tidak terperangkap. Jika hendak memilih pemimpin di peringkat mana sekalipun, pilihlah orang yang boleh membantu parti dan kerajaan untuk membina masyarakat sendiri. Jangan pilih mereka yang menggunakan jawatan sebagai batu loncatan. Memang ada wanita yang menyertai perhimpunan itu dipergunakan tetapi tidak menular. Menerusi maklum balas, ada wanita diacum atau diadudumbakan untuk bertanding, mengetengahkan mereka untuk bertanding walaupun calon yang ada wajar dikekalkan. Saya nasihatkan supaya Wanita berwaspada dalam hal ini. Kalau nak bertanding, fikir dahulu. Bertanding boleh tetapi jangan sehingga memporak-perandakan parti. Saya fikir parti tidak akan hancur kali ini seperti yang berlaku pada 1987 kerana ramai sudah jelas bahawa walau apa pun terjadi, parti akan dikekalkan. Tetapi parti mungkin lemah kerana keanggotaan berpecah-belah di semua peringkat, wujud kumpulan tertentu dan berdendam sehingga bila tiba waktu pilihan raya, kerjasama tidak lagi padu di peringkat cawangan kerana calon tentu datang antara kem yang wujud. Yang kalah tidak akan menyokong calon yang kita pilih.

**Tetapi kalau tidak ada pertandingan bermakna tidak wujud pula demokrasi?**

Demokrasi bukan untuk bertanding menghancurkan parti.

Apabila seorang pemimpin Umno mengeji dan mengecam pemimpin Umno yang lain, seolah-olah tindakan itu seperti meludah ke langit. Masyarakat luar tidak kenal setiap pemimpin Umno secara peribadi. Kita mencaci sesama sendiri, pembangkang akan bersorak dan menggunakannya sebagai modal dalam pilihan raya nanti. Ini bukan bermakna perkara yang tidak baik harus ditutup, tetapi jangan sampai menimbulkan cerita palsu. Saya menentang penyelewengan kerja dalam parti atau kerajaan. Kita perlu ambil tindakan terhadap individu terbabit tanpa tunggu pertandingan parti. Tidak perlu kita keluarkan segala keburukan seseorang menjelang pemilihan Umno.

**Apa pandangan Datuk Seri mengenai sokongan terbuka sesetengah pemimpin Umno kepada calon yang akan bertanding dalam pemilihan November ini?**

Itu hak mereka dan amalan demokrasi. Pada pendapat saya, hak mereka untuk berbuat begitu. Sebenarnya tanpa sokongan terbuka pun, sudah wujud puak tertentu. Biasanya kalau ada pertandingan, wujudlah dua pihak, dua puak. Kalau ada tiga pencalonan bermakna ada tiga pihaklah. Masing-masing ada konconya. Jika kita melahirkan sokongan kepada A, pihak B akan berkecil hati. Sebab itu, Wanita Umno tidak mahu membuat sokongan terbuka. Undi akan dilakukan dan pertimbangan dibuat secara halus. Kalau ada pertandingan, ia harus dilihat mengikut kepentingan parti dalam jangka panjang. Kadangkala sokongan ini juga tidak boleh dijadikan asas kerana ia mungkin berbeza apabila mengundi kelak. Wanita tidak akan mengumumkan untuk menyokong sesiapa. Dalam hal ini, kita bukan menentang parti lawan sebaliknya semua yang bertanding adalah rakan dalam parti. Kalau kita buat keputusan pun, ia tidak akan diumumkan. Saya tidak suka sokong membawa rebah. Sokong biarlah benar-benar hendak menyokong. Kegiatan mengeji seseorang menggambarkan kelemahan diri sendiri dan menunjukkan kita tidak yakin. Mungkin ada sebab tertentu mengapa perlu ditonjolkan orang lain jadi Timbalan Presiden. Saya tidak mahu

ulas apa-apa, cuma kalau ada pertandingan eloklah dijalankan dengan tertib dan sopan. Jangan sampai parti kucar-kacir dan hancur. Banyak lagi kerja yang perlu dibuat untuk negara. Kita memerlukan sebuah parti yang kuat.

**Adakah langkah itu bermakna Wanita hanya mahu menjadi orang tengah yang tidak memihak kepada sesiapa dan jika berlaku sebarang masalah, Wanita akan bertindak sebagai pendamai?**

Saya memang selalu sarankan supaya Wanita menjadi moderator. Bahkan itulah yang kita lakukan di peringkat bawahan dan seterusnya. Kita hendaklah menjadi air kepada api dan bukan minyak. Wanita tidak mahu terbabit dalam hal kontroversi. Saya sudah minta supaya kita buat apa yang patut untuk parti, bukan individu. Pertimbangan kita ialah untuk parti dulu ... apa yang lebih baik untuk parti dalam jangka masa panjang. Saya sudah pesan supaya kita tidak bertindak menuang minyak kepada api. Saya ingin Wanita menjadi penawar kepada keadaan yang membawa kepada keadaan yang membara.

**Berdasarkan keadaan itu, ada pihak mengatakan Wanita tidak selantang Pemuda?**

Perkataan lantang bukan vocabulary Wanita. Kita adalah orang yang praktikal, sederhana dan berfikiran waras. Kelantangan bukan bererti kematangan. Saya lebih suka dikatakan matang kerana dalam kematangan, kita diam-diam ubi berisi, menilai secara *low* profile dan membuat pertimbangan dalam senyap. Apa gunanya lantang saja tetapi tanpa berfikir panjang kerana kalau sudah melafazkan sesuatu, susah untuk ditarik balik. Kalau ada masa untuk bersuara, kita akan melakukannya dengan nada serius dan selepas dipertimbangkan secara halus.

**Ada orang mengatakan Datuk Seri mengamalkan *dictatorship* dalam memimpin Wanita Umno?**

Siapa yang kata begitu? Kalau orang exco, boleh

menimbulkan persoalan begitu, tetapi kalau orang luar tidak layak untuk bercakap kerana mereka tidak berinteraksi dengan saya. Saya tahu bukan semua orang boleh terima kita. Tetapi setakat ini kepemimpinan pasukan saya diterima. Mungkin ada yang tidak puas hati kerana saya tidak beri AP, kuota atau jawatan. Kita berusaha mengadakan banyak perubahan. Kejayaan mengawal perhimpunan agung hanya simbolik dan disiplin yang disusun atur dalam Wanita Umno. Saya mahu Wanita Umno berpolitik secara berdisiplin, dibendung oleh etika, sopan santun, taat setia dan sayang pada parti.

**Berdasarkan harapan Datuk Seri yang murni itu, sudahkah Wanita menyediakan pasukan pelapis?**

Saya tidak menyediakan secara peribadi. Tetapi kita jemput masuk golongan muda ke dalam parti untuk membabitkan diri dalam exco, bahagian dan cawangan. Saya sendiri tidak pernah dilatih menjadi pemimpin, sebaliknya saya bermula di peringkat cawangan serta dijemput menghadiri ceramah dan seterusnya. Kegiatan mendidik orang tertentu itu berbahaya. Dalam perwakilan ada generasi muda yang akhirnya akan mengambil alih. Ada antara mereka golongan profesional dan mereka membantu Wanita dalam yayasan dan koperasi. Bagaimanapun, saya berpesan supaya jangan tonjolkan diri dan jangan ghairah nak dapatkan jawatan serta menganggap diri terlalu pandai. Tidak usah khuatir, bila tiba masanya, orang itu akan mengundur diri. Saya puas hati dengan pencapaian Wanita sekarang, cuma kita kurang membabitkan diri dalam bidang ekonomi, termasuk perindustrian. Kita galakkan mereka terbabit secara kecil-kecilan melalui koperasi, syarikat wanita dan kerjasama dengan syarikat lain. Program penyertaan Wanita dalam bidang ekonomi akan dilakukan berterusan.



Nazri Aziz - tokoh muda yang diramalkan akan menentang Rahim pada tahun 1996 - kelihatan menerima kunjungan bekas Pengerusi Mara, Tamrin Ghafar.

# 27

# SEBAB NAZRI TIDAK BERTANDING

**Keputusan saudara tidak mahu bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno yang dikosongkan oleh Datuk Najib mengecewakan ramai Pemuda yang mahu kerusi itu disandang oleh tokoh dari dalam?**

Saya memang sedar dari awal lagi banyak permintaan rakan supaya saya terus mengisi kekosongan itu. Saya kira saya terpaksa mengambil keputusan sendiri dan mengambil kira kepentingan parti. Mereka mungkin hanya kecewa sedikit sahaja. Mereka mungkin akan lebih kecewa jika saya meninggalkan (Pemuda) terus. Sekurang-kurangnya saya masih ada dalam Pemuda. Saya ingat walaupun saya tidak memegang jawatan itu saya masih boleh memberi sumbangan dengan berkesan.

---

Temubual wartawan *Berita Harian* Manja Ismail, yang disiarkan pada 17 Julai 1993, bertajuk "Nazri ingin kekalkan harmoni dalam Pemuda"

**Boleh saudara jelaskan maksud kepentingan parti?**

Saya berkesempatan duduk di bawah dua cara kepemimpinan Ketua Pemuda. Pertama ketika zaman Haji Suhaimi (Kamaruddin) yang ketika itu zaman Pemuda mendesak. Kemudian di bawah pimpinan Anwar Ibrahim dan Najib iaitu Pemuda memainkan fungsi *complimentary*. Daripada dua pengalaman ini saya lihat banyak perbezaannya. Jika Pemuda memainkan fungsi *complimentary*, kita ada wawasan yang kita hendak kejar. Jadi dalam kita mengejar sesuatu itu, kita tidak boleh ada sesuatu yang boleh mengendalakan usaha pucuk pimpinan. Dan saya kira, kalau Pemuda menjadi kumpulan pendesak, kita akan mendesak apabila pucuk pimpinan tidak membuat apa-apa. Tetapi jika pucuk pimpinan melakukan sesuatu untuk bangsa, tidak perlulah kita mendesak. Apalagi Perdana Menteri memberi tanggungjawab penting kepada Pemuda Umno. Contohnya pada 1982, tiga orang Pemuda diberi jawatan penting termasuk daripada dua exconya iaitu Ajib (Ahmad) dan Rahim (Tamby Chik), masing-masing menjadi Menteri Besar Johor dan Ketua Menteri Melaka. Bagi saya, soalnya mana lebih penting, mahu mendesak atau ingin pucuk pimpinan memberi kita tanggungjawab dan kita buat. Sebab itu pada saya, selepas melihat kepada pengalaman kedua-dua pucuk pimpinan iaitu pucuk pimpinan mendesak dan pucuk pimpinan *complimentary*, banyak manfaat dapat dicapai ketika kedua-dua pucuk pimpinan itu menjadi orang kerajaan. Kedua, soal protokol. Orang berkata Ketua Wanita adalah menteri tetapi Ketua Pemuda pula bukan menteri. Ini seolah-olah tiada penghormatan kepada Pemuda. Jadi ada kala kita mahu Pemuda bebas dan ada kalanya kita mempersoalkan penghargaan kepada pucuk pimpinan Pemuda. Ada orang berkata kerana Ketua Wanita adalah menteri, maka Ketua Pemuda juga mestilah menteri, barulah setaraf. Jadi perlu Ketua Pemuda itu daripada kalangan orang kerajaan sama ada ketua menteri atau menteri besar. Satu lagi ialah Ketua Pemuda ialah Pengerusi Pemuda Barisan Nasional. Bagaimana dia akan menjalankan tugas sebagai ketua Barisan Nasional kalau ketua-ketua pemuda

parti lain ialah menteri atau timbalan menteri. Protokol seperti ini tidak betul. Dan kita tidak boleh marah kalau ketua-ketua pemuda parti lain yang berjawatan timbalan menteri atau menteri ketika datang bermesyuarat merasakan dia lebih senior daripada pengerusi. Inilah masalahnya. Sebab itu pada saya Ketua Pemuda Umno mesti memegang jawatan tinggi dalam kerajaan.

**Salah satu alasan saudara tidak bertanding ialah mahu memastikan kesinambungan dalam perjuangan Pemuda. Kesinambungan macam manakah yang dimaksudkan apabila orang nombor dua enggan mengisi tempat nombor satu?**

Apabila kita menyebut kepemimpinan maknanya bukan nombor satu atau nombor dua. Kepemimpinan Pemuda termasuk exco dan pegawai-pegawainya. Jadi dengan saya tidak memegang jawatan Ketua Pemuda tidak bermakna tidak ada kesinambungan. Tetapi jika saya tinggal terus dan tiada pemimpin daripada zaman Datuk Najib, tidak ada kesinambungan lagi kerana ketua tiada naib pun tiada. Bagaimanapun kalau saya masih ada, bekas-bekas pemimpin yang lalu masih ada menerusi saya walaupun sebagai naib. Jadi kesinambungan itu ada, bukan terletak kepada ketua. Apa yang dimaksudkan dengan kesinambungan ialah kepemimpinan termasuk ketua, naib, exco dan pegawai-pegawai.

**Bagaimana saudara dapat pastikan sesiapa yang bakal mengisi jawatan nombor satu Pemuda nanti dapat meneruskan kesinambungan daripada perjuangan Najib dan Anwar. Kemungkinan Ketua Pemuda nanti membuat dasar yang berbeza dan sebagainya?**

Sebenarnya apabila kita duduk dalam Pemuda Umno ini bukan ada dasar tetapi stail sahaja. Tiada dasar lain selain dari dasar-dasar yang dibuat oleh ketua-ketua yang lepas. Perbezaannya stail. Dan stail itu ada dua iaitu stail yang *compliment*. Jadi yang kita hendak tekankan di sini ialah stail. Bagi saya, saya memilih stail Anwar Ibrahim dan Najib yang membantu pucuk pimpinan. Stail ini yang hendak dikekalkan dan saya yakin stail

ini akan kekal jika jawatan ini dipegang oleh Ketua Pemuda yang mempunyai jawatan dalam kerajaan.

**Sekarang dua tokoh secara rasmi menawarkan diri untuk mengisi kekosongan itu, manala dua lagi nampaknya amat berminat tetapi belum buat keputusan rasmi. Mungkinkah terlalu ramai tokoh yang ghairah merebut jawatan itu membuatkan anda lebih selesa di tempat sekarang dan takut untuk bersaing ke nombor satu.**

Bukan takut. Saya tidak takut. Barangkali kalau saya bertanding kemungkinan, insya-Allah saya akan menang kerana saya bebas. Tetapi bimbang dan takut saya ialah kerana saya bebas dan lantang, ada tekanan untuk menjadikan Pemuda ini kumpulan mendesak.

**Maksud saudara tekanan dari bawah iaitu akar umbi dan exco?**

Kalau ia (tekanan) dah jadi ombak yang besar supaya saya menjadikan Pemuda kumpulan mendesak. *I'm in trouble*. Itulah saja dan inilah yang dikatakan kepentingan parti. Pada saya, ketua Pemuda mesti *complimentary* bukannya mendesak.

**Sekarang sudah ada empat orang, semuanya dalam kerajaan. Katakan ada lagi tokoh yang menawarkan diri tapi bebas iaitu tidak pegang jawatan dalam kerajaan cuba membawa Pemuda sebagai kumpulan mendesak.**

Saya akan menentang kerana jika saya mahu Pemuda menjadi golongan pendesak lebih baik saya sendiri pergi. Pendirian saya bakal Ketua Pemuda mestilah *compliment* kepada kerajaan.

**Ada juga dakwaan sikap seumpama itu menjadikan Pemuda sebagai pak turut.**

Soal pak turut ke, saya ingat slogan-slogan ini yang dilemparkan kepada kita tidak penting. Yang penting kita nak kerja, itu saja. Dalam politik, saya *immune* (kebal) dengan kata-kata begini. Dan akhir sekali orang akan mengambil kira

pencapaian kita, prestasi kita. Sebab itu saya tidak endah apa-apa laungan atau slogan yang dilemparkan. Apa yang penting ialah kita nak buat kerja dan prestasi kita serta orang Melayu dapat keuntungan daripada perjuangan Pemuda.

**Jadi siapapun yang akan menang selepas ini, saudara dan rakan-rakan yang masih ada dalam Pemuda sedia memberikan kerjasama seperti yang diberikan kepada Najib.**

Ya. Saya tidak ada masalah. Tidak ada masalah. Saya masuk Mara pun ada orang kata mungkin ada masalah dengan menteri tetapi tak ada. Saya fikir kalau semua memikirkan usaha untuk membantu orang Melayu, kita akan ketepikan apa-apa perbezaan pendapat.

**Keputusan saudara tidak bertanding juga menimbulkan andaian kononnya wujud kompromi di antara Pemuda dengan calon Ketua Pemuda, maksud saya calon yang mahukan sokongan Pemuda perlu memastikan undi negeri atau penyokongnya diberi kepada Najib.**

Tidak ada... tidak ada kompromi. Katakan sebagai contoh saya nak buat *deal* dengan Tan Sri Isa Samad, kita sokong dia dengan sokongan lapan bahagian, adakah kita boleh menang? Kita kena buat *deal* dengan semua negeri untuk mendapatkan sokongan dari semua negeri. Sebab itu tidak berbangkit *soal deal* dengan tokoh itu atau calon ini kalau dia mewakili sebuah negeri untuk bagi sokongan kepada Najib. Saya ingat ini strategi yang tidak bijak, sebab nanti negeri lain tak sokong macam mana. Kita tidak boleh menampakkan kita ada satu perjanjian dengan sebuah negeri sebab kita memerlukan sokongan semua negeri untuk menang. Jadi soal itu tidak berbangkit.

**Ini bermakna perwakilan bebas membuat pilihan tanpa ditunjuk siapa yang harus menjadi ketua mereka. Ini akan mewujudkan saingan hebat dan kempen juga dijangka hebat. Tidakkah ini boleh menjejaskan perpaduan Pemuda yang padu sejak zaman Anwar dan dikekalkan oleh Najib.**

Saya tidak nampak kempen menjadi sengit kerana semuanya yang bertanding orang kerajaan. Melainkan kalau ada calon yang *maverick*, yang boleh menyebabkan suasana itu kacau-bilau. Tetapi kalau kalangan bakal yang nak bertanding ini, semuanya orang kerajaan, ia tidak jadi kacau. Pertandingan akan menjadi sengit sekiranya berlaku pertandingan dua penjuru, yang satu penjuru mewakili pandangan Pemuda mendesak dan satu lagi mewakili golongan *complimentary*. Itu baru menjadi sengit.

**Kalau saudara bertanding, mungkin saingannya sengit?**

Kemungkinannya sengit sebab dengan kedudukan saya (bukan orang kerajaan) ia jadi begitu. Saya nak mengelakkan kemungkinan berlakunya pertandingan sengit, saya rela tidak bertanding. Saya tidak mahu ini berlaku dalam Pemuda Umno.

**Tetapi pertandingan di antara Anwar dan Syed Hamid pada 1986 dahulu juga dianggap sengit?**

Ialah sebab Syed Hamid ketika itu bukan orang kerajaan tetapi Anwar sudah jadi menteri.

**Akhir sekali, sebagai pemimpin generasi muda Umno, apakah bentuk kepemimpinan yang saudara fikir serasi dengan wawasan Pemuda untuk masa depan parti dan negara?**

Ikhlas dalam perjuangan iaitu untuk membantu bangsa dan agamanya serta melihat negara aman dan damai. Ini penting. Kalau kita tidak ikhlas, hanya duduk di situ tetapi kerja tidak mahu buat, saya ingat ini kita tidak mahu.



Datuk Harun Idris bersama timbalannya Datuk Musa dalam perjumpaan sarapan anggota exco Pemuda Umno pada 6 Februari 1974. Turut kelihatan Abd. Kadir Sheikh Fadzil Hj. Suhaimi Kamaruddin, mereka membincangkan masalah perbalakan tapak UKM di Bangi.



Nazri bersama Najib; Tunggu pemilihan Pemuda 1996

# 28

# 1996: NAZRI LAWAN RAHIM?

Apabila Najib mengumumkan untuk bertanding Naib Presiden Umno, bersama regu Anwar yang lain, entah mengapa nama Nazri Tan Sri Aziz, seorang anggota exco Pemuda Umno terkanan iaitu selama 15 tahun, tidak begitu ditonjolkan. Sebagai Naib Ketua Pemuda, yang dikatakan mendapat kepercayaan Anwar dan Najib, sewajarnya Nazri sudah cukup kuat untuk menerajui Pemuda. Dan calon yang dikatakan mendapat restu Anwar, Rahim Tamby Chik, meskipun pernah bergiat cergas dalam Pemuda, tetapi hubungannya tidaklah begitu akrab dengan Pemuda zaman Najib.

"Aku yakin, jika Nazri dilantik sebagai menteri penuh oleh Anwar nanti, tahun 1996, Nazri pasti akan mencabar Rahim. Itu pun jika Rahim menang sebagai Ketua Pemuda November depan," kata seorang teman yang mengenali Nazri secara dekat.

"Rahim hanya diperlukan sementara waktu sahaja. Pemuda bukan tak tahu setakat mana wibawa dan akhlaknya. Pemuda, khususnya Nazri dan Zahid Hamidi, bukannya ada ikatan yang baik dengan Rahim. Dan Anwar sendiri, aku yakin, tidak akan membenarkan Rahim menerajui Pemuda dalam jangkamasa lebih dari satu penggal," tambahnya.

"Nazri sudah begitu lama dalam Pemuda, lebih 15 tahun. Nazri dilantik menjadi anggota exco oleh Datuk Suhaimi Kamarudin masa dia berumur 24 tahun. Nazri didewasakan oleh Pemuda, jadi aku yakin dia tidak akan melepaskan begitu sahaja Pemuda. Lagipun sokongan untuknya bagi jawatan Naib Ketua sebulat suara," dia terus berhujah bila melihat saya hanya terpaku mendengar celotehnya.

"Memang," saya menyampuk, "pada penggal akan datang Anwar sudah menggantikan Mahathir, dan Rahim mempunyai peluang yang cerah untuk bertanding Naib Presiden Umno pula, bila salah seorang Naib Presiden Umno ketika itu, dan kemungkinan besar dua orang, akan bertanding Timbalan Presiden."

"Maknanya, pertandingan 1996 lebih menarik dan mendebarkan?"

"Tunggulah, aku sedang kumpul bahan untuk buku aku selanjutnya."

"Apa tajuknya Lutfi?"

*"1996: Dilema Kem Anwar* ... boleh jalan?"

Teman saya itu hanya tersenyum panjang, sambil mengusik, "buat apa kau tulis banyak-banyak pasal Umno, lebih baik kau tumpu pada PAS sajalah, ada juga untungnya."

Dalam satu persidangan akhbar pada 14 Julai 1993, Nazri mengemukakan alasan tidak bertanding Ketua Pemuda tetapi hanya akan mempertahankan kedudukannya sebagai Naib Ketua. Dia berpendapat hanya calon yang mempunyai jawatan dalam kerajaan layak bertanding jawatan Ketua Pemuda. Katanya: "Ini bersesuaian dengan konsep Pemuda Umno sebagai badan pencantum kepada aliran politik utama dan bukannya kumpulan

pendesak. Lagipun sejak 1982 lagi, Dr Mahathir sudah memberikan tugas penting kepada Pemuda Umno, sebagai contoh, perlantikan ahli exco Pemuda sebagai Ketua Menteri dan Menteri Besar."

(Apakah pandangan Nazri bahawa Pemuda bukannya kumpulan pendesak bercanggah dengan hasrat Rahim seperti laporan *Berita Harian*, 19 Julai 1993, bertajuk "Pemuda sedia jadi pendesak". Akhbar itu melaporkan kenyataan Rahim: "Jika keadaan memerlukan Pemuda menjadi kumpulan pendesak, memberi teguran atau cadangan, pergerakan ini akan berbuat demikian supaya matlamat dan perjuangan Umno meningkatkan taraf orang Melayu dapat dicapai.")

Lain-lain faktor yang mendorongnya membuat keputusan itu ialah bagi mengesahkan perlantikannya sebagai Naib Ketua oleh Presiden Umno, Dr Mahathir. Ia juga mahu membuktikan kepada ahli Umno dan masyarakat Malaysia bahawa semangat berkorban dan mengetepikan kepentingan diri untuk kepentingan parti masih segar dan subur dalam Pemuda. Di samping itu untuk mencungkil pemimpin berkebolehan untuk menjadi Ketua Pemuda di samping mengelakkan pandangan luar bahawa Pemuda tidak ketandusan pemimpin.

"Itu semua alasan Nazri saja. Kalau Nazri bertanding Ketua Pemuda pun dia akan kalah. Lagipun Anwar tidak bersedia merestui Nazri sekarang. Bukan senang nak lawan Syed Hamid atau Rahim. Lama dalam Pemuda bukannya syarat utama, macam juga Ghafar. Kadang-kadang lama boleh disamakan dengan usang. Aku rasa Nazri sedar, waktu ini dia belum cukup kuat merebut jawatan no. 1 dalam Pemuda itu. Dan ... hubungan Nazri dengan Mahathir bukannya baik sangat, ada masalah personal antara Nazri dengan anggota keluarga Mahathir," hujah seorang aktivis muda Umno.

Nama Nazri mulai terkenal apabila akhbar-akhbar utama memberikan liputan besar-besaran terhadap perlantikannya sebagai Pengerusi Mara. Rasanya tidak pernah akhbar memberi tumpuan kepada perlantikan seorang Pengerusi Mara seumpama itu, selepas menghentam pengerusinya yang terdahulu, Tamrin

Ghafar. Tamrin dikecam habis-habisan kerana percubaannya untuk menyingkirkan Ketua Pengarah Mara, Redzuan Halim, isu pembelian keahlian Kelab Golf Rahman Putera dan kondominium *La Chateau* di Taman Seputeh. Kondominium yang dijadikan kediaman Pengerusi Mara itu dibeli dengan harga RM370,000 dengan kos ubahsuai RM100,000. Entah kenapa dalam kegawatan itu Tamrin dianugerahkan gelaran "Bapa Penggerak Mara". Menteri Perusahaan Awam, Dr Yusuf Noor berkata: "Sentuhan Tamrin sebagai Pengerusi Mara menjadikan Mara terus hidup dan tidak mati." Bagaimanapun *Berita Harian*, 20 Mac 1993 memuatkan surat pembaca yang diberikan tajuk "Gelaran untuk Tamrin aneh, melucukan".

Tindakan-tindakan Nazri di Mara ditonjolkan dengen begitu rupa, gah seluruh negara dengan pemaparan "kehebatan" Nazri memulihkan imej Mara, terutama dalam usaha memungut kembali hutang. Kata orang, memang Nazri begitu tegas sehinggakan kawan-kawannya pun kecut perut dengan gelagatnya mengutip hutang. Dan dalam beberapa pertemuan Mara dengan rakyat, khususnya ketika Nazri tidak menghadirinya, banyak pihak, termasuk pemimpin Umno peringkat bahagian, mempersoalkan ketegasan Nazri itu: "Bank pun menghadapi masalah nak kutip hutang dan hutang mereka lebih banyak. Tetapi tidaklah bank-bank tersebut menghebahkannya seperti apa yang dicanangkan oleh Nazri. Adakah pengurusan bank hebohkan nak tangkap siapa yang tidak hayar hutang? Cara Nazri memalukan orang Melayu. Banyak lagi kaedah yang boleh dilakukan untuk mendapatkan semula hutang. Jangan cakap saja hebat, hasil tak sebanyak mana."

Kata Nazri: "Saya tidak kisah soal politik. Saya rela menerima hukuman politik daripada melihat apa yang dirancang untuk kepentingan orang Melayu menemui kegagalan." Ketika melawat Pejabat Mara Wilayah Persekutuan, Nazri berkata Mara bukan sebuah badan komersil atau bank tetapi ia berfungsi dan bermatlamat membantu masyarakat Bumiputera. Beliau menyifatkan perbuatan segolongan yang liat membayar balik

pinjaman tidak ubah seperti pepatah "melepaskan anjing tersepit, kerana semasa susah mereka mencari Mara, tetapi setelah senang mereka hendak gigit Mara pula.

*Utusan Malaysia*, 1 April 1993, memilih tajuk utama "Nazri tolak semua kuasa eksekutif". Akhbar itu melaporkan kenyataan Nazri bahawa beliau akan menjalankan tugasnya mengikut Akta Mara dan akan menolak semua kuasa eksekutif yang dinikmati oleh pengerusi-pengerusi Mara sebelum ini. Menurut Nazri, kuasa eksekutif itu yang membolehkan seseorang Pengerusi Mara meluluskan serta-merta mana-mana permohonan pinjaman perniagaan dan pelajaran tidak wajar diterimanya. "Kuasa eksekutif seumpama itu boleh menyebabkan seseorang membuat keputusan yang mempunyai kepentingan peribadi dan boleh membawa kepada penyelewengan," tegas beliau.

"Jangan tunjuk hebatlah. Jangan tunjuk cantiklah. Orang belum lupa apa yang Nazri buat semasa menerajui Talasco, lingkup dibuatnya. Bukan orang tak tahu Nazri luluskan pinjaman kepada kaum kerabatnya, sudah dibayarkah pinjaman itu? Bukan sedikit jumlahnya, juta jugalah. Cuba pergi tanya Nazri pasal hal ini. Suratkhabar pun satu, belum apa-apa memuji melambung-lambung. Sabarlah sikit, tunggu apa yang Nazri akan buat," getus seorang penyokong Semangat 46.

Dalam itu pada ramai juga melihat segala tindakan Nazri dari sudut yang positif. Kenyataan tegasnya bagi memastikan tidak ada pilih kasih dalam sebarang urusan Mara dialu-alukan. "Kami sudah muak dengan amalan pilih kasih dan memilih bulu di Mara, dari hal kemasukan ke MRSM hinggalah ke urusan pinjaman kewangan. Nazri mesti banteras segala amalan negatif ini. Kesanggupannya untuk berbuat demikian wajar disokong," ulas seorang pemimpin pelajar.

Nazri memang dikenali seorang anak muda Umno yang suka menimbulkan keributan, lihat sajalah kenyataannya kepada akhbar, khususnya mengenai pertandingan jawatan Timbalan Presiden Umno November depan. "Inilah orang-orang muda yang begitu gilakan Anwar, yang menyokong Anwar bukan kerana

Anwar, tetapi kerana melihat ada keuntungan besar di sebalik sokongan itu. Yang lebih celupar, Zahid Hamidi. Saya rasa mereka dua orang inilah yang disindir oleh Rafidah Aziz, iaitu anak-anak muda yang ghairah menyokong Anwar dan memperkecilkan Ghafar, yang belum pun lahir semasa Ghafar masuk Umno," komen seorang penyokong Sanusi.

"Tengoklah, Nazri dan Zahid inilah yang akan mengawal segala tindakan Rahim, kalau Rahim menang nanti. Rahim pasti tidak akan puas hati, dan tidak mustahil Pemuda zaman Rahim akan bergolak dari dalam," tambahnya.

Salah satu contoh kenyataan Nazri yang agak keterlaluan dan boleh menyinggung hati orang lain ialah komennya terhadap ura-ura Annuar Musa ingin bertanding jawatan Ketua Pemuda. Dalam satu pertemuan Pemuda di Kuala Terengganu, Nazri membayangkan Annuar akan menggali lubang kuburnya sendiri jika masuk gelanggang pertarungan.

"Saya tidak maksudkan diri saya. Tetapi di kalangan Pemuda Umno sekarang masih ramai lagi yang boleh ditonjolkan untuk jadi ketua. Jadi kita tidak memerlukan seorang pendatang luar yang selama ini tidak berada di dalam barisan pucuk pimpinan tertinggi Pemuda," tegas Nazri.

"Apakah Rahim bukan pendatang luar? Di mana ketegasan Nazri? Kenapa tidak pertahankan calon Ketua Pemuda mesti datang dari kalangan anggota exconya sendiri. Apakah hanya kerana Anwar mahukan Rahim, maka Pemuda, khususnya Nazri dan Zahid terpaksa terima? Jangan cakap banyaklah, semuanya berada di bawah ketiak Anwar," marah sungguh nampaknya teman saya yang kini begitu kurang senang dengan perkembangan dalaman Umno.

(Akhirnya Annuar Musa menangguhkan hasratnya itu. Bagaimanapun pandangan terhadap Pemuda elok juga diteliti bersama: "Kemantapan Umno ditentukan oleh kekuatan dan imej Pemuda. Kalau Pemuda tidak dinamik dan gagal meyakinkan generasi muda mengenai falsafahnya, maka proses kesinambungan perjuangan Umno akan gagal. ... Adalah cukup membimbangkan

apabila pusat pengajian tinggi melahirkan pelajar anti-Umno, tokoh korporat muda yang tidak prihatin terhadap perjuangan Umno dan warga kota yang tidak endahkan parti. Kalau arus ini gagal ditangani, perjuangan Umno akan bermasalah. Ini sepatutnya menjadi agenda nombor satu Pemuda. Pemuda tidak harus terseret dalam politik negatif, sebaliknya mempunyai wawasan yang jelas dan bertindak tegas serta dinamik. Ketua Pemuda tidak seharusnya dipilih kerana *convinience*, hubungan kawan atau *allignment* dengan pemimpin tertentu. Pemuda perlu bebas dan ada kewibawaan. ... *Allignment* ini semakin ketara. Orang Umno jangan jadi hipokrit dan pengecut untuk menyuarakan gejala yang mula melanda parti. Apabila kurangnya ahli mendokong idealisme perjuangan Umno dan mengejar kedudukan semata-mata sehingga sanggup berpuak-puak, itulah petanda Umno akan menghadapi masalah dari dalam.")

"Zahid hanya mengharapkan ia dilantik sebagai Ketua Penerangan Pemuda. Kekuatannya belum teruji. Kalau berani bertandinglah, jangan bertenggek di bahu Najib. Saya dengar kata Zahid pada mulanya ingin menyokong Syed Hamid, tapi kerana Syed Hamid tidak boleh memberi satu jaminan padanya, dia beralih menyokong Rahim," semakin menyinga nampaknya dia. Biasalah, orang muda, darah panas, tapi cepat sejuk. Difahamkan Zahid, Setiausaha Politik Najib di Kementerian Pertahanan terselamat tiga hari dari cukup umur 40 tahun. Seramai 15 orang anggota exco Pemuda terpaksa mengundur diri kerana faktor usia 40 tahun, iaitu Kamaruddin Jaafar, Mohd. Sarit Yusoh, Fuad Hassan, Ruzlan Omar, Jamaluddin Jarjis. Abdul Rahman Bakar, Ibrahim Jendol, Husni Hanadzlah, Saad Man, Ahmad Saad, Zainol Md Isa, Abdul Wahab Mohd. Hanifah, Sulaiman Taha, Tengku Adnan Tengku Mansor dan Mat Isa Ismail. Dan lebih 70 orang Ketua Pemuda bahagian ikut berundur, juga kerana faktor umur.

Seorang teman memberi pandangan: "Nazri sepatutnya lebih beradab, hormatilah orang-orang lama dalam Umno. Dan jangan sengaja bertembung dengan menterinya sendiri, Yusuf Noor. Kalaupun perlu Pemuda membuat kenyataan berhubung apa-apa

saranan Menteri Perusahaan Awam itu, berilah kepada teman-temannya yang lain." Teman saya itu menunjukkan keratan akhbar mengenai kenyataan Nazri bagi pihak Pemuda menolak cadangan Yusuf Noor, mengenai penambahan dua lagi kerusi Naib Presiden Umno. Kata Nazri: "Kerusi Naib Presiden tidak wajar ditambah kerana ia amat bernilai dan penting. Ia mesti dihormati, nanti orang akan minta tambah kerusi Timbalan Presiden pula."

Kenyataan Nazri, pada pertengahan April 1993, yang dikatakan mengecam Ahli Parlimen Pasir Mas, yang pernah terlibat dengan Semangat 46, juga mengundang kontroversi. Dikatakan Nazri menyifatkan Ibrahim Ali sebagai, "orang-orang yang perlu ditolak oleh ahli-ahli Umno." Sekurang-kurangnya 53 orang pemimpin Umno cawangan di bahagian Pasir Mas telah membantah ucapan Nazri. Mereka menandatangani memorendum yang dihantar kepada Mahathir dan salinannya dihantar kepada semua MT Umno. Mereka mendakwa Nazri menawarkan 40 kodi kain pelikat secara terbuka kepada Ketua Pemuda Umno bahagian itu untuk menentang pemimpin lain dalam pemilihan Umno bahagian. Menurut memorendum itu, selama satu jam Nazri berucap, tidak ada sepatah pun perkataan yang digunakan untuk menyerang PAS, Semangat 46 atau penglibatan raja dalam politik, tetapi keseluruhannya mengecam, mengejek dan mempersenda-sendakan pemimpin tertentu Umno Pasir Mas. Nazri juga didakwa menyeru supaya orang yang pernah melompat parti tidak diberi tempat dalam parti.

Nazri, anak kelahiran Lenggong Perak, pada 15 Mei 1954, lulusan undang-undang, Lincoln's Inn, dilantik menjadi senator pada 26 Disember 1991, adalah Setiausaha Agung Pemuda Barisan Nasional. Sesuatu yang menarik pada Nazri, anak muda yang kini sentiasa mengiringi Anwar dalam kempennya menentang Ghafar di seluruh negara, ialah hubungannya dengan Anwar telah melepasi zaman hitamnya. Nazri sebenarnya tidak menyokong Anwar sewaktu Anwar dalam keadaan kritikal, bertanding menentang Haji Suhaimi sebagai Ketua Pemuda Umno pada 9 September 1982; begitu juga dengan Najib. Mereka menyebelahi

Suhaimi. Menurut Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd Ali Kamarudin, dalam *Kepemimpinan Pemuda Umno; Antara Personaliti dan Situasi*: "Di dalam sejarah Pemuda Umno, tidak ada pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda Umno yang lebih sengit daripada pertandingan antara Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dengan Anwar Ibrahim."

Begitu juga semasa pergelutan terhebat dalam sejarah Umno, April 1987, Nazri menyebelahi Team B. Malah Najib pernah diumumkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah sebagai salah seorang menteri yang akan menganggur sekiranya beliau (Ku Li) tewas dalam pertandingan itu. (*Watan* 27 Mac 1987 melaporkan ceramah Tengku Razaleigh di Forum Perpaduan Tengku Razaleigh - Musa, di Gelanggang Budaya, Kuala Terengganu. Di majlis tersebut Ku Li mengumumkan tiga lagi nama menteri dan empat timbalan menteri yang sanggup menjadi penganggur jika kumpulan mereka tewas. Tiga menteri itu ialah Rais Yatim, Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak). Nazri pernah dikatakan orang kuat Musa. Bagaimanapun, Nazri mendakwa, pembabitannya dalam kem Ku Li - Musa adalah untuk memastikan Anwar juga mendapat sokongan daripada Team B. Dan Nazri, menurut kata orang, dapat membuktikan dakwaannya itu. Memang undi yang diperoleh Anwar lebih tinggi daripada undi Mahathir. Mungkin itu hasil usaha Nazri! Yang ironinya, kebanyakan anak-anak muda yang berhempas-pulas bagi memastikan Anwar menewaskan Haji Suhaimi, seperti Tamrin Ghafar, Tajudin Rahman dan Tosrin Jarvanti kini diketepikan, tetapi mereka yang menentangnya, kini menjadi rakan akrabnya.

Apakah fenomena ini akan berulang lagi, khususnya pada tahun 1996, bilamana rakan akan bertukar menjadi musuh, sementara seteru akan menjadi regu. Ya, siapa tahu? Tapi, apa pun perkembangan yang berlaku, Nazri tentunya mengharapkan beliau akan dilantik sebagai menteri penuh bagi melonjakkan dirinya untuk mencabar Rahim pada tahun 1996 nanti. Nazri sendiri berkata bahawa beliau tidak bertanding merebut jawatan itu hanya kerana beliau tidak berada dalam kerajaan, dan bukannya sangat

kerana merasakan Rahim lebih berwibawa.

Bagaimanapun sejarah Pemuda menunjukkan pertarungan merebut jawatan no. 1 itu kerap meleset dari ramalan. Seperti apa yang dinukilkan oleh Aminuddin dan Ali: "Kemunculan seseorang calon *favourite* dalam Pemuda Umno selalunya mendadak pada saat-saat akhir pertandingan. Nama Datuk Harun Idris muncul hanya pada ketika nama Datuk Musa Hitam menjadi sebutan ramai. kemunculan Tan Sri Syed Jaafar Albar berlaku pada ketika Datuk Mohamad Rahmat hampir sampai ke pusingan terakhir pertandingan. Dan Anwar Ibrahim juga mengikuti arah kecenderungan yang sama. Namanya muncul sebagai calon Ketua Pemuda Umno hanya beberapa bulan sebelum pertandingan, ketika Datuk Haji Suhaimi sudah hampir pasti mengetuai semula pergerakan itu." Dan nama Rahim Tamby Chik pun muncul di saat-saat akhir, setelah Annuar Musa dan Khalid Yunus memberi reaksi ingin turut bertanding. Justeru itu tidak mustahil nama-nama lain akan muncul dalam pertarungan Ketua Pemuda Umno penggal akan datang, bukannya Nazri!